Bahkan itu, pemikiran yang baharu dan universal berkait dengan pemikiran politik dan agama juga dilihat kurang diketengahkan dalam cerpen kanak-kanak masa ini. Hal ini menyebabkan nilai-nilai kenegaraan seperti semangat cintakan tanah air, ketaatan kepada pemerintah, ciri-ciri kepimpinan dan sifat-sifat kerohanian yang baik langsung tidak diwarnai dalam diri kanak-kanak. Justeru, Awang Had Salleh (2009) telah mengkritik bahawa dalam konteks Malaysia, pemikiran dalam karya sastera kanak-kanak seperti cerpen haruslah dapat memupuk pemikiran rasa cinta akan tanah air atau patriotik; persefahaman kaum; kewajipan sosial untuk membantu orang yang miskin, susah dan malang; sikap berdisiplin, rasa hormat dan taat pada sistem demokratik beraja di negara ini; rasa muhibah serantau Asean; serta memberi semangat berdikari, konsep diri yang positif dan tidak berasa rendah diri (*Dewan Sastera*, 2015).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, Misran Rokimin (2005: 90) turut mengatakan bahawa karya-karya sastera kanak- kanak seperti cerpen perlulah mengetengahkan pemikiran dari aspek asas pendidikan agama dan pendidikan moral, agar dapat mengekang pelbagai pengaruh budaya barat pada era globalisasi ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara. Tegasnya, cerpen kanak-kanak harus memainkan peranan yang sangat besar dalam membentuk tamadun dan pemikiran sesuatu bangsa. Cerpen kanak-kanak yang ditulis dalam kesusasteraan akan melahirkan bangsa yang mantap jati dirinya. Namun, adakah pemikiran ini yang menjadi asas pemikiran dalam cerpen kanak-kanak selama ini? Oleh itu, kajian terhadap pemikiran cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 akan mengenal pasti pemikiran-pemikiran pengarang cerpen kanak-kanak sama ada sejajar atau tidak dengan pendapat Awang Had Salleh (2009) dan Misran Rokiman (2001).

Seterusnya, didapati juga cerpen kanak-kanak kurang mengetengahkan nilai-nilai pemikiran masyarakat tempatan. Hal ini telah dibuktikan oleh Amida @ Hamidah Abdul Hamid (2006: 17) dalam kajiannya yang menegaskan bahawa cerita yang disajikan melalui karya sastera kanak-kanak tempatan seperti cerpen tidak intim dengan pemikiran yang mengetengahkan liku kehidupan masyarakat dan budayanya. Dalam menerapkan nilai yang universal, Amida (2006: 18) menyatakan karya sastera khususnya cerpen kanak-kanak sewajarnya mengekalkan semangat Melayu (*Seminar Sastera Kanak-kanak, 28 November 2006).*

Walau bagaimanapun, perkembangan aspek pemikiran cerpen kanak-kanak masih tidak sampai ke tahap yang sepatutnya. Hal ini dibuktikan dengan pendapat (Mohd Asri Mohammad, 2010: 54) mengatakan bahawa fungsi keintelektualan dan proses perkembangan sastera kanak-kanak tanah air kini masih jauh ketinggalan jika hendak dibandingkan dengan karya sastera dewasa yang sarat dengan pelbagai fungsi keintelektualan dalam naskhahnya. Namun begitu, aspek keintelektualan tidak terdapat dalam cerpen kanak-kanak. Hal ini merupakan kelompangan yang perlu diisi oleh kajian yang akan dijalankan ini. Albers (2016: 19) menyatakan, cerpen kanak-kanak bukan sekadar membantu literasi membaca bagi kanak-kanak namun, lebih daripada itu iaitu cerpen kanak-kanak mengandungi nilai, kepercayaan, pemikiran dan norma-norma sosial yang akan membentuk pandangan kanak-kanak tentang dunia realiti.

Malah, ada juga cerpen kanak-kanak yang mengalami kekaburan dari aspek pemikiran yang hendak disampaikan. Hal ini bertepatan dengan pandangan Termuzi Abdul Aziz (2010) "kehadiran cerpen kanak-kanak di pasaran kini dikatakan tidak dapat menarik minat kanak-kanak dan tidak memberangsangkan minda kanak-kanak adalah kerana masalah pemikiran yang tidak jelas dan terlalu berat diketengahkan dalam karya" (Roziyah Mahamad, 2010: 4). Maksudnya, pengolahan pemikiran dalam pengkaryaan menjadi tunjang kepada pandangan pembaca terhadap kewujudan kreativiti pengarang terhadap karya mereka. Oleh itu, terdapat banyak aspek yang perlu diambil kira dalam pembinaan cerpen kanak- kanak yang bermutu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sehubungan dengan itu, dalam mengenal pasti pemikiran-pemikiran dalam cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 adalah penting untuk melihatnya daripada kaca mata pemikiran pengarang itu sendiri. Bagaimanakah pemikiran pengarang dicernakan dalam cerpen kanak-kanak, dan mengapakah pengarang mengutarakan pemikiran tersebut serta bagaimanakah pengarang mencorakkan watak dan perwatakan kanak-kanak untuk melahirkan pemikiran pengarang. Maka keistimewaan kajian ini berbanding dengan kajian lalu ialah aspek pemikiran dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 dianalisis berdasarkan pemikiran pengarang yang peka dengan dunia kanak-kanak dan keperluan psikologi kanak-kanak. Hal ini kerana, kanak- kanak mengutamakan keperluan diri mereka, diikuti dengan rakan-rakan, seterusnya aspek kerohanian seperti kasih sayang, penghargaan dan kesempurnaan kendiri (Eugence & Mathes, 1981: 32). Maka, adalah penting pemikiran dalam cerpen kanak-kanak memenuhi aspek keperluan dan kehendak kanak-kanak.

Bertolak kepada masalah dan pendapat para sarjana mengenai aspek pemikiran dalam cerpen kanak-kanak, maka kajian ini perlu dilakukan bagi merungkai pemikiran yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015. Keperluan kajian ini juga untuk menentukan jenis-jenis pemikiran yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak yang dikaji berupaya memenuhi keperluan dan kehendak pembaca khasnya kanak-kanak. Hal ini kerana, aspek pemikiran yang dominan dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 haruslah merangkumi pemikiran yang berstruktur, bermutu, bervisi, universal dan memenuhi aspirasi nasional.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.3 Objektif kajian

Penghasilan sesebuah pengkajian sudah semestinya mempunyai matlamat yang ingin digapai oleh pengkajinya. Oleh sebab itu, berdasarkan kepada pengkajian ini, objektif pengkaji dalam menghasilkan kajian mengenai pemikiran dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun dari tahun 2012 sehingga 2015 adalah untuk:

1.3.1 mengenal pasti pemikiran berdasarkan konsep 'pemikiran' tokoh sarjana dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun dari tahun 2012 sehingga 2015.

1.3.2 menganalisis pemikiran dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun dari tahun 2012 sehingga 2015 berdasarkan model keperluan kanak-kanak (gabungan teori Maslow dan teori Pengkaedahan Melayu).

1.3.3 merumus pemikiran yang dominan terdapat dalam cerpen kanak- kanak pilihan dari tahun dari tahun 2012 sehingga 2015.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan bagi kajian ini ialah:-

1.4.1 Apakah pemikiran berdasarkan konsep 'pemikiran' tokoh sarjana dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015?

1.4.2 Apakah pemikiran berdasarkan modal keperluan kanak-kanak (gabungan teori Maslow dan teori Pengkaedahan Melayu) dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015?

1.4.3 Apakah pemikiran yang dominan terdapat dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015?

1.5 Kepentingan Kajian

Kajian ini wajar dilakukan bertitik tolak dari permasalahan berkaitan dengan pemikiran pengarang dalam karya kanak-kanak, khususnya cerpen kanak-kanak. Selain itu, kajian ini wajar dilaksanakan untuk mengenal pasti pemikiran dan memperlihatkan rumusan mengenai pemikiran yang dominan terdapat dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun dari tahun 2012 sehingga 2015 sebagai pemikiran yang bermutu, bervisi dan dapat memenuhi aspirasi nasional. Maka, kajian ini perlu dilaksanakan untuk beberapa kepentingan berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5.1 Kepentingan kepada Penulis dan Penerbit

Kajian ini boleh dijadikan panduan kepada para penerbit dalam menerbitkan sesebuah cerpen kanak-kanak yang berkualiti bukan sahaja dari aspek luaran, malah aspek kandungannya yang bukan sahaja memberikan hiburan, tetapi sarat juga dengan pemikiran dan nilai-nilai pengajaran yang boleh membentuk keperibadian kanak-kanak yang unggul. Oleh itu, apabila penetapan ciri-ciri dan kategori cerpen kanak-kanak yang sesuai dibaca oleh kanak-kanak telah dikenal pasti, kajian ini boleh dijadikan panduan yang berguna kepada golongan penulis dan penerbit karya kanak-kanak.

Kajian ini juga penting sebagai satu landasan kepada penulis karya sastera kanak-kanak untuk menghasilkan cerpen kanak-kanak yang berkualiti serta memenuhi konsep sastera dan keperluan kanak-kanak, sekali gus turut menepati kriteria-kriteria penilaian HSPM. Selain itu, aspek ini, juga diharap dapat menjadi panduan dan memberi sumbangan berguna kepada pihak penerbit buku dengan bertujuan untuk mengangkat dan memajukan sastera kanak-kanak Malaysia setanding dengan perkembangan sastera kanak-kanak di Barat dan perkembangan sastera dewasa pada masa ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.5.2 Kepentingan kepada Masyarakat

Kajian terhadap pemikiran dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun dari tahun 2012 sehingga 2015 ini bermanfaat dan berguna kepada masyarakat terutama ibu bapa dan guru untuk mendidik minda dan perkembangan pendidikan awalan kanak-kanak melalui cerpen kanak-kanak. Di samping itu, diharapkan kajian ini dapat membantu golongan masyarakat melihat karya sastera Melayu seperti cerpen kanak-kanak dari perspektif yang berbeza dan tidak hanya menganggapnya sebagai cerita rekaan ataupun hanya sebagai alat hiburan semata-mata.

1.6 Batasan Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, dua aspek penting telah dikenal pasti untuk dijadikan asas dalam batasan kajian. Berikut adalah dua aspek penting dalam batasan kajian ini iaitu:

1.6.1 Batasan Bahan

Kajian ini menganalisis 14 buah kumpulan cerpen kanak-kanak dari tahun dari tahun 2012 sehingga 2015, iaitu kumpulan cerpen kanak-kanak daripada terbitan penerbit tempatan. Antara penerbit tempatan yang dipilih ialah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), PTS Sdn. Bhd, Prima Sdn. Bhd, Aras Mega Sdn. Bhd dan Ana Muslim Sdn. Bhd. Kesemua 14 buah kumpulan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 ini dipilih secara rawak berdasarkan tahun diterbitkan pada masa kajian ini dijalankan (dari tahun 2012 hingga 2015). Kriteria pemilihan bagi kesemua kumpulan cerpen kanak-kanak dari tahun dari tahun 2012 sehingga 2015 ini berdasarkan kepada popularity cerpen di pasaran, di samping pelbagai isu yang sering diperkatakan oleh panel penilai HSPM terhadap cerpen kanak-kanak di Malaysia. Lantaran itu, kumpulan cerpen yang dipilih ini melibatkan sebanyak 130 buah cerpen yang dianalisis. Oleh itu, dalam sebuah kumpulan (antologi) cerpen terdapat beberapa buah cerpen yang diketengahkan oleh pengarang, antaranya:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 1 : Judul Kumpulan Cerpen Kanak-kanak Pilihan dari tahun dari tahun 2012 sehingga 2015

Bil	Judul Kumpulan Cerpen	Jumlah Cerpen	Tahun Terbit	Penerbit	Pengarang
1.	'Wajah Pada Skrin'	25 buah cerpen	2012	Aras Mega (M) Sdn. Bhd	Ahmad Fadzillah Muhamad
2.	'Sejalur Harapan'	5 buah cerpen	2012	Ana Muslim Sdn. Bhd	Siti Aishah Asari, Kushaari Ismail, Rosmazila Mohd Fauzi, Rosliza Mamat & Abdul Rahim Mohamad.
3.	'Kisah Si Puteri Gaun Merah Jambu'	5 buah cerpen	2012	PTS One Sdn. Bhd	Natasha Effyzal, Aizam Aiman, Iman Qaisara, Haryani Kamilan & Adha Ameera.
4.	'Kisah Si Puteri Kami Puteri Hebat'	5 buah cerpen	2013	PTS One Sdn. Bhd	Natasha Effyzal, Aizam Aiman, Iman Qaisara, Haryani Kamilan & Adha Ameera.
5.	'Desktop Ke Laptop?'	5 buah cerpen	2013	Ana Muslim Sdn. Bhd	Anies Hisham
6.	'Yummy, Donat Coklat'	15 buah cerpen	2013	PRIMA Sdn. Bhd	Wafa Arissa, Umi E.Na, Siti Zaleha M. Hashim, Mersik Romoyu dan Anis Khalilah
7.	'Kerana Ais Krim & Makaron'	5 buah cerpen	2014	Ana Muslim Sdn. Bhd	Nur Shamsiah On

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

8.	'Jersi Syawal Untuk Ramadan'	5 buah cerpen	2014	Ana Muslim Sdn. Bhd	Aimi Rahman
9.	'Anak Kampung Ke Istana Negara'	8 buah cerpen	2014	Dewan Bahasa dan Pustaka	Siti Nur Balqis Syamsul Zaidi
10.	'Mahu Menjadi Doktor'	4 buah cerpen	2014	Dewan Bahasa dan Pustaka	Sheikh Muhd Irfan al-Habshee Che Ibrahim, Aliff Daniel Normuzleady, Syasya Fatini M. Izan & Nur Athirah Alias.
11.	'Mari Berkasih Sayang'	4 buah cerpen	2014	Dewan Bahasa dan Pustaka	Rashidah Khairiah Md. Raffae, Zaiyusri Zainon, Nur Alleya Anas & Adeeba Maisarah Anuar.
12.	'Layang-layang Itu Menerbangkan Iman'	4 buah cerpen	2014	Dewan Bahasa dan Pustaka	Nur Aliyah Aqilah Mohd Asri, Akmal Aminudin, Nur Anis Mat Dahari & Erisya Alya Hezri.
13.	'Kek Cawan Online'	15 buah cerpen	2015	PRIMA Sdn. Bhd	Kamil, Kusyi Hirdan, Roziah Adama, Siti Zarinah & Tg. Norlaila.
14.	'Ayahku Superhero'	15 buah cerpen	2015	PRIMA Sdn. Bhd	Fasya Fazida, Imanisa Riana, Liza Nur, Lynn Dayana & Zakiah Abd. Ghafar.

Seterusnya, rasional pemilihan 14 buah kumpulan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 ini sebagai bahan kajian utama pengkaji adalah didasari oleh faktor- faktor berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

a) Kesemua cerpen kanak-kanak ini dihasilkan dan diterbitkan sekitar tahun 2012 hingga ke tahun 2015 yang berlatarkan dunia kanak-kanak. Hal ini menunjukkan bahawa kumpulan cerpen yang dipilih adalah tepat dengan ruang lingkup kajian (isu dari permasalahan kajian) dan kesesuaian dengan tajuk kajian pengkaji iaitu mengkaji cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015.

b) Kesemua cerpen yang dipilih ini terdiri daripada kumpulan cerpen yang diterbitkan oleh penerbit terkenal tempatan seperti DBP, PTS One Sdn. Bhd, Ana Muslim Sdn. Bhd, PRIMA Sdn. Bhd dan Aras Mega (M) Sdn. Bhd. Selain itu, penerbit-penerbit ini juga sangat giat menerbitkan buku cerita untuk kanak-kanak pada masa ini. Malah, buku untuk kanak-kanak yang mendapat sambutan hangat dipasaran kini adalah terdiri daripada hasil terbitan penerbit- penerbit tersebut. Hal ini selari dengan hasil penyelidikan yang dilakukan oleh Siti Ezaleila Mustafa & Shahrul Nazmi Sannusi (2016: 55-65) yang mendapati buku kanak-kanak yang mendapat sambutan daripada pembaca (kanak-kanak) pada masa ini diterbitkan oleh PTS Sdn. Bhd, DBP, Ana Muslim dan Karangkraf Sdn. Bhd.

c) Kumpulan 'Cerpen Kami Puteri Hebat' karya Natasha Effyzal et al., (2013) pula merupakan cerpen kanak-kanak yang telah berjaya memenangi Anugerah Fiksyen Kanak-kanak Bahasa Melayu di Anugerah Buku PNM-RTM 2013.

d) Kesemua kumpulan cerpen yang dipilih adalah hasil karya daripada penulis dewasa tempatan dan penulis Cilik Tunas Muda. Hal ini bagi melihat sama ada benar atau pun sebaliknya kenyataan dari pernyataan masalah yang menyatakan bahawa pengarang dewasa menulis cerpen kanak-kanak dari perspektif atau kaca mata mereka sendiri tanpa memahami konsep sastera kanak-kanak, keperluan dan kehendak kanak-kanak. Malah, persoalan sama ada penulis Cilik Tunas Muda berjaya menghasilkan karya yang dapat memberikan kepuasan kepada pembaca kanak-kanak masa ini turut dilihat dalam kajian ini.

e) Cerpen-cerpen ini menjadi bahan bacaan kanak-kanak yang berumur antara 9 hingga 12 tahun dan terdapat pelbagai kisah dan tema yang diketengahkan dalam kumpulan cerpen tersebut. Oleh itu, pemilihan cerpen ini diyakini sesuai sebagai medan uji kajian yang melihat aspek pemikiran yang diketengahkan pengarang dalam karya-karya mereka itu.

Dengan munculnya beberapa orang pengarang baharu dalam kelompok penulis yang sedia ada itu telah menghasilkan cerpen-cerpen yang pelbagai corak sama ada dari segi bentuk, teknik dan pemikiran. Oleh yang demikian, pemilihan cerpen kanak-kanak pada alaf baru (dari tahun 2012 sehingga 2015) di bawah terbitan DBP, PTS One Sdn. Bhd, Ana Muslim Sdn. Bhd, PRIMA Sdn. Bhd dan Aras Mega (M) Sdn. Bhd ini sedikit sebanyak dapat melihat pemikiran mereka (pengarang baru) sama ada mempunyai kesejajaran dan hubung kait dengan cerpen-cerpen yang dihasilkan pada tahun-tahun sebelumnya ataupun sebaliknya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.6.2 Batasan Aspek

Kajian ini tertumpu kepada pemikiran pengarang yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015. Analisis kandungan terhadap 130 buah cerpen kanak-kanak adalah untuk melihat lima (5) pemikiran utama yang terkandung dalam karya-karya tersebut iaitu pemikiran keagamaan, budaya, ekonomi, politik dan pendidikan berdasarkan konsep 'pemikiran' tokoh sarjana. Kemudian, pengkaji akan menganalisis lima pemikiran (keagamaan, budaya, politik, pendidikan dan ekonomi) melalui model keperluan kanak-kanak (janaan teori Maslow dan teori Hashim Awang) yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015. Seterusnya, pengkaji akan merumuskan daripada kelima-lima (5) pemikiran iaitu keagamaan, budaya, ekonomi, politik dan pendidikan yang mana pemikiran yang paling dominan terkandung dalam 130 buah cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji.

Analisis yang akan dibuat ini berlandaskan kepada model Keperluan Kanak-kanak yang telah diubah suai berdasarkan teori Hierarki Keperluan Manusia (Abraham Maslow) dengan teori Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang). Teori Hierarki Keperluan Manusia terdiri daripada lima prinsip atau peringkat keperluan yang utama, iaitu peringkat pertama keperluan fisiologi, kedua; keperluan keselamatan, ketiga; keperluan kasih sayang dan keinginan untuk dimiliki, keempat; keperluan penghargaan kendiri dan peringkat terakhir ialah keperluan penyempurnaan kendiri. Namun, sebelum Abraham H. Maslow meninggal dunia, beliau telah menambah dan mengembangkan lagi dua peringkat keperluan manusia dalam teori beliau, iaitu peringkat keperluan mengetahui dan peringkat keperluan estetik (Vincent O'Connell, 1992: 19).

Namun begitu, kajian ini hanya melihat dan membincangkan keperluan manusia yang asal diperkenalkan oleh Abraham H. Maslow, iaitu lima peringkat yang utama sahaja. Hal ini kerana lima peringkat keperluan utama ini didapati bersesuaian dan memadai dengan tahap dan peringkat usia kanak-kanak yang kebanyakannya masih dalam proses untuk mencapai matlamat dan visi dalam kehidupan mereka. Malah, penggabungan teori Pengkaedahan Melayu melalui tiga pendekatan yang digunapakai dalam kajian ini dapat membantu menganalisis lima pemikiran yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak pilihan yang dikaji. Antara pendekatan yang digunakan untuk menganalisis pemikiran dengan teori Maslow ialah pendekatan dakwah, pendekatan moral dan pendekatan kemasyarakatan. Pemilihan kedua-dua teori ini digunakan kerana didapati teori ini amat bersesuaian untuk mengkaji keperluan, kehendak, motivasi serta matlamat individu dalam meneruskan kehidupan seharian dan memenuhi keperluan dalam diri kanak-kanak. Selain itu, keperluan dan kehendak kanak-kanak adalah bergerak serentak. Bagi seorang kanak-kanak yang memerlukan keperluan fisiologi seperti makan, minum dan tempat tinggal pada masa yang sama juga perlu menjalinkan hubungan dengan orang lain iaitu keperluan di peringkat kasih sayang dan keinginan dimiliki (Julia Unggai, 1997: 14). Namun, pengkaji mendapati biarpun keinginan dan kehendak kanak-kanak bergerak serentak, kehendak yang paling asas iaitu keperluan fisiologi masih menjadi keutamaan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seperkara yang perlu dijelaskan di sini ialah fokus utama yang dibincangkan dalam kajian ini adalah keperluan dan kehendak kanak-kanak sahaja. Misalnya apabila seorang kanak-kanak itu mengalami kekurangan dari aspek fisiologi atau aspek keselamatan, maka kanak-kanak itu akan mencari jalan dan mengambil tindakan yang sepatutnya untuk memenuhi kekurangan tersebut. Kemudian jika kekurangan itu berjaya dipenuhi, kanak-kanak itu akan memenuhi keperluan dan kehendak seterusnya yang terdapat dalam teori Hierarki Keperluan Manusia. Golongan kanak-kanak menjadi fokus utama kajian ini kerana golongan ini merupakan tonggak utama sesebuah negara serta zaman kanak-kanak itu sendiri amat mencabar dan mereka masih dalam proses mencari identiti diri.

1.7 Definisi Operasional

Dalam kajian ini, terdapat beberapa istilah yang perlu difahami. Hal ini bertujuan untuk memudahkan kajian ke atas pernyataan masalah berdasarkan kepada tajuk yang menjadi pilihan pengkaji. Dalam sesebuah kajian, definisi istilah adalah sangat penting untuk memberikan pemahaman yang mendalam terhadap kajian yang dijalankan. Penjelasan konsep-konsep tersebut adalah seperti berikut:

1.7.1 Pemikiran

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2007: 411), pemikiran bermaksud perihal berfikir dan cara menyelesaikan masalah dengan menggunakan daya imaginasi sehingga dapat menghasilkan pelbagai pendekatan yang kelihatan luar biasa tetapi berkesan. Bagi *Kamus Besar Bahasa Melayu* (1995: 478) pula menjelaskan bahawa pemikiran membawa banyak makna, iaitu penimbangan, pandangan, andaian, peringatan, renungan, pertimbangan, anggapan, perhitungan, perhatian, pendapat, penelitian dan sangkaan.

Bagi Mohd Yusof Hasan (2007: 33), pemikiran adalah satu kegiatan dan proses penggunaan akal manusia bagi pelbagai motif dalam kehidupan. Kepentingan pemikiran berkaitan dengan mengenali Tuhan dalam kehidupan untuk menyelesaikan masalah serta dapat membuat keputusan demi kesejahteraan dan kebahagian hidup manusia. Kebanyakan pengarang menitikberatkan kepada pembangunan dan pendidikan pemikiran dalam kalangan masyarakat di negara ini. Maka, dengan adanya pendidikan pemikiran, proses mendidik dan mengajar manusia menjadi bijak dan berupaya menggunakan akal fikiran dalam menyelesaikan sesuatu masalah dapat dititikberatkan. Oleh sebab itu, pendidikan pemikiran dijalankan secara formal dan tidak formal. Di sini, cara formal lazimnya berlangsung di institusi pendidikan seperti sekolah dan universiti manakala cara tidak formal berlangsung melalui pergaulan, pembacaan dan pengalaman. Seterusnya, definisi-definisi pemikiran menerusi pandangan sarjana yang lainnya pula telah dinyatakan dengan lebih terperinci di bahagian pengenalan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oleh itu, berdasarkan pandangan dan definisi yang telah dinyatakan itu, dapat dirumuskan bahawa pemikiran adalah sesuatu proses yang menggunakan minda untuk mencari makna dan penyelesaian terhadap sesuatu keraguan atau masalah yang timbul dengan menggunakan pelbagai cara, membuat pertimbangan dan keputusan serta refleksi yang logika dan munasabah terhadap proses yang dialami. Pemikiran merupakan proses yang menggunakan akal untuk menyelesaikan masalah. Proses ini melibatkan aktiviti-aktiviti menyusun idea-idea atau perkara-perkara yang tersembunyi, membuat kesimpulan untuk mendapatkan ilmu atau kemahiran baru yang boleh digunakan untuk penyelesaian masalah yang kian mencabar.

Pemikiran dalam cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 ialah pemikiran tentang kehidupan manusia khasnya untuk menilai cerpen kanak-kanak yang bersikap positif ataupun negatif. Teori Hierarki Keperluan Manusia dan gabungan teori Pengkaedahan Melayu digunakan untuk melihat kajian tersebut. Gabungan kedua-dua teori ini digunakan dalam cerpen kanak- kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 adalah untuk melihat keperluan dan kehendak manusia yang berkait dengan fikiran, perasaan dan kehendak melalui watak-watak utama (kanak-kanak) yang pengarang ketengahkan dalam karya mereka. Berikut adalah antara konsep pemikiran yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang pengkaji analisis:-

Konsep Pemikiran dalam Cerpen Kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015



Rajah 1 : Konsep Pemikiran dalam Cerpen Kanak-kanak Pilihan dari Tahun 2012 sehingga 2015

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.2 Cerpen

Dalam *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (2000: 108), cerpen ialah singkatan daripada rangkai kata 'cerita pendek'. Bagi Rahman Shaari (2001: 16), cerpen ialah naratif yang pendek (kurang daripada 10000 perkataan) yang dicipta dengan tujuan untuk menghasilkan satu kesan utama dan mengandungi unsur dramatik.

Othman Puteh (2001b: 11), pula menyatakan bahawa cerpen ialah cerita atau cereka yang ditulis dalam bentuk prosa yang berbentuk relatif pendek. Kependekannya pula masih tidak jelas ukurannya dan tidak tetap jumlah perkataannya. Biasanya cerpen remaja berjumlah 2000 hingga 5000 patah perkataan manakala cerpen yang berjumlah 500 hingga 1000 patah perkataan tergolong dalam kategori cerpen pendek. Cerpen ditulis berdasarkan imiginasi atau pengalaman penulis kreatif. Hal ini dirumuskan oleh Siti Noor Amyah Khasbullah (2008: 15) bahawa sifat cerpen harus mengandungi:

a) Satu tema cerita yang menjadi tumpuan sejak permulaan peristiwa, cerita berkembang sehingga menemukan titik akhir atau penyelesaiannya.
b) Ketunggalan plot yang memungkinkan setiap aksi atau perilaku watak dapat berkembang wajar mengikut sebuah garis yang berterusan dari tahap awal hingga ke akhirnya. Jelas cerpen tiada ruang untuk hal-hal sampingan atau peristiwa-peristiwa yang tidak relevan.
c) Jumlah watak yang sedikit terhad dan tidak perlu ramai. Tidak mustahil satu watak penting sahaja dalam sebuah cerpen akan mengimbangi ciri-ciri lain di samping memungkinkan watak itu berperanan dengan lebih wajar, jelas dan meyakinkan.
d) Latar waktu dan tempat yang singkat serta terhad.

Kesemua ciri tersebut menjurus untuk melahirkan kesan yang tunggal dan unik. Oleh itu, cerpen harus ketat dan padat serta tidak memberi banyak kelonggaran. Dalam hal ini, pengarang cerpen yang berpengalaman sering berjaya meloloskan diri daripada perangkap menghurai panjang lebar tentang watak atau latar. Di sini, pengarang melihat kebijaksanaan menggambarkan secara panorama hal-hal yang kurang penting dan membabakkan perkara-perkara yang penting (Othman Puteh, 2001a: 12-13).

Berdasarkan kepada tarifan dan pandangan beberapa orang tokoh, dapat disimpulkan bahawa cerpen ialah sebuah cereka atau cerita yang berbentuk tulisan pendek. Cerpen juga ialah jenis karya sastera yang memaparkan kisah ataupun cerita tentang manusia. Secara jelasnya, cerpen merupakan salah satu jenis prosa fiksi yang di dalamnya berisi pengisahan yang berfokuskan kepada satu konflik saja (permasalahan tunggal) dengan jumlah tokoh terbatas dan tidak berkembang. Alur cerita sederhana dan hanya memaparkan penyelesaian konflik yang diungkapkan. Maksud dari cerita pendek di sini ialah ceritanya kurang daripada 10000 (sepuluh ribu) patah perkataan atau kurang daripada 10 (sepuluh) halaman.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.7.3 Kanak-kanak

Md. Sidin Ahmad Ishak (2005: 7) mengatakan bahawa kanak-kanak prasekolah dibahagikan kepada dua peringkat iaitu kanak-kanak yang berumur antara tiga (3) hingga empat (4) tahun, iaitu dikenali sebagai kumpulan pra pembaca (pre-readers) dan kanak-kanak berusia lima (5) hingga enam (6) tahun pula sebagai kumpulan pembaca permulaan (beginning readers). Selepas daripada peringkat ini ialah kanak-kanak sekolah rendah yang dibahagikan kepada dua tahap, iaitu tahap pertama meliputi usia tujuh (7) hingga sembilan (9) tahun dan tahap kedua pula meliputi usia sepuluh (10) hingga dua belas (12) tahun. Manakala di sesetengah negara, kanak-kanak dikelompokkan dari usia bayi yang bermula dari usia 0 hingga 16 tahun, iaitu peringkat ketika mereka meninggalkan bangku sekolah menengah.

Menurut Othman Puteh (1989: 22), istilah "kanak-kanak" dapat dirujukkan kepada kanak-kanak sama ada lelaki ataupun perempuan yang berada dalam lingkungan usia 6- 12 tahun. Dengan kata lain, penggolongan ini dibuat dengan mengambil kira kanak-kanak yang tahu membaca, yang berada di sekolah rendah ataupun pra sekolah.

Dalam buku *The New Encyclopedia Britannica* (1975: 228), kanak-kanak didefinisikan sebagai;

> *"All potential or actual young literates from the instant they can with joy leaf through a picture book or listen to a story read aloud, to the age of perhaps 14 or 15, may be called children. Thus "children" includes young people".*

Maksudnya di sini, kanak-kanak ialah peringkat manusia yang berkemungkinan atau yang sebenarnya kurang dalam kecekapan mereka terutama dalam menulis dan membaca. Mereka ini sangat gemar melihat buku-buku bergambar dan juga mendengar cerita-cerita yang disampaikan sehinggalah ke peringkat umur 14 atau 15 tahun. Golongan kanak-kanak ini termasuk dalam golongan orang muda.

Sementara itu, mengikut *Webster's New Twentieth Century Dictionary* (1975: 313) menyatakan kanak-kanak sebagaimana berikut;

> *"An infant, a boy; an unborn off spring; a boy or girl in the period before puberty; a son or a daughter, a male or female descendent in the first degree, in law, a legitimate son or daughter, a person like a child in knowledge experience, judgment or attainment; as he is merely child; a person regarded as product of a specified places, time, act".*

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di sini, penerangan membawa makna bahawa kanak-kanak ialah bayi yang baharu lahir, bayi, anak kecil, lelaki dan perempuan dan belum mencapai peringkat baligh atau cukup umur. Mereka ini kurang dalam pengalaman, pendapat dan juga kepandaian. Kanak-kanak ini juga memerlukan perhatian ibu bapa dan masyarakat lainnya.

Bersandarkan kepada takrifan dan penjelasan mengenai maksud kanak-kanak, dapat disimpulkan bahawa kanak-kanak ialah golongan peringkat usia baru lahir, iaitu 0 hingga 12 tahun, manakala kanak-kanak yang berumur 13 hingga 15 tahun ialah peringkat yang disebut pra remaja. Oleh itu, melalui pembahagian ini, kanak-kanak dalam peringkat umur 0 hingga 12 tahun amatlah penting dibekalkan dengan bahan bacaan yang sesuai dengan pertumbuhan mental dan keperluan asasnya. Penyediaan dan pemilihan bahan bacaan untuk mereka mestilah diteliti sedalam-dalamnya supaya dapat membimbing mereka ke arah kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dan dapat membentuk perkembangan sahsiah yang mulia di samping membimbing mereka memilih bahan bacaan yang lebih baik dan sesuai setelah meningkat usia pra remaja dan remaja. Oleh itu, kanak-kanak yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah kanak-kanak di peringkat umur 9 hingga 12 tahun (peringkat sekolah rendah) yang sudah dapat dan pandai membaca.

1.7.4 Cerpen Kanak-kanak

Menurut Hashim Awang el al., (1984: 6), cerpen kanak-kanak ialah cerpen yang membawakan satu persoalan bagi menghasilkan satu kesan tertentu yang indah. Cerpen, sesuai dengan namanya ialah cerita yang relatif pendek yang selesai dibaca sekali duduk, terdiri daripada berbagai-bagai kisah, separa kisah percintaan (roman), kasih sayang, jenaka dan banyak lagi". Kebiasaannya, cerpen untuk kanak-kanak mengandungi nilai atau amanat yang sangat mudah difahami, dan sangat sesuai untuk dibaca oleh semua golongan khususnya kanak-kanak.

Dalam Laporan HSPM bagi Kategori C: Kesusasteraan Kanak-kanak dan Remaja (Zalila Sharif, 2013: 29) merumuskan bahawa cerpen kanak-kanak ialah koleksi cerita yang berlatarkan dunia kanak-kanak sepenuhnya. Untuk memenuhi kriteria-kriteria penilaian bagi karya ini, cerpen kanak-kanak hendaklah benar-benar bercirikan dunia kanak-kanak seperti watak dan perwatakan, tema dan persoalan, nilai dan pengajaran dan unsur-unsur lain yang berkaitan. Terdapat lima kriteria penilaian karya cerpen kanak-kanak yang diasaskan kepada perkara-perkara yang berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1) Kekuatan kesatuan organik karya yakni, cerpen-cerpen yang termuat dalam kumpulan cerpen terbina dengan unsur struktur yang mantap tanpa mengabaikan kesesuaian dan kewajaran karya, nilai dan ilmu yang diterapkan, keindahan moral serta kreativiti.
2) Kekuatan dan keaslian persoalan yang ditampilkan secara matang. Maksudnya, keaslian persoalan berkait dengan keupayaan pengarang mengetengahkan sesuatu tema baharu dan terkini.
3) Keseimbangan estetika bahasa dengan persoalan kemanusiaan yakni, gaya bahasa yang mantap menjadikan cerpen itu indah dan berseni.
4) Keindahan moral melibatkan pengajaran yang berguna kepada kanak-kanak. Di sini, setiap cerpen perlu disisipkan nilai moral tentang kepentingan ilmu, persahabatan, kemasyarakatan, kekeluargaan, setia kawan dan kasih sayang.
5) Inovasi dalam kreativiti yang memberatkan aspek pembaharuan dalam karya di samping mendorong kanak-kanak berfikiran kreatif dalam kehidupan.

Menerusi takrifan dan pandangan tokoh daripada pelbagai sumber ini, dapat disimpulkan bahawa cerpen kanak-kanak ialah bahan bacaan yang mengetengahkan pelbagai cerita atau kisah pendek dalamnya. Kebanyakan cerita atau kisah yang dinyatakan berkisah kepada dunia kanak-kanak iaitu tema, watak dan perwatakan, plot dan gaya bahasa yang mudah untuk difahami dan mengikut tahap perkembangan psikologi kanak-kanak. Secara jelasnya, cerpen kanak-kanak ialah cerita pendek yang dapat memberikan mesej yang positif kepada kanak-kanak, bahkan sebagai alat hiburan yang berkesan kepada para pembaca.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

1.8 Kesimpulan

Pengkaji telah membincangkan dengan terperinci mengenai aspek-aspek penting yang diberi perhatian sebelum kajian dijalankan dengan lebih mendalam. Antara aspek yang menjadi kajian pengkaji dalam bab ini adalah kepentingan kajian, objektif kajian, persoalan kajian dan batasan kajian. Dengan adanya kesemua aspek ini akan menjadi garis panduan utama kepada pengkaji untuk menentukan arus dan tujuan kajian ini supaya tidak lari daripada tujuan yang sebenar.

Selain menjadi garis panduan kepada pengkaji, bab ini juga amat berguna untuk pengkaji mengetahui perkara sebenarnya yang ingin dikemukakan dalam kajian ini. Secara keseluruhannya perbincangan yang dikemukakan dalam bab ini terutama dalam bahagian pernyataan masalah dan kepentingan kajian telah memberi gambaran awal kepada pengkaji bahawa kajian ini sangat penting untuk diteruskan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 2

SOROTAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Melalui bab ini, pengkaji menjadikan kajian masa lalu sebagai cara untuk menambah informasi dan pengetahuan yang mendalam mengenai ilmu-ilmu yang berkaitan dengan bidang yang di kaji terutama mengenai pemikiran bersepadu dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015. Secara tidak langsung apabila kajian masa lalu dijalankan, pengkaji dapat mengetahui mengenai tajuk kajian ini ada tersenarai atau tidak sebagai bahan kajian ilmiah dalam bidang kesusasteraan Melayu. Di samping itu juga, kajian literatur merupakan satu cara untuk mengenal pasti kemungkinan pengkaji memperoleh jawapan kepada tajuk persoalan yang hendak dibincangkan.

Selain itu, kajian kesusasteraan juga adalah satu bentuk penulisan yang akan digunakan oleh pengkaji. Tujuan bab ini adalah untuk meneliti literatur yang berkaitan dengan kajian yang telah dilakukan atau melalui bahan-bahan bertulis yang akan diperoleh daripada jurnal, artikel dari internet, ulasan dari buku-buku yang berkaitan dengan topik dan kajian yang pernah dijalankan sebelum ini sama ada dari dalam ataupun luar negara. Antara tujuan kajian kesusasteraan ini adalah untuk:

1. Berkongsi hasil kajian yang lalu dengan pembaca.
2. Mengisi kekurangan dan juga melanjutkan kajian yang terdahulu.
3. Menghubungkan sesuatu kajian itu kepada perbincangan yang lebih besar berkenaan topik yang dikaji.
4. Menyediakan satu kerangka kerja untuk memperlihatkan kepentingan sesuatu kajian dan juga menjadi titik tolak untuk membandingkan dengan hasil kajian ini dengan kajian yang lepas

2.2 Kajian-Kajian Lepas

2.2.1 Kajian Lepas Mengenai Pemikiran dalam karya Sastera

Berdasarkan kajian-kajian lepas, terdapat kajian yang membicarakan mengenai pemikiran dalam karya sastera. Antaranya ialah kajian oleh Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2005), dengan memfokuskan kepada pemikiran dan teknik penceritaan dalam novel-novel komponen sastera bahasa Melayu. Dalam kajian ini, pengkaji telah menganalisis tentang peranan menggunakan novel komponen sastera dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu dengan memberi tumpuan terhadap peranan dan fungsi novel kepada pelajar. Malah kajian ini turut menganalisis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

aspek pemikiran yang merangkumi tiga aspek pemikiran iaitu pemikiran sosiobudaya, sosioekonomi dan sosiopolitik. Bagi teknik penceritaan pula, pengkaji menganalisis berkait dengan teknik pemerian, dialog, monolog dan monolog dalaman, imbas muka, imbas kembali, ketegangan dan unsur-unsur kejutan.

Dapatan kajian ini mendapati corak pemikiran dan aliran persembahan yang disajikan dalam novel-novel yang dikaji mempunyai kecenderungan yang seiring dengan emosi, rohani dan jasmani. Selain itu, kajian ini mendapati teknik penceritaan yang diketengahkan oleh pengarang melalui novel-novel komponen sastera jelas dapat memberikan bimbingan, nasihat, panduan dan tunjuk ajar bagi memantapkan keyakinan diri pelajar, terutamanya dalam aspek pembinaan manusia dan kemanusiaan yang menjadi matlamat utama kurikulum. Walaupun kajian ini meneliti aspek pemikiran dalam novel komponen sastera tetapi aspek pemikiran yang dikajinya berbeza dengan pengkaji kerana pengkaji menganalisis dan membuat penilaian terhadap lima aspek pemikiran yang diketengahkan dalam cerpen kanak-kanak iaitu melibatkan aspek pemikiran keagamaan, budaya, pendidikan, politik dan ekonomi.

Seterusnya, pengkaji turut merujuk kajian ilmiah masa lalu yang dilakukan oleh Zalina Samidi (2001). Tesis ini diteliti dan dianalisis oleh pengkaji kerana Zalina melihat pemikiran dari aspek keagamaan, sosial dan politik yang terkandung dalam novel 'Arbain' karya Sabda S. Malah, pemikiran yang berhubung dengan agama pula meliputi agama Islam sebagai agama suci, Al-Quran sebuah kitab yang Agong, peranan Al-Quran, pengajaran dan kesedaran tentang kebesaran Allah SWT, menghormati ibu bapa, kasih sayang dalam keluarga, tanggungjawab terhadap Allah SWT, berpegang kepada hukum atau syariah Islam dan hari kiamat.

Seterusnya, aspek sosial yang dibincangkan dalam tesis ini ialah meliputi percintaan, peperangan, mengejek, menghina, mengumpat satu perbuatan keji, bantu membantu, mengeratkan silaturahim, kehidupan bersosial dan memfitnah. Seterusnya, aspek politik dilihat dari sudut kepimpinan dalam masyarakat. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini hanya tertumpu kepada tiga aspek pemikiran dalam karya sastera dewasa sahaja sedangkan pengkaji menganalisis sebanyak lima aspek pemikiran yang terkandung dalam 130 buah cerpen kanak-kanak. Oleh itu, pengkaji berpendapat bahawa perlunya kajian yang lebih mendalam terhadap aspek pemikiran dalam karya sastera kanak-kanak kerana pemikiran tersebut berlainan dengan aspek pemikiran dalam karya sastera dewasa.

Selain Zalina, pengkaji turut merujuk kajian yang dilakukan oleh Ruzilawati Manaf (2001). Pengkaji tesis ini telah mengklasifikasikan aspek pemikiran nasionalisme kepada lapan kategori iaitu perpaduan, keagamaan, kasih sayang, kekeluargaan, semangat berpasukan, cintakan tanah air, pemimpin nasionalisme dan pengorbanan. Hasil daripada kajian ini telah mendapati nasionalisme yang ditunjukkan oleh para pejuang tanah air demi untuk mendapatkan kemerdekaan telah memberi kesedaran betapa pentingnya semangat ini kepada masyarakat. Hal ini kerana dengan semangat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ini, masyarakat mampu mempertahankan maruah bangsa, agama dan tanah air daripada serangan anasir-anasir luar.

Kajian ini juga secara keseluruhannya memfokuskan kepada pemikiran tentang sosiobudaya dan sosiopolitik sahaja. Hal ini dilihat berbeza dengan kajian pengkaji yang melihat lima aspek pemikiran iaitu melibatkan pemikiran keagamaan, budaya, pendidikan, politik dan ekonomi yang terkandung dalam karya yang dikaji. Malah melalui lima aspek pemikiran tersebut, pengkaji akan menggambarkan kepekaan pengarang cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 dapat memenuhi keperluan perkembangan diri kanak-kanak yang digarapkan sama ada secara langsung atau pun tidak. Oleh itu, kajian pengkaji akan menyentuh keperluan dan kehendak kanak-kanak pada masa ini yang dipaparkan dalam cerpen kanak-kanak yang dikaji.

Selanjutnya, kajian dilakukan oleh Normah Ismail (2001) turut dirujuk sebagai kajian lepas berkait dengan aspek pemikiran. Kajian ini lebih memfokuskan kepada aspek pemikiran dalam novel remaja iaitu novel 'Menjana Ribut' karya Darma Mohamad. Aspek pemikiran yang dikaji dalam novel berkenaan dilihat melalui aspek keagamaan, pendidikan, kemanusiaan, sosiobudaya, sosioekonomi dan sosiopolitik. Hasil daripada kajian ini mendapati pemikiran yang terkandung dalam novel yang dikaji banyak menjurus ke arah keagamaan seperti kepentingan agama kepada masyarakat. Hal ini kerana menerusi novel yang dikaji, didapati al-Quran dijadikan panduan dan pegangan hidup masyarakat untuk melahirkan insan yang berakhlak mulia. Di sini, aspek pemikiran yang diteliti oleh Normah sama dengan aspek pemikiran yang pengkaji analisis. Cuma yang membezakan kajian beliau dengan kajian pengkaji ialah berkenaan bahan kajian dan penggunaan teori yang digunakan.

Kemudiannya, pengkaji ini melihat aspek pemikiran dari sudut pendidikan yang dinyatakan oleh beliau sangat penting kepada individu supaya memiliki ilmu dunia mahu pun akhirat. Dari sudut kemanusiaan dan sosiobudaya pula dilihat menerusi aspek kepentingan sikap tolong menolong, bekerjasama dan hormat menghormati dalam masyarakat. Selanjutnya dari sudut sosiopolitik, Normah memperlihatkan kepentingan peranan pemikiran dan nasionalisme dalam sesebuah kampung. Dari sudut sosioekonomi pula terserahlah kepentingan sumber pendapatan dalam kalangan penduduk kampung untuk menyara kehidupan mereka. Malahan, kajian ini telah membahagikan aspek pemikiran kepada lima aspek keagamaan iaitu pendidikan, kemanusiaan, sosiobudaya, sosiopolitik dan sosioekonomi. Sehubungan itu, dilihat terdapatnya kelompangan menerusi kajian ini seperti pembahagian aspek pemikiran telah menimbulkan kekeliruan. Hal ini kerana persoalan tentang pendidikan dan kemanusiaan sewajarnya terangkum dalam satu aspek sahaja iaitu aspek pemikiran sosiobudaya.

Kajian ilmiah masa lalu yang turut dirujuk oleh pengkaji ialah kajian oleh Salmah Jan Noor Muhammad (2003). Dalam kajian ini, pengkaji telah memfokuskan kepada aspek pemikiran dari sudut kemanusiaan, penyelewengan dalam sistem pendidikan dan kepentingan ajaran agama sebagai panduan kehidupan manusia. Kajian ini juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendapati aspek kemanusiaan merupakan aspek tumpuan pengarang jika hendak dibandingkan dengan aspek-aspek lain. Dapatan kajian merumuskan bahawa pemikiran kemanusiaan yang digambarkan dalam novel yang dikaji banyak menerapkan unsur-unsur sindiran terhadap masyarakat yang lupa kepada tanggungjawab diri, terlalu mengikut kata hati dan juga sifat hasad dengki.

Selain itu, Salmah Jan Noor Muhammad (2003) menyatakan bahawa unsur positif yang terdapat dalam novel yang dikajinya ialah melalui sikap tolong menolong dan saling menjaga serta menaikkan identiti bangsa dan agama. Kajian ini dilihat lebih memfokuskan kepada pemikiran tentang sosiobudaya berbanding dengan aspek-aspek pemikiran lain yang terkandung dalam karya yang dikaji. Berbeza dengan kajian pengkaji yang menganalisis pemikiran melalui karya sastera kanak-kanak. Antara pemikiran yang pengkaji gunakan dalam menganalisis cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 ialah sebanyak lima aspek pemikiran yang utama diketengahkan pengarang iaitu pemikiran keagamaan, budaya, pendidikan, politik dan ekonomi.

Seterusnya, kajian ilmiah yang dirujuk ialah kajian dari Raja Rajeswari A/P Seetha Raman (2005). Dalam kajian ini, pengkaji mendapati sebanyak 66 buah cerpen 'Uthaya Sankar SB' daripada kumpulan 'Cerpen Orang Dimensi', 'Sim Kambam', 'Surat dari Madras', 'Sasterawan Pulau Cinta' serta cerpen-cerpen eceran yang tersiar dalam media cetak perdana sehingga tahun 2000 telah dikaji untuk menentukan corak pemikiran, teknik penceritaan yang dominan serta pengaruh intertekstualiti yang ketara dalam cerpen-cerpen tersebut. Hasil kajian ini merumuskan bahawa karya ialah cerminan diri pengarang kerana unsur-unsur luaran dalam teori intertekstualiti seperti unsur tradisi, sosial, budaya, sejarah, falsafah, pembacaan, pengalaman dan ideologi tetap berdialog dengan unsur-unsur dalam diri pengarang ketika proses penciptaan. Malahan, kajian ini turut merumuskan bahawa cerpen-cerpen 'Uthaya Sankar SB' yang saling melengkapi bagai jaringan web yang dapat difahami melalui penerapan teori intertekstualiti.

Bahkan itu juga, pengkaji turut merujuk kajian lepas yang dihasilkan oleh Masira Kariman (1986). Meskipun begitu, pengkaji mendapati kajian ini lebih menjurus kepada aspek nilai moral dan pemikiran yang terdapat melalui cerita binatang. Oleh itu, pengkaji mendapati terdapatnya sedikit persamaan kajian yang dilakukan iaitu dengan menganalisis aspek pemikiran menerusi bahan sastera kanak-kanak. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak sepenuhnya memfokuskan kesemua aspek pemikiran yang terdapat dalam cerita binatang yang dikaji. Bahkan, kajian ini memberi fokus utama terhadap kesan yang diperoleh kepada khalayak pembaca melalui nilai moral yang terkandung dalam aspek pemikiran. Berbalik kepada kajian pengkaji, pengkaji memfokuskan kesemua aspek pemikiran yang terkandung dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 dan sekaligus merumuskan pemikiran yang dominan diketengahkan dalam cerpen kanak-kanak melalui model keperluan kanak-kanak (gabungan teori Maslow dan teori Pengkaedahan Melayu). Oleh itu, kajian ini mampu memberikan faedah yang berguna kepada semua lapisan masyarakat khasnya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diri pengkaji sendiri, pengkaji yang akan datang, khalayak pembaca dan pengarang cerpen kanak-kanak tempatan.

Kemudiannya, pengkaji merujuk kajian yang dilakukan oleh Mahaletchimi A/P Balakrishnan (2010). Kajian ini berfokuskan mengenai unsur-unsur pemikiran dari perspektif Teori SPB4K dan menganalisis unsur-unsur pengajaran dan nilai-nilai murni dalam petikan prosa Melayu tradisional KOMSAS. Penyelidik tesis ini menggunakan kumpulan petikan prosa Melayu tradisional iaitu 'Antologi Sehijau Warna Daun' (tingkatan satu), 'Antologi Seuntai Kata untuk Dirasa' (tingkatan dua), 'Antologi Anak Bumi Tercinta' (tingkatan tiga), 'Antologi Anak Laut' (tingkatan empat) dan 'Antologi Kerusi' (tingkatan lima) yang berjumlah dua puluh petikan. Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa prosa Melayu tradisional mampu menjana pemikiran-pemikiran pembaca bagi membuat penimbangan, perhitungan, penelitian, pendapat dan berupaya menggunakan akal fikiran dalam menyelesaikan sesuatu masalah.

Selain itu, dapatan kajian ini juga mendapati unsur-unsur pengajaran dalam prosa Melayu tradisional menunjukkan bahawa adanya gagasan pemikiran bersepadu antara keempat-empat pemikiran yang dianalisis. Seterusnya, dapatan kajian ini juga mendapati bahawa petikan prosa Melayu tradisional mampu menyemai nilai-nilai murni melalui empat pemikiran dengan menitikberatkan pemikiran bersepadu dan penemuan ciri-ciri insan yang berakhlak mulia dan baik. Tuntasnya, pengkaji ini menerapkan teori SPB4K ke dalam kajiannya sebagai menganalisis unsur-unsur pengajaran dan nilai-nilai murni dalam KOMSAS yang dikaji. Kajian ini tidak menyerupai dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Hal ini kerana, pengkaji meneliti aspek pemikiran yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak melalui lima aspek pemikiran yang utama iaitu pemikiran keagamaan, budaya, politik, pendidikan dan ekonomi. Selain itu, pengkaji turut menganalisis dan merumuskan kelima-lima aspek pemikiran yang paling dominan melalui model yang dibangunkan sendiri oleh pengkaji menerusi gabungan dua teori iaitu teori Hierarki Keperluan Manusia (Abraham Maslow) dan teori Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang).

Selain itu, pengkaji turut meneliti kajian dilakukan oleh Koh Young Hun (1993) yang memperlihatkan pemikiran Pramoedya dalam Tetralogi Bumi Manusia yang mengambil bentuk novel sejarah untuk memaparkan pemikiran pengarang berdasarkan kepada faktor-faktor sejarah zaman lampau negaranya. Pramoedya mendedahkan di dalam karya bahawa adalah lebih penting untuk memperjelaskan dan menghidupkan fakta sejarah agar tidak luput ditelan zaman. Batasan kajian ini meliputi ruang lingkup pemikirannnya terhadap masalah-masalah berkenaan masa depan masyarakatnya.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Rusli Jaafar (1987) turut dirujuk. Dalam kajian ini, Rusli Jaafar mengkaji serta mengenal pasti peranan dan kesan yang terdapat dalam cerita binatang Melayu yang dapat memberi manfaat serta faedah terbaik terhadap pemikiran dan tingkah laku kanak-kanak. Berdasarkan hasil kajian yang dibuat,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pengkaji ini berjaya merungkap persoalan kajiannya dengan mendapati pemikiran dan tingkah laku kanak-kanak di Mukim Titi Gajah Kota Setar, Kedah telah dipengaruhi oleh kesan dan peranan yang berguna melalui cerita binatang Melayu yang diketengahkan kepada kanak-kanak di peringkat awal persekolahan. Walaupun kajian ini menggunakan bahan kajian (karya sastera kanak-kanak) iaitu sama dengan kajian pengkaji, namun kajian tersebut tidak sama sepenuhnya dengan kajian pengkaji.

Hal ini kerana, kajian tersebut lebih memfokuskan kepada kesan yang diperoleh oleh kanak-kanak daripada bahan kajian yang dikaji (cerita binatang). Berbalik kepada kajian pengkaji, pengkaji menggunakan cerpen kanak-kanak untuk meneroka dan mengenal pasti pemikiran-pemikiran yang ada dalam cerpen berkenaan berjaya memenuhi keperluan dan kehendak kanak-kanak ataupun sebaliknya. Selain itu, aspek pemikiran dalam kajian ini didapati tidak dianalisis secara mendalam dan tidak menyerupai dengan aspek pemikiran yang dikaji pengkaji iaitu melibatkan pemikiran keagamaan, budaya, politik, pendidikan dan ekonomi.

Selanjutnya, pengkaji turut merujuk kajian yang dilaksanakan oleh Salbiah Sawal (1977). Hasil daripada kajian ini menegaskan bahawa novel 'Angin Timur Laut' dan novel 'Lambak' memaparkan pemikiran tentang kemiskinan nelayan, novel 'Senggeng' pula mengandungi pemikiran tentang pertentangan antara dua nilai iaitu masyarakat yang ingin mempertahankan keadaan tradisional dan masyarakat yang ingin melihat kemajuan dalam corak kehidupan mereka. Manakala novel 'Sandera' pula membawa pemikiran tentang kepimpinan yang berhubung dengan peristiwa dan masalah yang dihadapi oleh pemimpin masa itu dan masalah politik orang Melayu.

Walaupun pengkaji ini menggunakan lima buah novel sebagai bahan kajiannya, namun kesemua novel itu bukanlah novel untuk kanak-kanak dan pemikiran-pemikiran yang terdapat dalam novel tersebut tidak disentuh secara terperinci. Hal ini dilihat berbeza dengan kajian pengkaji yang menganalisis cerpen kanak-kanak melalui model keperluan kanak-kanak yang dibangunkan oleh pengkaji sendiri dengan gabungan teori Maslow dan teori Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang). Oleh sebab itu, lima aspek pemikiran (pemikiran keagamaan, budaya, politik, pendidikan dan ekomoni) dapat dianalisis dengan sebaik mungkin dalam 14 buah kumpulan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dipilih oleh pengkaji.

Seterusnya, pengkaji meneliti artikel jurnal yang telah dihasilkan oleh Mohd Faizal Said & Ani Omar (2013). Dalam jurnal ini, penulis menyatakan bahawa pembinaan modal insan dalam novel 'Kembara Amira' menunjukkan bahawa pengarang telah berjaya merangkumkan keempat-empat pemikiran SPB4K dalam usaha mengangkat keperibadian terpuji watak Amira dalam novel tersebut. Hal ini membuktikan bahawa dalam proses pengajaran dan pembelajaran, para guru boleh mengangkat Amira sebagai ikon modal insan yang boleh dicontohi oleh pelajar dengan menganalisisnya menerusi pemikiran kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan, dan kekreatifan. Hasil analisis dalam kajian ini mendapati karya kesusasteraan khususnya novel remaja yang baik bukan sahaja perlu berkualiti dari aspek pemikiran dan estetikanya, malah dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

masa yang sama watak yang dikemukakan mampu menjadi modal insan yang sesuai dicontohi oleh pelajar. Sekali gus, pengarang novel ini berjaya melaksanakan tanggungjawabnya sebagai seorang pengarang dengan mempersembahkan karya yang dapat memberikan dampak positif kepada masyarakat. Di sini, aspek pemikiran yang dianalisis melalui novel 'Kembara Amira' berlainan sedikit dengan kajian pengkaji kerana pengkaji ini menggunakan teori SPB4K untuk mengkaji berkaitan aspek pemikiran. Kajian pengkaji pula tidak menggunakan teori tersebut. Namun, aspek pemikiran 'keagamaan' yang diteliti oleh pengkaji tersebut menyerupai dengan kajian pengkaji. Hal ini kerana, pengkaji menggunakan aspek pemikiran 'keagamaan' melalui dua prinsip iaitu hubungan manusia dengan Tuhan dan hubungan manusia sesama manusia.

Seterusnya, artikel jurnal Nor Huda Ahmad Razali & Norazimah Zakaria (2018) turut dirujuk dalam kajian ini. Artikel ini melihat pemikiran wanita Melayu menerusi tokoh Puteri Sa'dung dalam teks historiografi "Hikayat Seri Kelantan". Pengkaji ini telah menganalisis aspek pemikirann dengan menggunakan Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K), yang diketengahkan oleh Yusof Hasan. Paparan aspek pemikiran yang dianalsisi ialah pemikiran masyarakat Melayu tradisi, seperti golongan wanita yang menggalas peranan sebagai pemerintah dalam sesebuah kerajaan. Dapatan kajian ini membuktikan bahawa pemikiran bersepadu, iaitu pemikiran kerohanian, pemikiran kebitaraan, pemikiran kesaintifikan dan pemikiran kekreatifan hadir dalam karya yang dikaji, dan sekaligus menjelaskan wujudnya aspek pemikiran tokoh yang dikaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, pengkaji ini merumuskan bahawa keempat-empat pemikiran yang dianalisis memperlihatkan keistimewaan tokoh dari segi hubungan dengan Allah dan hubungan sesama manusia, serta kemahirannya menyelesaikan masalah. Di sini, terdapat bersamaan aspek pemikiran yang dikaji iaitu memperlihatkan aspek pemikiran keagamaan seperti hubungan manusia dengan Tuhan dan hubungan manusia sesama manusia, serta kemahiran watak menangani sessuatu masalah. Namun pengkaji ini lebih memfokuskan kajian beliau dengan menganalisis empat aspek pemikiran dari Teori SBP4K menerusi teks karya tradisional. Berbalik kepada kajian pengkaji, pengkaji menganalisis aspek pemikiran melalui konsep 'pemikiran' tokoh sarjana iaitu sebanyak lima aspek pemikiran yang dianalisis. Penggunaan teori dan teks karya yang digunakan dalam kajian ini juga berbeza dengan kajian yang pengkaji lakukan.

Kajian berkenaan pemikiran pengarang dalam novel sejarah turut dirujuk oleh pengkaji. Kajian ini dihasilkan oleh Noraini Ibrahim & Ani Omar (2017). Pengkaji ini mengkaji aspek pemikiran pengarang yang terdapat dalan novel 'Leftenan Adnan' menerusi peristiwa yang dialami daripada diri pengarang sendiri mahupun melalui pengalaman individu lain yang diadaptasi dalam novel tersebut. Kajian ini juga menggunakan teori tempatan iaitu Teori Sistem Bersepadu 4K (SPB4K) janaan Mohd Yusof Hasan. Berbeza dengan kajian pengkaji yang menggunakan gabungan teori Maslow dengan teori Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang) untuk menganalisis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

aspek pemikiran dalam cerpen kanak-kanak yang dikaji. Dapatan kajian ini mendapati, keempat-empat aspek pemikiran yang terkandung dalam teori SPB4K ada digarap dalam novel 'Leftenan Adnan Wira Bangsa'. Seterusnya, perbezaan kajian ini dengan kajian pengkaji ialah kajian ini menganalisis aspek pemiiran menerusi empat prinsip dari teori yang dikaji. Kajian pengkaji pula memfokuskan kepada aspek pemikiran menerusi konsep 'pemikiran' tokoh sarjana. Malah, karya yang digunakan dalam kajian ini merupakan karya sastera remaja dan novel komponen wajib subjek 'Kesusasteraan Melayu' bagi pelajar-pelajar tingkatan 4 zon 2 di Malaysia. Berbeza dengan kajian pengkaji yang menggunakan teks karya sastera kanak-kanak iaitu cerpen kanak-kanak.

Sorotan kajian yang selanjutnya ialah kajian dari Farra Humairah Mohd & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016). Kajian ini membicarakan tentang pemikiran kerohanian yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak mutakhir terpilih. Objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti pemikiran kerohanian yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak mutakhir dan menganalisis kesan positif pemikiran kerohanian kepada kanak-kanak. Dapatan kajian ini mendapati cerpen kanak-kanak mutakhir yang dikaji mempunyai unsur pemikiran kerohanian yang diterapkan oleh pengarang untuk menyampaikan kesan positif kepada kanak-kanak, namun konsep sastera kanak-kanak dan psikologi kanak-kanak kurang dititikberatkan. Kajian ini menggunakan satu prinsip kerohanian sahaja dari teori SPB4K yang diperkenalkan oleh Mohd Yusof Hasan. Perbezaan penggunaan teori dengan kajian yang pengkaji lakukan kerana pengkaji menggunakan model keperluan kanak-kanak iaitu gabungan teori dari janaan teori Maslow dengan teori Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang) sepenuhnya. Bahkan itu juga, terdapat sedikit persamaan dalam kajian ini kerana bahan kajian yang digunakan adalah bahan yang sama dengan kajian pengkaji iaitu cerpen kanak-kanak. Malah, pengkaji menggunakan lebih banyak lagi cerpen kanak-kanak dalam kajian pengkaji iaitu sebanyak 130 buah cerpen kanak-kanak. Aspek pemikiran yang dianalisis juga berbeza dengan kajian pengkaji, di mana dalam kajian pengkaji menganalisis lima aspek pemikiran (pemikiran keagamaan, budaya, politik, pendidikan dan ekonomi).

Kajian dari Marzalina Mansor (2016) juga diteliti oleh pengkaji. Dalam kajian ini, Marzalina mengkaji aspek pemikiran pengarang menerusi novel 'Sebalik Yamashita dan Parcivel' karya Shaari Isa yang diterbitkan oleh Institut Terjemahan & Buku Malaysia pada tahun 2015. Kajian mendapati pemikiran yang cuba ditonjolkan oleh pengarang ialah pemikiran kolonialisme dan imperialisme, pemikiran politik dan kepimpinan, dan pemikiran sejarah. Hasil kajian ini mendapati pengarang mendedahkan gambaran masyarakat dan permasalahan yang ditonjolkan bagi melengkapkan informasi yang dalam novel yang diteliti. Melalui kajian ini, pengkaji mendapati persamaan dari segi aspek pemikiran politik yang dikaji iaitu melihat kepada aspek kepimpinan dan pemikiran sejarah dalam kajian pengkaji. Perbezaan antara kajian pengkaji dengan kajian ini ialah bahan kajian yang digunakan kerana kajian yang dilakukan oleh Marzalina lebih mengutamakan penggunaan novel remaja. Berbalik kepada kajian pengkaji yang menggunakan sebanyak 14 buah kumpulan cerpen kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Mohamad Zuber Ismail (2015) telah melakukan penyelidikan tentang pemikiran dalam cerita lipur lara. Kajian ini berfokuskan kepada pemikiran pengarang dalam cerita 'Hikayat Awang Sulung Merah Muda'. Menggunakan satu pendekatan baharu dalam dunia kritikan sastera di Malaysia iaitu Pendekatan Pengurusan. Fokus utama dalam kajian ini ialah menganalisis prinsip kepimpinan dari salah satu prinsip yang diutarakan dalam Pendekatan Pengurusan yang diperkenalkan oleh Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2013). Dapatan dalam kajian ini ialah ketinggian dan keagungan tamadun Melayu tidak terletak kepada kehebatan 'bahan' sebaliknya terletak kepada kehebatan dan ketinggian tradisi keilmuannya. Hal ini sangat signifikan dan relevan dengan kecemerlangan pendidikan yang merupakan mekanisme ampuh dalam usaha meningkatkan kualiti pembangunan modal insan dalam sesebuah organisasi iaitu keluarga, masyarakat dan negara. Menerusi sorotan kajian ini, terdapat persamaan dari aspek pemikiran dengan kajian pengkaji. Antara persamaan tersebut ialah aspek pemikiran kepimpinan dikaji dalam teks sastera. Melalui aspek pemikiran kepimpinan ini maka kebijaksanaan dan ketajaman imaginasi serta sensitiviti pengarang dapat dilihat. Sehubungan itu, bahan kajian yang digunakan berbeza dengan kajian pengkaji kerana pengkaji ini menggunakan cerita penglipur lara dan pengkaji pula menggunakan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015.

Selanjutnya, pengkaji membuat sorotan dari kajian lepas yang dilakukan Ezzah'afifah Nasrudin & Che Ibrahim Salleh (2015). Kajian ini meneliti aspek pemikiran Melayu dalam teks yang terpilih seperti 'Hikayat Malim Deman', 'Hikayat Malim Dewa', 'Hikayat Awang Sulung Merah Muda' dan 'Hikayat Raja Muda'. Hasil daripada kajian ini mendapati terdapat beberapa buah cerita lipur lara yang sudah dibukukan. Malah, pendekatan sosiologi diterapkan kerana pendekatan tersebut dapat merungkaikan perkara yang tersirat dalam cerita dan tujuan cerita tersebut. Pemikiran Melayu yang terkandung ialah pemikiran tentang moral dan budi, sosiopolitik dan kepemimpinan, kepahlawanan, sosioekonomi dan agama. Menerusi sorotan kajian ini, didapati aspek pemikiran yang dianalisis sama dengan aspek pemikiran yang pengkaji analisis. Namun, medium bahan sahaja yang membezakan antara kajian ini dengan kajian pengkaji. Malahan, aspek pemikiran berkait dengan pemikiran pendidikan tidak disentuh sepenuhnya dalam kajian tersebut.

Kajian seterusnya diteliti ialah kajian dari Arba'ie Sujud, Salihahs Razak, & Raiatul Adawiah Jaafar (2015). Kajian ini juga ingin melihat sejauh mana kepincangan dalam dunia politik akibat daripada sikap pemimpin menerusi novel yang dikaji dengan pengalaman peribadi pengarang. Malah, kajian ini turut mengaplikasikan teori Konseptual Kata Kunci bagi menguatkan lagi hujah yang ingin disampaikan. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat pemikiran politik dalam novel yang dikaji. Antara pemikiran politik yang dianalisis ialah tentang aspek pemimpin dan kepimpinan yang melihat kepada sikap pemimpin yang berperwatakan negatif dalam menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan. Kekurangan dan perbezaan antara kajian ini dengan kajian pengkaji ialah kajian ini tidak menganalisis secara keseluruhan aspek pemikiran. Hanya satu aspek pemikiran politik sahaja dianalisis

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dalam kajian ini, berbanding dengan kajian pengkaji yang menganalisis sebanyak lima aspek pemikiran iaitu pemikiran keagamaan, budaya, politik pendidikan dan ekonomi.

Kemudiannya, pengkaji meneliti sorotan kajian yang dilakukan oleh Shah Rul Anuar Nordin (2012). Kajian yang dilakukan oleh Shah Rul Anuar ialah menilai persamaan dan perbezaan pemikiran politik Islam yang terdapat di dalam kitab 'Taj al-Salatin', 'Sulalah al-Salatin' dan 'Bustan al-Salatin'. Persamaan, perbezaan dan hubungan ketiga-tiga kitab tersebut juga dinilai dengan dengan menggunakan kitab-kitab ulama Muslim zaman klasik dan buku-buku pemikir politik Islam zaman moden dan kontemporari. Hasil kajian mendapati bahawa 90% idea dan pemikiran politik kitab-kitab tersebut ada persamaan manakala perbezaannya kira-kira 10% khususnya dalam aspek kepimpinan wanita. Antara ketiga-tiga kitab, Taj al-Salatin mempunyai pemikiran politik Islam terbaik. Dalam menilai persamaan, perbezaan dan hubungan kitab-kitab tersebut pula, pengkaji ini merumuskan bahawa terdapatnya kesinambungan idea politik Islam dari zaman klasik, pertengahan dan moden. Perbezaan yang ketara banyak dilihat pada zaman moden setelah banyak negara-negara Islam dijajah oleh negara Barat. Pemikiran politik ilmuan Islam di zaman moden ada yang terpengaruh dengan konsep sekularisme tajaan Barat yang memisahkan antara agama dengan politik. Pengkaji ini juga mendapati latarbelakang persekitaran, latar masa, situasi, keadaan sosio-politik setempat, budaya dan pengalaman hidup pengarang kitab-kitab tersebut telah memberi impak yang besar kepada pemikiran dan hasil penulisan karya mereka. Menerusi kajian ini, hanya aspek pemikiran politik sahaja yang dikaji dan ianya serupa dengan kajian pengkaji yang turut meneliti aspek pemikiran politik dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015. Namun begitu, aspek pemikiran lain seperti agama, budaya, pendidikan dan ekomoni langsung tidak disentuh oleh pengkaji ini.

Kajian dari Nahari Mastono Arukin (2008) turut disoroti oleh pengkaji. Dalam kajian ini, Nahari memilih sebanyak 20 buah 'espen' hasil karya Mohd. Affandi Hassan sebagai bahan teks kajian. Pemilihan genre "espen" sebagai teks kajian ini mengambil kira kenyataan Mohd. Affandi yang menganggap bahawa genre (espen) ini sememangnya dikonsepsikan oleh beliau untuk menyampaikan pemikiran. Kajian ini berhasil dalam mengenal pasti beberapa penemuan. Antaranya, wujudnya pemikiran tertentu dalam teks-teks yang dikaji, dan pemikiran ini didapati telah disampaikan dengan cara penulisan yang bersifat ilmiah. Rumusan kajian ini memperlihatkan kecenderungan pengarang dengan meletakkan "cerita" pada kedudukannya yang tersendiri (subordinat). Persamaan yang dilihat dalam kajian ini ialah aspek pemikiran yang dianalisis melibatkan aspek pemikiran agama, budaya dan politik. Namun, aspek pemikiran ekonomi dan pendidikan langsung tidak dikaji oleh Nahari dalam kajian beliau. Bahkan itu juga, penggunaan teori dalam kajian ini juga berbeza dengan kajian yang pengkaji lakukan. Nahari menggunakan teori Persuratan Baru yang diperkenalkan oleh Mohd Affandi Hassan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kajian seterusnya dilakukan oleh Hashim Ismail (2003). Dalam kajian ini, Hashim Ismail memperkatakan tentang pemikiran kaum muda yang didokong oleh Syed Sheikh Al-Hadi. Kajian ini juga berasaskan hipotesis bahawa terdapat satu gerakan penulis yang tidak diorganisasikan tetapi mempunyai pengaruh yang besar dalam dunia penulisan novel Melayu sekitar zaman Perang Dunia Kedua. Kajian ini menggunakan pendekatan Hermenutik. Melalui kajian yang dilakukan oleh Hashim ini, pengkaji dapati tiada persamaan yang ditemukan dalam kajian ini dengan kajian pengkaji. Hal ini kerana, pengkaji menggunakan bahan sastera kanak-kanak sepenuhnya sebagai bahan kajian dan menggunakan model keperluan kanak-kanak (janaan daripada gabungan teori Maslow dan teori Hashim Awang). Manakala kajian yang dilakukan oleh Hashim menggunakan novel dewasa iaitu novel Melayu sekitar Perang Dunia Kedua dan penggunaan pendekatan Hermenutik sebagai asas utama dalam kajian beliau.

Kajian selanjutnya oleh Masrizayu Mustafa (2006) turut dirujuk pengkaji. Dalam kajian ini, pengkaji ini telah mengkaji aspek pemikiran dalam novel-novel karya Khadijah Hashim. Aspek pemikiiran yang dikaji ialah merangkumi aspek sosiobudaya, sosiopolitik, dan sosioekonomi. Pengkaji ini menganalisis 10 buah novel Khadijah Hashim dengan menggunakan pendekatan sosiologi sastera. Aspek-aspek ini diteliti oleh pengkaji untuk melihat perkaitan pemikiran penulis dengan masyarakat. Melalui kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini, terdapat sedikit persamaan antara kajian ini dengan kajian pengkaji kerana pengkaji ini menganalisis aspek pemikiran dari tiga aspek iaitu aspek sosiobudaya, sosiopolitik dan sosioekonomi. Namun, pendekatan teori yang digunakan oleh pengkaji ini tidak menyerupai dengan kajian pengkaji. Malah, bahan utama kajian pengkaji juga berbeza kerana kajian yang dilakukan oleh pengkaji adalah dengan melihat kepada teks karya sastera kanak-kanak iaitu medium cerpen, tetapi pengkaji ini menggunakan teks karya sastera dewasa iaitu medium novel.

Selanjutnya, kajian yang dilakukan oleh Arba'ie Sujud (2004) juga diteliti oleh pengkaji. Dalam kajian ini, pengkaji ini telah menganalisis sajak-sajak dari Dewan Bahasa sekitar tahun 1971 hingga 1999 dengan melihat aspek pemikiran yang diketengahkan oleh penyair. Antara aspek pemikiran yang dianalisis oleh pengkaji ini ialah berkait dengan empat aspek pemikiran iaitu pemikiran sosiobudaya, sosiopolitik, dan sosioekonomi. Penganalisisan terhadap sajak-sajak yang dikaji berhubung pemikiran sosiobudaya meliputi aspek moral, kepercayaan, pendidikan, penghargaan dan penghormatan serta sikap dan pandangan hidup. Dalam sosioekonomi pula, persoalan yang dikemukakan berhubung dengan kemiskinan dan penindasan, kesamarataan hak, dan pembangunan. Sementara, pemikiran yang berkaitan dengan sosiopolitik pula berkaitan dengan persoalan pemimpin dan kepemimpinan, nasionalisme dan patriotisme serta peperangan dan perdamaian. Dapatan kajian ini mendapati pemikiran yang diungkapkan oleh penyair dalam sajak mereka sama ada berhubung dengan sosiobudaya, sosiopolitik dan sosioekonomi mempunyai kaitan dengan isu-isu, fenomena-fenomena atau peristiwa-peristiwa yang berlaku di persekitaran mereka. Justeru, dalam sajak yang dikaji wujud persamaan pemikiran antara penyair dalam dekad kajian. Hal ini kerana sumber dan latar yang diperoleh

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

atau yang menjadi rujukan penyair adalah hampir sarna. Menerusi kajian ini, di dapati aspek pemikiran yang dikaji menyerupai dengan kajian pengkaji, namun pengkaji ini tidak memfokuskan kepada aspek pemikiran sosiopendidikan dan sosioagama dalam kajiannya. Malah, perbezaan yang ketara dilihat antara kajian ini dengan kajian pengkaji ialah penggunaan teori/ pendekatan dalam kajian. Kajian yang dilakukan oleh Arba'ie menggunakan dua pendekatan iaitu pendekatan sosiologi sastera dan pendekatan stilistik. Berbalik kepada kajian pengkaji pula menggunakan model keperluan kanak-kanka (janaan dari gabungan teori Maslow dan teori Hashim Awang).

Seterusnya daripada kajian berbentuk kertas kerja yang ditulis oleh Shahnon Ahmad (2013). Kertas kerja ini dimuatkan dalam buku "Novel-Novel Malaysia dalam Kritikan" diselenggarakan oleh Hamzah Hamdani. Shahnon Ahmad memperkatakan pemikiran tentang akhlak; kerosakan akhlak segelintir manusia kerana sanggup melakukan apa sahaja untuk mencapai kemenangan sama ada dalam pilihan raya atau laga lembu. Segala tenaga dan semua jenis benda termasuklah pengabaian keluarga dicurahkan bagi menjamin kemenangan.

Selanjutnya, pengkaji turut meneliti buku daripada Shahnon Ahmad (1994). Dalam buku ini, pengarang menekankan bahawa aspek pemikiran dalam kesusasteraan amat berkesan bagi membina pembangunan diri manusia serta berkeupayaan membentuk keperibadian insan secara menyeluruh. Pemikiran dalam kesusasteraan juga memberi tarbiah yang halus dan berkesan untuk membentuk pemikiran yang bermakna dan kebijaksanaan kepada pembaca. Oleh itu, kesusasteraan bukan sahaja memberi ilmu pengetahuan tetapi boleh mengubah pemikiran dan membina perilaku masyarakatnya yang sekali gus membantu pembangunan negara. Penulis buku ini juga menyatakan sebagai pengarang yang bertanggungjawab harus memastikan karya yang dihasilkan bukan bercirikan hiburan semata-mata, tetapi wajar dimuatkan pemikiran yang mengandungi unsur-unsur pengajaran dan moral untuk mendidik pembaca. Sebaik-baiknya, segala unsur pemikiran yang disampaikan harus diadun secara bernas, indah dan menarik supaya lebih berkesan dan memberi manfaat kepada pembaca.

Sehubungan itu, pengkaji bersetuju dengan pendapat penulis buku yang dirujuk ini kerana aspek pemikiran dalam kesusasteraan sememangnya dapat mengubah pemikiran pembaca. Oleh itu, sesuatu kajian kesusasteraan wajarlah dikaitkan dengan teori-teori yang menekankan dan menjana pemikiran pembaca secara bersepadu, iaitu pemikiran-pemikiran yang merangkumi beberapa aspek bersepadu seperti kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan dan kekreatifan dalam teori SPB4K wajar dijadikan metodologi kajian. Selain itu, pengkaji juga bersetuju dengan tanggapan penulis ini bahawa sudah sampai masanya untuk menyampaikan dan mendedahkan aspek pemikiran yang baik seperti pengajaran dan nilai-nilai murni melalui karya sastera agar pembaca dapat membekali diri dengan ilmu pengetahuan dan pemikiran yang seimbang selari dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan Negara.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, pengkaji turut merujuk beberapa buah buku ilmiah yang berkaitan dengan teori pemikiran bersepadu. Antara buku ilmiah yang dirujuk pengkaji ialah buku yang dihasilkan oleh Mohd Yusof Hasan (2007). Dalam buku ini, pengkaji mendapati bidang pemikiran sebagai salah satu disiplin falsafah moden yang menjadi teras dalam sistem ilmu pendidikan millennium ke-21. Malah, buku ini juga cuba mengemukakan teori cara- cara dan kaedah untuk mendidik, menyedari, memahami, menghayati dan mempraktik bidang pemikiran dalam proses pengajaran dan pembelajaran di peringkat awal prasekolah, sekolah rendah, menengah, institusi pengajian tinggi dan dalam kalangan masyarakat umum. Bahkan itu juga, buku ini banyak membantu pengkaji dalam memahami definisi pemikiran dan Falsafah Pendidikan Negara serta cara-cara untuk mengaplikasikan pemikiran-pemikiran bersepadu seperti pemikiran kerohanian, pemikiran kebitaraan, pemikiran kesaintifikan dan pemikiran kekreatifan dengan rangsangan dan pemikiran ke arah kecemerlangan pendidikan pemikiran di kalangan para guru, pendidik, pengkarya, pensyarah, ibu bapa, pegawai, pemimpin, ahli-ahli masyarakat umum dan sebagainya dalam era globalisasi.

Malah, buku Azhar Wahid (2011) juga turut dirujuk dan dianalisis oleh pengkaji. Dalam buku ini, pengkaji telah meneliti dan merujuk dua artikel yang terkandung dalamnya iaitu artikel *Pemikiran Global Sasterawan Negara Malaysia ke arah Era Sastera Siber* (Mohd Yusuf Hasan) dan artikel *Puisi Alam Siber dari Sudut Pemikiran dalam Teori SPB4L* (Ani Omar). Dari kedua-dua artikel ini, penulis telah membicarakan berkaitan aspek pemikiran bersepadu iaitu pemikiran 4K dan 4L. Oleh yang demikian, bertepatan dengan kajian pengkaji yang menggunakan Teori SPB4K maka dengan merujuk kedua-dua artikel ini secara tidak langsung membantu pengkaji lebih memahami berkaitan dengan pemikiran bersepadu 4K/ 4L supaya dapat diaplikasikan dengan karya-karya sastera yang dikaji.

Secara keseluruhannya, berdasarkan kajian-kajian lepas mengenai aspek pemikiran dalam karya sastera sebenarnya telah banyak kajian yang dilakukan sebelum ini namun, kebanyakan kajian tersebut lebih menjurus kepada kajian aspek pemikiran dalam novel. Semua kajian ini adalah berkaitan dengan pemikiran dan isu atau pemasalahan yang terdapat dalam novel-novel yang terpilih. Setiap pemikiran dan isu yang diutarakan adalah berbeza mengikut keutamaan dan dominasi yang wujud di dalam novel yang dikaji. Pemikiran dan isu yang menjadi pasak dalam sesebuah karya sastera yang akan menjadikan sesebuah karya itu lebih bernilai kerana di dalamnya terkadung pelbagai ilmu dan menjadi utusan kepada khalayak pembaca.

2.2.2 Kajian Lepas Mengenai Sastera Kanak-kanak

Menerusi kajian-kajian lepas, terdapat beberapa kajian yang membicarakan sastera kanak-kanak. Antaranya ialah kajian yang dilakukan oleh Misran Rokimin (2005). Dalam kajian ini dinyatakan bahawa ibu bapa secara langsung atau tanpa disedari sebenarnya telah melaksanakan fungsi menanamkan bibit-bibit rasa cinta kepada sastera ke dalam jiwa anak-anak mereka menerusi nyanyian berirama. Seterusnya, penulis juga turut menyatakan bahawa pendidikan moral yang terdapat dalam bahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

bacaan kanak-kanak mampu menjadikan kanak-kanak tersebut sebagai insan yang berguna. Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa bacaan sastera yang bermutu adalah penting untuk mendidik moral kanak-kanak. Oleh itu, artikel ini sedikit sebanyak berkait dengan kajian pengkaji tentang konsep sastera kanak-kanak.

Seterusnya, kajian dilakukan oleh Norlizah Banun (2009) dengan memfokuskan kepada karya sastera kanak-kanak memandangkan kanak-kanak merupakan aset yang paling penting dan bernilai kepada negara. Karya sastera kanak-kanak yang bermutu dapat membentuk peribadi kanak- kanak dan secara tidak langsung juga dapat membentuk jati diri yang unggul di mata masyarakat serta ke peringkat global. Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini ialah pendekatan psikologi perkembangan kanak-kanak kerana kajian ini memfokuskan kepada akhlak dalam sastera kanak-kanak. Namun demikian, kajian Norlizah ini hanya menjuruskan bahan kajiannya kepada teks-teks tahun empat sahaja iaitu "Leman Si Penjual Kuih" karya Shafie Abdul Rahman, "Berani Kerana Benar" karya Nur Alen Amer dan "Terima Kasih Pak Uteh" karya Hakimi Muhammad.

Namun begitu, Abdul Rasid Jamian et al., (2011) menyatakan bahawa kaedah pengajaran penulisan karangan menggunakan teks KOMSAS terbukti lebih berkesan berbanding dengn kaedah pengajaran konvensional terhadap prestasi penulisan karangan murid. Menurutnya lagi, penggunaan teks KOMSAS, iaitu cerpen dalam pengajaran penulisan karangan jenis cereka akan memberi kesan yang positif kepada murid-murid khususnya dalam aspek prestasi karangan keseluruhan dan aspek pengembangan isi karangan. Rumusannya, bahan sastera berjaya memberi impak terhadap pencapaian penulisan karangan murid-murid. Hal ini bermaksud dengan penggunaan cerpen yang baik dan mempunyai pelbagai maklumat tentang sosiobudaya mampu merangsang minat murid dalam mencerna pemikiran dan diluahkan melalui penulisan yang kreatif. Hal ini bukan sahaja memberi kesan terhadap hasil penulisan malah dapat mencabar minda mereka untuk meningkatkan daya berfikir secara lebih kreatif dan kritis.

Kemudiannya, pengkaji turut menggunakan rujukan daripada beberapa buah kertas kerja seminar yang telah dihasilkan dalam beberapa buah seminar tempatan. Antara artikel yang dirujuk ialah artikel ditulis oleh Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi (2009). Dalam artikel berkenaan, didapati penulis menyatakan bahawa kebanyakan karya sastera kanak-kanak dibentuk berdasarkan minda masyarakat Melayu kerana kisah-kisah yang ditulis dalam kebanyakan cerita kanak-kanak dapat memberikan sumbangan besar kepada pembentukan moral kanak-kanak. Selain itu Nik Rafidah juga turut menyatakan bahawa golongan kanak-kanak sebenarnya mempunyai pemikiran yang masih bersih dan mudah menerima sebarang maklumat atau pengajaran yang disampaikan kepada mereka. Artikel ini mendapati cerita-cerita rakyat yang sesuai untuk dijadikan bahan bacaan kepada kanak-kanak kerana isi ceritanya diubah kepada bentuk yang mudah difahami dan sudah tentu mampu menarik perhatian kanak-kanak apatah lagi sarat dengan akal budi Melayu yang tidak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mati ditelan waktu. Oleh itu, artikel ini sedikit sebanyak berkait dengan kajian pengkaji tentang konsep sastera kanak-kanak.

Satu lagi artikel yang ditulis oleh Arba'ie Sujud & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, (2011) turut disoroti. Menurut penulis artikel ini, masyarakat Melayu sebenarnya bukan baru menerima sastera dalam kehidupan mereka. Baginya lagi, dalam konteks kanak-kanak, pendidikan perlu dilihat sebagai satu proses yang berterusan berkembang serentak dengan perkembangan individu seorang kanak-kanak yang mempelajari apa-apa sahaja yang ada di persekitaran dan dengan 'ilmu' atau kemahiran yang diperoleh, mereka akan mengaplikasikannya dalam konteks yang pelbagai sama ada dalam kehidupan sehariannya di ketika itu ataupun sebagai persediaan untuk kehidupannya pada masa yang akan datang.

Kemudiannya, Yasnur Asri (2010) membincangkan peningkatan keterampilan menulis cerita pendek melalui strategi area isi dalam kalangan mahasiswa jurusan Bahasa dan Sastera Indonesia. Berdasarkan kajiannya, didapati bahawa keterampilan melakukan proses penulisan cerita pendek dinilai berdasarkan tiga sub keterampilan, yakni sub keterampilan melakukan (1) pengekstrakan, (2) permodelan, dan (3) pelatihan. Secara kesimpulannya, peningkatan keterampilan proses menulis cerpen dalam kalangan mahasiswa jurusan Bahasa dan Sastera Indonesia dapat disimpulkan seperti berikut; pertama, peningkatan keterampilan menulis cerpen dinilai dari proses pengekstrakan, permodelan, dan pelatihan. Secara induktif para mahasiswa telah berketarampilan melakukan asimilasi dan akomodasi cerpen yang dikenalkan berdasarkan pengalaman persoalannya secara langsung mahupun tidak langsung. Kedua, peningkatan kualiti hasil menulis cerpen, dinilai daripada kualiti keterbacaan tekstual, kesesuaian psikoseksual, dan keutuhan cerita. Kualiti keterbacaan tesktual yang menyangkut penggunaan unsur bahasa meningkat baik. Para mahasiswa didapati telah berkeupayaan menggunakan kosa kata khusus dan konkrit secara tepat. Kalimat-kalimat dalam naratif, deskripsi, dan dialog telah di rungkai secara ringkas dan jelas. Unsur-unsur cerita yang menyangkut penokohan, penyuntingan, sudut pandangan telah digarap secara padu dan fungsional

Lyons & Roulstone (2018) pula mengulas tentang karya buku kanak-kanak yang berkualiti tinggi mampu menarik minat kanak-kanak untuk membaca dan memahaminya. Selain itu, Lyons and Roulstone juga merumuskan kajian mereka dengan mengatakan bahawa karya kanak-kanak seperti cerpen dan novel dapat memberikan sumnber hiburan kepada khalayak pembaca amnya kanak-kanak. Malah, pengkaji ini juga menyatakan kualiti buku kanak-kanak dilihat menerusi aspek pemikiran yang bermutu yang diketengahkan oleh pengarang. Menerusi kajian yang dilakukan itu, pengkaji mendapati kajian ini menyentuh sedikit tentang aspek pemikiran dalam karya kanak-kanak. Walau pun pengkaji tersebut tidak menyentuhnya secara terperinci, namun kajian ini dapat dijadikan panduan dan rujukan dalam kajian pengkaji. Berbezanya kajian ini dengan kajian pengkaji ialah aspek pemikiran yang diketengahkan secara umum dan tidak berfokus kepada cerpen kanak-kanak sahaja.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sorotan kajian yang dirujuk seterusnya ialah kajian yang dilakukan oleh Onsjö & Sheridan (2018). Kajian ini membincangkan tentang bagaimana ujian hypergeometric boleh digunakan untuk menentukan sama ada tema kepentingan yang diberikan berlaku dalam cerita pada frekuensi yang lebih daripada yang dijangka secara kebetulan. Dengan cerita yang kita maksudkan hanyalah senarai cerita yang ditakrifkan mengikut sifat umum (pemikiran pengarang, pergerakan, tempoh). Pengkaji ini mendapati pemikiran dalam cerita yang dikaji telah "diperkaya" untuk mengetengahkan tema yang berkaitan dengan latar belakang pengarang, latar belakang masyarakat dari segi budaya dan sosial hidup. Sehubungan itu, kajian ini dilihat menyerupai dengan kajian pengkaji berkait dengan aspek pemikiran budaya. Namun kajian ini dilihat tidak menyentuh mengenai cerita kanak-kanak seperti cerpen. Pengkaji ini lebih memfokuskan kepada cerita daripada karya sastera dewasa.

Malah, kajian yang dilakukan oleh Enriquez, Dawes, Cappiello, & Cunningham (2018) turut disoroti. Dalam kajian ini, pengkaji ini telah meneliti buku sastera kanak-kanak yang berkualiti tinggi dikatakan dapat melibatkan diri dan menghibur para pembaca khususnya kanak-kanak yang baru mengenali dunia kesusasteraan. Di sini, pengkaji ini telah mendapati buku sastera kanak-kanak yang berkualiti tinggi seperti mengetengahkan dunia kanak-kanak, keperluan kanak-kanak, aspek pemikiran yang bermutu dan nilai-nilai kemanusiaan di dalam karya, secara tidak langsung dapat memotivasikan kanak-kanak untuk lebih menggemari buku kanak-kanak. Oleh yang demikian, pengkaji mendapati kajian ini serba sedikit menyentuh mengenai aspek pemikiran, keperluan kanak-kanak dan nilai-nilai kemanusiaan yang bagaimana dapat menjadikan buku kanak-kanak itu lebih berkualiti serta dapat memotivasikan kanak-kanak. Melalui elemen tersebut yang dilihat dapat dikaitkan dengan kajian yang pengkaji jalankan kerana pengkaji melihat aspek pemikiran dan keperluan kanak-kanak yang mana sesuai diketengahkan dalam karya kanak-kanak khasnya cerpen kanak-kanak. Perbezaan kajian ini dengan kajian pengkaji ialah kajian ini mengetengahkan buku kanak-kanak secara menyeluruh dan tidak hanya berfokuskan kepada cerpen kanak-kanak sahaja seumpama kajian pengkaji.

Chambers, Kashefpakdel, Rehill, & Percy (2018) pula membuat kajian mengenai penerokaan aspirasi kerjaya kanak-kanak melalui pembacaan karya sastera kanak-kanak. Dalam kajian ini, didapati sejumlah kajian lepas mencadangkan bahawa terdapat keperluan untuk memahami aspirasi utama yang dipegang oleh kanak-kanak. Penemuan dari pelbagai kajian mencadangkan bahawa stereotaip tidak hanya tertanam pada usia muda, mereka juga sukar untuk beralih dan memaparkan tingkah laku di sekolah, motivasi dan pilihan subjek apabila kanak-kanak telah mencintai dunia kesusasteraan. Latar belakang sosial, rangkaian peribadi, selebriti dan media massa juga berperanan untuk membentuk idea mengenai apa yang munasabah dan boleh diperolehi untuk kanak-kanak terokai melalui bahan bacaan yang dibaca atau didengari mereka. Hasil daripada kajian ini telah mengesahkan bahawa aspirasi kerjaya kanak-kanak menunjukkan beberapa bukti yang dipengaruhi oleh latar belakang sosio-ekonomi dan sosio-pendidikan yang diketengahkan oleh pengarang dalam karya yang mereka hasilkan. Penyelidikan ini juga mendapati bahawa terdapat hubungan antara aspek pemikiran yang diketengahkan oleh pengarang dalam karya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kanak-kanak seperti karya sastera. Melalui kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini, pengkaji mendapati terdapat persamaan mengenai aspek pemikiran ekomomi, budaya dan pendidikan. Namun kajian yang pengkaji tersebut lakukan tidak pula merumuskan mengenai pemikiran keagamaan dan politik yang diketengahkan dalam karya sastera kanak-kanak mampu menjadi sebagai aspirasi kerjaya kepada kanak-kanak.

Kemudiannya, pengkaji turut merujuk artikel daripada Nik Rafidah Nik Muhamad & Awang Azman Awang Pawi (2017). Jurnal ini membincangkan mengenai penyerapan nilai-nilai sosiobudaya dilihat ada diterapkan dalam cerita-cerita rakyat sama ada secara tersurat mahupun tersirat. Namun, perubahan zaman memberi kesan kepada tumpuan kanak-kanak terhadap buku yang merupakan medium tradisi. Hal ini kerana kanak-kanak mula terdedah kepada pelbagai bahan multimedia. Justeru, penyerapan nilai sosiobudaya dalam cerita-cerita klasik kian dilupakan. Dalam kajian ini pengkaji ini telah mengklasifikasikan dan menganalisis nilai-nilai sosiobudaya yang terdapat dalam cerita-cerita rakyat pilihan. Seramai 640 orang kanak-kanak yang berusia antara 9 hingga 10 tahun dari kawasan bandar dan luar bandar di Kelantan, Melaka, Sarawak, Sabah, Perak, Selangor, Wilayah Persekutuan Putra Jaya dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dipilih secara rawak sebagai responden. Dapatan kajian menunjukkan masih lagi ramai kanak-kanak di Malaysia dapat memahami akan relevan penerapan sosiobudaya dalam cerita-cerita klasik. Namun, terdapat juga kanak-kanak yang tidak tahu menilai akan kepentingan nilai-nilai yang diterapkan dalam cerita. Menerusi kajian yang dilakukan oleh Nik Rafidah dan Awang Azman, pengkaji mendapati persamaan kajian ini dengan kajian pengkaji ialah analisis mengenai nilai-nilai sosiobudaya yang dikaji sama dengan aspek pemikiran budaya yang pengkaji analisis. Namun, perbezaan yang jelas dilihat daripada kajian ini ialah bahan kajian yang digunakan dan penerapan teori sama sekali tidak menyerupai dengan kajian pengkaji. Hal ini kerana, kajian tersebut tidak menggunakan cerpen kanak-kanak dan teori Hierarki Keperluan Manusia atau pun teori Pengkaedahan Melayu.

Seterusnya, pengkaji merujuk kajian yang dihasilkan oleh Farra Humairah Mohd & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016). Kajian ini membicarakan tentang pemikiran kerohanian yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak mutakhir terpilih. Cerpen kanak-kanak masa kini, telah mencetuskan ketidakpuasan hati para Panel Penilai Hadiah Sastera Perdana Malaysia (HSPM) akibat kemerosotan mutu penghasilan cerpen kanak-kanak. Selain itu, ada juga sesetengah individu beranggapan bahawa cerpen kanak-kanak ini ditulis mengikut kaca mata penulis dewasa dan tidak memenuhi konsep sastera kanak-kanak serta psikologi kanak-kanak. Kajian ini telah mengenal pasti dan menganalisis pemikiran kerohanian yang diungkapkan oleh pengarang dalam setiap karya yang dihasilkan mampu memberi kesan positif kepada kanak-kanak ataupun sebaliknya. Hasil kajian ini mendapati cerpen kanak-kanak mutakhir yang dipilih ini sememangnya mempunyai unsur pemikiran kerohanian yang diterapkan oleh pengarang dalam karya yang dihasilkan untuk menyampaikan kesan positif kepada kanak-kanak, namun konsep sastera kanak-kanak dan psikologi kanak-kanak kurang dititikberatkan. Justeru, menerusi kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini, pengkaji mendapati terdapat persamaan kajian iaitu berkait dengan aspek pemikiran keagamaan dan bahan kajian yang digunakan iaitu

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penggunaan cerpen kanak-kanak mutakhir. Namun, terdapat sedikit perbezaan antara kajian ini dengan pengkaji iaitu penggunaan teori yang digunakan. Pengkaji ini menggunakan sepernuhnya teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) dan kajian pengkaji menggunakan teori Hierarki Keperluan Manusia dan teori Pengkaedahan Melayu.

Kajian yang seterusnya diteliti melalui kajian yang dihasilkan oleh Normaliza Abd Rahim et al., (2016). Kajian ini tertumpu kepada persepsi pelajar terhadap cerita rakyat Melayu. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti dan membincangkan persepsi pelajar terhadap cerita rakyat Melayu. Sampel kajian terdiri daripada 20 subjek pelajar lelaki dan perempuan di Hankuk University of Foreign Studies, Korea. Pelajar diberi tiga buah cerita rakyat dan mereka ditemu bual berpandukan kefahaman mereka terhadap cerita tersebut. Perbualan mereka dirakam dan dianalisis dengan menggunakan analisis wacana oleh Brown & Yule (1983). Keputusan kajian mendapati bahawa pelajar telah membuat andaian, implikasi, rujukan dan inferens melalui ujaran tentang cerita tersebut. Pelajar berbincang dengan menggunakan ayat-ayat yang berbentuk andaian, implikasi, rujukan dan inferens. Selain itu, pelajar amat menyukai cerita rakyat kerana semua cerita adalah menarik dan mudah untuk difahami. Menerusi kajian ini, dilihat persamaan kajian pengkaji ialah bahan kajian yang digunakan iaitu sastera kanak-kanak. Walaupun pengkaji ini menggunakan cerita rakyat namun aspek konsep sastera kanak-kanak yang terkandung dalam karya-karya kanak-kanak adalah sama iaitu berkait dengan bahasa, plot, tema dan aliran penceritaan yang terdapat dalam karya kanak-kanak adalah mudah dan tidak berliku-liku. Namun, dalam kajian yang dilakukan oleh Normaliza et al., (2016) langsung tidak memfokuskan kepada aspek pemikiran dan keperluan kanak-kanak yang terdapat dalam karya yang dikaji.

Seterusnya, artikel dari Siti Zuhaidah Zakeria & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi, (2016) juga diteliti pengkaji. Melalui kajian ini, cerita rakyat kanak-kanak telah digunakan untuk mengenal pasti dan menganalisis kesinambungan unsur budaya yang masih wujud di kalangan masyarakat Melayu. Kajian ini merujuk sepenuhnya kepada buku *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* selenggaraan Othman Puteh dan Aripin Said. Malah, kajian ini hanya tertumpu kepada cerita rakyat masyarakat Melayu Pantai Timur Semenanjung Malaysia sahaja. Hasil penelitian yang dibuat pengkaji ini mendapati tiga unsur budaya dominan dapat dibahagikan iaitu kepercayaan, perubatan dan seni budaya ekspresif. Unsur-unsur ini masih lagi dipegang dan diamalkan oleh masyarakat Pantai Timur kerana mempunyai nilai didikan dan nilai seni yang melambangkan diri anggota masyarakat Pantai Timur sendiri. Selain itu, elemen budaya yang terselit dalam cerita rakyat bacaan kanak-kanak ini mampu membuka minda generasi muda terutama golongan kanak-kanak untuk berfikir dengan lebih kritis dan kreatif.

Seterusnya, pengkaji merujuk sorotan dari kajian yang dilakukan oleh Normaliza Abd Rahim et al., (2018). Kajian ini memberi tumpuan kepada integrasi nilai-nilai dan budaya dalam animasi cerita rakyat Melayu. Objektif kajian ini ialah membincangkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

nilai-nilai dan budaya dalam animasi cerita rakyat tempatan. Kajian ini menggunakan nilai-nilai murni yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Nasional (1996) untuk menganalisis nilai-nilai dan budaya yang terdapat dalam animasi yang dikaji. Antara nilai-nilai murni yang dianalisis daripada Falsafah Pendidikan Nasional ialah terdiri daripada 16 nilai. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa cerita rakyat bertajuk *Leader and Palm Tree* mengandungi paling banyak nilai, iaitu 10 nilai, manakala cerita rakyat *Crow*, berada pada kedudukan paling rendah dengan 2 nilai sahaja. Keputusan menunjukkan bahawa nilai dan budaya penting dalam cerita rakyat agar dapat mengekalkan khazanah budaya dan warisan masyarakat setempat. Berbalik kepada kajian pengkaji, penggunaan bahan kajian yang digunakan adalah lebih menjurus kepada bahan bacaan kanak-kanak. Justeru, di sini di dapati sedikit persamaan antara kajian pengkaji dengan kajian ini kerana bahan yang digunakan adalah untuk kanak-kanak. Walaupun kajian ini menggunakan cerita rakyat, namun aspek pemikiran, konsep sastera dan keperluan kanak-kanak dilihat terkandung dalam karya yang digunakan itu. Hal ini yang menampakkan persamaan dengan kajian pengkaji.

Malah, pengkaji juga meneliti *Jurnal Bahasa* yang dilakukan oleh Shamsudin Othman dan Abdul Rasid Jamian (2012). Bagi Shamsudin dan Abdul Rasid, pelaksanaan elemen sastera dalam pengajaran dan pembelajaran seni bahasa dilihat bersifat sebagai satu pendekatan didik hibur dalam kaitannya dengan pedagogi Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Menurutnya lagi, pelaksanaan elemen sastera dalam pengajaran dan pembelajaran seni bahasa merupakan satu proses pedagogi yang kompleks dan membawa satu transformasi yang baik selari dengan arus perdana transformasi pendidikan negara. Oleh itu, kerjasama semua pihak dalam penghayatan didik hibur yang sebenar perlu dihayati supaya murid dan guru dapat menggembleng kerjasama yang sebaik-baiknya.

Selain itu, pengkaji juga turut melihat pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh para sarjana mengenai hal yang berkaitan dengan tajuk kajian pengkaji. Antara sumber ilmiah yang dirasakan sesuai untuk pengkaji menggunakannya ialah melalui sumber rujukan dari buku. Pengkaji telah merujuk beberapa buah buku untuk melengkapkan lagi kajian ilmiah ini. Antara buku yang dirujuk ialah seperti buku hasil tulisan Md Sidin Ahmad Ishak (2005). Dalam buku ini pengkaji mendapati banyak maklumat yang boleh digunakan untuk dijadikan sumber rujukan kerana buku ini membicarakan perkembangan sastera kanak-kanak di Malaysia, khususnya berkaitan dengan konsep sastera kanak-kanak, ciri-ciri sastera kanak-kanak, klasifikasi buku untuk kanak-kanak, sejarah dan perkembangan sastera kanak-kanak dan sebagainya lagi.

Sementara itu juga, antara buku lain yang turut menjadi sumber rujukan pengkaji ialah buku hasil karya Hadijah Rahman (2006). Dalam buku ini, pengkaji tertarik kepada perbincangan mengenai peranan dan perkembangan sastera kanak-kanak, motivasi dan nilai pendidikan dalam sastera kanak-kanak, corak sastera kanak-kanak iaitu hanya difokuskan kepada cerita kanak-kanak, tujuan cerita kanak-kanak disebarkan dan jenis- jenis cerita kanak-kanak Melayu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kemudiannya pula, pengkaji telah menggunakan sumber rujukan daripada hasil tulisan Othman Puteh (2001:10-40). Dalam bukunya itu, Othman Puteh membincangkan cara- cara untuk memahami dan menghayati karya cerpen, membantu untuk mengorak langkah dalam menghasilkan cerpen yang baik dari segi kualiti penulisannya dan penerangan mengenai ciri-ciri cerpen serta unsur-unsur dalaman sesebuah cerpen. Selain itu, pengkaji turut melihat maksud sastera kanak-kanak dan cerita atau cerpen kanak- kanak itu sendiri. Di sini, pengkaji telah mendapatkan sumber rujukan mengenai maksud cerpen kanak-kanak melalui buku yang ditulis oleh Hashim Awang (1987:14). Sebagai contoh, Hashim Awang menyatakan bahawa cerpen untuk kanak-kanak adalah;

> "...yang membawakan satu persoalan bagi menghasilkan satu kesan tertentu yang indah. Cerpen, sesuai dengan namanya adalah cerita yang relatif pendek yang selesai di baca sekali duduk, terdiri dari berbagai kisah, separa kisah percintaan (roman), kasih sayang, jenaka dan banyak lagi". Kebiasaannya, cerpen untuk kanak-kanak mengandungi nilai atau amanat yang sangat mudah difahami, dan sangat sesuai untuk dibaca oleh semua golongan khususnya kanak-kanak".

Seterusnya juga, pengkaji turut melihat defmisi cerita kanak-kanak, fungsi cerita untuk kanak-kanak, dan melihat aspek tema atau corak penceritaan dalam sesebuah cerita kanak-kanak. Antara buku ilmiah yang digunakan ialah seperti buku hasil tulisan Harun Mat Piah (2006). Antara fungsi cerita kanak-kanak yang dinyatakan dalam buku ilmiah ini ialah (i) sebagai bahan hiburan, (ii) sebagai alat didikan moral, (iii) untuk menyampaikan pengajaran dan penerangan dan sebagainya lagi. Malahan itu juga, buku ilmiah hasil tulisan Annas Haji Ahmad (1988) turut menjadi rujukan pengkaji. Dalam buku ini, pengkaji mendapati cerita untuk kanak-kanak lebih mengutamakan kepada keseronokan untuk kanak-kanak iaitu berfungsi sebagai bahan hiburan agar kanak-kanak tidak berasa bosan atau jemu apabila mendengar ataupun membaca cerita tersebut.

Secara keseluruhannya, berdasarkan kajian-kajian lepas mengenai sastera kanak-kanak sebenarnya telah banyak kajian yang dilakukan sebelum ini namun, kajian berkaitan dengan cerpen kanak-kanak masih kurang dikaji. Kebanyakan kajian yang disoroti ini adalah berkaitan dengan cerita rakyat, novel, buku kanak-kanak dan puisi kanak-kanak. Sehubungan itu, kajian lepas mengenai cerpen kanak-kanak hanyalah satu sahaja yang dapat dirujuk, namun kajian tersebut tidak sama dengan kajian yang pengkaji lakukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2.2.3 Kajian Lepas Mengenai Teori Hierarki Keperluan Manusia (Abraham Maslow)

Terdapat beberapa kajian utama yang dapat membantu pengkaji mendalami teori Psikologi Humanistik Abraham Maslow, iaitu kajian yang dilakukan oleh Nurhamizan Hashim (2015). Pengkaji ini telah mengkaji enam buah novel remaja Hadiah Sastera Kumpulan Utusan (HSKU) dan menganalisisnya dengan menggunakan lima peringkat utama yang terdapat dalam teori Hierarki Keperluan Remaja yang telah diubahsuai dari Teori Hierarki Keperluan Manusia, Abraham Maslow. Kajian yang dilakukan oleh Nurhamizah ini mendapati setiap objektif kajiannya berjaya dicapai dengan merumuskan bahawa watak remaja yang terdapat dalam novel yang dikajinya adalah merupakan cerminan remaja di alam realiti. Oleh itu, pengkaji ini menyimpulkan bahawa keperluan, keinginan dan kehendak setiap watak remaja yang ditonjolkan oleh pengarang dalam novel berdasarkan kehidupan remaja yang sebenar. Menerusi kajian yang dilakukan oleh Nurhamizah, penggunaan teori yang sama digunakan pengkaji iaitu teori Hierarki Keperluan Manusia (Abraham Maslow). Namun begitu, data atau bahan yang digunakan berbeza, iaitu pengkaji menggunakan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang bersifat multi pengarang. Kajian yang pengkaji jalankan ini turut merumuskan aspek-aspek pemikiran yang paling dominan melalui kesemua cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang telah dipilih. Perbezaan antara kajian pengkaji dengan kajian yang dilakukan oleh Nurhamizah ialah kajiannya tidak ada menganalisis mengenai aspek pemikiran yang terkandung dalam novel remaja yang dikajinya. Malah, pengkaji tersebut hanya melihat pola keperluan yang paling dikehendaki oleh watak-watak (utama) remaja dalam novel-novel yang telah dikajinya. Berbanding dengan kajian pengkaji, pengkaji melihat pemikiran yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 dapat memenuhi keperluan dan kehendak kanak-kanak.

Seterusnya, pengkaji turut merujuk kajian yang dilakukan oleh Faziela Abu Bakar @ Che Din (2015). Kajian ini memfokuskan terhadap novel-novel remaja pilihan iaitu novel '6:20' karya Siti Jasmina Ibrahim, 'Merenang Gelora' karya Ruslan Ngah, 'Azfa Hanani' karya Halis Azhan Mohd Hanafiah, 'Interlok' karya Abdullah Hussin dan 'Cinta Madinah' karya Abu Hassan Morad. Dalam kajian ini, novel-novel remaja yang dipilihnya itu mempunyai unsur psikologi yang diterapkan oleh pengarang dalam karya yang dihasilkan. Oleh itu, pengkaji ini melihat unsur psikologi dari sudut emosi dan konflik yang dihadapi oleh watak dalam novel tersebut dengan menggunakan pendekatan psikologi. Hasil kajiannya mendapati novel-novel yang dikajinya ada menyelitkan pelbagai jenis emosi iaitu emosi positif dan negatif. Dari sudut konflik pula pengkaji ini mendapati konflik yang tercetus dalam novel-novel ini seperti konflik remaja dengan keluarga, konflik remaja dengan diri sendiri dan konflik remaja dengan rakan sebaya.

Menerusi kajian tersebut, pengkaji mendapati kajian yang dilakukannya berbeza dengan kajian pengkaji iaitu kajian yang dilakukan pengkaji melibatkan aspek pemikiran dalam karya cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015. Namun, pengkaji ini tidak menggunakan karya sastera kanak-kanak sebagai bahan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian utamanya. Antara persamaan yang dilihat dalam kajian beliau dengan kajian pengkaji ialah melibatkan penggunaan teori Hierarki Keperluan Manusia, Abraham H. Maslow.

Selanjutnya, terdapat juga beberapa kajian yang turut menggunakan penggunaan teori yang sama dengan kajian pengkaji. Antara kajian tersebut ialah kajian Halis Azhan (2002). Dalam kajian ini, pengkaji telah mengkaji tentang watak dan perwatakan serta kehendak remaja, di samping sebab-sebab kehendak itu muncul, tindakan-tindakan yang dilakukan oleh watak remaja untuk mencapai kehendak tersebut dan kesan yang terhasil daripada tindakan yang dilakukan oleh watak. Sebanyak enam buah novel remaja karya penulis prolifik, iaitu Zailani Taslim telah digunakan sebagai bahan kajian. Kajian yang dilakukan oleh Halis Azhan ini telah berjaya membuktikan bahawa watak- watak remaja telah mencapai tiga peringkat Hierarki Keperluan Manusia yang pertama, manakala empat watak pula telah mencapai peringkat yang keempat dan tidak seorang watak pun yang berjaya mencapai peringkat yang terakhir dalam hierarki ini, iaitu peringkat penyempurnaan kendiri. Kekuatan kajian ini ialah pengkaji ini berjaya membuktikan bahawa Zailani Taslim selaku penulis novel-novel remaja yang dikaji telah mencipta dan membina watak-watak remaja unggul yang dapat diteladani oleh golongan remaja di dunia realiti.

Dalam kajian ini, teori yang sama turut pengkaji gunakan iaitu teori Hierarki Keperluan Manusia (Abraham H. Maslow). Namun begitu, data atau teks yang digunakan ternyata berbeza, iaitu pengkaji mengkaji cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015, manakala Halis Azhan pula menggunakan novel-novel Zailani Taslim. Kajian yang dijalankan turut merumuskan kepada pemikiran-pemikiran yang dominan dalam kesemua 130 buah cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji dapat memenuhi keperluan dan kehendak kanak-kanak berdasarkan model keperluan kanak-kanak melalui gabungan teori Maslow dengan teori Pengkaedahan Melayu. Berbeza pula dengan kajian yang Halis Azhan lakukan iaitu beliau tidak ada langsung menyatakan tentang aspek pemikiran yang dominan dalam novel yang dikajinya.

Seterusnya, terdapat juga kajian dari luar negara yang telah mengaplikasikan teori Hierarki Keperluan Manusia dalam bidang sastera, misalnya kajian yang dilakukan oleh Mohd Hanafi Ibrahim (2002). Melalui kajian tersebut, pengkaji ini telah menganalisis novel *Every Women Loves Russian Poet* karya Elizabeth Dunkle's. Hanya keperluan watak utama (Katia) dalam novel sahaja telah Muhammad Hanif kaji. Melalui hipotesis awal, pengkaji ini menyatakan watak utama iaitu watak Katia yang menginginkan keperluan di peringkat yang ketiga dalam hierarki keperluan manusia iaitu keperluan kasih sayang dan keinginan dimiliki. Namun, hipotesis awal yang dibuat beliau ternyata berbeza dengan dapatan kajian beliau, iaitu didapati watak Katia lebih memerlukan hubungan seks (hubungan lelaki dan perempuan) yang terdapat dalam keperluan pada peringkat fisiologi. Perbezaan antara kajian ini dengan kajian pengkaji ialah kajian ini hanya menggunakan sebuah novel dewasa sahaja. Namun, berbeza dengan kajian pengkaji yang menggunakan sebanyak 130 buah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 sebagai bahan teks kajian. Malah, cerpen kanak-kanak yang dipilih juga adalah multi pengarang dan multi penerbitan.

Selanjutnya, terdapat beberapa tesis para sarjana dari dalam negara mahupun luar negara yang telah menggunakan teori Hierarki Keperluan Manusia dalam kajian-kajian mereka yang terdiri daripada pelbagai bidang seperti bidang pengurusan, bidang pendidikan, bidang perniagaan, bidang ekonomi, bidang perubatan dan sebagainya lagi. Antara kajian yang telah dirujuk oleh pengkaji ialah kajian oleh Yunita Kirana Putri (2010). Kajian Yunita Kirana ialah kajian yang mengkaji keperluan yang diperlukan oleh banduan.

Selain itu juga, kajian yang dilakukan oleh Visser (2010) turut menggunakan teori Hierarki Keperluan Manusia dalam bidang perhubungan dan pertubuhan antarabangsa. Berbalik kepada kajian yang dilakukan oleh pengkaji, kajian ini berbeza kerana pengkaji menggunakan teori Hierarki Keperluan Manusia untuk melihat aspek pemikiran dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015. Malah, pengkaji juga menggunakan gabungan teori Hierarki Keperluan Manusia dengan teori Pengkaedahan Melayu agar keperluan kanak-kanak dapat dianalisis berdasarkan kesan daripada pemaparan aspek pemikiran yang diketengahkan oleh pengarang dalam karya yang dihasilkan mereka.

Selanjutnya, Hayden (2009) dari Naval Postgraduate School telah membuat satu kajian di peringkat sarjana. Dalam kajian beliau, Teori Hierarki Keperluan Manusia telah diaplikasikan dalam bidang perhubungan antarabangsa sama seperti kajian yang dilaksanakan oleh Alexandra Visser. Bahkan itu juga, terdapat satu lagi kajian yang menggunakan sepenuhnya teori Hierarki Keperluan Manusia (Abraham Maslow) telah dilaksanakan oleh Biro (2009) dari Universiti of Budapest. Biro melakukan kajian di peringkat Doktor Falsafah (PhD).

Selanjutnya, Grzeehnik (2005) dari Warsaw University juga turut menggunakan teori Hierarki Keperluan Manusia dalam kajiannya di bidang Pengurusan dan Perniagaan. Berbalik kepada kajian pengkaji pula, pengkaji menggunakan teori Hierarki Keperluan Manusia dengan gabungan teori Pengkaedahan Melayu untuk menganalisis cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015. Perkara ini berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh Jerzy Grzeehnik yang lebih memfokuskan kepada bidang pengurusan dan perniagaan. Malah, dalam kajian pengkaji hanya 4 peringkat hierarki sahaja yang dapat dianalisis kerana kanak-kanak belum sepenuhnya dapat mencapai peringkat keperluan yang paling atas iaitu keperluan kesempurnaan kendiri.

Kemudiannya, pengkaji turut merujuk kajian yang dilakukan oleh Norhayati Saudi (1994) dari Universiti Putra Malaysia. Kajian yang dilakukan oleh Norhayati diperingkat sarjana. Menerusi kajian ini, beliau telah menggunakan tiga teori iaitu Teori Humanistik dan Teori Perkembangan Havighurst. Bagi Teori Humanistik,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Norhayati telah menggunakan dua pandangan ahli psikologi humanistik yang terkenal iaitu Carl Roger dan Abraham H. Maslow. Melalui hasil daripada kajian yang dilakukan oleh Norhayati mendapati faktor-faktor seperti masalah peribadi, masalah keluarga dan hubungan kekeluargaan mempunyai perkaitan dengan konsep kendiri remaja. Terdapat juga perbezaan konsep kendiri bagi pelajar yang berlainan tempat tinggal dan dalam kalangan pelajar daripada kumpulan status sosioekonomi yang berbeza. Kajian yang dilakukan Norhayati ini juga telah berjaya membuktikan bahawa konsep kendiri bagi pelajar lelaki lebih tinggi berbanding dengan konsep kendiri pelajar perempuan.

Di sini hanya terdapat persamaan penggunaan teori Maslow sahaja dengan kajian pengkaji. Namun bagi gabungan teori yang lain yang digunakan oleh Norhayati tidak sama dengan kajian yang pengkaji lakukan. Hal ini kerana pengkaji menggunakan teori Pengkaedahan Melayu untuk disesuaikan dengan aspek pemikiran yang pengarang tempatan ketengahkan dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015. Selain itu, penggunaan gabungan janaan teori Maslow dan teori Hashim Awang yang pengkaji gunakan dapat menganalisis aspek pemikiran pengarang tempatan yang lebih mengetengahkan tentang aspek keagaman, budaya, politik, ekonomi dan pendidikan masyarakat tempatan kita yang berada di tanah Melayu.

Disini, pengkaji turut merujuk kajian yang dilakukan oleh Fallatah dan Syed (2018). Dalam kajian ini, pengkaji ini memfokuskan kajian kepada pekerja di Arab Saudi dengan melihat psikologi, keselamatan dan sosial pekerja tersebut menerusi teori Hierarki Keperluan Manusia, Abraham Maslow. Hasil kajian ini mendapati, pengaruh Maslow dalam teori Keperluan Manusia adalah sangat optimis. Hal ini kerana, kebanyakan teori lain yang telah dicadangkan untuk meramal dan memahami kategori keperluan pekerja tidak dapat dianalisis dengan baik melainkan dengan menggunakan lima peringkat yang terkandung dalam teori Maslow. Rumusan kajian ini mendapati adalah bukti empirikal yang terhad tentang kesejagatan Model Maslow yang harus menjadi perhatian khusus kepada para penyelidik motivasi. Kepuasan adalah konsep relatif yang berbeza dari individu kepada individu yang lainnya. Oleh itu, adalah penting bahawa penyelidik akan datang menjalankan pengesahan empirikal mengenai keperluan hierarki Maslow dalam pelbagai konteks nasional, perindustrian dan organisasi. Hal ini penting kerana majoriti kajian empirikal mengenai Maslow, yang sebenarnya telah dilakukan, telah dilakukan dalam organisasi dan konteks Barat. Oleh itu, ia akan menjadi manfaat untuk menjadi tumpuan masa depan pada organisasi yang terletak di negara-negara membangun dan kurang maju.

Kemudiannya, kajian dari Nor Nazimi Mohd Mustaffa (2017) juga diteliti. Di sini, pengkaji ini membincangkan teori Maslow dengan mengatakan terdapatnya pengaruh yang luas dalam pelbagai aspek kehidupan manusia baik dari segi falsafah, agama, psikologi dan juga pendidikan. Kajian ini turut membincangkan teori Maslow dan kaitannya dengan kehidupan Muslim. Hasil kajian menjelaskan lima tahap keperluan yang dikemukakan oleh teori Maslow mempunyai perkaitannya dengan kehidupan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Muslim dalam mencapai kehidupan yang sempurna akan tetapi dasar kepada hierarki keperluan seorang Muslim perlu disandarkan kepada Allah SWT atau unsur ketuhanan. Dalam agama Islam lima tahap yang perlu dilalui oleh seorang Muslim adalah lima tahap dalam maqasid syariah yang bertepatan dengan konsep kehidupan Muslim yang terbina atas prinsip akidah, akhlak dan syariah.

Selanjutnya, pengkaji meneliti kajian daripada Iskandar Muhammad (2016). Kajian ini menggunakan teori Hierarki Keperluan Manusia dan teori motivasi manusia McClelland yang digunakan dalam banyak organisasi di seluruh dunia, termasuk perpustakaan. Kajian ini adalah penyelidikan perpustakaan di mana ia akan menemui impak teori-teori di dalam perpustakaan sebagai institusi maklumat yang bekerja untuk menubuhkan sumber manusia. Persamaan kajian dengan kajian pengkaji ialah penggunaan teori sahaja. Namun, aspek yang lainnya dilihat langsung tidak menyerupai dengan kajian pengkaji. Selain itu juga, kajian ini lebih memfokuskan kepada beberapa orang pekerja sebagai bahan kajian, manakala pengkaji menggunakan bahan kajian dari cerpen kanak-kanak. Hal ini yang membezakan kajian pengkaji dengan kajian yang disoroti.

Sorotan kajian yang selanjutnya ialah menerusi kajian Faziela Abu Bakar @ Che Din & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016). Di sini, kajian ini membicarakan tentang konflik remaja yang terdapat dalam novel-novel remaja terpilih. Novel-novel tersebut pernah dirombak isi kandungannya kerana dikatakan tidak sesuai untuk golongan pelajar membacanya. Selain itu, novel-novel remaja ini telah mencetuskan pelbagai pendapat dan kritikan daripada golongan penggiat sastera, NGO, ahli akademik, dan ramai lagi. Objektif kajian ini adalah untuk mengklasifikasikan dan menganalisis unsur konflik yang terdapat dalam novel yang dikaji. Hasil kajian mendapati teks yang dikaji ini menyentuh tentang aspek konflik seperti konflik dalam keluarga, konflik dalam diri dan konflik rakan sebaya yang terdapat dalam novel remaja pilihan. Setelah diteliti, konflik yang berlaku kepada watak mampu ditangani oleh remaja yang berkonflik. Kesemua watak berjaya dalam kehidupan setelah menghadapi pelbagai konflik. Menerusi kajian ini, persamaan yang dilihat adalah berkait dengan penggunaan teori yang diguna pakai. Di sini, pengkaji ini menggunakan teori Abraham Maslow untuk menganalisis aspek konflik dan emosi yang terdapat dalam novel yang dikaji. Berbalik kepada kajian pengkaji pula, pengkaji juga menggunakan teori Maslow adalah untuk menganalisis berkenaan keperluan kanak-kanak yang dipaparkan dalam cerpen kanak-kanak yang dikaji.

Kemudiannya, pengkaji turut merujuk buku ilmiah yang ditulis oleh Mana Sikana, (2012). Buku ini menghimpunkan kesemua teori atau pendekatan sastera dunia terkini dan kesemua teori yang dinyatakan di dalam buku ini ialah sebanyak dua puluh dua buah teori sastera, yang kebanyakannya adalah teori sastera pasca moden. Di sini, setiap teori atau pendekatan yang dikemukakan dalam buku ilmiah ini telah diterangkan berkaitan dengan definisi, konsep, sejarah, tokoh atau pelopor teori/ pendekatan terbabit, prinsip, kaedah aplikasi dan kewajaran pengaplikasiannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam buku ilmiah ini, pengkaji banyak meneliti dan merujuk berkaitan dengan pendekatan psikologi humanistik untuk menjawab persoalan kajian pengkaji.

Berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian lepas yang telah dilakukan dengan penggunaan teori Hierarki Keperluan Manusia, Abraham Maslow seperti yang dinyatakan di atas sama ada dilakukan oleh pengkaji-pengkaji di peringkat PhD dan Sarjana, tempatan mahupun luar negara, pengkaji mendapati teori ini dapat digunakan untuk mengkaji pelbagai aspek bidang kajian. Lantaran itu, secara keseluruhannya menjadi tugas pengkaji untuk memanjangkan dan mengangkat kajian tentang pemikiran cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 di peringkat yang lebih tinggi dengan berlandaskan kepada teori Hierarki Keperluan Manusia (digunakan dalam bidang Kesusasteraan Melayu) di samping menggunakan beberapa bentuk analisis yang pernah digunakan oleh pengkaji terdahulu sewaktu proses menganalisis agar dapat menghasilkan kajian yang lebih mendalam dan bermutu.

2.2.4 Kajian Lepas tentang Teori Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang)

Berdasarkan pembacaan dan penyelidikan di perpustakaan, pengkaji mendapati ada beberapa pengkaji yang membuat kajian berkaitan dengan teori Pengkaedahan Melayu. Antaranya, kajian yang dilakukan oleh Arbakyah Hassan (2004). Kajian ini memberi tumpuan yang diberikan terhadap pantun Melayu yang mengandungi unsur-unsur kias ibarat. Kajian ini memperlihatkan kepentingan teknik, di samping menyorot makna disebalik pengertian yang tersembunyi serta rangkai kata yang penuh simbolik. Secara keseluruhannya, tesis ini menjelaskan tentang pantun Melayu yang mempunyai makna yang perlu dikupas secara intelektual atau bijaksana. Penelitian yang mendalam agar kias dan ibarat dapat dihuraikan kepada khalayak memahaminya sejelas-jelasnya. Kajian Arbakyah juga memberi tumpuan terhadap kias dan ibarat dalam teks puisi tradisional sahaja berbanding dengan kajian yang pengkaji lakukan lebih kepada teks prosa Melayu iaitu berkait dengan aspek pemikiran dalam cerpen kanak-kanak. Walaupun persamaan dalam menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu tetapi kajian yang dilakukan oleh pengkaji lebih tertumpu keistimewaan aspek pemikiran dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang menyentuh pelbagai pemikiran yang menyerlah ideologi orang Melayu berdasarkan kehidupan dan kebudayaan orang Melayu, juga kreativiti mereka dalam mengetengahkan keperluan kanak-kanak menerusi karya yang dihasilkan. Disamping itu terdapat nilai-nilai moral yang tinggi, pengajaran serta nasihat berguna yang boleh dikutip dan dijadikan sebagai panduan kehidupan kepada kanak-kanak.

Seterusnya, kajian dari Norita Arifin (2006) turut dirujuk. Kajian yang dilakukan adalah untuk melihat nilai budi masyarakat Melayu tradisional melalui kumpulan pantun 'Bingkisan Permata' terbitan Yayasan Karyawan (2001). Kajian ini menggunakan teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang yang menyerupai dengan kajian pengkaji. Namun, pengkaji ini tidak menggunakan kesemua pendekatan yang terdapat dalam teori Pengkaedahan Melayu. Antara pendekatan yang digunakan beliau ialah pendekatan moral, seni, dakwah dan kemasyarakatan. Objektif kajiannya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

untuk melihat nilai budi dalam masyarakat Melayu yang diterap melalui pantun. Tumpuan memperinci nilai budi di dalamnya terpancar nilai baik hati, berhemah tinggi, hormat menghormati, kasih sayang, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesyukuran dan keberanian. Jika dibuat perbandingan kajian tersebut hanya tertumpu pantun-pantun pilihan biasa bertemakan budi. Kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji pula melalui teks prosa Melayu Moden iaitu 130 buah cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 dengan menggunakan teori Pengkaedahan Melayu lebih kepada pendekatan moral, dakwah dan kemasyarakatan. Bahkan, pengkaji turut menganalisis pemikiran dan merumuskan pemikiran yang dominan seiring dengan keperluan kanak-kanak.

Seterusnya, Shuib Dan (1994) menganalisis seratus lima puluh pantun bertemakan agama sebagai bahan kajian. Pantun yang mempunyai keistimewaan tersendiri mencerminkan pemikiran dan corak hidup masyarakat Melayu tradisional. Keupayaan pantun berperanan sebagai alat pengucapan agama dan membentuk akhlak yang mulia. Kajian jenis pantun yang bertemakan keagaman dikaitkan dengan hubungan dengan Al-Quran sebagai bahan analisis. Menggunakan Teori Intertekstualiti yang diperkenalkan oleh Julia Kristeva, pengkaji cuba melihat pengaruh Al-Quran dalam pantun Melayu. Dalam hubungan ini, kajian tersebut menggunakan teori pengkaedahan Barat sebagai bahan analisisnya. Pengkaji memilih menggunakan teori tempatan, Teori Pengkaedahan Melayu sebagai asas kajian agar nilai bangsa dan budaya Melayu dapat mendekati lagi secara halusi melalui kajian dalam pantun peribahasa Melayu. Lebih-lebih lagi teori digunakan yang dihasilkan oleh Hashim Awang sarjana tempatan yang lebih memahami deria rasa sastera bangsa sendiri.

Sementara kajian yang dilaksanakan oleh Syaidul Azam Kamarudin (2017) turut disoroti pengkaji. Dalam kajian ini, pengkaji ini telah menggunakan teori Pengkaedahan Melayu untuk meneliti jati diri Melayu menerusi kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman. Kajian ini juga meneliti aspek jati diri Melayu dalam puisi yang dikaji dengan menganalisisnya melalui tiga aspek utama iaitu jati diri dalam aspek bahasa Melayu, jati diri dalam aspek agama dan jati diri dalam aspek budaya. Dapatan kajian ini mendapati bahawa ketulenan jati diri kemelayuan yang ditunjukkan oleh A. Aziz Deraman melalui puisinya berperanan sebagai iktibar, peringatan, dan nasihat yang dapat membawa manfaat dan menemukan kemuafakatan kepada masyarakat. Hal ini kerana karya puisi ini berlandaskan kepada ajaran dan etika Islam yang menjadi jalinan prinsip penting dalam Teori Pengkaedahan Melayu. Malah hasil kajian ini mendapati kumpulan puisi yang dikaji mencirikan kepenyairannya yang mempunyai jati diri kemelayuan yang mantap.

Kajian oleh Mohd Firdaus Che Yaacob et al., (2017) telah membangkitkan tentang betapa pentingnya nilai-nilai murni dalam cerita-cerita rakyat Melayu yang terkandung dalam buku 'Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia' (2013). Kajian ini menganalisis cerita rakyat dengan menggunakan 16 nilai murni yang termaktub dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan Malaysia. Hasil dapatan membuktikan bahawa cerita-cerita rakyat Melayu yang terkandung dalam buku

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

'Seuntaian Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia' mempunyai jalinan ikatan erat antara nilai-nilai murni yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dalam usaha melahirkan masyarakat yang harmonis. Melalui kajian ini, pengkaji dapati persamaan antara kajian ini dengan kajian pengkaji ialah melalui penggunaan teori Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang) yang digunakan. Selain itu, nilai-nilai murni yang dianalisis juga dilihat terkandung dalam aspek pemikiran yang pengkaji analisis menerusi 130 buah cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015. Namun, yang membezakan kajian ini dengan kajian pengkaji ialah melalui aspek pemikiran yang tidak disentuh langsung oleh pengkaji ini dalam kajiannya.

Pengamatan diteruskan dengan kajian oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim (2016) yang membangkitkan tentang kepentingan nilai baik hati yang terkandung dalam cerita-cerita rakyat Melayu terhadap masyarakat Melayu dengan menggunakan teori pengkaedahan Melayu sebagai deduktif kajian. Kajian ini mengenal pasti dan menganalisis nilai baik hati menerusi cerita-cerita rakyat Melayu terhadap masyarakat Melayu. Hasil dapatan kajian membuktikan bahawa cerita-cerita rakyat Melayu selama ini sememangnya kaya dengan pengolahan nilai baik hati yang boleh dijadikan medium untuk mendidik dan membentuk moral positif dalam kalangan masyarakat serta ternyata teori pengkaedahan Melayu adalah suatu jalinan yang konkrit untuk memantapkan hasil kajian.

Kajian oleh Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad dan Mohd Sharifudin (2016) juga membangkitkan tentang kepentingan nilai jati diri masyarakat Melayu yang terkandung dalam cerita-cerita rakyat Melayu. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan membincangkan nilai jati diri yang terkandung dalam cerita-cerita rakyat Melayu. Kajian ini menggunakan teori ekologi budaya atau adaptasi alam untuk memantapkan lagi analisis perbincangan. Hasil dapatan kajian ini membuktikan bahawa cerita-cerita rakyat Melayu yang diperoleh kaya dengan pembinaan jati diri yang dapat membnetuk semangat jati diri yang unggul dalam kalangan masyarakat Melayu pada hari ini.

Sudah ada kajian lalu yang menggunakan Pendekatan Firasat iaitu kajian peringkat doktor falsafah. Namun, kajian tersebut menggunakan bahan kajian sastera moden. Antara kajian tersebut yang dirujuk pengkaji ialah kajian dari Zurinah Hassan (2001). Beliau mengkaji unsur alam, iaitu tumbuh-tumbuhan, lautan dan haiwan yang mempunyai makna yang tersirat. Hal ini demikian kerana menurut beliau, sastera Melayu tidak akan dapat difahami sekiranya lambang yang ada pada sastera Melayu tersebut tidak dikaji. Kajian terhadap penggunaan unsur alam ini sangat penting kerana memberi pemahaman terhadap proses penciptaan karya oleh penyair Melayu. Kajian oleh Zurinah ini memperlihatkan bahawa unsur alam yang digunakan dalam puisi yang dikaji beliau mengandungi lapisan makna yang tersirat dan perlu ditafsirkan maknanya. Antara dapatan beliau dalam kajiannya ialah alam mengajak penyair Melayu berfikir atau menggunakan akal yang dikurniakan dan percaya bahawa kelebihan makhluk manusia ialah penganugerahan akal. Dapatan ini sangat penting kerana akal menjadi teras penting dalam melahirkan firasat. Tanpa merenung kejadian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

alam dengan akal budi, manusia tidak dapat mentafsirkan makna di sebalik unsur alam tersebut. Apabila pentafsiran makna alam itu dibuat, maka alam menjadi suatu iktibar dalam sesuatu tindakan. Kajian oleh Zurinah menggunakan teori yang sama dengan kajian yang dilakukan dalam makalah ini, namun menggunakan data yang berlainan kerana kajian ini menggunakan data puisi tradisional.

Kajian peribahasa pula telah dijalankan oleh Tengku Azeezeen Tengku Shamsudden, (2011). Kajian tersebut bertujuan untuk mengenal pasti jenis haiwan yang kerap digunakan dalam peribahasa Melayu dan Cina serta mencari persamaan dan perbezaan penggunaan unsur haiwan dalam peribahasa Melayu dan Cina. Kajian itu juga melihat konsep dan persepsi penggunaan unsur haiwan dalam peribahasa Melayu dan Cina. Kaedah kualitatif dan kuantitatif digunakan dalam kajian ini. Melalui kajian tersebut, didapati bahawa harimau merupakan salah satu haiwan yang paling kerap disebut dalam peribahasa Melayu dan Cina kerana memberikan pelbagai symbol dalam peribahasa, iaitu simbol kekuatan, kekuasaan, keberanian, kejahatan. Masyarakat Melayu lebih melihat harimau sebagai lambang kekuasaan, jahat dan berbahaya manakala masyarakat Cina melihat harimau sebagai lambang kekuatan dan kekuasaan.

Kajian tersebut berbeza dengan kajian pengkaji ini kerana kajian tersebut hanya menggunakan teori pengkaedahan Melayu bagi melihat unsur haiwan dan membandingkannya dengan peribahasa Cina. Berbeza dengan kajian ini yang menggabungkan teori pengkaedahan Melayu dengan teori Barat iaitu teori Maslow bagi melihat aspek pemikiran yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak. Kekuatan kajian yang dilakukan oleh Tengku Azeezeen ini adalah analisis perbandingan antara peribahasa Melayu dan peribahasa Cina, dan kajian ini berbeza dengan kajian pengkaji. Namun begitu, kajian yang dilakukan ini bukan sekadar melihat aspek pemikiran dalam cerpen kanak-kanak, tetapi juga melihat kesan daripada pemaparan aspek pemikiran itu mampu memenuhi keperluan kanak-kanak ataupun sebaliknya.

Kajian Imran Ho Abdullah (2011) merupakan analisis peribahasa berdasarkan teori kognitif. Kajian beliau membincangkan mekanisme kognitif yang membolehkan manusia membentuk peribahasa melibatkan haiwan dari sudut linguistik kognitif. Peribahasa berkaitan anjing sebagai unsur alam, iaitu haiwan diteliti dengan menghuraikan mekanisme kognitif (metafora dan metonimi) serta peranan mekanisme ini dalam pembentukan sesuatu peribahasa. Kajian ini melihat perkaitan antara peribahasa dengan minda, iaitu dengan melihat interpretasi sesuatu peribahasa berdasarkan kerangka kognitif semantik. Kajian ini mengkaji peribahasa dari sudut semantik dan berbeza dengan bidang kajian yang akan dilakukan. Namun begitu, kajian ini tidak melihat unsur kearifan yang ada dalam fikiran orang Melayu sehingga dapat membentuk peribahasa yang sangat indah dari sudut susunan perkataannya. Oleh itu, makalah yang dilakukan ini melihat keindahan peribahasa itu sehingga memberi kesan kepada masyarakat yang mengamalkannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya kajian yang dilakukan oleh Chong Ah Fok (2017) juga diteliti. Dalam kajian ini, pengkaji ini telah melakukan kajian dengan melihat teori Moral Alamiah sebagai satu teori atau pun gagasan. Dalam kajian ini, pengkaji ini telah mengatakan terdapatnya beberapa kritikan mengatakan telah munculnya pemikiran baru untuk mengetengahkan satu pendekatan atau gagasan berkait dengan teori Pengkaedahan Melayu. Pengkaji ini telah merumuskan bahawa teori moral alamiah ini boleh menjadi alternatif kepada para pengkaji yang mengkaji (menerangkan sesuatu yang tidak dapat diterangkan) karya sastera Melayu. Selain itu, teori ini tetap berakarkan masyarakat Melayu–Islam yang sangat akrab hubungannya dengan alam. Bahkan itu, pengkaji ini turut menyarankan agar teori ini dapat menganalisis kesemua genre teks karya sastera sama ada lisan dan tulisan kerana membandingkannya dengan unsur alam yang dicipta oleh Tuhan dengan ada nilai faedahnya untuk dimanfaatkan kepada makhluk termasuklah manusia. Tinggi atau rendahnya mutu teks itu bergantung pada kebijaksanaan pembaca untuk menilainya dan pengarang menciptanya. Malah, segala kekurangan dan kelemahan teori ini perlu diterima dengan sikap dialektik oleh para sarjana tempatan dengan cara menampungnya dan menjadikannya lebih perkasa dan tahan uji. Oleh yang demikian, pemikiran baharu untuk memperkukuh teori ini adalah sangat dialu-alukan. Jika sikap seperti ini berlaku, teori ini akan menjadi kukuh dan menambah satu lagi teori sastera. Dunia kesusasteraan akan lebih meriah kerana kewujudan teori dari Timur, dan diharapkan menjadi teori alternatif kepada sarjana Barat juga.

Satu lagi kajian yang dilakukan oleh Normaliza Abd Rahim et al., (2017) yang berkaitan dengan nilai-nilai dan budaya dalam cerita rakyat Melayu. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti dan membincangkan nilai-nilai dalam lagu lirik 'The Stork dan Rusa Mouse'. Lagu itu diambil dari aplikasi telefon dalam penyusunan cerita 'Kingfisher' yang berhak cipta oleh Dewan Bahasa dan Pustaka. E-folklore itu ditulis semula daripada kisah cerita rakyat Melayu. Hasil dapatan ini mendapati terdapatnya nilai-nilai dan budaya masyarakat Melayu seperti nilai kebaikan, jujur, amanah, percaya, membantu dan perhatian terhadap orang lain memberi nasihat. Ia dapat dilihat bahawa kebaikan nilai-nilai akan disebarkan melalui e-folklore untuk memastikan pembaca memahami maksud sebenar setiap nilai dan menyesuaikan nilai-nilai dalam kehidupan seharian mereka. Kajian ini menggunakan teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1994) yang menyatakan bahawa dalam semua aspek kehidupan ada cara dalam menangani kehidupan, kepercayaan dan budaya di kalangan masyarakat dan berkaitan dengan kemanusiaan. Berbalik kepada kajian pengkaji, terdapat persamaan penggunaan teori yang digunakan iaitu teori Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang). Namun, dalam kajian pengkaji, pengkaji hanya menggunakan tiga pendekatan sahaja dari pendekatan yang terkandungan dalam teori Pengkaedahan Melayu. Antara pendekatan tersebut ialah pendekatan moral, pendekatan dakwah dan pendekatan kemasyarakatan. Malah, terdapat perbezaan kajian ini dengan kajian pengkaji kerana pengkaji ini tidak menggunakan bahan kajian daripada cerpen kanak-kanak. Selain itu, tiada penggabungan teori antara teori Barat dan teori tempatan digunakan seperti dalam kajian pengkaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara kesimpulannya, kajian khusus mengenai pemikiran dalam cerpen kanak-kanak dengan menggunakan teori Pengkaedahan Melayu masih belum ada lagi. Melalui sorotan yang dilakukan, kebanyakan kajian yang telah dibuat lebih memfokuskan kepada kajian dalam karya prosa dan puisi Melayu sama ada tradisional mahupun moden. Namun, kebanyakan kajian tersebut didapati berkait rapat dengan kajian terhadap teks 'novel' dan 'puisi' tradisional. Oleh itu, diharapkan agar kajian yang dilakukan ini menjadi rujukan yang lengkap untuk melihat pemikiran dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 melalui teori Pengkaedahan Melayu dari beberapa pendekatan di dalamnya.

2.3 Kesimpulan

Melalui kajian literatur ini, pengkaji dapat mengetahui maklumat-maklumat yang telah diperoleh untuk membantu pengkaji dalam meneruskan kajian terutamanya di bahagian analisis kajian (Bab 4) nanti dan seterusnya membuat kesimpulan di bahagian Bab 5. Oleh yang demikian, kajian ini dilihat dapat memberi kefahaman kepada pengkaji untuk memahami mengenai setiap elemen yang hendak dikaji khusus meliputi pemikiran yang utama diketengahkan dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015. Dengan itu, pengkaji turut menganalisis aspek-aspek pemikiran yang paling dominan dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 melalui Teori Hierarki Keperluan Manusia (keperluan dan kehendak kanak-kanak).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara kesimpulannya, berdasarkan penelitian pengkaji terhadap kajian-kajian lepas, nyata tidak ada satu pun kajian yang membicarakan pemikiran dalam cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 secara terperinci. Kebanyakan perbincangan melihat pemikiran secara umum dengan menyentuh beberapa buah cerpen atau novel dewasa sahaja. Kajian tentang cerpen kanak-kanak tempatan tidak ditemui walaupun pengkaji sudah berusaha mencarinya. Pada keseluruhannya, perbincangan dalam kajian lepas terhad, menjadikan analisis yang dilaksanakan oleh mereka sangat terbatas. Oleh itu, untuk melihat dan meneliti cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang membicarakan lima pemikiran yang utama (pemikiran keagamaan, pemikiran budaya, pemikiran politik, pemikiran pendidikan dan pemikiran ekonomi) dalam cerpen kanak-kanak perlu dilakukan secara mendalam oleh pengkaji. Teori Hierarki Keperluan Manusia (Abraham Maslow) yang dibicarakan di atas pula digunakan sebagai pegangan pengkaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji menyatakan metodologi yang digunakan dalam membantu pengkaji menjalankan penyelidikan ini. Metodologi yang bersesuaian adalah penting untuk memudahkan pengkaji memperoleh maklumat bagi melengkapkan kajian ilmiah ini berdasarkan prosedur yang betul. Metodologi merupakan satu ilmu atau kaedah untuk mengkaji sesuatu tajuk yang berkaitan dengan bidang ilmiah. Menurut Azizi Yahya et al., (2007: 57) metodologi didefinisikan sebagai; kaedah atau cara. Oleh itu, melalui bab ini metodologi dilihat berfungsi sebagai cara untuk mendapatkan maklumat dan pengumpulan data yang seterusnya akan dianalisis atau diproses untuk menentukan ketepatan hasil kajian pengkaji.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Dalam bahagian ini, pengkaji telah memilih untuk menggunakan kaedah kualitatif secara keseluruhan kajian. Apabila menggunakan kaedah ini, data yang dikumpul dan diperoleh akan menjadi lebih terperinci (Azizi Yahya et al, 2007: 100). Reka bentuk kajian kualitatif dipilih kerana bersesuaian untuk menjawab objektif kajian yang memerlukan pengkaji untuk membuat pembacaan mendalam dan melaksanakan penyelidikan analisis dokumen yang dikaji bagi mendapatkan maklumat yang tepat. Hal ini disokong dengan pendapat Idris Awang (2001: 18) bahawa sesuatu fenomena itu dikaji secara mendalam oleh penyelidik secara realitinya. Oleh yang demikian, rasionalnya pengkaji menggunakan kaedah reka bentuk kualitatif ini kerana kaedah ini memberikan keyakinan yang jelas terhadap kesahan, keputusan dan fakta yang diperoleh daripada hasil kajian yang dilaksanakan (Azizi Yahya et al., 2007: 102). Oleh itu, dalam kajian ini reka bentuk kajian yang digunakan adalah kaedah kajian kepustakaan, kajian analisis dokumen dan penggunaan gabungan teori Hierarki Keperluan Manusia (Abraham Maslow) dengan teori Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang).

3.2.1 Kajian Kepustakaan

Kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kepustakaan. Kaedah kepustakaan ialah penulisan yang bertujuan mengulas isi ilmu termasuklah penemuan kajian secara teori dan kaedah sumbangan mengenai sesuatu topik. Tujuan kaedah ini dilakukan untuk mendapatkan maklumat yang berkait dengan kajian. Penggunaan kaedah ini telah banyak membantu pengkaji dalam mencari maklumat-maklumat yang diperlukan seperti aspek-aspek pemikiran, cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015, sastera kanak-kanak, teori Hierarki Keperluan Manusia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

(Abraham Maslow) dan gabungan teori Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang). Pengumpulan maklumat kajian secara pembacaan dari kaedah ini dianggap sebagai fakta sandaran memandangkan maklumat yang diperoleh ialah rujukan semula dari hasil kajian yang terdahulu.

Kajian menggunakan kaedah ini agak terbatas. Hal ini demikian kerana melalui kaedah kepustakaan ini, definisi ataupun konsep tajuk yang dikaji dapat dijadikan sebagai bahan rujukan selain dapat mencari kajian-kajian lepas yang telah dilakukan oleh pengkaji terdahulu yang berkaitan dengan tajuk untuk dijadikan sebagai salah satu bahagian dalam sorotan literatur. Sepanjang proses melakukan kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa buah perpustakaan di institusi pengajian tinggi awam tempatan untuk mencari maklumat yang diperlukan bagi menyiapkan kajian ini. Antara perpustakaan yang menjadi rujukan pengkaji dalam kajian ini ialah perpustakaan di UPM, UKM, UM, UPSI, DBP dan lain-lain lagi.

Sesuai dengan definisi kajian kepustakaan oleh Wodak & Meyer (2009: 27) yang menerangkan bahawa usaha yang dilakukan oleh penyelidik untuk mengumpul maklumat yang bersesuaian dan relevan dengan masalah atau topik yang akan atau sedang diteliti. Informasi yang dimaksudkan ini dapat diperoleh daripada buku-buku ilmiah, hasil penyelidikan orang lain, laporan penelitian, ensiklopedia, fakta-fakta, buku tahunan dan sumber-sumber bertulis ataupun sumber elektronik. Segala maklumat dapat dianalisis mengikut tema-tema yang ditetapkan dalam penyelidikan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.2.2 Kajian Analisis Teks

Selain menggunakan kaedah kajian kepustakaan, kajian analisis teks turut digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini. Kajian analisis teks dilakukan kerana pengkaji ingin mengetahui secara mendalam aspek dan keadaan sebenar sesuatu kejadian atau keadaan tertentu dalam karya atau teks yang dikaji. Di samping itu, pengkaji dapat memperoleh maklumat dari sumber yang paling mudah kerana maklumat yang diperlukan telah sedia ada dan sukar untuk menipu (Mook Soon Sang, 2009: 340).

Dalam analisis teks, terdapat juga penemuan yang ditemukan, tidak terdapat dalam penggunaan ilmu bantu. Maka analisis ini akan menunjukkan kekayaan dalam dapatan kajian, iaitu penemuan-penemuan yang akan membina dapatan kajian yang asli mengikut pemikiran dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015. Menurut Fairclough (2004: 28) menyatakan bahawa:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> *When we analyse specific texts as part of specific events, we are doing two interconnected things: (a) looking at them in terms of the three aspects of meaning, Action, Representation and Identification, and how these are realized in the various features of texts (their vocabulary, their grammar, and so forth);(b) making a connection between the concrete social event and more abstract social practices by asking, which genres, discourses, and styles are drawn upon here, and how are the different genres, discourses and styles articulated together in the text?*

Daripada petikan ini, beliau menegaskan apabila seseorang penyelidik menggunakan kaedah kajian analisis teks terdapat dua perkara yang harus diutamakan iaitu (a) menganalisis teks dari tiga aspek iaitu makna, tindakan, perwakilan dan pengenalpastian, dan bagaimana teks ini dapat direalisasikan dalam pelbagai ciri teks iaitu (b) perbincangan antara acara sosial konkrit dan amalan sosial yang lebih abstrak dengan bertanya, genre, wacana, dan gaya yang digunakan dalam teks, dan bagaimana genre yang berbeza, wacana dan gaya yang diucapkan bersama dalam teks itu? Oleh itu, kajian teks tidak berlaku secara selapis malah berlapis-lapis dengan mengikut genre dan konteks sosial yang berlaku mengikut zaman genre itu dihasilkan. Kesimpulannya kajian teks tidak dapat dinafikan kelebihannya berbanding dengan kaedah kajian kualitatif yang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam kajian ini, kaedah analisis teks yang dilakukan adalah dengan menganalisis sebanyak 130 buah teks cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015. Berdasarkan 130 buah teks cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 itu, analisis yang dilakukan ialah berkaitan dengan aspek pemikiran yang diketengahkan dalam karya tersebut. Asas kepada aspek pemikiran dalam cerpen kanak-kanak diambil daripada pendapat para sarjana iaitu melalui kajian literatur. Dalam kajian literatur tersebut, kebanyakan sarjana tempatan seperti Mohd Yusof Hasan (2007), Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2005), Raja Rajeswari Np Seetha Raman (2005), Arba'ie Sujud (2004), Salmah Jan Noor Muhammad (2003), Zalina Samidi (2001), Ruzilawati Manaf (2001), Normah Ismail (2001), Othman Puteh (2001), S. Othman Kelantan (1997), Baha Zain (1991), Samsina Abd Rahman (1990), Zainal Kling (1989), Muhammad Haji Salleh (1986) dan Rahman Shaari (1988) menyatakan terdapatnya beberapa aspek pemikiran dalam sesebuah karya sastera.

Antaranya, ada dalam kalangan sarjana yang menyatakan pemikiran terbahagi kepada tiga iaitu, pemikiran sosioekonomi, pemikiran sosiopolitik dan pemikiran sosiopendidikan. Aspek budaya telah digabungkan dengan menggunakan istilah "sosio". Terdapat juga, sarjana yang menyatakan pemikiran dalam karya sastera terbahagi kepada empat iaitu, pemikiran sosioagama, sosioekonomi, sosiopolitik dan sosiopendidikan. Oleh itu, didapati persamaan pemikiran antara pendapat sarjana tersebut. Dalam kajian ini, dapat dirumuskan bahawa pemikiran dalam cerpen kanak-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kanak yang dikaji terbahagi kepada lima aspek iaitu pemikiran keagamaan, pemikiran budaya, pemikiran politik, pemikiran pendidikan dan pemikiran ekonomi.

Seterusnya, dalam kajian ini akan menggunakan teori Hierarki Keperluan Manusia (Abraham Maslow) dan pergabungan teori tempatan iaitu teori Pengkaedahan Melayu. Teori Hierarki Keperluan Manusia mempunyai lima hierarki atau peringkat iaitu keperluan fisiologi, keselamatan, kasih sayang, penghargaan kendiri dan kesempurnaan kendiri. Dalam melaksanakan kajian ini, kelima-lima peringkat keperluan digunakan pengkaji untuk menganalisis aspek-aspek pemikiran yang diketengahkan dalam kesemua cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji. Malah pendekatan-pendekatan dalam teori Pengkaedahan Melayu seperti pendekatan moral, pendekatan dakwah dan pendekatan kemasyarakatan turut digunakan untuk menganalisis kesemua cerpen kanak-kanak yang dikaji. Perkaitan antara aspek pemikiran dengan peringkat keperluan dalam teori Maslow dihubungkan dengan kesan daripada tingkah laku keperluan kanak-kanak yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015. Kesan ini dianalisis dari aspek keperluan kanak-kanak yang terdapat dalam cerpen. Sebagai contoh, dalam pemikiran keagamaan, perihal sembahyang memberi kesan kepada kanak-kanak. Kesan yang dapat dilihat dalam diri kanak-kanak ialah, wujudnya hubungan kasih sayang dan harmoni dalam keluarga apabila bersembahyang secara berjemaah. Kesan ini apabila dikaitkan dengan keperluan kanak-kanak, didapati berada pada peringkat ketiga dalam Hierarki Keperluan Manusia iaitu keperluan kasih sayang. Selain itu melalui kesan tersebut, secara tidak langsung pendekatan moral dan pendekatan dakwah dapat diwujudkan. Kesemua aspek pemikiran akan dianalisis dengan melihat kesan untuk dikaitkan dengan Hierarki Keperluan Manusia dan teori Pengkaedahan Melayu. Namun, peringkat keperluan yang paling atas iaitu keperluan kesempurnaan kendiri (dalam Hierarki Keperluan Manusia) dan pendekatan gunaan, pendekatan firasat dan pendekatan seni (dalam teori Pengkaedahan Melayu) tidak dianalisis kerana kanak-kanak masih belum dapat mencapai keperluan ini dan tiga pendekatan tersebut tidak diperlihatkan dalam kesemua cerpen kanak-kanak yang dikaji.

3.3 Penggunaan Teori

Dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji menggunakan beberapa pendekatan teori untuk mendekati, mengupas dan menganalisis persoalan-persoalan yang ditimbulkan. Menurut Harun Jaafar (2002: 13) dalam menganalisis karya sastera, seseorang pengkaji memerlukan satu teori atau pendekatan serta memilih kaedah di samping prinsip-prinsip yang tepat dan sesuai dengan objektif kajian. Beliau juga berpendapat bahawa teori atau pendekatan merupakan hasil renungan yang mendalam, sistematik dan mempunyai struktur yang berfungsi sebagai pengaruh dalam setiap penelitian yang dijalankan. Oleh yang demikian, penggunaan kaedah yang jelas dalam menganalisis sesuatu karya bertujuan agar sesuatu penelitian mempunyai kredibilitinya yang tersendiri, hasil kajian akan lebih objektif dan terhindar daripada unsur-unsur yang bersifat prasangka.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi Abdul Halim Ali (2015: 9-10), teori berasal daripada pemikiran Yunani iaitu 'therio' yang bermaksud pandangan. Definisi ini menjelaskan bahawa teori berasaskan kepada konsepsi seseorang yang akhirnya akan dikemukakannya dalam suatu bentuk pandangan. Menurutnya lagi, teori juga dikenali sebagai gagasan tentang definisi, konsep, prinsip, kriteria dan saranan yang memperjelas sesuatu objek. Oleh yang demikian, dirumuskan bahawa teori merupakan sesuatu pendapat, sesuatu aturan yang sistematik sifatnya yang dicetuskan oleh seseorang pemikir yang boleh digunakan oleh pengikutnya untuk melakukan sesuatu pengkajian dalam sesuatu bidang ilmu.

Dalam kajian ini, penerapan teori yang digunakan ialah teori Humanistik iaitu Hierarki Keperluan Manusia (Abraham Maslow) dan pergabungan teori Pengkaedahan Melayu. Rasionalnya penggunaan teori Hierarki Keperluan Manusia digunakan dalam kajian kerana teori ini sememangnya sesuai untuk meneliti keperluan dan kehendak kanak-kanak. Selain itu, teori Hierarki Keperluan Manusia ini juga adalah umum tidak kira untuk meneliti keperluan dan kehendak bagi orang dewasa mahupun kanak-kanak. Teori ini juga bertepatan digunakan kerana untuk meneliti aspek psikologi kanak-kanak. Sejajar itu, teori ini juga didapati amat penting untuk mengkaji keperluan, kehendak, motivasi serta matlamat individu dalam meneruskan kehidupan seharian. Bahkan, keperluan dan kehendak kanak-kanak adalah bergerak serentak. Hal ini selari dengan pendapat Fallatah and Syed (2018), "teori Abraham Maslow merupakan teori yang berkaitan dengan kehendak dan keperluan asas untuk mencapai tahap kesempurnaan diri. Tambahan mereka lagi, jika keperluan psikologi ini tidak dipenuhi maka jiwa seseorang akan terganggu". Selain itu, Iskandar Muhammad (2016: 28) menerusi kajiannya turut mengatakan bahawa teori hierarki Abraham Maslow ini dapat membantu penyuburan dan kepuasan peribadi seseorang untuk menjadikan individu yang proaktif. Manakala penggunaan gabungan teori Pengkaedahan Melayu dalam kajian ini kerana teori ini dapat meneliti tentang aspek pemikiran yang pengarang tempatan ketengahkan dalam karya mereka iaitu berlatarkan kepada dunia alam Melayu.

3.3.1 Teori Humanistik Abraham Maslow

Teori yang dicetuskan oleh Abraham Maslow pada tahun 1954 ini memenuhi kehendak- kehendak secara berperingkat-peringkat dari semasa ke semasa. Maslow melihat individu sebagai sesuatu yang berintegrasi secara keseluruhan. Contohnya, seseorang yang lapar, ia bukan sebahagian daripada individu tersebut, sebaliknya keseluruhan diri individu menunjukkan rasa lapar. Teori Maslow ini mempunyai kaitan dengan personaliti dan menitikberatkan beberapa andaian yang berkaitan dengan motivasi. Beliau menekankan keseluruhan diri individu bergerak, bukan hanya sebahagian daripada individu. Dalam hal ini, Abraham Maslow beranggapan bahawa motivasi sebagai sesuatu yang kompleks iaitu tingkah laku luaran yang diperlihat oleh manusia. Beliau juga menganggap, individu akan terus bermotivasi oleh sebab suatu matlamat (Mahmood Nazar Mohamed, 2001: 273).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Matlamat ini dianggap sebagai keperluan yang perlu dipenuhi oleh semua manusia tanpa mengambil kira budaya, persekitaran dan perbezaan generasi. Personaliti yang dibincangkan oleh Maslow lebih kepada keperluan individu. Maslow sering mengaitkan perkembangan personaliti dengan motivasi. Motivasi lahir daripada keperluan yang diperoleh daripada setiap individu. Maslow berpendapat sebilangan keperluan dalaman yang bergerak serta mengarahkan perlakuan yang dipamerkan oleh individu. Keperluan yang ditunjukkan oleh Maslow dapat dilihat dalam bentuk hierarki.

Menurut beliau lagi, keperluan di tahap yang paling bawah iaitu keperluan fisiologi harus dipenuhi terlebih dahulu sebelum seseorang individu memikirkan tahap kedua. Dengan kata lain keperluan di peringkat kedua tidak akan wujud jika keperluan di peringkat pertama tidak mencapai kesempurnaan. Maslow (1970: 92) turut menyebut terdapat perbezaan antara keperluan peringkat bawah dengan keperluan di peringkat tinggi, antaranya:-

(i) Keperluan di peringkat tertinggi wujud lewat dalam pertumbuhan diri kita dan kewujudannya secara beransur-ansur. Oleh sebab lebih tinggi keperluan itu, aspek ini lebih istimewa kepada individu tersebut.
(ii) Keperluan fisiologi wujud sebaik sahaja individu lahir di dunia.
(iii) Keperluan penghargaan kendiri timbul di peringkat kanak-kanak dan dewasa manakala keperluan kesempurnaan kendiri wujud selepas pertengahan umur.
(iv) Kepuasan memenuhi keperluan di peringkat tinggi akan membawa erti yang mendalam kepada diri individu tersebut. Sebagai contoh, emosi gembira. Keperluan di peringkat tertinggi (keperluan kesempurnaan kendiri) dianggap sebagai keperluan pertambahan.
(v) Keperluan-keperluan di peringkat rendah, ialah keperluan yang semestinya dilalui oleh setiap individu bagi mengekalkan kestabilan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 2 : Hierarki Keperluan Manusia (Abraham Maslow)

Menurut Hjelle & Ziegler (1992: 448) kehendak dan keperluan manusia lahir dalam diri manusia dan telah tersusun mengikut keutamaan. Dalam kajian ini, teori ini dapat diaplikasikan dalam disiplin kesusasteraan dengan melihat keperluan watak kanak-kanak yang diciptakan oleh penulis dalam karyanya. Watak-watak kanak- kanak dalam karya lazimnya mempunyai kualiti seperti kehidupan sebenar. Oleh itu, sebarang tingkah laku, tindakan, riak wajah dan pernyataan emosi dapat menjelaskan keperluan kanak-kanak yang ingin dipenuhinya.

Melalui rajah di atas, dapat dikatakan bahawa kanak-kanak harus memenuhi keperluan dan permulaan, iaitu pada peringkat fisiologi (keperluan asas). Keperluan ini meliputi tentang kehendak asas makanan, tempat tinggal, air, api, angin, udara dan sebagainya. Keperluan fisiologi ini harusnya dipenuhi terlebih dahulu sebelum seseorang individu khususnya kanak-kanak bagi memikirkan keperluan dan kehendak yang seterusnya dalam kehidupannya. Maksudnya di sini ialah keperluan di peringkat yang kedua tidak akan wujud jika keperluan di peringkat pertama tidak mencapai tahap kesempurnaan. Tanpa keperluan-keperluan ini, manusia tidak dapat hidup dengan sempurna dan selesa. Setelah keperluan asas dicapai, manusia perlu mencari keselamatan dalam hidup, kestabilan kerja, jagaan masyarakat, undang-undang serta membebaskan diri daripada ancaman luaran mahupun dalaman.

Peringkat yang kedua yang perlu dalam keperluan dan kehendak kanak-kanak ialah peringkat keselamatan dan jaminan. Di sini, jaminan dan keselamatan adalah untuk mengisi dan memenuhi kehendak iaitu seseorang individu itu akan berasa selamat, selesa, tenang dan tenteram apabila dirinya dilindungi. Peringkat keselamatan ini amat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diperlukan bagi menjamin kesejahteraan hidup. Kehendak atau keperluan kedua ini bukan sahaja meliputi aspek fizikal, malah aspek-aspek lain seperti aspek rohani dan aspek emosi. Keperluan ini lahir daripada desakan nurani manusia sendiri yang lazimnya tidak akan selesa kalau hidupnya sering diburu ketakutan, kebimbangan dan rasa yang serba tidak menentu. Walau bagaimanapun, Maslow (1970: 43) berpendapat bahawa keperluan keselamatan tidak akan mendapat keutamaan selagi kehendak fisiologi masih belum dipuaskan. Bentuk-bentuk keperluan keselamatan yang diingini oleh manusia pada peringkat ini ialah seperti keselamatan fizikal, kestabilan politik, ekonomi, mendapat perlindungan undang-undang, bebas meluahkan pendapat, tidak berada dalam ketakutan, bimbang dan perasaan tidak menentu.

Seterusnya ialah peringkat keperluan dan kehendak kasih sayang. Pada tahap ini, manusia amnya kanak-kanak akan memerlukan keperluan disayangi dan menyayangi. Keperluan dan kehendak kasih sayang ini meliputi tentang perasaan sempurna, rasa disayangi dan ingin menyayangi keluarga terdekat, kawan-kawan, guru dan sebagainya agar tidak berasa kesunyian dan kekosongan dalam diri mereka. Keperluan kasih sayang dapat dibahagikan kepada dua jenis kasih sayang iaitu *D-Love (deficiency-love)* dan *B- Love (being-love)*. *D-Love* ialah apabila individu itu lebih mementingkan diri sendiri daripada memberi kasih sayang kepada orang lain. Manakala *B-Love* pula ialah individu yang lebih mengambil berat akan memberi kasih sayang kepada orang lain daripada menerima kasih sayang daripada orang lain semata-mata (Lyons and Roulstone, 2018: 45).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Peringkat yang kemudiannya ialah peringkat penghargaan kendiri (pujian). Apabila seseorang itu berasa selamat dan dikasihi, dia akan mempunyai penghargaan kendiri yang tinggi. Terdapat dua jenis penghargaan, iaitu penghargaan kendiri dan juga penghargaan dari orang lain. Penghargaan kendiri merupakan tanggapan atau persepsi seseorang yang positif terhadap diri sendiri. Biasanya, orang yang berjaya akan mempunyai penghargaan kendiri yang positif kerana dia memiliki ciri-ciri seperti keyakinan diri yang tinggi dan sifat berdikari yang baik. Dalam aspek ini, seseorang individu juga sering memerlukan pengiktirafan dan penghormatan daripada orang lain. Jika seseorang individu tidak menerima pengiktirafan ini, dia akan menjadi seorang yang kecewa dan keyakinan dirinya akan menjadi sangat rendah. Dalam aspek di sekolah, guru mesti selalu membina konsep kendiri yang positif dalam kalangan murid- murid dengan memberi pujian dan mengiktiraf kekuatan dan kebaikan mereka. Tugasan dan kerja yang diberi kepada murid mestilah sejajar dengan kebolehan supaya mereka berasa berkeyakinan dan berkebolehan.


Selain itu, Maslow (1962: 199) juga menyebut terdapat perbezaan antara keperluan peringkat bawah dengan keperluan di peringkat tinggi. Antaranya ialah keperluan di peringkat tinggi wujud lewat dalam pertumbuhan diri seseorang manusia dan kewujudannya secara beransur-ansur. Kepuasan memenuhi keperluan dan kehendak di peringkat tinggi akan membawa erti yang mendalam kepada diri individu tersebut seperti perasaan gembira. Keperluan di peringkat tertinggi dalam diri kanak-kanak ialah keperluan kesempurnaan kendiri (keperluan permainan, pendidikan,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pembelajaran dan bimbingan) dianggap sebagai keperluan pertumbuhan. Dari segi psikologi, kanak-kanak memang mengharapkan sangat tunjuk ajar dan bimbingan. Kanak-kanak akan berasa yakin terhadap kebolehan mereka sekiranya ibu bapa dan guru selalu membantu dan menggerakkan mereka untuk belajar. Selain itu, bermain sangat penting bagi perkembangan mental, emosi dan sosial kanak-kanak. Semua kanak-kanak suka kepada permainan dan implikasinya dapat memberikan kepuasan dalam memenuhi keperluan dan kehendak di peringkat yang tertinggi dalam diri kanak-kanak itu sendiri.

Dalam menganalisis pemikiran-pemikiran yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak yang dikaji, didapati teori Hierarki Keperluan Manusia (Abraham Maslow) tidak dapat digunakan untuk menganalisis sepenuhnya bagi aspek pemikiran. Sehubungan itu, pengkaji telah memilih satu teori tempatan iaitu teori Pengkaedahan Melayu yang diperkenalkan oleh Hashim Awang untuk digabungkan dengan teori Hierarki Keperluan Manusia. Dalam teori ini, pengkaji mendapati tiga pendekatan sahaja yang dapat membantu mengisi kelompangan untuk menganalisis aspek pemikiran yang tidak dapat dianalisis dengan menggunakan teori Hierarki Keperluan Manusia sahaja. Maka pemilihan teori Pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan moral, pendekatan dakwah dan pendekatan kemasyarakatan amat bersesuaian dalam kajian yang dijalankan ini. Berikut adalah beberapa pendekatan yang digunakan dalam kajian ini dapat digambarkan seperti dalam rajah berikut:-



Rajah 3 : Teori Pengkaedahan Melayu
(Sumber : Hashim Awang 1993. *Teori Pengkaedahan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.2 Teori Pengkaedahan Melayu

Teori pengkaedahan Melayu dicetuskan oleh Hashim Awang. Ianya diperkenalkan pada tahun 1989 yang berlandaskan semua aspek kehidupan manusia yang merangkumi cara, dan sikap hidup, kepercayaan dan kebudayaan setempat dalam masyarakat Melayu yang melahirkan karyanya sendiri. Hal ini kerana, orang Melayu sememangnya terkenal dengan aspek kebijaksanaan dan kekreatifan pemikiran mereka dalam menghasilkan karya sastera yang bermutu. Oleh kerana itu, Hashim Awang telah mengambil unsur alam untuk membina atau dijadikan inspirasi dalam membina teori ini. Justeru, melalui unsur alam, manusia dapat mencari rezeki, pengalaman dan sebagainya. Sesungguhnya alam dan manusia amat berkait rapat dan banyak memberi fungsi dan manfaat dalam menempuh kehidupan.

Bagi Rizana Haji Rafial (2015: 32) menyatakan bahawa teori pengkaedahan Melayu dikemukakan oleh Hashim Awang kerana atas beberapa sebab tertentu. Antaranya ialah terdapatnya kekurangan tertentu pada teori-teori kritikan sastera yang diimport dari Barat. Secara umumnya, kelemahan-kelemahan praktis kritikan berasaskan teori sastera Barat dianggao sebagai berat sebelah dan kurang sesuai dalam menginterpretasi dan menganalisis teks kesusasteraan Melayu yang berteraskan kepada jati diri bangsa Melayu dan Islam.

Penelitian teori-teori ini tertumpu kepada aspek khusus sahaja dan telah mengabaikan perkara-perkara yang lebih penting. Menurut Hashim Awang (1993: 114), hasil kajian dan analisis yang dibuat tidak menyeluruh dan tidak sempurna, abstrak dan statik. Walhal, sastera dan karya sastera yang dimodelkan itu bersifat dinamik. Berdasarkan pandangan dan tanggapan tersebut menyebabkan Hashim Awang telah mengetengahkan gagasannya yang dinamakan Pengkaedahan Melayu sebagai alternatif kepada pengkaedahan-pengkaedahan Barat. Malah, Hashim Awang turut kembali ke dasar masyarakat dengan menyingkap aspek keindahan, kehalusan, ketertinggian daya cipta masyarakat Melayu yang sangat tinggi kekreatifannya dala menghasilkan sesuatu hasil seni.

Dalam teori Pengkaedahan Melayu, Hashim Awang telah membahagikan teori ini kepada dua bahagian utama iaitu pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan. Kedua-dua pengkaedahan ini saling berkaitan dan tidak boleh dipisahkan. Hal ini kerana kedua-dua pendekatan ini berteraskan kehidupan masyarakat Melayu. Namun begitu, kedua-duanya mempunyai cabang-cabang yang dikenali sebagai pendekatan. Pengkaedahan alamiah terdiri daripada pendekatan firasat, pendekatan gunaan dan pendekatan moral, manakala melalui pengkaedahan keagamaan pula menyenaraikan pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.3 Pengkaedahan Alamiah

Pengkaedahan alamiah menurut Hashim Awang (2002: 24) berteraskan corak hidup yang menjadikan alam sebahagian daripada diri dan kehidupannya. Masyarakat Melayu menjalani kehidupan dengan berpolakan kepada pergerakan dan pengisian alam seolah-olah sebagai sebahagian daripada diri dan kehidupan mereka. Alam dijadikan faktor utama untuk memberikan pekerjaan, pengalaman, pengajaran dan kebaikan (Hashim Awang, 1993: 19). Selain itu, Hashim Awang (2002: 28) menyatakan bahawa teori ini didasarkan kepada anggapan bahawa sastera merupakan salah satu daripada objek daripada hasil ciptaan objek lain yang diciptakan Tuhan, manakala sastera adalah hasil ciptaan manusia.

Dengan berdasarkan pandangan tersebut, maka sastera dilihat sebagai suatu objek alam, yang kejadiannya mempunyai sebab hikmah dan fungsi tertentu. Sejajar itu, masyarakat Melayu memiliki kehalusan budi bahasanya. Kesan daripada itu mereka mempunyai daya kehalusan dalam cara mereka memberikan tunjuk ajar, panduan atau pengajaran kepada golongan tertentu dalam masyarakat. Dengan ciri unik dan tersendiri itu, maka pengkajian sastera Melayu memerlukan kaedah tersendiri, yang sesuai dengan corak, bentuk dan latar belakang pertumbuhan serta perkembangannya. Dengan tanggapan yang demikian, Hashim Awang menjelaskan tiga pendekatan yang tergolong dalam pengkaedahan alamiah iaitu pendekatan gunaan, pendekatan moral, dan pendekatan firasat. Dalam konteks ini, Chong Ah Fok (2017: 124) mengatakan bahawa ketiga-tiga 'pendekatan' itu menyatu ke dalam kelongsong alamiah yang dikelompokkan kepada 'fitrah, ciri, citra, pemikiran, falsafah' Melayu yang harus mampu dibezakan dengan non-Melayu.

3.3.3 *(i) Pendekatan Gunaan*

Pendekatan Gunaan didasarkan kepada anggapan bahawa sastera merupakan salah satu daripada objek-objek alam, iaitu objek daripada hasil ciptaan, iaitu alam ciptaan Tuhan dan sastera merupakan ciptaan manusia. Sastera adalah ciptaan manusia dan fungsi utama ciptaannya adalah untuk dimanfaatkan oleh manusia itu sendiri. Justeru, sastera wajar dikaji melalui pendekatan ini (Hashim Awang, 1993a: 20). Selain daripada pendekatan gunaan melihat kesusasteraan itu sebagai suatu objek atau benda ciptaan yang sama dengan konsep penciptaan objek-objek lain ciptaan Tuhan. Zurinah Hassan (2001: 89) turut menjelaskan bahawa kejadiannya atau ciptaannya itu mempunyai sebab, hikmah, fungsi tujuan, serta ukuran dan imbangannya. Ukuran dan imbangan ini boleh dinilai dari segi isi dan strukturnya. Di samping itu, kejadian itu (kejadian kesusasteraan) boleh dimanfaatkan oleh manusia sama seperti objek alam yang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.3 *(ii) Pendekatan Moral*

Pendekatan moral merupakan lanjutan daripada pendekatan gunaan. Pendekatan moral timbul ekoran daripada tanggapan dasar yang dipegang, iaitu sastera di samping dianggap sebagai objek alam, juga merupakan suatu kejadian alam yang bersifat pengalaman hidup. Pengalaman tersebut biasanya terdiri daripada dua perkara penting iaitu tentang peristiwa yang dilalui oleh manusia dan maklumat yang berkaitan dengan manusia serta suasana persekitaran mereka. Perlakuan manusia tersebut dapat dinilai aspek positif dan negatifnya untuk dijadikan contoh teladan dan batas sempadan. Maka sastera dapat menepati konsep kepustakaan yang di dalamnya boleh ditimba sebanyak mungkin pengajaran dan pengalaman (Hashim Awang, 1993b: 114).

Menerusi pendekatan moral segala kejadian alam bukan berupa suatu kewujudan yang berbentuk alat atau benda tetapi bersifat sebagai pengalaman hidup. Bersesuaian dengan sifatnya yang sedemikian, maka sastera dianggap sesuatu yang memberi manfaat dan berperanan lebih besar iaitu dengan menyingkap segala persoalan dan permasalahan hidup yang memberi pengalaman kepada manusia. Pengalaman ini biasanya merangkumi dua hal iaitu pertama, tentang peristiwa dan pengalaman yang dilalui oleh manusia tertentu. Daripada peristiwa yang dilalui akan menyerlahkan pelbagai ragam, perlakuan serta perhubungan antara manusia yang melihat aspek-aspek positif dan negatif untuk dijadikan cerminan perbandingan atau contoh teladan yang baik. Kedua, sastera dilihat mampu menyediakan maklumat dan pengetahuan yang berkaitan dengan manusia serta suasana persekitarannya (Hashim Awang & Hashim Ismail, 2016:332).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perkara yang dimaksudkan di sini ialah ilmu dan pengetahuan berkenaan sesuatu disiplin ilmu yang diketahui oleh pengarangnya, yang diperolehi sama ada secara formal mahu pun informal. Kesemua perkara itu diadun ke dalam karya sastera dengan kekuatan daya kreativiti pengarang. Oleh itu, sastera dilihat mampu menyediakan pelbagai ilmu dan pengetahuan seperti ilmu dalam bidang budaya, sosial, ekonomi, dan politik, yang boleh menambah pengetahuan dan pengajaran kepada pembaca di samping mempunyai nilai-nilai estetik (Zurinah Hassan, 2001: 78).

Moral dalam konteks ini bermaksud, dalam sesuatu karya itu perlu didasari pengalaman pengarang yang ada dalamnya terkandung ilmu pengetahuan. Pengarang menulis karya sastera adalah berdasarkan pengalaman dan tentu ada sesuatu yang berguna dari segi pengetahuan. Bermakna dalam sastera itu ada pengalaman dan ilmu tentang apa yang diceritakan oleh pengarang. Jadi moral adalah percambahan ilmu dan persoalan tentang ilmu. Moral itu juga berkisar kepada permasalahan pengalaman ilmu-ilmu yang boleh diambil atau diteroka dalam karya sastera.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.3 *(iii) Pendekatan Firasat*

Pendekatan Firasat adalah sama dengan Pendekatan Moral yang ditunjangi dengan tanggapan bahawa sastera adalah suatu kejadian alam yang menghasilkan pengalaman hidup. Kejadian tersebut dikaitkan pula dengan mimpi iaitu kejadian alam yang mempunyai makna atau pengertian yang penemuannya dapat dilakukan menerusi takbir atau tafsiran. Ia juga merupakan satu proses menemukan makna menerusi tafsiran lambang atau alamat tertentu yang wujud di dalamnya (Hashim Awang, 1993a: 112). Kejadian ini dikaitkan dengan mimpi kerana mimpi itu ialah suatu pengalaman hidup yang penuh misteri. Sebahagian besar masyarakat Melayu menganggap mimpi itu penting dan bermakna dalam kehidupan. Mimpi yang diperoleh semasa tidur (tidur ialah kejadian alam) berlaku secara bawah sedar, maknanya perlu ditakbir atau ditafsir. Karya sastera juga boleh disifatkan sebagai 'mimpi' tetapi dilakukan secara sedar.

Bertepatan dengan proses penciptaannya, sastera juga menyerupai kejadian suatu mimpi. Ia merupakan suatu kejadian alam yang mempunyai makna atau maksud, yang penemuannya itu hanya dapat dikerjakan melalui proses takbir atau tafsiran. Kemisteriannya itu terdapat dalam bentuk corak atau teknik penyampaiannya, seperti penggunaan bahasa yang berlapis, pemakaian lambang, penamaan dan pemerian sifat watak, serta aspek penceritaannya yang kompleks. Kemisteriannya itu juga terdapat dalam corak persembahannya, maksudnya karya sastera itu mengandungi makna di sebalik apa yang berlaku. Ini bererti bahawa sastera itu mengandungi dua lapis makna, iaitu lapis makna yang tersurat dan lapis makna yang tersirat. Makna yang pertama adalah jelas, tetapi makna yang kedua memerlukan mata hati, atau pemikiran dan keintelektualan untuk memahaminya. Hal yang pertama itu dipenuhi dengan penanda atau alamat tertentu, yang terkandung dalam pemaparan pengisahan dan maklumat pada hasil karya sastera. Dari lapis yang tersurat ini akan diperoleh makna lain iaitu makna yang lebih besar dalam hasil karya sastera. Biasanya makna yang tersembunyi itulah yang menjadikan sesuatu hasil karya sastera benar-benar bermutu (Hashim Awang, 2002: 75).

Memahami makna yang tersirat memerlukan pentafsiran (takbir). Kerja mentakbir atau mentafsir itu dapat dilakukan melalui pemahaman pada penanda-penanda yang terdapat pada lapis yang tersurat, serta proses berfikir dan menaakul secara kritis dan terbuka yang berpandukan kepada akal (gerak hati) dan ilmu pengetahuan. Ini bermakna untuk memperoleh makna yang tersirat (petanda) karya sastera itu perlu dicari penanda-penanda atau alamatnya terlebih dahulu (Chong Ah Fok, 2017: 133).

3.3.4 Pengkaedahan Keagamaan

Pengkaedahan keagamaan yang dimaksudkan oleh (Hashim Awang & Hashim Ismail, 2016: 16) adalah pendekatan yang bersandarkan keimanan dan bersendikan akidah agama Islam. Sumber yang paling besar dan utama yang menjadi rujukan ialah Al-Quran dan hadis. Sumber pembentukkannya pula bersandarkan tujuan mengangkat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sifat-sifat keagungan Allah SWT dan mempertingkatkan ketakwaan terhadap-Nya. Pengkaedahan ini, bersendikan nilai-nilai estetika dan moral yang bersandarkan kepada pegangan yang benar dan kudus iaitu kepercayaan kepada kewujudan Allah dan keyakinan kepada sifat-sifat kebesaran, kekuasaan, kekayaan, dan kesempurnaan-Nya. Berdasarkan penjelasan yang diberikan oleh sarjana mengenai pengkaedahan keagamaan, kebanyakan sarjana meletakkan sumber rujukan utama kritikan Islam ialah Al-Quran dan hadis. Berdasarkan ciri dan nilai ini, pengkaedahan keagamaan diutarakan oleh Hashim Awang (2002: 79), melalui tiga pendekatan iaitu pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni.

3.3.4 *(i) Pendekatan Dakwah*

Pendekatan dakwah sebagai satu hasil sastera menekankan beberapa aspek yang menyentuh segala persoalan yang berkaitan dengan pengutaraan kebesaran dan sifat-sifat keagungan Allah SWT dalam hasil kesusasteraan Islam. Sastera juga dilihat sebagai satu wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan seseorang insan terhadap Allah SWT. Menurut Hashim Awang (2002: 84), maksud yang kudus begini ditanggapi sebagai mengandungi persoalan yang memaparkan tentang sifat-sifat kemuliaan dan keagungan Allah SWT, serta sastera dapat dijadikan sebagai 'kitab' untuk manusia mengenali dengan lebih dekat tentang diri dan sifat Allah SWT yang bertujuan untuk menambahkan rasa kecintaan, ketakwaan dan keesaan yang lebih besar dan suci kepada Allah SWT. Perasaan cinta dan taat terhadap-Nya diperjelaskan dalam Al-Quran untuk hamba-hambanya. Iaitu Allah bersifat 'Ar-Rab', 'Ar-Rahman', 'Ar-Rahim', dan 'Ar-Malik'. Disebabkan hal itu, manusia akan mulai bertambah yakin dan bahagia sekiranya mereka mengetahui mengenai kesempuranaan, kekuasaan, kemuliaan, kehebatan dan keagungan-Nya.

Sementara itu, Hashim Awang el al., (1984: 18) menyatakan bahawa pendekatan dakwah mempunyai persoalan tentang kemurnian dan kelebihan agama Islam, yang daripadanya akan dapat menimbulkan daya tarikan yang lebih besar dan mendalam terhadap kesucian agama Islam, baik daripada kalangan insan muslim mahupun bukan muslim. Dengan kata lain dakwah dilihat oleh sastera sebagai alat pengembangan Islam dalam konteks penghayatan keunggulannya dan keagungan Allah SWT. Pendekatan dakwah juga lebih tertumpu kepada aspek tema, nilai moral dan amanat yang merujuk kepada penyerahan permasalahan tersebut. Kewujudan aspek watak dan perlakuan serta peribadi watak juga menjadi daya penarik untuk dikaji dengan kaitannya dengan sifat-sifat mulia seorang insan Muslim. Hasil daripada perbincangan di atas dengan jelas memperkatakan bahawa pendekatan dakwah merujuk kepada hasil karya sastera yang dianggap mengutarakan beberapa persoalan yang memperihalkan tentang sifat-sifat kemuliaan, keesaan, kekuasaan, kehebatan, keagungan dan ketinggian Allah SWT sebagai pencipta alam. Pendekatan ini diharapkan dapat menimbulkan dan meningkatkan rasa cinta, taat, patuh dan ketakwaan manusia kepada Allah SWT. Jelaslah di sini, karya sastera dilihat mampu menjelaskan kemurnian dan kelebihan agama Islam.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.3.4 *(ii) Pendekatan Kemasyarakatan*

Pendekatan kemasyarakatan dianggap sebagai alat pendedahan segala macam persoalan yang bertujuan untuk mencari kebaikan dan keadilan dalam masyarakat seperti yang dituntut oleh agama Islam Hashim Awang (2002: 91) sebagai satu hasil seni yang mengutamakan keintelektualan dan keindahan. Melihat karya sastera sebagai alat untuk mencari konsep kebaikan dan keadilan mengikut kaca mata Islam, iaitu mengamalkan falsafah amar makruf nahi mungkar, mengajak melakukan kebaikan dan meninggalkan kejahatan mengikut landasan-landasan Islam yang benar dan betul. Konsep amar makruf nahi mungkar bukanlah merujuk kepada konteks ibadat yang khusus atau fardhu ain, tetapi meliputi seluruh sistem kehidupan manusia di muka bumi. Keupayaan karya sastera merupakan cara yang efektif untuk amar makruf nahi mungkar, adalah tidak dapat dinafikan dalam kehidupan. Dalam konteks ini, Hashim Awang (2002: 90), menganggap sastera sebagai wadah untuk mendedahkan dengan jelas, benar dan berani permasalahan mengenai kemungkaran, ketidakadilan, penipuan, kepuraan, penindasan, rasuah dan segala permasalahan yang dianggap punca kepada kepincangan masyarakat dan keruntuhan keimanan umat Islam.

3.3.4 *(iii) Pendekatan Seni*

Menurut Hashim Awang (2002: 92), pendekatan seni digunakan untuk meneliti nilai estetika yang ada padanya. Pendekatan ini menilai aspek unsur keindahan dalam karya sastera. Seterusnya, pendekatan seni juga telah menjadikan karya sastera sebagai persoalan pokok yang dapat digambarkan keindahan dalam sastera adalah keindahan yang berlandasakan nilai-nilai estetika Islam dan tidak bertentangan dengan akidah serta ajaran dan fahaman agama Islam (Hashim Awang, 2002: 90). Selain itu, pendekatan seni hendaklah dilihat bersama-sama logiknya dengan merujuk kepada penggunaan nilai-nilai keindahan dalam Islam bukanlah untuk diberi penghormatan yang tinggi terhadap penggunaan imaginasi yang tidak terbatas atau lebih mementingkan keseronokan indera, tetapi hendaklah mempertingkatkan daya keintelektualan serta sifat kemanusiaan, antaranya ketika hendak menggambarkan watak yang sedang mengalami perkembangan iman dan kesedaran ilmiah, hendaklah diolah dengan cara yang menyakinkan supaya tidak timbul kepura-puraan dan tidak realistik (Hashim Awang, 1993b: 116). Sehubungan dengan itu, dapat diperkatakan bahawa bahawa keindahan itu berteraskan tauhid. Keindahan itu dapat dikenalpasti menerusi pelbagai aspek atau unsur pembinaannya: yang berbentuk harafiah dan dalaman, gaya penceritaan, kaedah pendedahan tema dan watak, pemakaian sudut pandangan dan gaya bahasanya. Tambahan daripada pemahaman ini, penting untuk difahami bahawa pendekatan seni merujuk kepada keindahan luaran dan keindahan dalaman. Keindahan luaran boleh dilihat daripada aspek bentuk visual dan penggunaan gaya bahasa manakala keindahan dalaman merujuk kepada aspek falsafah pemikiran dan mesej yang dibawa dalam sesuatu karya. Selain itu, persoalan keindahan pada sastera dikaitkan dengan alam dan penciptaannya. Keindahan yang dimaksudkan itu perlu berteraskan keimanan, ketakwaan dan kecintaan kepada Allah SWT.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Justeru, dalam kajian ini pendekatan yang digunakan pengkaji ialah pendekatan moral, pendekatan dakwah dan pendekatan kemasyarakatan. Rasional pemilihan tiga pendekatan ini kerana aspek pemikiran yang terkandung dalam cerpen kanak-kanak yang dikaji berlatarkan kepada dunia dan alam Melayu. Sehubungan itu, penggunaan teori Pengkaedahan Melayu dalam kajian ini amatlah relevan bagi melihat pemikiran yang pengarang ketengahkan dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015. Manakala pendekatan gunaan, pendekatan firasat dan pendekatan seni digugurkan kerana pendekatan ini tidak digunakan dalam kajian dan tidak bersesuaian dengan aspek pemikiran serta keperluan kanak-kanak. Pengguguran ini tidak menjejaskan kajian yang dijalankan kerana aspek pemikiran yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak yang dikaji turut dianalisis dengan menggunakan teori Hierarki Keperluan Manusia (Abraham Maslow).


Penggabungan dua teori iaitu teori Hierarki Keperluan Manusia dengan teori Pengkaedahan Melayu

Bagi melihat aspek pemikiran dalam cerpen kanak-kanak yang dikaji, gabungan kedua-dua teori ini dapat menjadikan teori gabungan yang mantap dalam menganalisis kajian ini. Hal ini disebabkan teori Pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan moral, pendekatan dakwah dan pendekatan kemasyarakatan dapat melengkapkan kelompangan yang terdapat dalam teori Hierarki Keperluan Manusia (Abraham Maslow). Gabungan teori ini dapat dilihat seperti rajah 4 di bawah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 4 : Gabungan Teori Hierarki Keperluan Manusia (Maslow) dengan Teori Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang)

Merujuk kepada rajah 4, pengkaji telah menggabungkan tiga pendekatan dalam teori Pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan moral, pendekatan dakwah dan pendekatan kemasyarakatan. Rasional penggabungan pendekatan ini kerana kajian ini menganalisis aspek pemikiran keagamaan, budaya, politik, pendidikan dan ekonomi yang terkandung dalam cerpen kanak-kanak pilihan yang dikaji. Tambah lagi, pendekatan moral, dakwah dan kemasyarakatan akan dikaitkan dengan lima aspek pemikiran yang diketengahkan oleh pengarang menerusi karya yang dihasilkan mereka khususnya berkaitan dengan agama dan budaya masyarakat Melayu. Pendekatan dalam pengkaedahan Melayu seperti pendekatan moral, dakwah dan kemasyarakatan ini juga merupakan aspek keperibadian personaliti manusia yang berkait dengan kepercayaan agama dan pengajaran baik buruk, keindahan, kecemerlangan, kepandaian, idea baru, inovatif dan halal haram bagi mengajak manusia hidup dengan penuh kebaikan dan menolak kejahatan (Hashim Awang el al., 1984: 116). Malah, melalui ketiga-tiga pendekatan tersebut maka dapat melahirkan keperibadian manusia yang baik dan sempurna. Keperibadian yang dimaksudkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

adalah ciri, karakteristik, gaya atau sifat-sifat yang memang khas dikaitkan dengan diri kita khasnya watak kanak-kanak yang dipaparkan dalam cerpen yang dikaji. Justeru, dapat dikatakan bahawa keperibadian itu bersumberkan dari pembentukan yang diterima melalui lingkungan, misalnya pembentukan daripada keluarga pada masa kanak-kanak dan juga bawaan yang dibawa sejak lahir.

Selain itu, pengguguran tiga lagi pendekatan yang terdapat dalam teori Pengkaedahan Melayu tidak memberikan kesan yang besar kepada analisis teks dalam kajian ini kerana, peringkat-peringkat dalam teori Hierarki Keperluan Manusia sudah cukup untuk membantuk dalam melihat keperluan dan kehendak kanak-kanak dalam cerpen kanak-kanak pilihan yang dikaji. Seterusnya, tiga pendekatan yang digugurkan iaitu pendekatan gunaan, pendekatan firasat dan pendektan seni berdasarkan istilah yang berbaur kepada kehebatan minda, kelogikan, keberanian, keindahan dan ketepatan yang kurang berkait dan kurang sesuai untuk diaplikasikan dalam kajian ini. Namun, kekuatan bagi penggabungan teori Hierarki Keperluan Manusia dengan tiga pendekatan dalam teori Pengkaedahan Melayu dapat menyempurnakan analisis kajian dan sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa melalui penggabungan teori ini dapat membantu melengkapi kekurangan yang terdapat dalam satu-satu teori tersebut.

Sejajar dengan itu, teori Hierarki Keperluan Manusia (Abraham Maslow) ini diperlengkapkan dengan penggunaan teori Pengkaedahan Melayu (Hashim Awang) yang menekankan kepada aspek pemikiran yang dirakam oleh seseorang pengarang dalam karya, maka pemikiran ini dikatakan dapat menjadi ekspresi sastera yang kemudiannya dikenali sebagai idea pokok atau ideologi yang dapat memenuhi keperluan kanak-kanak yang berpaksikan kepada agama dan budaya Melayu.

3.4 Instrumen Kajian

Menurut Chua Yan Piaw (2006: 57), instrumen kajian ialah alat pengukuran untuk mendapatkan atau mengumpul data. Data merupakan maklumat yang diperlukan untuk menjawab soalan kajian. Instrumen yang dibina sendiri mestilah melalui atau mempunyai pertimbangan dari segi kesahan, kebolehpercayaan, objektif dan kebolehgunaan. Sekiranya alat pengambilan data cukup relevan dan lengkap, maka data yang diperoleh juga cukup lengkap dan relevan. Dalam kajian ini, 130 buah cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 dan bahan-bahan rujukan lain telah digunakan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian yang dilakukan. Berikut merupakan instrumen kajian yang digunakan dalam menganalisis kajian ini:

3.4.1 Senarai Semak

Senarai semak ialah senarai item yang disediakan oleh pengkaji untuk mengenal pasti pemikiran-pemikiran yang terkandung dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji. Pengkaji akan membaca kesemua cerpen kanak-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji dan akan menandakan di dalam borang senarai semak yang telah dibina. Antara item yang terdapat dalam borang senarai semak yang pengkaji bina ialah mengenai aspek-aspek pemikiran-pemikiran yang diketengahkan oleh pengarang dalam karya-karya mereka. Berikut ialah borang senarai semak yang pengkaji gunakan dalam kajian ini. Borang senarai semak yang lengkap dapat dilihat di bahagian lampiran pada rajah 5.

3.5 Bahan Kajian

Bahan kajian yang utama digunakan dalam kajian ini ialah teks kumpulan cerpen kanak- kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015. Sebanyak 14 buah kumpulan cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dihasilkan oleh penulis tempatan diambil sebagai bahan utama kajian pengkaji. Antara judul cerpen kanak- kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dipilih dalam jadual 2 di lampiran.

Sebanyak 14 buah kumpulan cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 iaitu melibatkan sebanyak 130 buah cerpen keseluruhannya untuk dianalisis dalam kajian ini. Cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 ini diambil berdasarkan tahun terbitan iaitu dari tahun 2012 sehingga 2015 bagi memenuhi ruang lingkup kajian (isu dari permasalahan kajian) dan untuk kesesuaian dengan tajuk kajian iaitu "Pemikiran dalam Cerpen Kanak-kanak Pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015". Sehubungan dengan itu, segala alasan berkaitan dengan pemilihan 14 buah kumpulan cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 sebagai bahan utama kajian telah diterangkan secara terperinci di dalam Bab 1 iaitu dalam perkara batasan kajian.

3.6 Prosedur Pengumpulan Data

Prosedur pengumpulan data dijalankan oleh pengkaji bagi memperoleh data yang terdapat dalam bahan kajian (teks cerpen kanak-kanak yang dikaji). Aktiviti penyelidikan ini dijalankan dan data diperoleh dengan menggunakan nota, catatan, dokumen daripada kajian literatur dan sebagainya. Data bagi dokumen pula didapati daripada bahan bercetak melalui kajian literatur yang dibuat oleh pengkaji. Begitu juga data bagi analisis dokumen, pengkaji akan mengumpul data dengan membuat salinan dan catatan aspek-aspek berkaitan dengan objektif kajian. Antara alat pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini ialah borang selidik (kekerapan aspek pemikiran dalam karya yang dikaji) dan borang pengkategorian dan pengekodan data. Data yang diperoleh melalui pemerhatian dalam teks dapat dirujuk seperti yang terdapat dalam jadual di bahagian lampiran.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7 Prosedur Menganalisis Data

Prosedur analisis data merupakan kaedah untuk menganalisis maklumat yang telah diperoleh dengan hanya memfokuskan kepada hasil maklumat yang paling bertepatan dengan keperluan kajian serta menjawab kepada persoalan kajian pengkaji. Kaedah ini perlu dilakukan untuk membantu pengkaji dalam memilih maklumat yang benar-benar bersesuaian dan tepat serta tertumpu kepada objektif kajian pengkaji sepenuhnya. Maklumat yang telah dikumpulkan akan diproses dan dianalisis sebagaimana hasil pengumpulan data iaitu dari kajian perpustakaan, kaedah analisis kandungan dan penerapan teori yang akan dianalisis semula bagi memastikan fakta yang tepat untuk dinyatakan di dalam hasil kajian pengkaji nanti. Data-data yang diperoleh daripada sumber primer dan sekunder akan dianalisis secara deskriptif berpandukan kepada kaedah analisis kandungan. Terdapat empat unsur asas dalam proses analisis data kualitatif yang diperjelaskan oleh Chow Fook Meng & Jaizah Mohamud (2011: 98), iaitu:


(i) Membaca data (*reading data*) – Data dibaca untuk mengingat kembali kejadian atau pengalaman yang telah berlaku.
(ii) Memilih data (*selecting data*) – Faktor-faktor yang penting diasingkan daripada faktor-faktor yang kurang penting, data serupa dikumpulkan.
(iii) Memaparkan data (*presenting data*) – Data yang dipilih disampaikan dalam bentuk yang senang dilihat.
(iv) Menginterpretasikan data dan membuat rumusan (*interpretation drawing conclusions*) – Terangkan hubung kait antara faktor-faktor dan memikirkan satu teori praktik yang dapat disesuaikan bagi situasi yang telah dikaji.

3.7.1 Langkah-langkah Analisis Teks

Terdapat beberapa langkah yang diambil oleh pengkaji sewaktu menganalisis teks daripada 14 buah kumpulan cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dipilih. Langkah tersebut disediakan bagi memberi panduan kepada pengkaji untuk mengikut urutan yang telah ditetapkan. Berikut dipaparkan tujuh langkah sampingan yang perlu dilakukan oleh pengkaji semasa menganalisis kandungan kesemua teks kumpulan cerpen kanak-kanak pilihan pidari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 5 : Beberapa Langkah Tambahan Semasa Menganalisis Dokumen

3.7.2 Mengkategori Data

Mengkategori data bermaksud mengumpul dan mengasingkan pelbagai maklumat yang terkandung dalam data kepada kumpulan-kumpulan 'kecil' berdasarkan kepada beberapa tema yang telah ditetapkan. Kaedah ini boleh dilakukan dengan menggunakan frekuensi (kekerapan) sesuatu tema yang diulang sebut dalam teks yang telah ditranskripsikan atau keutamaan sesuatu aspek yang diutarakan dalam teks. Untuk memudahkan kerja-kerja mengkategorikan data ini, pengkaji akan menumpukan kepada beberapa persoalan yang mudah seperti siapa, kenapa, bagaimana, apa dan punca atau sebab boleh berlaku.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Proses mengkategori data lazimnya digunakan dalam kutipan data yang dijalankan secara naratif dan apa-apa juga aktiviti analisis data atau kandungan dalam bentuk naratif. Data ini dikategorikan dan dikelaskan (dikodkan) mengikut kehendak dan keperluan kajian iaitu unsur-unsur pemikiran yang terkandung dalam karya cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji. Walau bagaimanapun, terdapat banyak cara untuk mengkategorikan dan mengekodkan data dalam kaedah analisis kandungan ini. Berikut adalah contoh proses mengkategorikan dan mengekodkan data daripada transkripsi teks cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dik.

Jadual 2 : Mengkategori Data Dalam Kaedah Analisis Kandungan

PETIKAN DALAM TEKS CERPEN	KODING	KATEGORI	SUB PEMIKIRAN	ASPEK PEMIKIRAN
"Ibu tahu Zikry suka main bola, tapi pandai- pandailah bagi waktu. Jangan dah nak masuk Maghrib baru nak balik. Kita kena jaga solat kerana solat perisai bagi kita" kata Puan Narimah. A1 (Solat Maghrib)	A1 Solat Maghrib	Perihal Solat	Hubungan Manusia dengan tuhan	Pemikiran Keagamaan
"Mereka berdua perlu menjadi imam di surau istana malam ini," jawab nendanya walaupun soalan itu diajukan kepada ayahandanya. A3 (Menjadi Imam di surau)	P1 Menjadi Imam di surau	Tanggung jawab	Kepimpinan	Pemikiran Politik
Pagi-pagi dia sudah bangun dan bersiap awal untuk ke sekolah. Dia sudah tidak datang lambat lagi. Emak juga hairan dengan sikap Najiha. Sekali kejut sudah bingkas dan terus masuk bilik air. Sembahyang Subuh pun tidak dilakukan dengan terkocoh-kocoh lagi. Malah sempat membaca ayat Al- Quran sebaris dua dan menadah tangan berdoa. A1 (Solat Subuh) A2 (Membaca al- Quran)	A1 Solat Subuh A2 Membaca al-Quran	Perihal Solat	Hubungan Manusia dengan Tuhan	Pemikiran Keagamaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.7.3 Peringkat Akhir Analisis Data (Berfikir Tentang Data)


Peringkat ini terdiri daripada dua proses iaitu pertama, memeriksa dan membandingkan bahan-bahan di dalam setiap kategori (*Within Category Analisis*) dan kedua, membandingkan bahan-bahan di dalam satu kategori dengan kategori-kategori yang lain (*Across Category Analisis*).

Di sini, tujuan pengkaji membuat perbandingan bahan-bahan dalam kategori adalah untuk memahami data yang diperoleh. Pengkaji juga mungkin akan mendapati idea dan konsep yang terkandung mempunyai perbezaan kecil. Dengan ini, pengkaji cuba memahami perbezaan tersebut yang mungkin akan membawa kepada penambahan idea- idea baharu. Dalam perbandingan antara satu kategori dengan kategori lain, pengkaji akan cuba menghubungkaitkan kategori-kategori (pemikiran-pemikiran) tersebut untuk mencari hubungan. Melalui analisis ini, pengkaji akan dapat mencari penjelasan kepada fenomena sosial yang dikaji. Malah, pengkaji juga dapat membina satu aspek pemikiran yang mengikat kesemua kategori ini yang dapat menerangkan fokus utama kajian untuk difahami oleh pembaca. Dengan ini, analisis data melalui kaedah analisis kandungan berakhir dan pengkaji bolehlah menulis laporan kajian seperti mana hasil analisis kandungan diperoleh melalui kaedah ini.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.8 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 6 : Kerangka Konseptual Kajian

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

3.9 Kesimpulan

Berdasarkan kepada bab metodologi, pengkaji akan dapat meneruskan kajian secara teratur melalui setiap kaedah penyelidikan yang dirancang untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang lengkap dan tepat dalam menjayakan kajian ilmiah ini. Sehubungan dengan itu, dalam menjalankan kajian ini, pengkaji perlu melakukannya dengan lebih terperinci. Hal ini kerana dapatan kajian yang diperoleh akan lebih lengkap dan padat.

Oleh yang demikian, kaedah yang digunakan ini merupakan antara kaedah yang terbaik dalam mendapatkan hasil kajian yang berlandaskan kepada objektif dan skop kajian ilmiah ini. Kesimpulannya, pengkaji mengharapkan agar kaedah penyelidikan yang dijalankan ini dapat membantu dalam mendapatkan pelbagai maklumat atau data kajian bagi memperoleh maklumat yang tepat dan berkesan untuk hasil kajian nanti.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN

4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan analisis dan mengemukakan dapatan yang diperoleh daripada pelbagai sumber dan kaedah yang diguna pakai seperti yang dibicarakan sebelum ini dalam bab Metodologi. Kesemua yang dikemukakan dalam bab ini bagi menjawab kepada objektif kajian pengkaji.

4.2 Pemikiran dalam Cerpen Kanak-Kanak dari Tahun 2012 sehingga 2015

Kehadiran cerpen kanak-kanak dalam arena kesusasteraan di Malaysia kini dapat diakui kepentingannya. Tidak keterlaluan jika dikatakan cerpen kanak-kanak sebagai karya sastera kanak-kanak yang dapat membangunkan perkembangan Kesusasteraan Melayu. Selain itu, karya sastera bukannya semata-mata untuk dinikmati keindahan bahasanya sahaja sehingga menimbulkan rasa simpati, kagum dan taasub kepada karya itu, bahkan isi kandungannya dapat memberikan mesej yang berguna kepada para pembaca khususnya kepada kanak-kanak.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendapat ini selari dengan kenyataan Siti Khariah Mohd Zubir & Norol Nizam Sarkawi (2011: 146) yang mengatakan bahawa isi kandungan dalam karya sastera buat pembaca adalah lebih luas dan berfaedah kepada diri, masyarakat dan negara terutamanya dalam melahirkan insan yang baik dari pelbagai aspek kehidupan. Oleh itu, fikiran yang ditimbulkan oleh seseorang pengarang dalam karya mereka amatlah penting sebagai bahan untuk golongan pembaca terutamanya kanak-kanak mendapat ilmu bagi membangunkan negara khususnya melibatkan aspek jasmani, akhlak, rohani dan intelek.

Sehubungan dengan itu, pengkaji mendapati pemikiran-pemikiran yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji terdiri daripada lima jenis pemikiran yang diketengahkan oleh pengarang menerusi karya mereka. Berikut ialah gambar rajah pemikiran-pemikiran yang terdapat dalam cerpen kanak- kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang pengkaji gunakan untuk menganalisis dan seterusnya menjawab kepada objektif kajian.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 7 : Pemikiran-Pemikiran Yang Terdapat Dalam Cerpen Kanak-Kanak Pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015

4.2.1 Pemikiran Keagamaan

Secara Etimologi, istilah keagamaan itu berasal dari kata "Agama" yang mendapat awalan "ke" dan akhiran "an" sehingga menjadi keagamaan (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2010: 113). Kaitannya dengan hal ini, Poerwadarminta (1986: 18) memberikan erti keagamaan seperti berikut; "Keagamaan ialah sifat-sifat yang terdapat dalam agama atau segala sesuatu mengenai agama, misalnya perasaan keagamaan, atau soal-soal keagamaan". Selain itu, secara istilahnya H.M Arifin (1985: 69) pula memberi pengertian "Agama" dapat dilihat dari dua aspek iaitu: aspek subjektif (peribadi manusia), dan aspek objektif.

Aspek subjektif agama mengandung pengertian tingkah laku manusia yang dijiwai oleh nilai-nilai keagamaan yang berupa getaran batin yang dapat mengatur dan mengarahkan tingkah laku tersebut kepada pola hubungan antara manusia dengan Tuhannya dan pola hubungan dengan masyarakat serta alam sekitarnya. Aspek objektif agama dalam pengertian ini pula mengandung nilai-nilai ajaran Tuhan kepada manusia ke arah tujuan sesuai dengan kehendak ajaran tersebut.

Menurut *Kamus Besar Bahasa Indonesia, Edisi Kelima* (2016: 323), "Agama ialah sistem yang mengatur tata keimanan (kepercayaan) dan peribadian kepada Tuhan Yang Maha Kuasa serta tata kaedah yang berhubungan dengan pergaulan manusia dengan manusia serta lingkungannya". Kata "agama" berasal dari bahasa Sanskrit iaitu agama yang bererti "tradisi". Kata lain untuk menyatakan konsep ini ialah religi yang berasal daripada bahasa Latin religio dan berakar pada kata kerja re-ligare yang bererti "mengikat kembali". Maksudnya dengan berreligi, seseorang mengikat dirinya kepada Tuhan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Muller (1873: 29), akar kata bahasa Inggeris "religion", yang dalam bahasa Latin religio, awalnya digunakan untuk yang bererti "hanya takut akan Tuhan atau dewa-dewa, merenungkan hati-hati tentang hal-hal Ilahi, kesolehan" (kemudian selanjutnya menjadi bererti "ketekunan"). Mohd Yusof Hasan, (2007: 34) pula menyatakan bahawa aspek keagamaan ini merupakan pemikiran yang suci murni, tinggi darjatnya, kudus sifatnya dan syahdu martabatnya. Maksudnya di sini, agama merupakan pemikiran yang berunsurkan keimanan dan ketakwaan yang membawa dan menjadikan manusia ke arah manusia soleh atau solehah.

Pemikiran keagamaan yang terkandung dalam cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji jika dianalisis sememangnya banyak ditonjolkan oleh pengarang. Kebiasaannya, hal ini terpapar menerusi tema, peristiwa yang berlaku dalam karya, watak dan perwatakan yang digambarkan dan sebagainya lagi. Bagi Mohd Yusof Hasan (2012: 33) dalam ajaran Islam, aspek keagamaan dapat dilihat dari pelbagai perspektif antaranya ialah perspektif ajaran Islam yang berpasangan. Berpasangan yang dimaksudkan adalah seperti; Allah dan Muhammad, Al-Quran dan Al-Hadis/ As- Sunnah, Rukun Iman dan Rukun Islam, Mukmin dan Muslim, Hamba dan Khalifah, Fardu Ain dan Fardu Kifayah, Amal Makruf dan Nahi Mungkar, Amal dan Ibadat, Dunia dan Akhirat.

Hasil analisis mendapati pemikiran keagamaan dilihat menerusi dua aspek utama iaitu hubungan manusia dengan Tuhan dan hubungan manusia dengan manusia yang lain. Kebiasaannya, dua aspek utama ini terpapar menerusi tema, peristiwa yang berlaku dalam karya, watak dan perwatakan yang digambarkan dan juga melalui latar yang diketengahkan dalam karya. Pemikiran keagamaan yang memaparkan hubungan manusia dengan Tuhan dilihat melalui tanggungjawab, kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Kata tanggungjawab didefinisikan sebagai kewajipan yang harus dilaksanakan oleh semua orang tidak kira lelaki mahupun perempuan mengikut fungsi kejadiannya. Maksudnya, manusia haruslah menginsafi bahawa kejadian mereka di bumi ialah sebagai hamba tuhan.

Oleh yang demikian, kewajipan manusia terhadap tuhan adalah dengan memberi seluruh perhatian, perasaan, pertimbangan dan tindakan kepada segala amalan yang baik. Berikut ialah dua aspek utama pemikiran keagamaan yang terdapat dalam cerpen kanak- kanak yang dikaji iaitu hubungan manusia dengan tuhan seperti sembahyang, puasa, pengurusan masa, dan kesabaran. Seterusnya hubungan manusia sesama manusia iaitu patuh kepada orang tua, kasih sayang, tolong-menolong, bersedekah dan berpesan kepada kebaikan.

4.2.2 Pemikiran Budaya

Budaya merupakan cara hidup manusia yang dibentuk supaya dapat berinteraksi dan menyesuaikan diri dengan masyarakat dan alam sekitar. Perkataan budaya berasal daripada cantuman perkataan Sanskrit dan Melayu, iaitu “budhi” dan “daya”.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perkataan "budhi" yang dipinjam daripada bahasa Sanskrit bererti kecergasan fikiran dan akal. Perkataan "daya" pula ialah perkataan Melayu Polynesia yang bermakna kekuatan kuasa, tenaga dan pengaruh (Shamsul Amri Baharuddin, 2007: 13).

Lacey (1996: 117) memberikan maksud budaya sebagai: *"the way of life of a people, including their attitudes, values, beliefs, arts, sciences, modes of perception, and habits of thought and activity. Cultural features of forms of life are learned but are often too pervasive to be readily noticed from within."* Mengikut *Kamus Dewan Edisi Keempat*, (2005: 212) menyatakan budaya membawa maksud tamadun, peradaban, kemajuan fikiran dan akal budi. Budaya juga merupakan antara faktor yang melahirkan sesuatu masyarakat dan bangsa yang dinilai berdasarkan kejayaan dan kekuatan tamadun yang dibangunkan.

Mohd Taib Osman, (1988: 16) memperkatakan budaya sebagai satu himpunan kelengkapan intelektual dan kebendaan yang mampu memenuhi kehendak biologi dan kemasyarakatan serta dapat menyesuaikannya dengan keadaan sekeliling. Selain itu, budaya merupakan keseluruhan kompleks yang mengandungi ilmu pengetahuan, kepercayaan, kesenian, moral, undang-undang, adat dan sebarang bentuk kebiasaan Taylor, (1996: 5). Sementara itu, Spencer-Oatey, (2012: 14) memperlihat bahawa budaya merupakan satu organisasi fenomena tindakan (pola tingkah laku), objek (alat),idea, sentimen (nilai) yang bergantung kepada simbol-simbol.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Bagi Syed Ismail Syed Mustafa & Ahmad Subki Maskon, (2010: 4-5) pula menyatakan Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai pelbagai kaum yang mempunyai budaya, adat resam dan ciri-ciri keistimewaan tersendiri. Kepelbagaian budaya ini telah membentuk satu identiti Malaysia yang harmonis dan bersama-sama berganding bahu untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan dalam aspek politik, ekonomi dan sosial.

Pemikiran dalam aspek budaya ialah pencorak yang membentuk imej luaran dan dalaman sesuatu masyarakat. Budaya mempunyai dua peranan iaitu yang pertama membina imej negara ke arah mewujudkan keperibadian serta identiti dan yang kedua memupuk kesedaran kebangsaan dan kenegaraan bercirikan kerohanian, kemanusiaan, spiritual dan mental (Shamsul Amri Baharuddin, 2007: 14).

Scupin & DeCorse (2001: 216); & Henslin (2002: 36-37) menyatakan budaya dapat dibahagikan kepada dua jenis iaitu budaya bersifat kebendaan (material) dan budaya yang bersifat bukan kebendaan (bukan material). Budaya kebendaan adalah seperti peralatan yang dapat memberi simbol dan makna kepada orang lain dalam erti kata yang lain bersifat konkrit manakala budaya bukan kebendaan ialah kepercayaan, adat istiadat dan undang-undang (Shamsul Amri Baharuddin, 2007: 14).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Masyarakat yang yakin kepada budayanya akan menunjukkan rasa hormat dan patuh kepada amalan dan larangan yang terdapat dalam budaya tersebut. Amalan positif atau negatif masyarakat tersebut bergantung kepada sistem budaya yang dilaksanakan dan kekuatan unsur-unsur yang terdapat dalam sesebuah budaya. Oleh itu, berdasarkan definisi, pengkaji menyimpulkan pemikiran budaya juga merangkumi dua aspek penting iaitu budaya kebendaan dan budaya bukan kebendaan. Namun begitu, dalam kajian ini hanya memfokuskan kepada budaya bukan kebendaan kerana budaya ini sahaja yang banyak dipaparkan oleh pengarang dalam cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015.

4.2.2 (i) Budaya Bukan Kebendaan

Budaya bukan material merangkumi produk tidak ketara atau entiti abstrak yang mempengaruhi manusia termasuklah (i) pengetahuan dan kepercayaan (komponen kognitif), (ii) norma dan nilai (komponen normatif) serta (iii) simbol dan bahasa sebagai komponen simbolik (Scupin & DeCorse, 2001: 216). Menurut A. Aziz Deraman (1994: 17), budaya bukan material pula ialah unsur yang tidak wujud secara fizikal (*no physical existence*), misalnya adat, kepercayaan, bahasa, dan pendidikan. Kesimpulannya, dalam kajian ini budaya bukan kebendaan yang dianalisis ialah aspek kepercayaan, adat istiadat dan adat resam dan bahasa.

4.2.3 Pemikiran Politik

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sastera dan politik ialah dua bidang yang saling berkait rapat bagi menterjemahkan isu politik dalam sesebuah bentuk karya kreatif. Karya sastera bukan sahaja berfungsi sebagai hiburan, pendidikan dan kritikan sosial semata-mata, sebaliknya karya-karya sastera juga mengandungi sensitiviti, emosi, wawasan, ideologi dan harapan seseorang pengarang (Zainal Kling, 1989: 17). Dengan kata lain, melalui karya sastera, seseorang pengarang turut melahirkan pandangan, pemikiran, misi dan visi mereka tentang sesuatu isu yang dibangkitkan mengikut arus peredaran zaman dan salah satunya adalah berkaitan dengan isu politik. Hal ini menjadikan karya sastera menjadi lebih menarik dan fleksibel untuk tatapan khalayak pembaca. Hakikat ini menjelaskan bahawa genre sastera amnya cerpen kanak-kanak sebagai salah satu wadah bagi pengarang untuk mengungkapkan pemikiran politik sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam karya-karya tersebut.

Pemikiran politik merupakan konsep-konsep yang terdapat dalam politik yang digunakan untuk menjalankan suatu tindakan politik bagi pencapaian tujuan politik itu sendiri. Politik telah ada sejak zaman dahulu. Yang memperkenalkan politik pertama kali ialah ahli falsafah yang bernama Aristotles. Menurut pemikirannya, Aristotles menjelaskan bahawa politik merupakan cara-cara yang dilakukan seseorang mahupun kelompok untuk mencapai hakikat hidup yang tinggi yang diwujudkan melalui interaksi sosial. Menurutnya manusia akan hidup bahagia jika mengembangkan bakat, bergaul dengan akrab dan hidup dengan menggunakan moraliti yang tinggi (Y. Mansoor Merican, 1982: 40).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Namun, pada saat ini pemikiran politik telah mengalami perubahan dan tidak mengikuti konsep-konsep pemikiran politik Aristotles. Pada dewasa ini pemikiran mengenai politik lebih ditekankan untuk menciptakan suatu ketetapan masyarakat yang teratur dan baik, untuk membuat keputusan, kebijaksanaan dan sebagainya.

Selain itu, pemikiran politik juga diarahkan untuk menciptakan suatu keadilan dan mencapai kehidupan yang harmonis. Politik selalu didefinisikan dengan kekuasaan dan kedudukan. Oleh itu, hal terburuk yang dapat terjadi dalam politik terjadi ialah perebutan kekuasaan, kedudukan mahupun kekayaan (Baharudin Ali Masrom, 1989: 5). Dalam perkembangannya, pemikiran politik banyak dipengaruhi oleh ajaran mahupun konsep-konsep para ahli.

Kesimpulannya, dalam konteks kajian sastera kanak-kanak, pemikiran politik dimaksudkan dengan pemikiran yang berhubung dengan peristiwa-peristiwa serta watak dan perwatakan yang berlatar belakangkan unsur-unsur dalaman sesebuah karya. Antara unsur dalaman karya yang diteliti adalah seperti watak-watak yang berfikir dan bertindak apabila menghadapi sesuatu persoalan dalam karya. Tuntasnya, dalam kajian ini hasil analisis kajian literatur, pengkaji memfokuskan lima (5) aspek pemikiran politik yang peting iaitu aspek (i) kebijaksanaan, (ii) integriti, (iii) semangat berpasukan, (iv) patriotisme dan kepimpinan dan (v) keadilan sosial.

4.2.4 Pemikiran Pendidikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut John Dewey (1916: 45-46), pendidikan merupakan suatu proses pengalaman. Hal ini kerana kehidupan merupakan pertumbuhan, maka pendidikan bererti membantu pertumbuhan batin manusia tanpa dibatasi oleh usia. Proses pertumbuhan ialah proses penyesuaian pada setiap fasa dan menambah kecakapan dalam perkembangan seseorang melalui pendidikan. Seterusnya, pendidikan merupakan keupayaan dalam membimbing manusia yang belum dewasa ke arah kedewasaan. Pendidikan juga diertikan sebagai usaha untuk mencapai penentuan diri dan tanggungjawab (Mochtar Buchori, 1994: 15). Bagi Kneller (1964: 20) pula 'pendidikan' sebagai suatu proses perkembangan kecekapan seseorang dalam bentuk sikap dan perilaku yang berlaku dalam masyarakat. Proses ialah waktu seseorang dipengaruhi oleh lingkungan yang terpimpin khususnya di dalam lingkungan sekolah sehingga dapat mencapai kecekapan sosial dan dapat mengembangkan keperibadiannya. Bagi Omzon (1972: 9) menyatakan bahawa pendidikan ialah proses yang dilakukan secara terus menerus dari penyesuaian yang lebih tinggi bagi manusia yang telah berkembang secara fizik dan mentalnya.

Pendidikan memainkan peranan penting dalam menjamin masa depan yang sempurna pada masa hadapan. Tanpa pendidikan, seseorang itu akan jauh ketinggalan di belakang dan tidak dapat memperoleh ilmu yang berguna kepadanya. Melalui ilmu inilah seseorang manusia dapat menaiktarafkan kehidupannya kepada keadaan yang lebih sempurna. Begitu juga dengan akhlak seseorang. Dengan ilmu pendidikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seseorang itu pasti akan berakhlak sekiranya ilmu yang diperoleh dapat digunakan dengan bijaksana. Hal ini selari dengan pendapat yang mengatakan bahawa pendidikan memainkan peranan yang penting dalam membina tamadun manusia. Menerusi pendidikan maka lahirlah para pemikir dan pelaksana yang dapat membina dan mengembangkan tamadun. Tamadun suatu bangsa tidak akan wujud andainya sistem pendidikannya tidak mampu membina cendekiawannnya yang dapat menghasilkan idea-idea asli yang bernas untuk membina bangsanya. Satu bangsa tidak akan maju kalau rakyatnya hanya bergantung pada sistem pendidikan asing yang dipelajari dari luar (Tajul Ariffin Noordin & Nor'Aini Dan, 1992: 1).

Berdasarkan definisi dan pendapat daripada para sarjana, pengkaji dapat menyimpulkan bahawa pemikiran pendidikan juga merangkumi dua aspek iaitu pendidikan formal dan pendidikan tidak formal. Bagi aspek pendidikan formal, antara isu yang ditampilkan dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 ialah mengenai pendidikan di peringkat sekolah atau institusi pengajian lain seperti pusat tuisyen dan sebagainya. Aspek pendidikan tidak formal yang dapat pengkaji rumuskan adalah berkaitan dengan isu pendidikan di rumah iaitu pendidikan dalam institusi keluarga, pendidikan berkaitan dengan inovasi sains dan teknologi (Media massa - Televisyen, Radio, Internet dan lain-lain) dan pendidikan daripada isu-isu semasa. Berikut ialah aspek-aspek pemikiran pendidikan yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji:-

4.2.4 (i) Pendidikan Formal

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendidikan formal ditakrifkan sebagai proses pengajaran-pembelajaran yang dilaksanakan secara rasmi mengikut sistem yang ditetapkan oleh kerajaan. Proses ini berlaku dalam sesuatu Institusi yang mempunyai struktur dari segi kronologi dan hierarki yang bermula dari sekolah rendah hingga peringkat universiti dan mempunyai kurikulum yang disahkan oleh pihak berkuasa (H. Abu Ahmadi, 2004: 7). Hal ini juga termasuk kursus-kursus pra-perkhidmatan di dalam bidang profesional dan teknikal seperti latihan perguruan, kejururawatan, juruteknik pertanian dan kursus perkhidmatan tadbir dan diplomatik. Proses pendidikan formal ini berakhir dengan penganugerahan sijil, diploma dan ijazah. Antara pendidikan formal yang diketengahkan oleh pengarang dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji adalah berkaitan dengan (i) tanggungjawab kanak-kanak sebagai pelajar untuk mendapatkan pendidikan di sekolah atau di institusi pengajian lain seperti pusat tuisyen dan sebagainya lagi.

4.2.4 (ii) Pendidikan Tidak Formal

Pendidikan tidak formal ialah proses pendidikan pembelajaran sampingan yang berlangsung secara spontan dan tanpa struktur. Seseorang itu akan memperoleh dan menambahkan pengetahuan, kemahiran dan membentuk sikap serta pandangan berdasarkan pengetahuannya tiap-tiap hari sama ada di tempat bekerja, di sekolah atau di tempat rekreasi (Syaikh Ahmad Farid, 2011: 139). Umpamanya, jika seseorang

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mendapat pengalaman dan merubah perlakuan melalui membaca dan menonton televisyen, maka beliau boleh dikatakan mendapat pendidikan informal daripada media massa. Pendidikan tidak formal banyak disalurkan melalui media massa dan juga melalui interaksi dengan masyarakat. Berikut ialah pendidikan tidak formal yang telah diketengahkan oleh pengarang dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji ialah berkait dengan (i) pendidikan di rumah (institusi keluarga), (ii) inovasi sains dan teknologi (media massa seperti televisyen, radio, internet dan lain-lain lagi) dan (iii) pendidikan berkaitan dengan isu-isu semasa.

4.2.5 Pemikiran Ekonomi

Ekonomi berasal dari bahasa Yunani yang terdiri dari dua kata, iaitu oikos dan nomos. Oikos memberi makna rumah tangga dan nomos pula bererti tata atau aturan. Dengan demikian, secara sederhana ekonomi dalam pengertian bahasa membawa makna tata aturan rumah tangga (Amir Hussin Baharudin, 2013: 29). Dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2005), ekonomi didefinisikan sebagai segala hal yang bersangkutan dengan penghasilan, pembahagian dan pemakaian barang-barang dan kekayaan (keuntungan).

Selanjutnya, terdapat pengertian dan istilah ekonomi mengikut beberapa pandangan daripada ahli sarjana Barat. Antaranya ialah pendapat Adam Smith yang menyatakan bahawa ekonomi adalah 'ilmu kekayaan atau ilmu yang khusus mempelajari sarana-sarana kekayaan suatu bangsa dengan memusatkan perhatian secara khusus terhadap sebab-sebab material dari kemakmuran, seperti hasil-hasil industri, pertanian dan sebagainya' (Damsar MA, 1997: 9). Bagi Makler et al., (1982: 42-43) pula mengemukakan pandangan beliau dengan mengatakan bahawa 'ekonomi' adalah ilmu yang mempelajari usaha-usaha individu dalam ikatan pekerjaan bagi kehidupannya sehari-hari. Ilmu ekonomi membahaskan tentang kehidupan manusia yang berhubungan dengan cara-cara memperoleh pendapatan dan mempergunakan pendapatan tersebut.

Menurut Maslow (1970: 27), ekonomi ialah salah satu bidang pengkajian yang mencuba untuk menyelesaikan masalah keperluan asas kehidupan manusia melalui penggemblengan segala sumber ekonomi yang ada dengan berasaskan prinsip serta teori tertentu dalam suatu sistem ekonomi yang dianggap efektif dan efisien. Dalam buku (Amir Hussin Baharudin, 2013) ada menerangkan definisi ekonomi adalah ilmu yang mempelajari tingkah laku manusia dalam menghadapi keperluan-keperluannya dengan sarana-saranannya yang terbatas iaitu dengan mempunyai berbagai-bagai macam fungsi. Bagi Mitchell (1992: 12) pula mengungkapkan 'ekonomi' sebagai sains praktikal tentang pengeluaran dan penagihan. Sedangkan Paul A Samuelson menerangkan ekonomi merupakan cara-cara yang dilakukan oleh manusia dan kelompoknya untuk memanfaatkan sumber-sumber yang terbatas untuk memperoleh berbagai-bagai komoditi dan mendistribusikan untuk dikongsi oleh masyarakat (Ab Aziz Yusof, 2010: 7).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dari pengertian-pengertian ekonomi yang telah dideskripsikan di atas, dapat disimpulkan bahawa ekonomi adalah cabang ilmu yang mempelajari keupayaan manusia dalam memenuhi keperluan hidupnya, baik secara perseorangan mahupun kelompok dengan mempergunakan segala peringkat kemudahan yang berhubung dengan usaha yang dilakukan dalam kegiatan ekonomi, agar memperoleh kesejahteraan dan kemakmuran hidup (Amir Hussin Baharudin, 2013: 39). Selain itu, ekonomi adalah sebuah bidang kajian tentang pengurusan sumber daya material individu, masyarakat dan negara untuk meningkatkan kesejahteraan hidup manusia. Oleh sebab ekonomi merupakan ilmu tentang perilaku dan tindakan manusia untuk memenuhi keperluan hidupnya yang bervariasi dan berkembang dengan sumber daya yang ada melalui pilihan-pilihan kegiatan produksi, konsumsi dan distribusi.

Masalah ekonomi menjadi perbincangan utama dalam kehidupan kita sehari-hari baik di peringkat nasional mahupun dunia antarabangsa. Bahkan banyak permasalahan di tanah air yang terjadi dikatakan bahawa penyebabnya adalah kepada masalah ekonomi negara. Sehubungan dengan itu, perubahan sosioekonomi yang berlaku sejak kebelakangan ini telah meninggalkan impak yang mendalam terhadap institusi keluarga. Institusi keluarga telah melalui perubahan-perubahan untuk menyesuaikan dengan keadaan-keadaan semasa. Walaupun nilai-nilai asas keluarga tidak berubah secara tiba-tiba, namun norma-norma perlakuan keluarga seperti jangkaan tingkah laku yang berkaitan status dan peranan anggota keluarga telah melalui transformasi yang ketara sejak beberapa dekad yang lalu.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Contohnya, hubungan suami isteri bukan lagi berasaskan isteri menurut sahaja segala kata-kata dan kehendak suami. Sebaliknya, hubungan suami isteri adalah berasaskan kepada prinsip perkongsian bersama. Hal ini dapat dilihat dalam petikan kumpulan cerpen 'Kami Puteri Hebat' yang memperlihatkan tanggungjawab atau peranan ibu telah diambil alih kepada pembantu rumah atas sebab kesibukan para ibu masa kini dengan kerjaya mereka. Contoh petikan berikut ialah;

> ...Dia tercari-cari Mak Cik Zainab, pembantu rumah keluarganya yang diambil bekerja, khas sebagai tukang masak.
>
> Memandangkan Permaisuri Aisyah sering sibuk dengan urusan negara, pembantu rumah diperlukan bagi menjaga makan dan minum Puteri Humaira. Selalunya apabila Permaisuri Aisyah ada di rumah, dia sendiri yang akan memasakkan juadah untuk anak tunggalnya itu. Air tangan ibu sangat berharga. Permaisuri Aisyah tidak mahu Puteri Humaira membesar dengan memakan masakan pembantu rumah terlalu kerap.
>
> (Cerpen 'Puteri Humaira', 2013: 131)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Malah, hal ini turut dipersetujui oleh Yaacob Harun (2000: 16) yang menyatakan "institusi keluarga sekarang ini telah mengalami perbezaan struktural dan kebanyakan daripada fungsi tradisinya telah diserahkan kepada berbagai agensi di luar keluarga". Dengan demikian, peranan ahli keluarga dalam memenuhi keperluan keluarga juga dikendalikan sebahagiannya oleh agensi luar tersebut. Walaupun pembezaan struktur dapat meningkatkan keupayaan keluarga khususnya dalam bidang ekonomi, tetapi gejala ini juga boleh menggugat keutuhan sesebuah keluarga.

Maka, nilai kekeluargaan telah pengkaji kenal pasti daripada teks-teks kumpulan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji. Aspek pemikiran ekonomi ini dianalisis secara terperinci dan dinyatakan berserta dengan contoh-contoh penampilannya. Berikut ialah sara diri terhadap keluarga yang terdapat dalam jadual di bawah;

Jadual 3 : Aspek Sara Diri Terhadap Keluarga Menerusi Pemikiran Ekonomi.

Aspek	Penjelasan
1. Sara Dir terhadap keluarga	Kewajipan yang harus dilaksanakan sebagai anggota keluarga untuk melahirkan keluarga yang bahagia atau menjaga kebajikan keluarganya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3 Pemikiran Berdasarkan Model Keperluan Kanak-Kanak dalam Cerpen Kanak-kanak Pilihan dari Tahun 2012 sehingga 2015

4.3.1 Pemikiran Keagaaman (Hubungan Manusia dengan Tuhan)

4.3.1 (i) Sembahyang

Secara amnya, sembahyang merupakan tiang agama yang berperanan penting dalam membentuk kekuatan diri manusia. Hal ini kerana agama menjadi dasar kepada setiap perlakuan individu. Oleh itu, kita sebagai individu yang bertanggungjawab haruslah menunaikan sembahyang sebagai tanda mengingati Tuhan. Orang Islam, mengingati Tuhan dengan bersembahyang sebanyak lima kali sehari. Tanda mengingati tuhan juga ada pada orang Hindu dan Buddha. Orang Hindu mengingati Tuhan dengan memuja Tuhannya sebanyak tiga kali sehari, iaitu pada waktu pagi, tengah hari dan senja (Mohd Rosmizi Abd Rahman, 2005: 17).

Penekanan pemikiran keagamaan berkaitan dengan perihal sembahyang dipaparkan oleh pengarang cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji ialah melalui cerpen "Wajah Pada Skrin" karya Ahmad Fadzilah Muhammad (2012).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perihal sembahyang diketengahkan secara tidak langsung tetapi mempunyai makna yang sangat mendalam kepada kanak-kanak. Misalnya watak Najiha sentiasa menunaikan sembahyang Subuh pada setiap pagi walaupun dalam keadaan terkocoh-kocoh. Akhirnya, berlaku perubahan pada diri Najiha, seperti bangun awal pagi, dan mula bersembahyang dengan tertib. Malah dia sempat membaca ayat al-Quran sebaris dua dan menadah tangan berdoa.

Hal ini selari dengan pendapat Abdul Rahman Mohd Aroff (1999: 76) yang menegaskan bahawa ibadat solat wajib dilakukan dengan ikhlas dan sempurna agar dapat membentuk keperibadian mulia, iaitu dapat mencegah seseorang daripada melakukan kemungkaran dan kejahatan, malah turut mendapat ganjaran pahala. Contoh petikan dapat dirujuk seperti di bawah:

> Pagi-pagi dia sudah bangun dan bersiap awal untuk ke sekolah. Dia sudah tidak datang lambat lagi. Emak juga hairan dengan sikap Najiha. Sekali kejut sudah bingkas dan terus masuk bilik air. Sembahyang Subuh pun tidak dilakukan dengan terkocoh-kocoh lagi. Malah sempat membaca ayat Al-Quran sebaris dua dan menadah tangan berdoa.
>
> (Cerpen "Wajah Pada Skrin". Hlm: 70)

Pengarang jelas memujuk kanak-kanak supaya bangun di awal pagi untuk menunaikan kewajipan bersembahyang sebelum ke sekolah. Perubahan ketara watak Najiha yang bersembahyang dengan tertib secara tidak langsung menuntut hatinya untuk membaca al-Quran dan berdoa dengan ikhlas tanpa perlu terkejar-kejar masa untuk ke sekolah. Aspek bersembahyang ini juga turut terdapat pada ajaran agama-agama lain, contohnya agama Hindu yang amat mementingkan bersembahyang pada awal pagi. Mereka bersembahyang di awal pagi kerana waktu itu ialah waktu yang paling baik untuk menerima rezeki. Hal ini kerana suasana di pagi hari penuh keheningan dan ketenangan (Abd Aziz Harjin, 2010: 18).

Peranan cerpen sebagai ejen pembentukan akhlak untuk golongan kanak-kanak adalah sangat penting. Oleh itu, teknik penyampaian pemikiran yang berhubung dengan keagamaan seperti hubungan manusia dengan tuhan ini mesti disampaikan dengan menggunakan teknik penyampaian yang mudah dan bersesuaian dengan perkembangan psikologi kanak-kanak. Di sini daripada 130 buah cerpen yang dikaji, pengkaji mendapati hanya 33 buah cerpen sahaja yang dominan mengetengahkan aspek hubungan manusia dengan tuhan melalui watak kanak-kanak yang bersembahyang. Antara cerpen tersebut ialah cerpen "Sebuah Buku Setinggi Harapan" (2012), "Selagi Masih Ada" (2012), "Ketupat Baju Melayu" (2012), "Cemburu" (2012), "Wajah pada Skrin" (2012), "Sejalur Harapan Buat Jai" (2012), "Impian Hairi" (2012), "Puteri Arabella" (2012), "Puteri Dian Adelia" (2012), "Puteri Qaira" (2012), "Puteri Humairah" (2012), "Puteri Arabella" (2013), "Puteri Humaira" (2013), "Mangga Oh Mangga" (2013), "Impian Aimi" (2013), "Lukisan Kasih" (2013),

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"Sombong Membawa Padah" (2014), "Sahabat Sejati" (2014), "Seutas Jam Tangan Untuk Amina" (2014) dan seterusnya boleh dilihat di lampiran.

Pendedahan ini sangat penting dan baik untuk kanak-kanak yang baru mengenal tentang amalan bersembahyang. Contohnya dalam teks kumpulan cerpen "Kisah Si Puteri Gaun Merah Jambu" karya Natasha Effyzal et al., (2012), memperlihat watak dan perwatakan Puteri Arabella dan keluarganya yang begitu taat dan patuh dalam mendirikan sembahyang lima waktu dan sembahyang terawih secara berjemaah di istana sebagai tanda keimanan dan ketakwaan mereka sekeluarga kepada Tuhan. Hal ini dapat disaksikan menerusi contoh petikan berikut;

> "Mereka berdua perlu menjadi imam di surau istana malam ini," jawab nendanya walaupun soalan itu diajukan kepada ayahandanya.
>
> (Cerpen "Puteri Arabella" Hlm: 14)

> ...Selepas makan, mereka semua menunaikan sembahyang solat maghrib secara berjemaah, diikuti dengan solat terawih.
>
> (Cerpen "Puteri Arabella". Hlm: 24)

Melalui contoh petikan di atas, sejelasnya memperlihat pemaparan amalan bersembahyang secara berjemaah ini diketengahkan oleh pengarang secara telus. Misalnya, penerapan amalan sembahyang berjemaah di rumah telah dititikberatkan oleh keluarga Puteri Arabella sejak mereka kecil lagi. Mereka telah dilatih dan dididik untuk menunaikan sembahyang lima waktu secara berjemaah di istana setiap hari. Malah, kedua-dua abang Puteri Arabella turut dilatih menjadi iman dan bilal dalam solat-solat berjemaah yang dilakukan oleh mereka sekeluarga.

Melalui didikan dan penekanan ini, secara tidak langsung pengarang dapat mengetengahkan mesej yang berguna kepada kanak-kanak, iaitu kesannya mereka dapat mengetahui dan mempelajari tentang amalan bersembahyang secara jemaah ini ialah satu perkara yang baik diamalkan dalam kehidupan seharian terutamanya bagi umat Islam. Kesan secara tidak langsung juga dapat mewujudkan hubungan yang harmoni. Hal ini kerana pelbagai keistimewaan yang telah dijanjikan oleh Tuhan kepada manusia yang bersembahyang. Malah, kanak-kanak juga dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan sesama ahli keluarga mereka apabila bersembahyang bersama-sama. Kesan lain daripada amalan bersembahyang secara tidak langsung dapat mengeratkan rasa kasih sayang dalam keluarga.

Dalam teori Hierarki Keperluan Maslow, keperluan kasih sayang merupakan keperluan tingkat ketiga. Keperluan ini merupakan keperluan yang universal terhadap semua insan di dunia lebih-lebih lagi kepada kanak-kanak. Kanak-kanak hidup dengan mempercayai diri mereka sendiri, percaya kepada sahabat dan ahli keluarga (Nor

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Nazimi Mohd Mustaffa, 2017: 19). Kesemua aspek ini berlaku kerana kanak-kanak mempercayai insan di sekeliling mereka iaitu insan yang dapat memberi kasih sayang terhadap diri mereka. Sejajar dengan pendapat Maslow (1970: 67), iaitu lumrah manusia untuk hidup berkelompok dan diterima bagi mencapai matlamat kehidupan yang harmoni.

Selain itu, aspek menunaikan sembahyang ini juga menepati pendekatan teori Hierarki Keperluan Manusia iaitu keperluan fisiologi. Keperluan fisiologi merupakan keperluan yang paling asas yang amat diperlukan oleh makhluk yang bernyawa bagi meneruskan kelangsungan untuk hidup (Mathes, 1981: 19). Bagi memenuhi tuntutan tersebut, manusia amat memerlukan keperluan untuk mendapatkan oksigen, makanan, minuman, rehat serta tidur dan tempat tinggal yang secukupnya bagi melangsungkan kehidupan mereka.

Oleh itu, dalam agama Islam juga perkara asas yang diperlukan oleh manusia ialah melaksanakan tanggungjawab kepada tuhan seperti bersembahyang, berpuasa, dan lain- lain lagi. Oleh yang demikian, pemikiran keagamaan berkaitan dengan perihal bersembahyang juga merupakan satu keperluan asas yang wajib dilakukan oleh manusia seumpama keperluan fisiologi manusia yang terkandung dalam hierarki keperluan Maslow. Keperluan fisiologi amat dititikberatkan oleh Abraham Maslow dalam teori Hierarki Keperluan Manusia kerana bagi beliau jika keperluan di peringkat fisiologi ini tidak tercapai, maka individu tersebut tidak akan berhasrat untuk ke peringkat seterusnya (Maslow, 1970: 36-37). Hal ini dilihat menyerupai dengan keperluan asas dalam ajaran semua agama yang menitikberatkan ibadat sembahyang sebagai pegangan utama dalam kehidupan manusia.

4.3.1 (ii) Berpuasa

Selain pemaparan watak-watak yang mengamalkan nilai tanggungjawab manusia kepada Tuhan seperti bersembahyang, terdapat juga nilai ketaatan dalam menunaikan amalan keagamaan yang lain iaitu berpuasa. Amalan berpuasa juga terdapat dalam semua agama di dunia, seperti agama Islam, Hindu dan Buddha. Seperti yang diketahui, umat Islam diwajibkan berpuasa apabila tibanya bulan Ramadhan.

Malah, amalan berpuasa ini dapat memberikan seribu kebaikan kepada manusia. Antara kebaikan yang diperoleh apabila seseorang itu berpuasa ialah dapat meningkatkan kesihatan diri, melatih diri dengan sifat-sifat mahmudah (terpuji) seperti sabar, tabah, amanah dan sebagainya, menjauhkan dari sifat-sifat mazmumah (keji) seperti tamak, sombong hasad dengki, menandakan kesyukuran kepada Tuhan dan mendapat dua kegembiraan, iaitu ketika berbuka serta hari raya dan ketika berjumpa dengan tuhan pada hari kiamat (Muhammad Al-Ghazali, 1994: 15).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Begitu juga dalam agama Hindu, Buddha dan Kristian terdapat juga amalan berpuasa. Amalan berpuasa dalam kesemua agama ini mempunyai persamaan dan perbezaan daripada beberapa aspek iaitu tujuan, motif, dan faedah daripada melakukan puasa tersebut. Sebagai contohnya, tradisi puasa dalam agama Hindu disebut sebagai 'Upawasa'. Bahkan persamaannya juga terdapat dalam agama Islam, iaitu puasa bukan sekadar menahan diri daripada lapar dan dahaga tetapi berpuasa adalah untuk mendekatkan diri kepada pencipta. Tujuan berpuasa ini adalah untuk meningkatkan kawalan diri dan kerohanian (Efri Aditya, 2014: 22). Kawalan diri di sini bermaksud menghindari diri daripada melakukan perbuatan negatif seperti bercakap bohong, mencuri dan memfitnah.

Contohnya dalam kumpulan cerpen "Kisah Si Puteri : Gaun Merah Jambu" karya Natasha Effyzal et al., (2012), pengarang banyak memaparkan pemikiran keagamaan yang berkait dengan perihal berpuasa. Amalan berpuasa di sini diketengahkan secara tidak langsung tetapi memberikan makna yang sangat mendalam kepada kanak-kanak. Misalnya watak Puteri Arabella yang berpuasa penuh di bulan Ramadan digambarkan dalam teks kumpulan cerpen ini.

Seterusnya, digambarkan juga watak Raja Amirullah yang menerangkan kepada anaknya berkaitan tujuan berpuasa supaya Puteri Arabella faham dalam melaksanakan amalan tersebut. Hal ini dapat dikesan dalam contoh-contoh petikan di bawah:

> Raja Amirullah tersenyum lalu berkata, "Kamu tahu bukan, berpuasa bukan sahaja menahan diri daripada lapar dan dahaga. Berpuasa juga melatih kita supaya tidak bercakap bohong. Sekiranya kita berpuasa, tetapi kita bercakap bohong... buat rugi sahaja. Hanya dapat lapar dan dahagalah."
>
> (Cerpen "Puteri Arabella". Hlm: 5)

> ..."Dalam bulan puasa inilah, bulan yang sesuai bagi kita melatih diri supaya melakukan semua amalan dengan ikhlas. Bukan bermakna bulan lain tidak perlu ikhlas. Tetapi kita jadikan bulan ini sebagai bulan latihan kita." Itu pesan Ustaz Khairi semasa hari kedua umat Islam berpuasa.
>
> (Cerpen "Puteri Arabella". Hlm: 17)

Selain itu, hubungan manusia dengan tuhan menerusi ibadat berpuasa juga terkandung dalam cerpen "Puteri Dian Adelia", hasil karya Natasha Effyzal et al., (2012). Dalam cerpen ini, diperlihatkan watak Puteri Dian Adelia sering dinasihatkan oleh ibu bapanya serta Izyan mengenai kepentingan amalan bersahur dan melakukan amalan-amalan sunat yang lain ketika berpuasa di bulan Ramadan. Contohnya melalui petikan-petikan berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> "Kita perlu bersahur. Bukankah bonda pernah beritahu, Nabi Muhammad menggalakkan kita bersahur. Ada keberkatan apabila kita bersahur," pujuk Permaisuri Saffiya lagi tanpa jemu.
>
> (Cerpen "Puteri Dian Adelia". Hlm: 46-47)

Hal ini menunjukkan bahawa pengarang menyampaikan nilai pengajaran yang sangat berguna kepada kanak-kanak yang baru sahaja mengenal erti berpuasa. Dengan pemaparan kebaikan dan keistimewaan menunaikan ibadat puasa seperti yang dinyatakan dalam cerpen ini, secara tidak langsung dapat menarik minat kanak-kanak untuk belajar berpuasa.

Kajian menunjukkan daripada 130 buah cerpen yang dikaji, hanya sebanyak 5 buah cerpen sahaja yang dominan memaparkan pemikiran keagamaan menerusi hubungan manusia dengan Tuhan iaitu dari segi pemaparan amalan berpuasa. Antara contoh cerpen yang seterusnya memperlihatkan amalan berpuasa ialah melalui cerpen "Puteri Dian Adelia", karya Natasha Effyzal et al., (2013). Hal ini dilihat melalui contoh petikan berikut:

> ...Begitulah rutinnya bulan puasa ini. Namun, di pondok rehat kurang satu meter dari kedudukan mereka, kelihatan Puteri Fatima dan Tengku Laila sedang khusyuk dan tawaduk menikmati makanan. Makanan itu dihantar pembantu mereka. Terang-terangan dan tanpa segan silu mereka memenuhkan perut mereka dengan makanan enak- enak. Oh, sungguh menduga keimanan Puteri D!
>
> (Cerpen "Puteri Dian Adelia". Hlm: 49)

Di sini, pengarang mengetengahkan kritikan kepada kanak-kanak secara telus dengan watak kanak-kanak yang tidak berpuasa di bulan Ramadan. Hal ini menujukkan nilai pengajaran yang pengarang ketengahkan kepada kanak-kanak ialah amalan berpuasa di bulan Ramadan ialah satu perkara wajib yang perlu dilakukan oleh semua umat Islam terutamanya kanak-kanak.

Sekiranya kanak-kanak tidak berpuasa walaupun sudah cukup umur, mereka sendiri akan berasa malu dengan rakan-rakan mereka yang lain yang dapat berpuasa penuh. Bahkan, sekiranya amalan ini berterusan dan tidak diberi penekanan yang sewajarnya oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab seperti ibu bapa dan guru, maka perkara ini dapat memberi impak yang tidak baik kepada kanak-kanak apabila mereka meningkat dewasa kelak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui contoh amalan berpuasa yang diketengahkan dalam cerpen ini maka secara tidak langsung dapat memberi kesedaran yang berguna kepada kanak-kanak untuk belajar berpuasa. Secara lumrahnya, melatih kanak-kanak berpuasa ialah salah satu tugas ibu bapa yang tidak boleh dipandang remeh. Pemaparan amalan berpuasa juga dapat dirujuk melalui beberapa cerpen yang lain, antaranya cerpen "Sebuah Buku Setinggi Harapan" (2012), "Puteri Dian Adelia" (2013), "Puteri Arrabela" (2013), "Puteri Qaira" (2013) dan "Puteri Humaira" (2013).

Kesan daripada penghayatan amalan berpuasa, masyarakat termasuk generasi kanak-kanak dapat menghindari daripada melakukan sifat-sifat negatif sebagaimana dapat dikesan dalam cerpen-cerpen di atas seperti menghindari diri daripada perkara negatif. Antara perkara negatif adalah seperti bercakap bohong atau bercakap perkara yang tidak berfaedah. Kesan seterusnya daripada amalan berpuasa ialah melatih masyarakat melalukan amalan dengan ikhlas. Hal ini akan mewujudkan masyarakat yang harmoni dan mewujudkan 'rasa selamat' kepada anggota masyarakat. Keperluan 'rasa selamat' merupakan salah satu keperluan dalam teori Maslow. Dalam hal ini, Maslow (1970: 77) ada mengatakan bahawa keperluan keselamatan yang diingini oleh kanak-kanak pada peringkat ini ialah: "...rasa selamat, rasa stabil, berdikari, pelindung, bebas daripada ketakutan, bebas daripada kerisauan, memerlukan penstrukturan, arahan, undang- undang, had batasan dan lain-lain lagi".

Ringkasnya, Maslow (1968: 71) mendefinisikan keperluan keselamatan dari segi keselamatan mental dan spiritual. Selain itu, melalui pemaparan pemikiran keagamaan berkaitan dengan aspek berpuasa ini, menunjukkan bahawa terdapatnya keperluan kasih sayang dan cinta kepada tuhan. Sebagaimana yang diketahui, dalam teori Hierarki Keperluan Manusia tidak ada menyebut tentang kasih sayang dan cinta terhadap tuhan. Namun, jika individu tersebut seorang yang beragama Islam, sudah pasti ia akan menunaikan ibadat kepada yang Maha Esa. Begitu juga bagi penganut agama lain yang akan mempercayai tuhan masing- masing.

Di bahagian ini, pengkaji mendapati pemikiran keagamaan berkaitan dengan aspek berpuasa ialah satu keperluan kasih sayang dan cinta manusia terhadap tuhan. Menerusi keperluan ini, kasih sayang yang ditonjolkan dalam setiap watak merupakan kasih sayang tanpa sempadan dan hak. Hal ini kerana, kasih sayang merupakan amalan yang baik dalam semua ajaran agama.

4.3.1 (iii) Pengurusan Masa

Seterusnya, hubungan manusia dengan tuhan dilihat melalui pengurusan masa untuk mendekatkan diri kepada pencipta. Konsep pengurusan masa yang baik dapat menjadikan sesuatu perkara menjadi mudah untuk dilaksanakan dan menghasilkan kejayaan tetapi sekiranya gagal mengurus masa dengan betul maka akan ditimpa masalah yang bertalu-talu. Pendek kata, pengurusan masa untuk mendekatkan diri kepada tuhan melalui kumpulan cerpen kanak-kanak yang dikaji boleh difahami apabila melihat dari perspektif agama.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Secara umumnya, setiap individu akan sentiasa menjaga dan menggunakan masa dengan baik. Masa yang ada akan digunakan sebaik mungkin supaya tidak disia-siakan dengan begitu sahaja. Contoh pemaparan pengurusan masa dengan mendekatkan diri kepada tuhan dilihat terkandung dalam petikan cerpen "Si Pencuri Masa", karya Kamil et al., (2015) seperti berikut:

> Esoknya, pagi-pagi lagi Affan sudah bangun solat Subuh berjemaah bersama atuk dan neneknya. Lepas solat, Nenek Seri membantu Affan membuat jadual waktu hariannya. Nenek Seri mahu Affan menjadi pengurus masa yang baik. Dengan jadual itu nanti, hidup Affan akan lebih teratur dan berdisplin.
>
> ...Memang benar kata Nenek Seri, Allah pasti akan memberi ganjaran kepada sesiapa yang berusaha bersungguh-sungguh. Usaha Affan selama tiga bulan akhirnya menampakkan hasil.
>
> (Cerpen "Si Pencuri Masa". Hlm: 26)

Berbalik kepada contoh di atas, jelas Affan dibimbing oleh datuk dan neneknya dalam menguruskan masa dengan baik. Dari awal pagi lagi Affan sudah mula menunaikan solat Subuh bersama dengan datuk dan neneknya sehingga ke waktu malam jadualnya disusun dengan sempurna. Pembahagian masa untuk belajar, bermain, makan, solat dan tidur telah diatur dengan baik dan dibantu oleh neneknya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Umumnya kanak-kanak pada masa ini tidak mempunyai pengurusan masa atau jadual harian yang teratur. Kebanyakan masa mereka banyak dibuang dengan perkara-perkara yang tidak berfaedah seperti melepak bersama-sama rakan-rakan, bermain gajet dan lain-lain lagi. Malah, ada juga kanak-kanak yang keluar bermain pada waktu tengah hari dan hanya akan pulang ke rumah pada waktu senja. Kesannya mereka akan meninggalkan solat dan tertidur kerana keletihan selepas pulang ke rumah. Sudah pasti kerja sekolah yang diberikan oleh guru tidak dapat disiapkan apatah lagi untuk mengulang kaji pelajaran.

Di sini, pengarang secara tidak langsung menekankan aspek pengurusan masa yang betul dalam mengurus diri seseorang kanak-kanak. Hal ini kerana, pengarang memberi perhatian kepada aspek kuantiti masa dan kualiti masa yang digunakan oleh kanak-kanak. Secara umumnya, agama Islam merupakan agama yang universal kerana konsep pengurusan masa dalam Islam dapat diaplikasikan oleh semua penganut agama-agama yang lain. Hal ini dapat dibuktikan dalam empat fungsi umum pengurusan masa iaitu aspek perancangan, pengorganisasian, kepimpinan dan pengaturan (Pahrol Mohamad Juoi, 2017: 85). Dengan adanya jadual harian ini akan mendisiplinkan kanak-kanak di samping dibantu dengan pengawasan ibu bapa masing-masing. Hal ini secara tidak langsung mendidik kanak-kanak mengurus masa dengan lebih baik seiring dengan peningkatan usia mereka kelak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya pemaparan pengurusan masa yang betul dilihat terpapar dalam cerpen "Resah dalam Penantian", hasil karya Ahmad Fadzilah Muhammad (2013) yang menonjolkan watak Fatin yang pandai menguruskan masa dengan sebaik mungkin. Beliau menguruskan masanya dengan sebaiknya hingga dapat memenuhi undangan dari Sahirah. Malah, pengurusan masa yang sebaiknya telah membantu Fatin menjadi penyelamat dalam melancarkan perjalanan majlis sambutan ulang tahun kelahiran Sahirah. Situasi ini dapat dibuktikan melalui petikan berikut:

> "Terima kasihlah awak jemput saya. Kalau ada kelapangan, insha-Allah saya datang. Agama kita mengingatkan, memenuhi jemputan juga satu kewajipan. Lainlah kalau kita berhalangan."
>
> ...Puas menunggu, Sahirah terpaksa teruskan juga majlis bersama yang ada. Dia hampir menangis kerana kawan-kawannya tidak datang. "Bersabarlah, Sahirah. Aku datang pun sebagai kawan sekelas kamu juga. Mungkin yang lain ada hal masing-masing," ujur Fatin ketika mahu bertolak balik.
>
> (Cerpen "Resah dalam Penantian". Hlm: 42-45)

Dalam contoh di atas, masa yang diuruskan oleh Fatin membuatkan dirinya menjadi seorang yang berdisplin dan teratur dari segi perancangan masa. Malah, perancangan masa dalam kehidupan perlu dititikberatkan dalam setiap perkara yang ingin dilakukan. Perancangan yang tepat dalam kehidupan seseorang dapat mengelakkan perkara yang penting terabai begitu sahaja. Oleh itu, setiap kanak-kanak perlu mempunyai jadual waktu kerja harian yang teratur meliputi semua urusan keduniaan (bermain bersama-sama rakan-rakan) dan urusan ibadat (mendekatkan diri kepada tuhan).

Berbalik kepada 130 buah cerpen yang diteliti, pengkaji mendapati hanya 8 buah cerpen yang dominan memaparkan aspek menguruskan masa yang betul untuk beribadat kepada tuhan. Contohnya dalam cerpen "Kasihnya Fatima" karya Aimi Rahman (2014), memperlihatkan menguruskan masa yang betul untuk mendekatkan diri kepada tuhan dipaparkan menerusi watak Pak Soleh. Misalnya, watak Pak Soleh yang tidak henti- henti berzikir ketika melakukan sesuatu kerja. Hal ini dapat disaksikan menerusi contoh petikan berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> ...Sambil menunggang motosikal meredah kegelapan malam serta hujan lebat, beliau sentiasa beristighfar dan berdoa agar perjalanannya dipermudahkan.
>
> "Ya Allah, ya Tuhanku... Berikanlah aku kekuatan agar terus tabah dengan ujian ini..." bisik hati kecil Pak Soleh apabila melihat tayar motosikalnya itu.
>
> ...Namun, demi menyelamatkan Rosnah, Pak Soleh tidak berfikir dua kali. Dia nekad meninggalkan motosikalnya di tepi jalan lalu dia terus berlari meredah hujan dalam kepekatan malam. Sambil berlari itu, lidah Pak Soleh tidak berhenti berzikir...
>
> (Cerpen "Kasihnya Fatima". Hlm: 70-71)

Pengurusan masa yang baik merupakan elemen yang diterapkan kepada kanak-kanak sesuai dengan tuntutan agama. Apabila hal ini dapat dilaksanakan dengan baik, kanak-kanak akan mendapat pujian daripada orang dewasa atau pun daripada rakan-rakan mereka. Hal ini dapat mewujudkan perasaan bahawa diri mereka dihargai. Dalam teori Hierarki Keperluan Manusia, keperluan dihargai merupakan naluri atau kehendak yang ada pada diri kanak-kanak. Pada peringkat keempat ini keperluan nilai diri atau harga diri dapat memainkan peranan yang penting untuk mendorong kanak-kanak melakukan sesuatu dengan bersungguh-sungguh.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tambah Maslow lagi, keperluan ini adalah seperti keperluan seseorang individu untuk merasakan dirinya dihormati, dihargai dan diiktiraf oleh pihak lain seperti ibu bapa, guru, masyarakat sekeliling, diri sendiri dan lain-lain lagi. Keperluan ini adalah penting kerana individu yang merasakan nilai dirinya tinggi dan diiktiraf oleh orang lain akan mendatangkan rasa keyakinan diri yang tinggi, konsep kendiri yang positif dan penghargaan kendiri yang tinggi. Situasi ini menyebabkan individu khasnya kanak- kanak akan berasa selesa untuk belajar, melaksanakan sesuatu, mencurahkan tenaga secara ikhlas tanpa paksaan daripada mana-mana pihak dan persekitaran pembelajaran yang selesa mengikut pengurusan masa. Kesimpulannya, aspek pengurusan masa yang baik akan memberi kesan kepada kanak-kanak kerana mereka dapat memenuhi keperluan penghargaan kendiri (Maslow, 1970: 40-41).

4.3.1 (iv) Kesabaran

Seterusnya hubungan manusia dengan tuhan diteliti melalui sifat kesabaran manusia kepada penciptanya. Kesabaran bermaksud berserah diri kepada tuhan atas perkara yang berlaku dan akan berlaku. Menurut Muhammad Al-Ghazali (1994: 56), kesabaran ialah menyandarkan diri kepada tuhan tatkala menghadapi sesuatu kepentingan, bersandar kepada-Nya dalam waktu kesukaran, teguh hati tatkala ditimpa bencana, disertai jiwa yang tenang dan hati yang tenteram. Konsep kesabaran juga ada dinyatakan oleh Tallal Alie Turfe (2013: 66) yang menekankan sabar itu ialah

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

proses mengawal emosi marah atau pun ketika situasi yang tegang. Ramai individu yang tidak akan sabar apabila berhadapan dengan pelbagai masalah dan kesusahan. Rumusannya dapat dikesan bahawa konsep kesabaran sangat penting dalam kehidupan manusia di dunia. Konsep kesabaran harus diterapkan pada peringkat kanak-kanak lagi. Oleh itu, pemupukan sifat sabar dalam cerpen kanak-kanak memberi kesan kepada kanak-kanak untuk mendidik hati mereka daripada melakukan perkara yang tidak berfaedah.

Berdasarkan penelitian pengkaji daripada 130 buah cerpen kajian terdapat 35 buah cerpen yang menerapkan konsep kesabaran. Konsep kesabaran yang dominan diterapkan ialah yang berhubung dengan watak-watak yang dapat menerima ketentuan tuhan. Perihal kesabaran berkait rapat dengan keimanan seseorang kepada penciptanya. Kita sebagai manusia tidak dapat menolak ketentuan tuhan sama ada baik atau buruk. Contohnya dalam cerpen "Pesan Emak", karya Kamil et al., (2015) memperlihat watak Anis yang sabar dalam menghadapi dugaan hidup. Anis merupakan anak yatim yang bijak dalam menyelesaikan masalah atau persoalan hidup yang penuh cabaran. Ciri-ciri kesabaran yang terdapat dalam diri Anis, dapat dijadikan sebagai panduan kepada kanak-kanak. Sikap sabar Anis dapat dilihat apabila dia berdepan dengan masalah keluarga. Masalah keluarga Anis ialah konflik antara nenek dengan ayahnya. Anis mampu mengawal emosi antara kehendak diri yang perlukan kasih sayang dengan kehendak nenek yang tidak mengizinkannya berhubung dengan ayah kandungnya.

Berkat kesabaran Anis, akhirnya dia mendapat kasih sayang kedua-dua orang tersayang iaitu ayah dan neneknya. Rentetan daripada itu, watak Anis yang sabar signifikan dengan pendapat Maslow (1970: 38), iaitu kesabaran untuk mendapatkan keperluan kasih sayang merupakan sesuatu yang bersifat interpersonal dan melibatkan perasaan kepunyaan. Keperluan ini amat kuat pada zaman kanak-kanak kerana kanak-kanak pada waktu ini memerlukan seseorang yang rapat dengannya. Aspek ini, sinonim dengan peristiwa yang berlaku kepada Anis. Hal ini dapat dibuktikan melalui contoh petikan berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> ...Pesan emak, paling penting Anis jangan tinggal solat. Mesti berbuat baik sesama manusia dan nanti bila dah ada rezeki sendiri selalu bersedekah..."
>
> "Emak berpesan, suruh Anis selalu berhubung dengan ayah..." Anis merenung wajah neneknya. "Kata emak, yang bersengketa ialah emak dan ayah. Anis jangan menyebelahi mana-mana pihak."
>
> "Tetapi... ayah tidak peduli pun Anis." Budak itu ternyata menyimpan sebuah rajuk. Nenek Ana pasti Anis jauh hati. "Anis, bukankah dia ada datang masa emak Anis meninggal dahulu?' Memanglah ada. Selepas itu dia tak hubungi Anis pun..." Nenek Ana melepaskan keluhan panjang. Nenek minta maaf, Anis. Sebenarnya ayah Anis ada hubungi Anis tetapi nenek yang tak benarkan dia bercakap dengan Anis."
>
> (Cerpen "Pesan Emak". Hlm: 33-43)

Pengkaji menganalisis keperluan kasih sayang manusia menerusi tiga (3) aspek iaitu 1) kasih sayang terhadap tuhan, 2) kasih sayang terhadap manusia yang lain dan 3) kasih sayang terhadap alam sekitar dan haiwan. Bagi pemaparan aspek kesabaran seperti yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji, pengkaji mendapati aspek ini terletak bawah keperluan kasih sayang dan cinta manusia terhadap tuhan.

Kesabaran merupakan perkara yang penting kepada semua masyarakat berbilang kaum tidak kira agama Islam mahupun agama-agama yang lain. Hal ini dapat dibuktikan dalam amalan agama Islam, Kristian, Buddha dan agama Hindu. Dalam agama Islam kesabaran digunakan sebagai suatu usaha untuk menyelesaikan masalah (al-Bakarah, 153). Demikian juga bagi penganut agama Kristian, kesabaran merupakan suatu usaha untuk mencapai tujuan (Injil, Yakobus 5:7). Seterusnya dalam agama Buddha (Dhammapada, bait 184) dan Hindu (Kitab Sarasamuccaya, seloka 94) pula sabar dikaitkan dengan aspek mengawal emosi marah supaya tidak menyakiti orang lain. Oleh yang demikian, daripada definisi setiap agama tentang kesabaran menujukkan apabila seseorang itu bersabar, individu itu akan sentiasa hidup dalam kasih sayang.

Sehubungan itu, dalam konteks kajian ini aspek kesabaran yang terkandung dalam pemikiran keagamaan telah menunjukkan bahawa kanak-kanak memerlukan penghormatan diri dan penghormatan dari orang lain. Apabila aspek ini dipenuhi maka kanak-kanak dapat melahirkan perasaan cinta dan kasih sayang sesama manusia. Analisis mendapati pengarang cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji telah berjaya mengetengahkan pemikiran keagamaan menerusi aspek kesabaran yang dapat memenuhi keperluan rasa kasih, sayang dan cinta manusia terhadap tuhan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kesimpulannya, antara cerpen yang memaparkan perihal kesabaran ialah cerpen "Cahaya di Hujung Terowong" (2012), "Tamu" (2012), "Kembalikan Kasih Ibu Kepada Kami" (2014), "Sepasang Kasut dan Sekotak Pastel" (2014), "Nasihat Ratu Hati Syamim" (2014), "Maafkan Saya!" (2015), "Cinta Anak Watan" (2015), "Ayahku Superhero" (2015), "Selamat Tinggal Gigi Susu!" (2015), "Wah, Hebatnya Tumbuhan!" (2015), "Dia Kawan Saya" (2015), "Sailormoon Kelas 5A" (2015) dan seterusnya boleh dirujuk di bahagian lampiran.

Pengarang cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 turut menekankan kepentingan nilai Islam yang memaparkan persoalan yang berunsur kebenaran dan membawa pelajaran. Kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan berupaya menghasilkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Kenyataan tersebut bersesuaian dengan Pengkaedahan Keagamaan sebagaimana menurut (Hashim Awang, 1997: 122-123), Pengkaedahan Keagamaan merupakan pendekatan yang berdasarkan kepada keimanan yang bersendikan aqidah agama Islam bersumberkan al-Quran dan Hadis. Pembentukan pula bersandarkan kepada tujuan-tujuan menyerlahkan sifat-sifat keagungan Allah dan mempertingkatkan ketakwaan terhadapNya.

Menerusi teori Pengkaedahan Keagamaan, terdapat tiga pendekatan iaitu Pendekatan Dakwah, Pendekatan Kemasyarakatan, dan Pendekatan Seni yang saling berhubungan antara satu sama lainnya. Dalam kajian ini, pemikiran keagamaan dari aspek hubungan manusia dengan Tuhan dapat dikaitkan dengan pendekatan dakwah. Pendekatan dakwah sebenarnya berupaya merungkai sebagai suatu wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan seseorang insan terhadap Allah SWT. Pengarang cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 turut menggambarkan persoalan mengenai sifat-sifat kemuliaan dan keagungan Allah SWT. Penyisipan sifat keagungan Allah SWT sebagai Maha Pencipta menerusi secara tidak langsung menjadikan para insan mengenali dengan lebih dekat dan khusyuk sifat dan diri Tuhan. Nilai ketakwaan tersebut berupaya menimbulkan pertambahan dan peningkatan rasa kecintaan dan kehormatan insan yang lebih besar dan suci terhadapNya.

Dengan itu, aspek pemikiran menerusi perihal sembahyang, berpuasa, pengurusan masa dan kesabaran yang dirungkai menerusi teori Pengkaedahan Melayu berupaya membawa kebaikan, panduan, pelajaran, sumber pengetahuan dan sejarah ketamadunan Melayu dalam kalangan khalayak pembaca. Kerelevananya turut diperkukuhkan dengan pendapat Jumali Hj. Selamat (2009: 35), Pengkaedahan Melayu melibatkan sepenuhnya aspek pendakwahan yang membawa ke arah kebaikan dan kemajuan yang dapat mempengaruhi kehidupan manusia menjadi Muslim yang berupaya memilih dan meletakkan dirinya sebagai insan bertakwa seiring dengan kehendak ajaran Islam. Seperti yang kita sedia maklum, alam tidak wujud tanpa penciptanya dan Allah SWT adalah penciptanya, mengatur segala kejadian alam dan melindunginya. Alam dan kejadiannya oleh Allah SWT terdiri daripada tiga kelompok kejadian iaitu di langit, di bumi dan yang berada di antaranya. Kenyataan tersebut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

sebagaimana menurut Azhar Ibrahim (2014: 100), sastera adalah produk kebudayaan yang paling simbolik, dengan menjelma dalam pelbagai peranan sebagai wadah pengajuan metafora, didaktisme, mungkin juga penyuntik spritualisme dan pendandan estetika.

Oleh hal yang demikian, sebagai karya sastera secara tidak langsung menimbulkan daya tarikan yang lebih mendalam terhadap kesucian agama Islam dalam kalangan insan Muslim mahupun bukan Muslim sebagai perantara kontrak sosial sekunder yang berupaya membawa pelbagai persoalan kemasyarakatan, bertindak sebagai perantara antara pengarang dan khalayak pembaca untuk menyampaikan unsur dakwah dan berupaya membantu pembangunan rohani khalayak pembaca. Hal ini seumpama firman Allah SWT yang bermaksud:

> "Sesungguhnya Allah menyuruh melakukan keadilan dan berbuat kebajikan serta memberi karib kerabat, dan melarang berbuat yang keji dan yang mungkar dan kezaliman. Dia mengajarkan kepadamu, mudah-mudahan kamu mendapat peringatan".
>
> (an-Nahl, 90).

Sehubungan itu, pemikiran keagamaan dari aspek hubungan manusia dengan Tuhan menerusi perihal sembahyang, berpuasa, pengurusan masa dan kesabaran ini juga merupakan salah satu dari keperibadian mulia manusia apabila mengamalkannya. Hal ini diperakui oleh Harun Din (2003: 19) dengan mengatakan manusia yang sentiasa mentaati suruhan dan meninggalkan larangan Tuhan adalah manusia yang memiliki keperibadian mulia. Justeru, menerusi teori Pengkaedahan Melayu (1989), bersesuaian dengan pendekatan dakwah (Hashim Awang, 2002: 18) yang menerangkan bahawa pendekatan ini dilihat sebagai satu wadah yang dapat meningkatan nilai ketakwaan manusia khasnya kanak-kanak terhadap Allah SWT. Malah, pendekatan dakwah ini juga menjurus kepada persoalan yang mengetengahkan tentang sifat kemuliaan dan keagungan Allah SWT. Oleh itu, pemikiran keagamaan iaitu hubungan manusia dengan Tuhan seperti perihal sembahyang, berpuasa, pengurusan masa dan kesabaran dapat dihubungkan dengan pendekatan dakwah dalam teori Pengkaedahan Melayu. Hal ini kerana, pendekatan dakwah lebih menyentuh kepada segala persoalan yang berkaitan dengan penonjolan kebesaran Tuhan dan agama Islam dengan wujudnya sifat-sifat mulia dalam diri manusia khasnya kanak-kanak.

Justifikasinya, pendekatan dakwah ini berupaya membawa khalayak pembaca agar mentafsir serta memahami mengenai tanggungjawab manusia terhadap Tuhan, manusia terhadap dirinya, tanggungjawab manusia terhadap masyarakat, tanggungjawab terhadap makhluk Tuhan dan tanggungjawab terhadap alam. Hal ini bersangkut paut dengan wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan insan terhadap Allah SWT, menjauhi larangannya iaitu tidak berbuat aniaya dan menzalimi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

antara satu sama lain. Fenomena tersebut bersesuaian dengan pendekatan dakwah yang melihat sastera sebagai suatu wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan seseorang insan terhadap Allah SWT yang dapat membawa pelbagai persoalan kepada khalayak pembaca agar menjauhi segala laranganNya, tidak menodai kesucian agama Islam dan mengamalkan kebaikan dalam kehidupan di dunia sebagai tanda cinta akan Allah SWT. Secara keseluruhannya, perkaitan antara pemikiran keagamaan (hubungan manusia dengan tuhan) dengan model keperluan kanak-kanak (janaan teori Hierarki Keperluan Manusia dan teori Pengkaedahan Melayu) ini dapat dirujuk melalui jadual 4 seperti berikut;

Jadual 4 : Perkaitan antara Pemikiran Keagamaan (Hubungan Manusia dengan Tuhan) dengan Model Keperluan Kanak-Kanak

Bil	Aspek Pemikiran (Hubungan Manusia dengan Tuhan)	Kesan Keperluan Kanak-kanak	Teori Hierarki Keperluan Manusia
1.	Sembahyang	Wujud hubungan yang harmoni dan mengeratkan kasih sayang sesama keluarga.	Peringkat ke-3:- Keperluan kasih sayang.
2.	Puasa	-Dapat menghindari daripada melakukan sifat-sifat negatif. -Wujudnya masyarakat yang harmoni dan rasa selamat.	Peringkat ke-3:- Keperluan kasih sayang.
3.	Pengurusan Masa	-Apabila pengurusan masa dapat dilaksanakan dengan baik, akan dapat pujian daripada orang lain. -Wujud perasaan bahawa diri mereka dihargai.	Peringkat ke-4:- Keperluan penghargaan kendiri.
4.	Kesabaran	-Mendidik hati kanak-kanak daripada melakukan perkara-perkara tidak berfaedah.	Peringkat ke 3:- Keperluan kasih sayang.
TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU – PENDEKATAN DAKWAH			

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.2 Pemikiran Keagamaan (Hubungan Manusia Sesama Manusia)

Seterusnya, pemikiran keagamaan melibatkan hubungan manusia sesama manusia yang terkandung dalam kumpulan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji dapat diperincikan melalui amalan kepatuhan kepada orang tua, tolong-menolong, amalan bersedekah (membantu orang yang dalam kesusahan) dan berpesan kepada kebaikan. Berikut adalah aspek pemikiran keagamaan berkait dengan hubungan manusia sesama manusia yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015:-

4.3.2 (i) Kepatuhan kepada Orang Tua

Berdasarkan penelitian pengkaji, daripada 130 buah cerpen hanya 45 buah cerpen sahaja yang membincangkan kepatuhan dan menghormati orang tua. Cerpen-cerpen yang membincangkan nilai-nilai menghormati orang tua adalah seperti cerpen "Makaron" (2013), "Ais Krim Best!' (2013), "Asam Pedas Tok Wan" (2013), "Kasihnya Fatima" (2013), "Aku Anak Buruh Kasar" (2014), "Aku Anak Kampung" (2014), "Aku Mahu Berjaya" (2014), "Hanya Pada-Mu Aku Berserah" (2014), "Abang Dah Besar" (2015), "Ayahku Superhero" (2015), "Selamat Tinggal Gigi Susu!" (2015), "Puteri Merah Jambu" (2015) dan selanjutnya boleh rujuk di bahagian lampiran.

Selain itu, pengkaji mendapat bahawa 33 buah cerpen membincangkan cara menghormati ibu bapa, 12 cerpen membincangkan cara menghormati orang yang lebih tua seperti datuk, nenek, kakak, cikgu, abang, pakcik, makcik dan jiran. Cerpen-cerpen yang membincangkan amalan hormat-menghormati ini dilihat melalui tingkah laku watak yang mendengar kata atau menurut perintah, tidak berkasar dan bersikap sopan santun terhadap orang yang lebih dewasa.

Contoh amalan kepatuhan kepada ibu bapa dapat disaksikan dalam beberapa buah cerpen kanak-kanak yang dikaji. Antaranya melalui watak Aqilah dalam cerpen "Selagi Masih Ada", karya Ahmad Fadzilah Muhammad (2013) yang memperlihatkan sebagai seorang kanak-kanak yang sangat patuh kepada kedua-dua ibu bapanya. Kepatuhan yang dimaksudkan di sini iaitu memenuhi kehendak orang tua dengan rela hati. Aqilah di dalam cerpen ini tidak pernah sekalipun membantah perkara yang diputuskan oleh ayahnya. Sejajar dengan prinsip dalam teori keperluan manusia yang menyatakan perasaan hormat dan patuh kepada orang lain. Baginya, keputusan yang dibuat oleh orang tuanya itu harus dituruti tanpa perlu dipersoalkan. Contoh amalan kepatuhan Aqilah kepada ayahnya dibuktikan dalam petikan berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"Nenek tidak sihat, elok Aqilah temankan nenek," kata ayah sambil tersenyum.

Aqilah diam membisu. Dia faham benar dengan sikap ayahnya. Tegas dalam membuat keputusan. Kalau dia sudah buat ketetapan, tidak ada sesiapa boleh bantah...

(Cerpen "Selagi Masih Ada". Hlm: 5-9)

Watak seterusnya yang memperlihat kepatuhan kepada ibu bapa ialah cerpen "Asam Pedas Tok Wan" karya Nur Shamsiah On (2014), menampilkan watak Tihani anak tunggal sebuah keluarga yang tinggal di bandar tetapi diminta oleh ibunya untuk tinggal bersama dengan neneknya di kampung. Tihani walau pada mulanya enggan bersekolah di kampung namun akhirnya patuh pada kehendak orang tuanya. Maslow menyatakan sikap ini suatu jalinan perhubungan yang baik antara Tihani dengan ibunya serta neneknya. Sikap Tihani terhadap ibunya menunjukkan Tihani menghormati keputusan ibunya manakala sikap Tihani dengan neneknya menunjukkan Tihani dapat menemani neneknya yang tinggal keseorangan di kampung. Sehubungan dengan itu, Tihani bertindak positif sesuai dengan teori Maslow kerana dia telah membuat keputusan dalam kehidupannya dan ini dinamakan penghargaan kendiri. Hal ini dapat disaksikan melalui petikan berikut:

"Mama rasa inilah yang terbaik buat kamu. Tahun depan kamu dah nak ambil UPSR. Di kampung, kamu boleh lebih fokus. Di sini, kamu sering hilang tumpuan. Maklumlah... dengan internetlah, pusat membeli-belahlah dan macam-macam lagilah."

Tihani hanya membisu ketika itu. Dia tahu. Tiada gunanya jika dia memprotes cadangan itu. Pasti mama dan papanya akan berkeras juga.

"Baiklah, akhirnya dia bersetuju walaupun hatinya berasa amat berat.

(Cerpen "Asam Pedas Tok Wan". Hlm: 79)

Seterusnya, amalan kepatuhan dapat dilihat menerusi watak Afiza dalam cerpen "Ketupat Baju Melayu", karya Ahmad Fadzilah Muhammad (2013). Di sini, pengarang menonjolkan watak Afiza yang patuh kepada ibu dan ayahnya melalui satu peristiwa iaitu ibu bapanyan telah mengasingkan tempat tinggal abangnya dengan mereka sekeluarga. Malah, kedua- dua ibu bapanya juga tidak membenarkan Afiza bersemuka dengan abang Dali hanya disebabkan abangnya itu mengidap penyakit berjangkit. Afiza sedar bahawa kedua ibu bapanya itu telah melakukan kesilapan dengan menghukum dan memperlakukan tindakan yang tidak betul terhadap abangnya. Walau bagaimanapun, kesilapan kedua-dua ibu bapanya itu tidak dijadikan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

alasan bagi Afiza untuk meninggikan suara atau bersikap kurang ajar. Situasi ini dapat dilihat dari petikan berikut:

> "Di mana abang, mak?" tanya Afiza tidak sabar. "Ada, di stor belakang!"
>
> "Oh, Afiza nak jumpa abang sekejap!"
>
> "Tak payah! Mula hari ini dia akan tinggal di situ. Mak dah bekalkan peralatan yang cukup buatnya, dapur, pinggan mangkuk dan keperluan lain. Pandai-pandailah dia uruskan dirinya sendiri. Kalau dia lapar, masaklah sendiri. Baju kotor basuhlah sendiri."
>
> "Tapi kenapa, mak?"
>
> "Kamu akan faham nanti. Elok kamu dengar cakap mak, tak payahlah berjumpa abang kamu itu."
> "Baik mak." Ujar Afiza lembut.
>
> (Cerpen "Ketupat Baju Melayu". Hlm: 12)

Malah, amalan kepatuhan terhadap ibu bapa seperti watak Afiza itu juga turut dipersembahkan melalui watak Ai Chia dalam kumpulan cerpen "Kek Cawan Online", karya Kamil et al., (2015). Watak Ai Chia yang sangat taat dan patuh kepada kedua-dua ibu bapanya walaupun adakalanya mereka tidak bersependapat. Di samping itu, Ai Chia turut memperlihat perwatakannya yang sering menjaga adab dan tanggungjawabnya kepada ibunya. Antara adab dan tanggungjawab yang disarankan dalam Islam ialah bercakap dengan lemah lembut serta suara yang rendah ketika bertutur dengan ibu bapa dan jangan sekali-kali membantah dan mengherdik mereka dengan apa-apa jua perkataan kerana perbuatan itu ditegah oleh tuhan.

Walaupun Ai Chia bukannya seorang yang beragama Islam, namun beliau memiliki sikap kepatuhan terhadap kedua ibu bapanya iaitu dengan tidak bercakap kasar yang boleh menyinggung perasaan kedua ibu bapanya itu. Selain itu, Ai Chia sentiasa menggembirakan hati ibunya dengan mentaati segala arahan dan suruhan ibunya. Sebagai contoh, dapat kita lihat menerusi petikan berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Ai Chia memandang ke arah mama yang sedang menangis teresak-esak. Mengapa mama menangis? Dia tidak pernah melihat papa meninggikan suara kepada mama. Namun, pada malam yang dingin itu dia telah menyaksikan peristiwa yang menggores perasaannya. Dia tidak mahu rumah yang sentiasa diwarnai dengan gurau senda bertukar warna. Biarlah warna-warna pelangi kebahagian mewarnai kehidupannya sekeluarga.
>
> ...Sebaik sahaja selesai minum Milo, dia terus menuju ke biliknya. Puan Goh menyuruhnya mengulang kaji pelajaran. Dia akur dengan suruhan mama. Dia tidak mahu melukai hati mama yang amat disayanginya itu.
>
> (Cerpen "Ai Chia Aisyah". Hlm: 154)

Umum mengetahui ibu bapa mempunyai kedudukan yang tinggi lagi mulia di sisi tuhan. Segala pengorbanan kedua ibu bapa terutamanya pengorbanan seorang ibu yang mengandungkan dan melahirkan anak-anak sangatlah tidak ternilai besarnya. Begitu juga jasa seorang ayah yang menjaga dan menyediakan makanan, pakaian dan tempat tinggal sehingga anak-anak dewasa. Ketiga-tiga contoh cerpen yang dikupas oleh pengkaji memperlihat watak utama kanak-kanak yang menepati aspek kepatuhan kepada ibu bapa masing-masing. Watak-watak seperti Aqilah dan Tihani menunjukkan sebagai seorang anak yang lurus, mendengar kata dan tidak membantah kata-kata orang tuanya. Begitu juga dengan watak Afiza dan Ai Chia walaupun pada mulanya mempunyai konflik dengan ibu masing-masing namun mereka masih patuh dan tidak bercakap kasar dengan mereka.

Konklusinya, pengarang dalam kumpulan cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji ini menerapkan amalan kepatuhan kepada ibu bapa sebagai asas utama di dalam cerpen mereka. Pengarang yang juga membawa peranan sebagai ibu dan bapa dalam kehidupan sebenar tentunya mahu melihat kanak-kanak hari ini patuh dengan nasihat dan ajaran ibu bapa masing-masing. Pengarang menerapkan nilai kepatuhan dalam institusi keluarga yang dilihat semakin hilang pada masa ini. Pengarang mencipta kesudahan cerita yang baik dan gembira kepada watak kanak-kanak tersebut apabila kanak-kanak mendengar dan patuh dengan kata-kata ibu bapa mereka.

Hal ini tentunya dapat mengubah pemikiran kanak-kanak yang membaca cerpen ini kerana mereka pasti mendapat sesuatu yang baik untuk diri mereka sendiri selain pada masa yang sama memastikan nilai-nilai keharmonian dalam rumah tangga melalui hubungan dua hala di antara anak dan ibu bapa. Bertitik tolak kepada teori Hierarki Keperluan Manusia, aspek hubungan manusia sesama manusia berkaitan dengan kepatuhan dan menghormati orang tua ini sebenarnya dapat dikategorikan kepada keperluan penghargaan kendiri. Keperluan penghargaan kendiri ialah peringkat yang keempat dalam teori Hierarki Keperluan Manusia. Pada peringkat ini, Abraham

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Maslow mengemukakan idea yang dapat menepati dengan nilai-nilai setempat masyarakat Melayu mahupun segala bangsa yang terdapat di dunia.

Menurut Maslow (1970: 46), terdapat dua bentuk keperluan penghargaan kendiri yang diciptakan oleh seseorang manusia. Pertama; keperluan penghargaan kendiri yang tertinggi ialah berkait dengan manusia itu sendiri tahu menilai dan menghargai dirinya serta menghormati diri sendiri seperti berasa yakin, cekap, berdikari dan bebas bertindak. Keduanya pula ialah merujuk kepada sikap menghormati orang lain dan apabila individu tersebut mendapati orang lain melahirkan rasa hormat kepadanya. Rasa hormat ini hadir dalam bentuk pengiktirafan, status, pemasyhuran, penghargaan, perhatian, kepentingan, maruah dan kekuasaan (Maslow, 1968: 45).

Dalam kajian ini, pengkaji mendapati aspek kepatuhan dan menghormati orang tua ialah keperluan penghargaan kendiri bentuk yang kedua. Setiap manusia normal di dunia ini menginginkan rasa dihargai oleh orang lain. Hal ini ialah suatu perasaan iaitu kehadiran kita atau perbuatan kita itu dihargai orang lain. Bentuk penghargaan pula adalah dalam pelbagai bentuk. Ada dalam bentuk kata-kata, ada juga pemberian dalam bentuk barangan, pengiktirafan, bentuk layanan yang baik, tingkah laku atau kelakuan yang baik dan sebagainya lagi. Bagi manusia yang telah mendapat keperluan kendiri bentuk kedua ini, mereka akan rasa lebih berkeyakinan dengan tahap kemampuan diri sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tuntasnya, aspek kepatuhan dan menghormati orang tua yang terkandung dalam pemikiran keagamaan iaitu hubungan manusia sesama manusia ini dilihat berjaya memenuhi keperluan di peringkat penghargaan kendiri bentuk yang kedua. Setelah pengkaji menganalisis aspek ini dengan teori Hierarki Keperluan Manusia, pengkaji mendapati pengiktirafan dan sokongan daripada ahli keluarga, rakan sebaya serta masyarakat sekeliling amat diperlukan oleh kanak-kanak. Apabila pengiktirafan serta sokongan daripada ahli keluarga, rakan sebaya dan masyarakat sekeliling terlaksana, hal ini dapat memberikan peluang kepada golongan kanak-kanak untuk mempraktikkan tingkah laku yang baharu serta mengembangkan lagi kemahiran sosial mereka pada masa akan datang. Malah, nilai kepatuhan dan menghormati orang yang lebih tua daripada mereka akan lebih terlaksana dengan adanya kepuasan keperluan penghargaan kendiri dalam diri kanak-kanak tersebut.

4.3.2 (ii) Kasih Sayang Sesama Manusia

Hubungan manusia sesama manusia juga melibatkan nilai kasih sayang antara manusia dengan manusia yang lain. Umumnya, kasih sayang merupakan suatu perasaan yang lahir secara semula jadi dalam diri setiap manusia. Menurut *Kamus Besar Bahasa Indonesia, Edisi Kelima*, (2016: 800), kasih sayang didefinisikan sebagai cinta, kasih, belas kasihan, kasih mesra, perasaan kasih, perasaan cinta dan sayang, mahabbah, hubah, percintaan dan pertemuan dengan hati. Selain itu, perasaan kasih sayang bermaksud perasaan halus dan belas kasihan yang timbul daripada hati

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang ikhlas terhadap orang lain dan berusaha membantu meringankan bebanan yang dihadapinya (Norita Arifin, 2006: 93).

Seterusnya, Tajul Ariffin Noordin & Nor'Aini Dan (1992: 32) mentakrifkan kasih sayang sebagai perasaan cinta, kasih sayang yang mendalam dan berkekalan. Rasa ini dikatakan lahir daripada hati yang rela terhadap sesuatu tanpa sebarang unsur kepentingan diri. Baginya lagi, terdapat empat ciri kasih sayang iaitu sayang kepada nyawa, sayang kepada alam sekitar, sayang kepada negara dan sayang kepada keamanan dan keharmonian. Manakala Muhammad Al-Ghazali (1994: 92) pula menyatakan bahawa nilai kasih sayang ialah satu perasaan kasih sayang amat penting bagi membina hubungan yang bahagia dalam sesebuah keluarga mahupun masyarakat.

Malah, kasih sayang juga merupakan perasaan cinta dan kasih sayang iaitu sebagai asas keluarga yang harmoni dan bahagia. Melalui keluarga bahagia, akan wujudnya masyarakat yang kuat, mulia dan saling bertanggungjawab. Oleh yang demikian, berdasarkan pendapat-pendapat yang diutarakan, maka dapat disimpulkan bahawa kasih sayang ialah suatu perasaan halus dan belas kasihan yang lahir daripada hati meliputi rasa cinta dan kasih sayang yang mendalam, tiada sempadan waktu dan tanpa sebarang paksaan atau unsur kepentingan diri dan seterusnya membawa kepada perlakuan yang baik dan positif dalam diri seseorang.

Sehubungan dengan itu, pemaparan aspek kasih sayang dapat dilihat menerusi watak Izyan dari cerpen "Puteri Dian Adelia", karya Natasha Effyzal et al., (2013). Di sini, pengarang menonjolkan watak Izyan iaitu seorang gadis yang sangat kasih dan sayang terhadap keluarganya terutama ibu dan adik-adiknya. Hal ini dilihat apabila Izyan tidak senang hati dan sering berasa takut jika terjadi sesuatu yang tidak diingini ke atas ibunya kerana penyakit yang menimpa ibunya selama ini. Malah, Izyan juga merupakan satu-satunya tempat ahli keluarganya bergantung hidup setelah kematian ayahnya. Hal ini kerana elaun persekolahan Izyan menjadi tampungan perbelanjaan mereka sekeluarga selama ini. Contoh dalam dilihat melalui petikan berikut:

> "Sebenarnya, saya tidak selesa berbuka puasa di rumah awak tempoh hari. Saya rasa bersalah kerana menikmati makanan yang enak-enak sedangkan keluarga saya di rumah makan ala kadar. Sebab itu, saya makan sedikit sahaja. Saya terkenang mereka. Selain itu, saya juga serba salah kerana saya tidak ada tabungan bagi membelikan baju raya untuk adik-adik saya. Sudah dua kali raya mereka tidak berganti baju. Saya terkilan kerana sebagai kakak sulung, saya tidak dapat buat apa-apa. Saya tidak kisah tidak ada baju baru untuk raya tetapi saya rasa bersalah kerana tidak mampu menyediakan baju raya untuk adik-adik saya." jelas Izyan panjang lebar.
>
> (Cerpen "Puteri Dian Adelia". Hlm: 61-62)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan petikan, pengarang menggambarkan kasih sayang yang sangat utuh antara seorang anak terhadap ibunya. Walaupun si anak (Izyan) masih lagi kanak-kanak yang memiliki keinginan dan keperluan seperti kanak-kanak normal yang lain iaitu memiliki keinginan untuk berkawan, bermain, bersuka ria bersama-sama teman-teman dan sebagainya. Namun, dia sanggup mengorbankan kesemuanya itu bagi menjaga kesejahteraan kesihatan ibunya berserta menjaga masa depan adik-adiknya. Oleh itu, nilai kasih sayang sebegini mampu membentuk keperibadian yang mulia dalam diri kanak-kanak. Selain itu, kanak-kanak juga mampu membentuk nilai kasih sayang dalam diri mereka agar ikatan kasih sayang ini dapat menjanjikan kebahagiaan dalam diri mereka.

Dalam teori Hierarki Keperluan Manusia, Maslow (1970: 44) amat menekankan konsep kasih sayang yang berbentuk sebegini iaitu kasih sayang manusia sesama manusia lain. Lumrah manusia untuk saling menyayangi antara satu sama lain terutamanya dalam kalangan keluarga, adik-beradik, saudara mara, jiran tetangga, kawan-kawan dan masyarakat sekeliling. Aspek ini dipaparkan melalui watak Izyan kepada ibu dan adik-adiknya.

Seterusnya, pemaparan aspek kasih sayang dapat dilihat dalam cerpen "Asam Pedas Tok Wan", karya Nur Shamsiah On (2014). Dalam cerpen ini, pengarang memaparkan kasih sayang seorang cucu terhadap neneknya. Pemaparan aspek ini dilihat menerusi hubungan kasih dan sayang antara Tihani dan neneknya tetap terjalin walaupun Tihani hanya tinggal beberapa bulan sahaja bersama dengan neneknya. Malahan, neneknya itu telah memberikan sepenuh kasih sayang kepada Tihani sehingga membuatkan Tihani berasa bahagia apabila tinggal bersama-sama neneknya di kampung. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan di bawah:

> "Tolong hantar Tih ke rumah Tok Wan esok. Tih nak makan asam pedas Tok Wan."
>
> "Esok tak boleh, sayang..." jawab papanya, lembut. "Kan mama ada beritahu yang papa ada temujanji dengan kawan-kawan?'
>
> "Tih tahu," ujur Tihani dan air matanya mengalir tanpa disedari. Tapi dah lama Tih tak jumpa Tok Wan. Tih rindu! Lagipun Tih teringin sangat nak makan asam pedas Tok Wan! Tih tak boleh tunggu sampai minggu depan."
>
> (Cerpen "Asam Pedas Tok Wan". Hlm: 87)

Melalui contoh petikan, pengarang secara tidak langsung telah berjaya mengetengahkan aspek kasih sayang seorang cucu terhadap neneknya. Secara psikologinya, kanak-kanak yang mendapat kasih sayang yang cukup daripada ahli

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keluarga khususnya orang yang paling dekat dengan mereka akan mempunyai tahap kecerdasan yang tinggi ekoran daripada keceriaan dan kebahagian yang dinikmati mereka (Maslow, 1970: 36).

Hal ini selari dengan kajian yang dilakukan pakar psikologi kanak-kanak yang menyatakan bahawa kanak-kanak yang mendapat curahan kasih sayang dan perhatian yang cukup daripada orang tuanya akan mempunyai ukuran otak yang lebih besar, sementara kanak-kanak yang mempunyai saiz otak lebih kecil dikatakan kurang mendapat belaian kasih sayang dan perhatian daripada ibu bapa (Hasnita, 2014: 56).

Kemudiannya, dalam cerpen "Kasih Sayang Kakak", karya Ahmad Fadzilah Muhammad (2013) turut memperlihat pemaparan kasih sayang seorang kakak terhadap adiknya walaupun adiknya itu sering kali menyakiti hatinya. Contohnya, watak Atira diperlihat sebagai seorang kakak yang bertanggungjawab dan sangat baik. Atira juga dikatakan memiliki sepenuhnya nilai kasih sayang terhadap adiknya Masri. Atira tidak pernah membenci adiknya itu walaupun ada kalanya Masri sering menyakiti hatinya dan tidak mendengar nasihatnya. Berikut ialah contoh petikan yang memaparkan nilai kasih sayang Atira terhadap Masri:

> Atira tidak sanggup melihat Masri berkeadaan sugul. Timbul rasa simpati dalam hatinya. Namun, apabila difikirkan perangai Masri selama ini terhadapnya, memang patut Masri tidak ditolong. Biar padan mukanya. Biar dia kena marah dengan mak.
>
> "Kak, macam mana ni? Mak dah nak balik."
>
> ...Atira akhirnya mengalah. Dia mencari gam untuk mencantumkan kepingan yang pecah. Nasib baik vas itu tidak berkecai. Kalau pecah berkecai atau berderai mana boleh digam semula.
>
> (Cerpen "Kasih Sayang Kakak". Hlm: 64)

Maslow (1970: 62) mengatakan bahawa keperluan kasih sayang adalah dengan memberikan gambaran bahawa setiap manusia terutamanya kanak-kanak memerlukan kasih sayang daripada orang lain supaya mereka dapat mengasihi orang lain juga. Manusia memerlukan seseorang dan menjadi sebahagian daripada kumpulan, keluarga, jiran dan sebagainya. Biasanya kanak-kanak memerlukan kasih sayang daripada orang yang rapat dengan mereka. Menurut Muhd. Mansur Abdullah (1984: 130), penerimaan kasih sayang yang tidak mencukupi akan mengubah emosi, fizikal, intelek dan jiwa seseorang untuk membesar. Seseorang individu akan mudah berasa dirinya seolah-olah tersisih daripada individu lain jika individu itu tidak mendapat dan tidak diberikan kasih sayang yang secukupnya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pengkaji mendapati bahawa pengarang memaparkan perkembangan dunia kanak-kanak yang memerlukan kasih sayang daripada orang yang paling rapat dengan kehidupan mereka. Walaupun hakikatnya masih ramai kanak-kanak di luar sana yang masih dahagakan belaian kasih sayang daripada orang tuanya. Di sini, jelaslah tergambar bahawa kanak-kanak memang memerlukan keperluan dan kehendak kasih sayang yang sepenuhnya. Mereka juga sentiasa inginkan keperluan kasih sayang dalam peringkat kehidupan mereka yang semakin membesar, agar mereka tidak berasa tersisih tanpa kasih sayang yang mencukupi.

Sehubungan dengan itu, dengan adanya jalinan kasih sayang antara manusia yang diterapkan pengarang cerpen ini secara tidak langsung mampu mencorakkan kehidupan yang sempurna kepada kanak-kanak. Kanak-kanak yang membaca cerpen ini secara tidak langsung akan lebih menghargai hubungan antara ahli keluarga terutama kepada ibu bapa, adik beradik atau datuk dan nenek. Nilai kasih sayang ini tentunya memberi kesan yang mendalam ke dalam jiwa kanak-kanak tersebut.

Setelah pengkaji menganalisis pemikiran keagamaan berkait dengan aspek hubungan manusia sesama manusia iaitu kasih sayang sesama manusia, didapati bahawa pengarang cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 berjaya ketengahkan dalam karya-karya mereka. Hal ini bertepatan dengan pandangan Maslow (1970: 44) menerusi teori Hierarki Keperluan Manusia yang amat menekankan keperluan kasih sayang sesama manusia. Menurut Maslow lagi, memang lumrah manusia untuk saling menyayangi antara satu sama lain. Golongan kanak-kanak juga tidak terlepas dari mempunyai keinginan yang tinggi melalui aspek kasih sayang dan cinta sesama manusia. Kasih sayang dan cinta yang diperlukan oleh golongan kanak-kanak seperti yang tergambar dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji ialah meliputi kasih sayang sesama ahli keluarga, adik-beradik, rakan sebaya, guru dan orang yang lebih tua daripada mereka (Maslow, 1962: 178).

4.3.2 (iii) Tolong-menolong

Tolong-menolong ialah sikap saling memberi pertolongan atau menyokong antara satu sama lain (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2010: 1463). Untuk sesebuah masyarakat itu dapat berfungsi dengan berkesan memerlukan sebahagian besar anggotanya menyedari dan menghayati nilai tolong-menolong sebagai satu kebaikan sosial masyarakatnya. Melalui tolong- menolong akan dapat memberikan mereka sokongan dan kekuatan sebagai satu kesatuan dalam menguruskan kehidupan mereka sehari-hari. Oleh itu, nilai tolong-menolong ini hendaklah sentiasa digalakkan dan menjadi budaya dalam kehidupan bermasyarakat.

Sikap tolong-menolong antara anggota masyarakat akan dapat membina kehidupan yang lebih sejahtera dan harmoni. Nilai ini merupakan amalan yang lazim dalam kalangan masyarakat desa. Seseorang yang menerima kebaikan daripada orang lain akan terasa dirinya bagaikan berhutang dan perlu membalas kembali. Saling menerima

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dan memberi bantuan ini melahirkan semangat kerjasama yang akan memberi kebaikan kepada masyarakat (Ismail Hamid, 1995: 80).

Tuntasnya, dapatlah dikatakan bahawa dalam konteks kehidupan bermasyarakat, kerjasama dalam bentuk tolong-menolong bukan sahaja dapat memudahkan mereka menguruskan keperluan kehidupan mereka tetapi juga dapat mengeratkan perhubungan antara mereka. Contoh penampilan nilai tolong-menolong terdapat dalam petikan teks kumpulan cerpen "Kek Cawan Online", karya Kamil et al., (2015) adalah seperti berikut:

> "Bukan saya angkat seorang. Kami ada ramai. Cuba awak tengok di bawah pangkin ini. Kami kecil tetapi kami bekerjasama. Kami kecil tetapi kami ada strategi. Kami kecil tetapi kami berdisplin," jawab Niko dengan bangga.
>
> "Kalau saya sendiri, pasti saya tidak akan berjaya mengangkat bangkai lipas itu. Bersendirian itu tidak bagus, mudah diserang musuh dan idea kita tidak berkembang. Dengan berkumpulan, kami dapat merencana sarang, tentera dan bekalan kami dengan lebih baik," sambung Niko panjang lebar.
>
> (Cerpen "Semut Comel Adlina". Hlm: 155)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan kepada contoh petikan di atas, pengarang secara jelasnya memaparkan watak Niko dan teman-temannya (semut) yang sentiasa tolong-menolong dalam melaksanakan sesuatu kerja secara berkumpulan dapat diibaratkan sebagai sebuah kelompok masyarakat yang bekerjasama.

Melalui penekanan nilai tolong-menolong ini dapat memberikan kanak-kanak memahami dan mempelajari bahawa dalam konteks kehidupan bermasyarakat, kerjasama dalam bentuk tolong-menolong bukan sahaja dapat memudahkan mereka menguruskan keperluan kehidupan mereka tetapi juga dapat mengeratkan perhubungan di antara satu sama lain. Oleh itu, nilai tolong-menolong ini hendaklah sentiasa digalakkan dan menjadi budaya dalam kehidupan bermasyarakat. Menurut Perry (1954: 145), kesepaduan sosial sesebuah masyarakat itu memuncak apabila aktiviti secara kerjasama ini dijalankan antara mereka.

Pemaparan amalan tolong-menolong seperti yang dipaparkan dalam cerpen "Semut Comel Adlina" (2015) didapati memenuhi peringkat hierarki keperluan manusia iaitu peringkat keperluan kasih sayang dan cinta akan sesama manusia. Secara amnya, keperluan kasih sayang dan cinta merupakan satu proses sosialisasi yang dijalankan oleh manusia. Menurut Maslow (1970: 22), cinta menyangkut kepada suatu hubungan yang sihat termasuk sikap saling percaya antara satu sama lain. Beliau juga mengatakan, *'the love needs involve giving and receiving affection...* " Maksudnya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ialah keperluan kasih sayang dan cinta akan meliputi cinta yang memberi dan cinta yang menerima antara seseorang kepada seseorang yang lain.

Salah satu ciri tolong-menolong ialah amalan gotong-royong yang merupakan aktiviti yang spontan, sementara dan khusus untuk sesuatu tujuan (Wan Rafaei Abdul Rahman, 1993: 114). Dalam masyarakat tradisi, amalan bergotong-royong menjadi tenaga yang penting dalam mencapai sesuatu matlamat dan asas kepada kekuatan masyarakatnya. Setiap anggota masyarakat menyedari tanggungjawab atau tugasnya bagi memberi pertolongan atau bantuan kepada orang lain apabila diperlukan. Sumbangan bantuan dalam bentuk gotong-royong ini diberikan secara ikhlas dan sukarela tanpa mengharapkan apa-apa balasan. Antara contoh penegasan terhadap nilai gotong-royong yang ditampilkan dalam teks kumpulan cerpen "Jersi Syawal Untuk Ramadan", karya Aimi Rahman (2014) seperti berikut:

> Sementara itu di rumah Mimi, beberapa orang jiran tetangga yang lain turut berada di situ. Mereka bukan sahaja hendak menziarahi keluarga Encik Kamarul buat kali terakhir tetapi juga untuk membantunya memunggahkan barang-barang ke dalam lori. Suasana di rumah Encik Kamarul yang agak bising dan meriah itu terasa bagaikan sedang berada dalam sebuah majlis.
>
> (Cerpen "Rindu". Hlm: 16)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Perubahan masa telah menyebabkan orientasi anggota masyarakat terhadap pemaparan nilai tolong-menolong turut berubah. Dalam masyarakat tradisi, semangat tolong- menolong adalah sangat kuat dan dipengaruhi oleh kesedaran bersama-sama mereka. Konsep "berat sama dipikul, ringan sama dijinjing" menjadi pegangan hidup setiap anggota masyarakat. Namun demikian, sekarang ini penghayatan nilai ini semakin lemah berikutan dengan sikap individualistik yang telah mempengaruhi tindakan dan reaksi masyarakat.

Sikap mementingkan diri sendiri dan suka mengasingkan diri telah menghalang kepada pembentukan budaya masyarakat yang murni ini. Menurut Arba'ie Sujud & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2011: 70) penerapan nilai moral yang baik dalam karya sastera merupakan wadah penyampaian penting bagi mendedahkan kepada masyarakat bahawa tolong-menolong itu penting terutama bagi golongan kanak-kanak kerana mereka mudah terpengaruh budaya luar yang meresap dalam diri mereka.

Menurut Halimah Badioze Zaman (1992: 7), kanak-kanak perlu dididik untuk menjadi manusia yang berguna suatu hati nanti. Oleh itu, pembentukan moral anak-anak wajar diasuh oleh ibu bapa sejak dari usia mereka kecil lagi. Kanak-kanak mudah menerima didikan moral andai kata ibu bapa mampu membentuk sahsiah diri mereka dengan baik dan sempurna. Menjurus kepada permasalahan ini, dapat dikatakan bahawa cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji juga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

memainkan peranan penting dalam memupuk nilai-nilai murni terutama bagi golongan kanak-kanak ini kerana pada usia seawal mereka inilah yang perlu diberikan perhatian yang sewajarnya terutama dalam membentuk keperibadian seseorang kanak-kanak.

Kehidupan masyarakat yang mengamalkan hidup bergotong royong ialah masyarakat yang hidup dengan kasih sayang dan cinta antara satu sama lain. Hal ini demikian kerana mereka hidup dengan penuh keserasian dan keharmonian bersama-sama anggota masyarakat yang lain. Pernyataan ini sejajar dengan pendapat Maslow (1970: 78) yang mengatakan bahawa kasih sayang ialah keperluan untuk memberi dan menerima antara satu sama lain.

Daripada 130 buah cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji, sebanyak 50 buah cerpen yang memaparkan aspek tolong-menolong dalam hubungan manusia sesama manusia. Antara contoh cerpen yang memberikan pemaparan aspek tolong-menolong ialah cerpen "Selagi Masih Ada" (2012), "Tetap dalam Ingatan" (2012), "Jemputan" (2012), "Rindu" (2013), "Cerita Kucing" (2013), "Kasihnya Fatima" (2014), "Nasihat Ratu Hati Syamim" (2014), "Rahsia Aizat" (2015), "Burung Wak-wak" (2015) dan seterusnya boleh rujuk di bahagian lampiran. Setelah analisis dilakukan terhadap pemikiran keagamaan iaitu hubungan manusia sesama manusia, pengkaji mendapati bahawa pengarang cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji telah berjaya mengetengahkan keperluan kasih sayang dan cinta manusia kepada manusia lain dalam karya-karya mereka menerusi aspek tolong-menolong. Bagi pengkaji, setiap pengarang dalam cerpen kanak- kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji telah berjaya menunjukkan ciri-ciri kanak-kanak yang positif dengan jelas menggambarkan aspek tolong-menolong yang dapat memenuhi keperluan kasih sayang dan cinta manusia sesama manusia seperti dalam teori Hierarki Keperluan Manusia.

4.3.2 (iv) Amalan Bersedekah (Membantu Orang yang dalam Kesusahan)

Selanjutnya, hubungan manusia sesama manusia dapat dianalisis dari amalan bersedekah (membantu orang yang dalam kesusahan). Sedekah berasal daripada perkataan shadaqa yang bererti benar (Riduan Mohd Noor, 2005: 18). Orang yang suka bersedekah ialah orang yang benar pengakuan imannya. Menurut terminologi syariat, pengertian sedekah sama dengan pengertian infak iaitu mengeluarkan sebahagian daripada harta untuk suatu kepentingan yang diperintahkan dalam Islam. Namun begitu, sedekah memberi maksud yang lebih luas daripada infak kerana infak hanya berkaitan dengan material, manakala sedekah merangkumi material dan non-material.

Amalan bersedekah luas iaitu membabitkan perkara yang membawa kebaikan sama ada dalam bentuk kerohanian mahupun fizikal. Setiap orang yang berbuat kebajikan nescaya diberkati tuhan dengan dikurniakan kesejahteraan hidup dan mendapat rahmat. Malahan, seseorang yang tidak suka bersedekah diibaratkan seumpama

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seseorang yang mempunyai benih tanaman, akan tetapi tidak pula ia menanamnya (Ahmad Kilan @ Ahmad Kilani Mohamed & Yahya Jusoh, 2013: 14). Oleh itu, orang yang tidak suka bersedekah ini tidak akan dapat memungut atau menuai hasil rezekinya itu. Sesuai dengan pernyataan bahawa "memberi lebih baik dari yang menerima."

Berbalik kepada kajian, pengkaji mendapati daripada 130 buah cerpen yang dikaji hanya terdapat enam buah cerpen yang memperlihat pemikiran keagamaan iaitu hubungan manusia sesama manusia menerusi aspek amalan bersedekah. Salah satu contoh cerpen yang memaparkan amalan bersedekah ini ialah menerusi cerpen Puteri Qaira, karya Natasha Effyzal et al., (2013). Hal ini dapat dikesan melalui petikan berikut:

> "Malam ini, kamu perlu layan anak-anak yatim itu dengan baik. Jangan sesekali memandang rendah pada mereka. Ingat ya." nasihat Tengku Riana. Bersedekah kepada anak yatim banyak berkatnya. Orang yang banyak bersedekah pasti dipelihara dan dijauhkan daripada kemiskinan, Kata- kata Tengku Riana membuatkan Puteri Qaira berfikir panjang.
>
> (Cerpen "Puteri Qaira". Hlm: 118)

Berdasarkan contoh petikan, pengarang menekankan amalan bersedekah dalam karya-karyanya. Amalan bersedekah diketengahkan secara langsung kepada khalayak pembaca amnya kanak-kanak. Misalnya, watak Tengku Riana iaitu ibu kepada Puteri Qaira yang sentiasa bersedekah kepada anak-anak yatim. Malah, Tengku Riana juga sering berpesan kepada Puteri Qaira agar mengamalkan amalan bersedekah kepada orang miskin dan jangan memandang hina terhadap orang miskin. Tengku Riana juga berpesan sekiranya seseorang itu mengamalkan amalan bersedekah, mereka tidak akan menjadi susah malah rezeki mereka akan lebih melimpah ruah.

Hal ini sejajar dengan teori Maslow berkaitan dengan peringkat keperluan kesempurnaan kendiri. Menerusi pemaparan pemikiran keagamaan berkait aspek bersedekah ini dapat memenuhi keperluan dalam diri kanak-kanak di peringkat keperluan kesempurnaan kendiri kerana setiap individu pastinya mengimpikan keutuhan iman yang kuat dan sentiasa mengutamakan amalan-amalan keagamaan dalam diri dan kehidupan masing-masing. Seseorang yang mencapai tahap keperluan ini akan mengalami suasana hidup yang lebih damai dan bahagian kerana pemikiran keagamaan yang unggul agak sukar untuk ditanam dalam diri terutamanya apabila sudah mencapai satu tahap kesempurnaan hidup yang baik. Pegangan agama yang kukuh sangat penting dalam membina satu peribadi yang benar-benar mencapai kesempurnaan dalam hidup dari semua aspek. Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa manusia sebagai hamba yang berfikiran keagamaan iaitu mempercayai kewujudan tuhan dengan kesungguhan hati dapat membentuk jati diri yang mulia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kemudiannya, amalan bersedekah ini turut diselitkan oleh pengarang menerusi kumpulan cerpen "Kisah Si Puteri: Gaun Merah Jambu", karya Natasha Effyzal et al., (2012). Di sini, pengarang berjaya mengetengahkan pemaparan amalan bersedekah menerusi watak Puteri Arabella yang begitu ikhlas untuk bersedekah kepada anak-anak yatim di Rumah Seri Cempaka. Hal ini dapat dilihat melalui petikan dialog tersebut:

> "Saya mahu sedekahkan pakaian saya kepada penghuni Rumah Anak Yatim Seri Cempaka." Kusyen besar melindungi wajah Puteri Arabella. Entah apa yang dia malukan. Raja Jamila tidak pasti.
>
> (Cerpen "Puteri Arabella". Hlm: 33)

Di dalam cerpen ini digambarkan keluarga Puteri Arabella yang sering bersedekah kepada anak-anak yatim. Malah, Puteri Arabella sendiri diminta untuk menderma koleksi pakaiannya sendiri untuk diberikan kepada kanak-kanak di rumah anak yatim tersebut. Natijahnya, apabila amalan bersedekah ini ditekankan dan diterapkan dalam diri Puteri Arabella, maka timbulnya rasa bersyukur dengan kehidupan yang dikurniakan oleh tuhan ke atas dirinya dan keluarganya jika hendak dibandingkan dengan kehidupan anak-anak yatim di rumah Seri Cempaka.

Sehubungan dengan itu, Puteri Arabella dapat memahami perasaan anak-anak yatim yang terpaksa hidup dalam serba kekurangan. Melalui sumbangan yang berikan itu sedikit sebanyak dapat menceriakan kehidupan kanak- kanak di rumah anak yatim tersebut. Dalam konteks ini, Puteri Arabella telah mencapai penghargaan kendiri seiring dengan pendapat Maslow yang mengatakan bahawa penghargaan yang dilakukan terhadap dirinya sendiri sekali gus menimbulkan keyakinan dan potensi dalam dirinya untuk menerima kekurangan orang lain (Maslow, 1970: 36).

Seterusnya, pemaparan amalan bersedekah secara ikhlas turut dipersembahkan oleh pengarang dalam cerpen "Sebuah Buku Setinggi Harapan", karya Ahmad Fadzilah Muhammad (2012). Hal ini dapat dilihat melalui contoh petikan berikut:

> Ketika Cikgu Badrul bertanyakan Sahila mengenai buku yang dipinjamkannya kepada Aiman, Sahila memberitahu bahawa dia tidak perlukan buku itu lagi. Dia sudah beli yang baharu. Dia juga bercadang untuk memberikan banyak lagi buku cerita kepada Aiman.
>
> (Cerpen "Sebuah Buku Setinggi Harapan". Hlm: 4)

Melalui petikan yang dinyatakan di atas, pengarang secara telus menggambarkan pemaparan amalan bersedekah yang diamalkan oleh kanak-kanak. Misalnya, watak Sahila sanggup bersedekah buku cerita kepada Aiman setelah dia mengetahui bahawa

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

buku-buku yang dipinjamkan Aiman daripadanya selama ini telah diberikan kepada Aina iaitu kakak kepada Aiman. Sahila mula berasa simpati apabila mengetahui cerita sebenar yang terjadi kepada Aina. Malah, Sahila juga mengetahui niat sebenar Aiman memberikan kesemua buku yang dipinjamkannya itu kepada kakaknya adalah dengan harapan mahu melihat kakaknya itu pandai membaca walaupun Aina tidak pernah bersekolah. Oleh itu, Sahila sanggup bersedekah semua buku yang telah Aiman pinjamkan darinya sebelum ini. Bahkan, dia juga berhasrat untuk memberikan lagi buku- buku lain yang dimiliki. Sahila telah mencapai penghargaan kendiri kerana dia menghormati orang lain dan melahirkan rasa hormat itu dengan cara bersedekah. Penyataan ini bersesuaian dengan teori Maslow yang menyatakan rasa hormat ini hadir dalam bentuk pengiktirafan, status, pemasyhuran, penghargaan, perhatian, kepentingan, maruah dan kekuasaan (Maslow, 1970: 45). Pengarang memberikan pendedahan awal kepada kanak-kanak bahawa amalan bersedekah ialah satu perkara yang baik diamalkan dalam kehidupan. Pengarang cuba menerangkan bersedekah ialah suatu perkara yang mudah dan tidak membebankan.

Amalan bersedekah juga tidak digambarkan oleh pengarang melalui wang ringgit kerana faham kanak-kanak tidak mempunyai wang yang banyak. Sedekah cukup dengan hanya memberi pinjaman buku, sebatang pensel atau baju sekolah yang masih dalam keadaan baik tetapi sudah tidak dipakai. Malah sedekah juga tidak tertakluk kepada hubungan sesama manusia malah juga kepada haiwan. Memberi makan kepada haiwan seperti kucing juga dianggap sebagai sedekah.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sedekah dengan cara mudah inilah yang diterapkan dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji agar senang diikuti oleh kanak-kanak. Hal ini seterusnya dapat menarik minat kanak-kanak untuk ringan tangan bersedekah bagi membantu orang lain yang memerlukan bantuan sama ada orang yang lebih tua ataupun sebaya dengan mereka. Oleh itu, sebanyak 10 buah cerpen kanak-kanak yang dominan mengetengahkan pemaparan amalan bersedekah ini. Antara contoh cerpen lain yang mengetengahkan pemaparan bersedekah ini ialah cerpen "Kunjungan" (2012), "Huzairy Tak Malas Lagi" (2012), "Puteri Qaira" (2013), "Usahawan Cilik" (2014), "Sailormoon Kelas 5A" (2015) dan seterusnya boleh dilihat di bahagian lampiran.

4.3.2 (v) Berpesan-pesan kepada Kebaikan

Berpesan-pesan kepada kebaikan merupakan kegiatan menyeru, membimbing dan meyakinkan untuk mempengaruhi orang lain supaya mengamalkan ajaran agama yang sebenar. Sebagai seorang manusia, kita seharusnya sentiasa nasihat-menasihati antara satu sama lain. Kita hendaklah mempunyai rasa bertanggungjawab untuk menasihati atau berpesan-pesan kepada orang lain mengenai kebaikan, menunjukkan jalan kebenaran dan menolong ke arah kebaikan. Selain itu, kita hendaklah mencuba sedaya upaya berpesan-pesan dengan kebenaran untuk menyampaikan kebaikan walaupun keadaan susah, payah dan memerlukan pengorbanan yang besar dari segi kewangan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Amalan berpesan-pesan kepada kebaikan dipaparkan sewaktu perbualan Pak Soleh dengan Imran dalam cerpen 'Fatima Solehah' karya Anies Hisham (2013). Seperti katanya;

> "...Kau mestilah selalu berkata benar. Kalau sesuatu itu salah, katakan salah. Kalau orang benci kepada kau, apa boleh buat. Menegakkan hukum Allah memang sulit." Pak Soleh bersyarah... Imran sedar pendapat-pendapat Pak Soleh sentiasa bernas dan tegas. Pak Soleh juga seorang yang kaya dengan ilmu pengetahuan.
>
> (Cerpen "Fatima Solehah". Hlm: 68-69)

Menerusi pemaparan ini, psikologi keperluan yang dapat kanak-kanak penuhi ialah melibatkan peringkat hierarki keperluan kasih sayang dan cinta sesama manusia. Maslow (1970: 43) menegaskan bahawa lumrah manusia ialah untuk hidup berkelompok dan diterima sebagai sebahagian kelompok itu. Hubungan individu dengan individu-individu yang lain dalam masyarakat itu dikatakan hubungan sosial. Hubungan inilah yang melahirkan pola-pola budaya (Fallatah and Syed, 2018: 37). Pola-pola budaya ini ialah amalan berpesan- pesan antara satu sama lain seperti watak Pak Soleh dan Imran.

Selanjutnya, pemaparan amalan berpesan-pesan kepada kebaikan terpapar menerusi watak Marisa dalam cerpen "Sombong Membawa Padah", karya Aimi Rahman (2014) yang sering menasihati dan mengingatkan Nabila dan sebilangan kecil rakan-rakan kelasnya supaya meninggalkan perbuatan negatif yang menjadi amalan mereka seperti berlagak, angkuh dan sering memandang rendah terhadap Mia. Hal ini dapat dilihat melalui contoh petikan berikut:

> "Astaghfirullahlazim. Nabila, awak kena ingat, semua yang ada pada kita ini datangnya daripada Allah SWT. Kita tak boleh angkuh. Kalau awak tak nak, tak apa. Tapi, saya tetap nak belajar sama-sama dengan Mia," ujur Marisa sedikit tegas.
>
> (Cerpen "Sombong Membawa Padah". Hlm: 11)

Walau bagaimanapun, sebagai seorang kanak-kanak yang mempunyai pendidikan agama dan berpegang kuat dengan ajaran Islam serta menjadi citra kanak-kanak Muslim, Mia dan Marisa sanggup memaafkan dan melupakan perbuatan yang mereka lakukan kepadanya. Tindakannya ini memperlihatkan sifat maaf-memaafi, ingat-mengingati serta nasihat-menasihati antara satu sama lain.

Pemaparan ini juga turut terdapat dalam cerpen kanak-kanak yang lain, antaranya ialah cerpen "Mari Berkasih Sayang" (2014), "Nota untuk Cikgu" (2012), "Nyanyuk" (2012), "Suara Hati Ayah" (2012), "Rindu" (2013), "Cerita Kucing" (2013), "Mangga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Oh Mangga" (2013), "Air Mata Duyung" (2013), "Kecil-kecil Sang Kancil" (2013), "Tarzan Jatuh Pokok" (2013), "Hanya Pada-Mu Aku Berserah" (2014), "Indahnya Persahabatan" (2014), "Kerana Beg Kami Serupa Ai Chia Aishah" (2015), "Ia Anugerah" (2015) dan selanjutnya boleh dirujuk di lampiran. Berbalik kepada 130 buah cerpen kanak-kanak yang dikaji, sebanyak 107 buah cerpen yang mengetengahkan aspek berpesan-pesan kepada kebaikan.

Selain itu, Wan Abdul Kadir Wan Yusof (1993: 65) mengatakan bahawa hubungan sosial telah melahirkan keperluan-keperluan sosial yang patut diisi oleh seseorang individu. Salah satu keperluan sosial yang amat penting ialah keperluan kasih saying dan cinta sesama manusia. Kasih sayang dan cinta seorang manusia dengan manusia yang lain meliputi kasih sayang terhadap keluarga, jiran, sahabat, kawan-kawan, bangsa yang seagama, institusi kemasyarakatan dan pasangan yang berlawanan jantina (perempuan dengan lelaki). Setiap manusia menginginkan diri mereka diterima dalam sesuatu kelompok mahupun kumpulan masyarakat. Jika keperluan ini tidak dipenuhi maka manusia akan menderita, dilanda kesepian, merasa tersisih, terbuang, hidup terumbang ambing, hidup tanpa hala tuju dan sebagainya lagi (Ainon Muhammad, 2005: 167).

Melalui analisis yang dibuat, pengkaji mendapati pemikiran keagamaan dari aspek hubungan manusia sesama manusia dapat dikesan menerusi watak kanak-kanak yang patuh kepada orang tua, berkasih sayang, sentiasa tolong menolong, bersedekah dan berpesan kepada kebaikan. Mustaffa Haji Daud (1995: 29), menegaskan nilai menghormati orang tua, kasih sayang, tolong menolong, sedekah dan ingat-mengingati adalah sebahagian gagasan pemikiran murni untuk mewujudkan keamanan, kesejahteraan, keharmonian dan mengekalkan perpaduan. Malahan setiap manusia dianjurkan supaya mengamal dan menghayati nilai-nilai universal yang baik serta murni untuk memupuk semangat integrasi dalam kalangan masyarakat majmuk di negara ini yang menghargai kedamaian dan keharmonian. Melalui sifat-sifat tersebut memperlihatkan wujudnya unsur kebaikan dan kebajikan yang memberi kemanfaatan kepada masyarakat khasnya kanak-kanak. Pernyataan ini sesuai dengan pandangan Hashim Awang (2002: 63) menegaskan menerusi pendekatan dakwah diganggap sebagai wadah mendedahkan segala macam persoalan dan fenomena sosial yang berlaku dalam kehidupan manusia.

Pemikiran keagamaan berkait dengan hubungan manusia sesama manusia ini bersesuaian dengan pendekatan dakwah yang melihat sastera sebagai suatu wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan seseorang insan terhadap Allah SWT. Pemaparan pemikiran keagamaan (hubungan manusia sesama manusia) ini membawa pelbagai persoalan yang membawa khalayak pembaca menjauhi segala laranganNya, tidak menodai kesucian agama Islam dan mengamalkan kebaikan dalam kehidupan di dunia sebagai tanda cinta kepada Allah SWT. Dalam kalangan khalayak pembaca seumpama insan Muslim, yang dilihat menerusi elemen pendekatan dakwah dan pendekatan kemasyarakatan berupaya menerbitkan kebaikan dan keadilan dalam masyarakat, di samping mengukuhkan keimanan serta ketakwaan. Manakala dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kalangan bukan Muslim pula ianya berupaya membantu pembangunan sahsiah mulia dalam kehidupan di dunia sebagaimana ciri-ciri pendekatan kemasyarakatan yang berakarkan kepada tujuan mencari kebaikan dan keadilan ke arah kesejahteraan hidup bermasyarakat.

Menerusi contoh-contoh pemaparan pemikiran keagamaan berkait dengan hubungan manusia sesama manusia, sejelasnya memperlihatkan persoalan berbentuk nasihat secara tepat dan jelas sebagai manfaat, amalan dan panduan kepada setiap individu (penerima) dalam kehidupan nyata. Misalnya pemaparan pemikiran dari segi perihal kasih sayang dan berpesan kepada kebaikan, kesannya digambarkan watak kanak-kanak yang menyesali segala perbuatan mereka dan cuba sesekali untuk tidak mengulangi kembali perbuatan yang salah itu. Akhirnya, seandainya mereka melakukan perbuatan yang salah itu lagi, mereka pasti mendapat balasan yang lebih teruk lagi seperti mengalami bala bencana dan tidak selamat. Justeru, menerusi pendekatan dakwah dan kemasyarakatan, ianya berupaya membawa peranan kawalan sosial kepada masyarakat pembaca agar mengamalkan perbuatan mulia dalam kehidupan nyata.

Selain itu, pemikiran keagamaan berkait dengan hubungan manusia sesama manusia ini juga berperanan untuk mencegah kemungkaran serta memberikan gambaran kebaikan dan keadilan dalam kalangan masyarakat berlandaskan Islam. Hal ini selaras dengan pendekatan dakwah dan pendekatan kemasyarakatan menerusi teori Pengkaedahan Melayu. Menurut Hashim Awang (1997: 123), pendekatan dakwah dan pendekatan kemasyarakatan menganggap sastera sebagai alat pendedahan segala macam persoalan yang berakarkan kepada tujuan mencari kebaikan dan keadilan dalam masyarakat seperti yang dituntut oleh Islam. Menerusi konteks ini, sastera dianggap lumrah untuk mendedahkan dengan jelas, benar dan berani permasalahan-permasalahan kemungkaran, ketidakadilan, penipuan, kepuraan, rasuah dan permasalahan-permasalahan yang dianggap sebagai punca kepada kepincangan masyarakat dan keimanan insan. Soal kemasyarakatan di sini, yang dilihat dari kaca mata Islam, mencari kesejahteraan hidup bermasyarakat dan pengukuhan keimanan serta ketakwaan. Dari dasar pegangan begitulah kajian sastera dapat ditumpukan kepada soal-soal isi dan tema yang memancarkan permasalahan tersebut; kajian juga wajar terarah kepada latarbelakang hidup pengarang untuk melihat sejauh mana sikap dan pandangan hidupnya berselarian dengan pemaparan pemikiran tentang persoalan-persoalan kebajikan masyarakat yang dipaparkan dalam karya sastera.

Di sebalik itu, pemikiran keagamaan dari aspek hubungan manusia sesama manusia yang dipaparkan dalam cerpen kanak-kanak yang dikaji turut menghasilkan pelbagai persoalan yang berfungsi sebagai kawalan sosial, terkandung nilai-nilai murni yang wajar diteladani dan diaplikasi oleh masyarakat pembaca dalam kehidupan nyata. Malah, nilai-nilai ini juga berfungsi sebagai kawalan sosial ke arah mengekalkan dan memelihara keutuhan budaya serta penerapan aspek nilai dan etika dalam komunikasi sosial turut menekankan proses sosialisasi yang berkaitan dengan norma dan peraturan berperlakuan seperti berpesan kepada kebaikan, bersedekah, saling hormat-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

menghormati, tolong-menolong, dan pelbagai nilai positif yang perlu diamalkan dalam kehidupan bermasyarakat. Kenyataan tersebut sebagaimana menurut Mohd Rashid Md Idris (2012: 6), dalam konteks sosial, nilai sememangnya menjadi sesuatu yang dekat dengan masyarakat Melayu. Nilai dan etika yang dipegang dalam konteks ini menjadi cerminan kepada masyarakat Melayu dan membentuk jati diri mereka dalam interaksi dan kehidupan secara bermasyarakat.

Oleh hal yang demikian, kepengarangan yang berfungsi mensosialisasikan masyarakat dan menyediakan sumber ilmu pengetahuan memungkinkan khalayak bertindak dan mempunyai perilaku sebagai anggota masyarakat yang sedar akan fungsi sosialnya dalam kalangan masyarakat. Kenyataan tersebut selaras dengan pendapat Hashim Awang (1997: 31) yang menyatakan bahawa perilaku merupakan suatu penampilan ketika melakukan interaksi sosial antara hubungan manusia sesama manusia dan hubungan manusia dengan alam serta dengan Tuhan.

Secara tuntasnya, cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 mengungkap pelbagai mesej yang disalurkan oleh pengarangnya sehingga berupaya membawa fungsi sosial dalam kalangan masyarakat pembaca. Kenyataan tersebut sebagaimana pendapat Soerjono Soekanto (1982: 20) yang menyatakan bahawa interaksi sosial merupakan hubungan-hubungan sosial yang bersifat dinamis, yang saling berhubung antara individu, antara kelompok-kelompok manusia, mahupun antara individu dengan kelompok manusia. Interaksi sosial turut merupakan bentuk umum dari proses-proses sosial. Dalam kehidupan bermasyarakat, interaksi sosial tersebut dapat terjadi dalam bentuk kerjasama *(cooperation)*, persaingan *(competition)*, dan permusuhan *(conflict)*.

Secara rumusannya, kesan daripada keperluan kasih sayang dan cinta manusia sesama manusia menerusi aspek pemikiran keagamaan (hubungan manusia sesama manusia) seperti kasih sayang, tolong-menolong, bersedekah dan berpesan kepada kebaikan membuatkan manusia itu terikat antara satu sama lain. Hal ini kerana, aspek ini dapat menimbulkan sikap saling memberi dan menerima secara suka dan rela. Bagi individu yang saling sayang menyayangi antara satu sama lain, mereka akan berasa bersalah sekiranya orang yang disayangi itu telah berbuat kesilapan atau terpesong daripada berbuat kepada perkara kebaikan. Oleh itu, menjadi tugas utama bagi sekalian manusia amnya kanak-kanak untuk memenuhi kepuasan kepada pencapaian keperluan kasih sayang dan cinta sesama manusia ini dengan saling menegur atau berpesan-pesan kepada melakukan kebaikan. Secara keseluruhannya, perkaitan antara pemikiran keagamaan (hubungan manusia sesama manusia) dengan model keperluan kanak-kanak melalui janaan teori Maslow dan teori Pengkaedahan Melayu dapat dirujuk melalui jadual 5 seperti berikut:-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 5 : Perkaitan antara Pemikiran Keagamaan (Hubungan Manusia Sesama Manusia) dengan Model Keperluan Kanak-Kanak

Bil	Aspek Pemikiran (Hubungan Manusia sesama Manusia)	Kesan Keperluan Kanak-kanak	Teori Hierarki Keperluan Manusia
1.	Patuh kepada orang tua (ibu bapa).	-Dapat menerima keputusan/ pendapat yang dibuat. -Dapat menjaga adab dan tanggungjawab seseorang anak.	Peringkat ke-4:- Keperluan penghargaan kendiri.
2.	Kasih sayang	-Membentuk keperibadian mulia dalam diri kanak-kanak. -Dapat eratkan hubungan silaturahim sesama manusia.	Peringkat ke-3:- Keperluan kasih sayang.
3.	Bersedekah	-Tidak menjadi susah malah mendapat rezeki akan melimpah ruah. -Rasa bersyukur dengan kehidupan yang dikurniakan.	Peringkat ke-4:- Keperluan penghargaan kendiri.
4.	Berpesan-pesan kepada kebaikan	-Rasa bersyukur dengan kehidupan yang dikurniakan. -Meninggalkan perbuatan negatif seperti berlagak, angkuh, memandang rendah dan sebagainya.	Peringkat ke 3:- Keperluan kasih sayang.
TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU – PENDEKATAN DAKWAH DAN KEMASYARAKATAN			

4.3.3 Pemikiran Budaya (Budaya Bukan Kebendaan)

4.3.3 (i) Kepercayaan

Soal kepercayaan sering dikaitkan dengan sesuatu yang diyakini dan diterima benar atau sesuatu yang dipercayai secara turun-temurun. Kepercayaan dikaitkan dengan kepercayaan animisme yang mengatakan bahawa setiap sesuatu benda mempunyai semangat dan ada penunggu atau pemiliknya. Manusia juga perlu meminta izin jika

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

mahu melakukan sesuatu (A. Aziz Deraman, 1995: 5). Amalan ini turut menjadi budaya dalam masyarakat kerana kebanyakannya bergantung kepada keyakinan dan kepercayaan yang dikaitkan dengan unsur mistik dan keajaiban yang diterima secara warisan atau turun- temurun. Walaupun terdapat pertembungan antara budaya tradisional dan unsur moden yang datang dari luar lingkungan mereka, namun amalan dan kepercayaan terhadap budaya tradisional tidak akan hilang begitu sahaja (Wan Ramli Wan Muhamad, 1997: 28).

Pada umumnya, kepercayaan orang Melayu dapat dibahagikan kepada dua bentuk yang utama iaitu pegangan agama dan kepercayaan animisme (kepercayaan karut) masyarakat Melayu tradisional. Namun begitu, terdapat juga beberapa kepercayaan lain yang turut diamalkan oleh masyarakat Melayu. Secara amnya, masyarakat Melayu di negara ini mengamalkan pegangan agama Islam. Oleh itu, tidak ada seorang pun dalam kalangan masyarakat Melayu yang menganuti agama lain selain agama Islam. Islam telah lama bertapak dalam kalangan masyarakat Melayu iaitu sejak kerajaan Melayu Melaka lagi. Oleh itu, Islam menjadi agama anutan dan hampir semua corak hidup berlandaskan ajaran agama Islam.

Sesungguhnya masyarakat Melayu kaya dengan pelbagai budaya dan adat yang telah diamalkan sejak sebelum kedatangan Islam, namun masyarakat Melayu telah menggarapkan adat resam bersesuaian dengan ajaran agama Islam. Mereka tidak akan melakukan sesuatu adat sekiranya berlawanan dengan ajaran Islam. Oleh itu, telah banyak amalan animisme (kepercayaan karut) yang menjadi fahaman masyarakat Melayu tradisional hilang secara perlahan-lahan setelah kedatangan Islam.

Kepercayaan terhadap budaya tradisional yang dianggap karut biasanya sering dikaitkan dengan sesuatu perkara atau kejadian buruk yang benar-benar berlaku dalam sesebuah masyarakat. 'Mempercayai hantu' merupakan sebahagian amalan bagi sesetengah masyarakat setempat yang masih mengamalkan kepercayaan animisme yang mempercayai setiap benda mempunyai semangat atau roh (Wan Ramli Wan Muhamad, 1997: 84). Bagi sesetengah penduduk tempatan hari ini, masih ada yang mempercayai jika sesuatu tragedi atau peristiwa buruk berlaku sering dikaitkan dengan gangguan atau 'hantu marah'.

Menerusi watak Pak Dolah dalam teks kumpulan cerpen "Ayahku Superhero", karya Fasya Farida et al., (2015), pengarang memaparkan masih ada sebilangan kecil masyarakat yang mempercayai kewujudan 'bunian' atau makhluk halus. Kisah bermula sewaktu Liza mengerjakan tanah untuk tanaman tembikai, tiba-tiba dipatuk ular tedung selar dan terpaksa dimasukkan ke hospital. Disebabkan peristiwa itu, ayahnya memarahi Liza seperti katanya;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> "Tu yang aku tak bagi kau buat tanah tu. Keras sikit kawasan tu," kata-kata ayahnya bergema ke dalam relung telinganya. "...Kau tak tahu. Kawasan tu dulu tempat bunian bermain waktu malam."
>
> (Cerpen "Wah Hebatnya Tumbuhan!". Hlm: 59)

Daripada peristiwa ini, aspek keselamatan ditekankan oleh Pak Dolah kepada Liza. Hal ini kerana aspek kepercayaan masyarakat Melayu terhadap unsur-unsur ghaib sebenarnya suatu pelarian untuk tujuan keselamatan demi mencapai keperluan asas fisiologi iaitu perasaan untuk berasa selamat. Pernyataan ini sejajar dengan Teori Maslow iaitu keselamatan dari aspek fizikal iaitu bebas daripada perkara yang dapat mengancam nyawa seseorang (Maslow, 1970: 59).

Seterusnya, watak Mak Kiah jirannya yang kuat mempercayai setiap perubahan dan perkara buruk yang berlaku disebabkan kemarahan Puteri Lindungan Bulan. Mak Kiah yang tidak menyenangi kehadiran Liza telah melemparkan pelbagai tuduhan. Seperti katanya;

> "Kau pun aku tengok dah banyak berubah. Semenjak adik kau duduk di sini," tuduh mak Kiah lagi. Macam-macam dah jadi. Penunggu Puteri Lindungan Bulan itu sudah marah... kau tahu! Makin lantang Mak Kiah menghujah.
>
> (Cerpen "Wah Hebatnya Tumbuhan!". Hlm: 63)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menerusi dialog yang diutarakan oleh mak Kiah didapati mak Kiah telah menakutkan watak kanak-kanak dengan menyampaikan cerita-cerita dongeng yang karut. Pengarang dengan mata penanya telah memberi kritikan kepada golongan dewasa yang sering menakutkan kanak-kanak dengan kepercayaan karut. Daripada pemaparan cerita ini, sejelasnya menunjukkan pengarang melalui pemikiran telah menyatakan kepercayaan tersebut ialah unsur-unsur khurafat.

Analisis ini menggambarkan kepercayaan terhadap budaya tradisional dan karut masih menjadi sebahagian amalan kehidupan masyarakat Melayu. Memang tidak dapat dinafikan bahawa dalam realiti kehidupan hari ini masih ada kelompok masyarakat yang mempercayai pelbagai kepercayaan dan amalan yang bercanggah dengan nilai keagamaan dan budaya Melayu. Percanggahan ini menjadi punca kepincangan dalam masyarakat dan kegoyahan iman yang mengakibatkan kesejahteraan hidup semakin jarak dengan nilai kemuliaan, keimanan dan ketakwaan. Perkara sebegini harus dihindari daripada karya sastera kanak-kanak.

Namun begitu, aspek kepercayaan yang diterapkan dalam cerpen kanak-kanak yang dikaji bukan sahaja melibatkan aspek keselamatan fizikal malah keselamatan dari aspek emosi juga ditekankan oleh pengarang. Emosi kanak-kanak di dalam cerpen

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kanak- kanak yang dikaji ini di dapati ialah emosi takut. Aspek ini menunjukkan pengarang telah mendidik kanak-kanak dengan cara yang tidak sejajar dengan Teori Hierarki Keperluan Maslow iaitu mengutamakan keperluan keselamatan fizikal dan emosi kanak- kanak

4.3.3 (ii) Adat Istiadat dan Adat Resam

Norazit Selat (1989: 1) mentakrifkan adat sebagai suatu bentuk tingkah laku dan cara manusia berfikir yang telah wujud dan diamalkan sebegitu lama sehingga dianggap sebagai satu tradisi. Termasuk dalam konsep ini ialah cara hidup sehari-hari dan pola-pola budaya yang jelas dilihat melalui kekerapan amalannya. Manakala Zainal Kling, (1996: 2) turut menyatakan bahawa perkataan 'adat' yang berasal daripada bahasa Arab bererti kebiasaan yang membawa maksud kebudayaan manusia. Hal ini bertujuan untuk mengawal serta menyelaras kelakuan semua individu yang terlibat dalam kegiatan kemasyarakatan. Adat menjadi asas seluruh kehidupan dan mencerminkan keperibadian sesebuah masyarakat.

Peraturan adat mempunyai pertalian yang rapat dengan sistem nilai yang diamalkan dalam sesebuah masyarakat itu (Ismail Hamid, 1995: 91). Adat juga menjelaskan perkara yang dikehendaki oleh masyarakat dan masyarakat meletakkan tanggungjawab mempertahankan adat sebagai tanggungjawab bersama. Adat bukan sahaja menentukan tingkah laku anggota masyarakat tetapi juga menerangkan cara-cara seseorang itu harus bertingkah laku dan menganggapnya baik apabila diikuti. Lantaran itu, setiap anggota masyarakat dididik untuk mengamalkan adat menanamkan perasaan bahawa adat itu akan membawa kesucian. Bertingkah laku mengikut kehendak adat pula adalah sangat disanjung. Sebaliknya, sesiapa yang cuba melanggar atau menafikan adat akan dicela serta dianggap telah keluar daripada masyarakatnya (A. Aziz Deraman, 2001: 99).

Bersandarkan teks kumpulan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji, pengkaji mendapati perihal nilai menghormati adat turut ditampilkan dengan mengikut konteks masyarakat Melayu tradisi. Dalam masyarakat Melayu tradisi, adat merupakan struktur asas kehidupan dan diberi bentuk tegas dan khusus melalui sikap, perbuatan dan acara. Adat memberi takrif kepada keseluruhan hubungan antara sesama manusia dan alam sekitarnya sama ada dalam erti intisari kewujudan sesuatu, asas ukuran buruk baik, peraturan hidup seluruh masyarakat, mahupun tatacara perbuatan individu, dan penubuhan serta perjalanan satu-satu kelompok institusi (Zainal Kling, 1996: 3). Bahkan itu juga, menghormati adat sangat ditekankan dalam peribahasa Melayu iaitu "Mati di kandung tanah dan hidup di kandung adat".

Dalam adat Melayu, selagi seseorang itu masih hidup, selagi itulah tidak boleh melepaskan diri daripada lingkungan adat. Sikap berpegang teguh kepada adat juga meletakkan seseorang itu sebagai anggota masyarakat yang bertanggungjawab (Wan Abdul Kadir Wan Yusof, 1993: 23). Tegasnya lagi, adat merupakan nilai bersama yang tidak boleh dicemari dan telah tertanam dengan emosi yang mendalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seumpama kata-kata pepatah Melayu; Biar mati anak, jangan mati adat. Berbalik kepada teks kumpulan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji, pengkaji mendapati daripada 130 buah cerpen kanak-kanak yang dikaji sebanyak tujuh buah cerpen sahaja yang dominan memaparkan persoalan mematuhi adat. Berikut ialah beberapa buah cerpen yang menampilkan aspek mematuhi adat iaitu cerpen "Kami Puteri Hebat" (2013), cerpen "Cerita Kucing" (2013), cerpen "Sepasang Kasut dan Sekotak Pastel" (2014) dan seterusnya boleh rujuk di lampiran.

Mengikut adat Melayu, setiap tingkah laku sentiasa mempunyai cara yang betul untuk melakukannya. Sesiapa yang cuba keluar daripada formaliti atau memecahkan tradisi dianggap kurang ajar dan biadab serta akan dipandang cemuh oleh masyarakat. Contohnya melalui petikan dari cerpen "Cerita Kucing", karya Anies Hisham (2013):

> Sejak mereka pindah ke situ kira-kira setahu yang lalu, sekalipun Mak Cik Salamah tidak pernah bertemu atau bertegur sapa dengan jirannya itu. Tambahan pula, sepanjang waktu siang, rumah jirannya itu sentiasa tertutup rapat. Apabila sudah larut malam, barulah kedengaran bunyi kenderaan, tanda mereka sudah pulang. Kadangkala timbul syak-wasangka terhadap jirannya itu, namum Mak Cik Salamah cepat-cepat menangkis bisikan syaitan itu.
>
> Apabila terkenangkan kejadian najis kucing yang bersepah-sepah di halaman rumahnya serta kelibat kucing-kucing mereka yang berkeliaran tanpa pengawasan, membuatkan kesabaran Mak Cik Salamah, termasuk Fazli kian menipis. Mereka buntu.
>
> (Cerpen "Cerita Kucing". Hlm: 25-26)

Menurut petikan dalam cerpen "Cerita Kucing", watak jiran Mak Cik Salamah digambarkan tidak mempunyai perasaan hormat kepada orang lain terutama jiran-jiran mereka. Hal ini kerana, jiran tersebut telah membiarkan kucing-kucingnya tanpa pengawasan. Jelas dalam teori Keperluan Hierarki Maslow, jiran tersebut tidak mencapai penghargaan kendiri. Keperluan penghargaan kendiri ini dapat dibahagikan kepada dua iaitu penghargaan yang diberikan oleh orang lain dan penghargaan untuk diri sendiri. Seperti yang diketahui, penghargaan yang diberikan oleh orang lain seperti orang lain memberi pengiktirafan atau penghormatan atas perbuatan dan kejayaan kita (Maslow, 1962: 17). Dalam konteks ini, jiran tersebut tidak mempunyai penghargaan kendiri bentuk pertama dan bentuk kedua. Secara lebih khusus, bentuk pertama dapat dilihat melalui peristiwa, Makcik Salamah dan Fazli tidak berasa hormat kepada sikap Jiran tersebut. Manakala, penghargaan kendiri bentuk kedua, jiran itu tidak mendapat penghargaan ataupun perasaan pengiktirafan daripada Makcik Salamah dan Fazli kerana sikapnya yang tidak menghargai dirinya dan jiran-jirannya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya, dilihat penampilan budaya masyarakat Timur yang membuka kasut apabila ingin masuk ke dalam rumah atau bilik. Masyarakat Timur akan membuka kasut sebelum masuk ke dalam rumah atau bilik untuk mengelakkan kekotoran. Selain itu, perkara ini merupakan satu cara bagi menjaga kebersihan. Penampilan adat membuka kasut dapat dilihat dalam petikan cerpen "Sepasang Kasut dan Sekotak Pastel", karya Rashidah Khairiah Md. Raffae et al., (2014) seperti berikut:

> ...Tidak lama kemudian, Cikgu Huda tiba di situ. Kami segera berbaris di hadapan bilik seni. Bilik seni terletak di tingkat dua berhadapan dengan bilik guru. Sebelum masuk ke bilik itu, kami mesti menyusun kasut dengan teratur. Cikgu Huda akan menjerit marah jika kami tidak berdisplin dan tidak menjaga kebersihan bilik khas itu.
>
> (Cerpen "Sepasang Kasut dan Sekotak Pastel". Hlm: 15)

Merujuk cerpen "Sepasang Kasut dan Sekotak Pastel", sikap cikgu Huda telah berjaya membentuk penghargaan kendiri kepada kanak-kanak. Cikgu Huda mendidik kanak-kanak supaya menanggalkan kasut dan menyusun kasut sebelum masuk ke dalam bilik. Menurut Maslow (1970: 81), bentuk penghargaan kendiri ini ditunjukkan untuk memberi rasa hormat kepada orang lain dan juga kepada diri sendiri. Hal ini sekali gus akan mendapat pengiktirafan ataupun penghargaan daripada orang lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, dalam teks kumpulan cerpen "Kami Puteri Hebat", karya Natasha Effyzal et al., (2013) turut digambarkan adat istiadat kemangkatan kerabat di raja seumpama dalam petikan berikut:

> Di dalam Istana Besar Metarosh, pembesar-pembesar negeri sedang memberi penghormatan terakhir. Puteri Qaira pula sedang penghormatan terakhir. Puteri Qaira pula sedang membaca suruh Yasin di hadapan jenazah nendanya. Dia tampak sedih tetapi sering ditenteramkan oleh bondanya. Sesekali kelihatan Tengku Riana mengelus lembut belakang tubuh anaknya itu.
>
> (Cerpen "Puteri Qaira". Hlm: 97)

Seterusnya, dipaparkan juga adat mandi susu dan penggunaan warna kuning yang sering dilakukan dan diguna pakai oleh golongan kerabat di raja seperti dalam petikan berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> ...Khayalan Puteri Arabella dikejutkan dengan petikan jari bondanya. Dia kembali ke alam nyata. "Mengapa saya baru dikhabarkan hari ini? Pakaian pun belum sempat saya pilih. Saya juga belum mandi susu. Semalam saya tolong Ibu Fatimah di dapur. Nanti bau-bau di dapur lekat pada saya. Apa kata orang pula? Selekehnya Puteri Arabella. Puteri Arabella tidak pandai menjaga kebersihan diri. Siapa yang malu? Ayahanda dan bonda juga yang malu." Riak wajah Puteri Arabella benar-benar menunjukkan dia dalam keadaan risau...
>
> (Cerpen "Puteri Arabella". Hlm: 9)

> Semua yang ada di dalam dewan makan itu terus mencapai kurma yang dihidangkan. Puteri Arabella duduk bersama bonda dan ayahandanya di meja hadapan yang dialas dengan alas meja kuning. Shamsiah ada mengajak dia duduk bersama tetapi Puteri Arabella menolak. Dia tidak selesa makan bersama orang yang baru dikenali.
>
> (Cerpen "Puteri Arabella". Hlm: 22)

Melalui pemaparan contoh petikan, dapat disimpulkan bahawa mandi susu dan penggunaan warna kuning hanya diamalkan oleh golongan di raja atau kerabat di raja sahaja berbanding dengan masyarakat awam. Sememangnya dengan jelas pemaparan perihal nilai mematuhi adat dalam golongan di raja ini telah berjaya pengarang ketengahkan melalui kumpulan cerpen "Kami Puteri Hebat", karya Natasha Effyzal et al., (2013). Melalui pemaparan persoalan ini, kanak-kanak secara tidak langsung dapat mengetahui sedikit sebanyak mengenai adat resam yang masih diamalkan dalam kehidupan masyarakat Melayu khasnya golongan di raja atau kerabat di raja. Malah, dengan itu warisan tradisional masyarakat Melayu kita dapat diwarisi dan dikekalkan dengan sebaiknya kepada generasi muda khasnya kanak-kanak.

Kanak-kanak secara tidak langsung dididik supaya mempunyai rasa hormat kepada orang lain. Kanak-kanak dapat mengetahui kebudayaan dalam masyarakat yang dihuninya supaya mereka sentiasa mempunyai perasaan hormat dan menghargai orang lain. Sesungguhnya adat dalam sistem beraja merupakan adat yang perlu diketahui oleh kanak-kanak. Kesemua aspek ini perlu supaya kanak-kanak dapat memberi pengiktirafan kepada kedudukan raja sebagai kedudukan yang tertinggi dalam masyarakat di Malaysia. Kesimpulannya, analisis cerpen kanak-kanak berkait dengan pemikiran budaya dari segi adat istiadat dan adat resam mendapati kanak-kanak secara tidak langsung akan dapat mempelajari sesuatu yang baharu dalam diri mereka. Antara aspek yang dipelajari mereka ialah perihal khurafat, adat istiadat, adat resam dalam masyarakat.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.3 (iii) Bahasa

Bahasa merupakan salah satu unsur terpenting dalam pembinaan sesebuah karya sastera. Aspek bahasa atau gaya bahasa atau disebut juga stail ialah melihat cara-cara pengarang menggunakan alatnya, iaitu bahasa dalam berkarya. Sebagai bahasa yang digunakan dalam karya sastera khasnya karya kreatif, harus mempunyai unsur-unsur dramatik dan gayanya yang tersendiri bagi menjadikannya sebagai sebuah hasil seni yang menarik dan artistik.

Menurut Mana Sikana (2012: 263), kesempurnaan bahasa dalam sesebuah karya sastera bergantung kepada cara penulis mengetengahkannya. Antaranya ialah melalui pemilihan perkataan, membina dan menyusun ayat, memberi makna yang tepat dan juga menggunakan unsur-unsur bahasa yang boleh memperkuat dan memperindah bahasanya seperti penggunaan unsur simile, metafora, kiasan, perbandingan, stereometri, aforisme dan lain-lain lagi.

Seterusnya, Burhan Nurgiyantoro (2016: 272) menjelaskan bahawa gaya bahasa ialah menyamakan bahasa dalam seni sastera dengan cat warna. Baginya kedua-duanya merupakan unsur bahan, alat dan saranan yang mengandungi nilai tambah untuk menghasilkan sebuah karya seni yang terbaik. Sebagai salah satu unsur penting ialah melibatkan bahasa yang berperanan sebagai saranan pengungkapan dan penyampaian pesan dalam karya sastera. Di samping sebagai alat penyampai pesan, bahasa dalam karya sastera juga mengandungi unsur keindahan yang merupakan aspek daripada estetika. Malah, hal ini merupakan kayu ukur untuk mengukur kejayaan seseorang pengarang itu menggunakan bahasa untuk mengolah tema, melakar plot yang baik dan menghidupkan watak. Sejajar dengan itu, melalui penelitian pengkaji terhadap empat belas buah cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji, unsur keindahan bahasa dengan aspek pemikiran yang pengarang ketengahkan dapat dikesan melalui aspek-aspek yang berikut:

(i) Penggunaan bahasa standard atau bahasa formal

Secara umumnya, bahasa standard atau bahasa formal merupakan salah satu bahasa yang baik dan sempurna daripada segi pembentukkan struktur ayat dan tatabahasanya untuk diguna pakai dalam karya-karya sastera atau seni. Daripada analisis kajian yang dilakukan, pengkaji mendapati bahawa kebanyakan kumpulan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 memperlihat penggunaan bahasa Melayu yang standard atau formal terutamanya terbitan daripada penerbit terkenal tanah air seperti Dewan Bahasa dan Pustaka, Ana Muslim Sdn. Bhd, Krangkraf (Prima Sdn. Bhd) dan sebagainya lagi. Berikut adalah antara beberapa contoh penggunaan bahasa standard atau formal yang terdapat dalam kumpulan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji, seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

'Wajahnya serupa dengan wajahku? Aku ada lesung pipit di pipi dan ada tahi lalat di muka, sama betul macam aku.' Irfan berkata dalam hatinya.

"Awak ada batuk atau sesak nafas?" tanya lelaki itu lagi.

"Saya cuma sesak nafas saja, doktor." Irfan bersuara tetapi dia tidak dapat mendengar suaranya sendiri.

(Sheikh Muhd Irfan al-Hasbshee Che Ibrahim et al., 2014: 6)

"Tahniah, Nabila! Sekali lagi kamu dapat markah paling tinggi. Untuk yang lain, kamu harus mencontohi Nabila," ucap Cikgu Aziah selepas menyerahkan kertas ujian yang telah siap ditandanya.

(Aimi Rahman, 2014: 7)

Daripada contoh-contoh yang dinyatakan, menunjukkan penggunaan bahasa standard (formal) yang dituturkan oleh watak-watak yang diketengahkan dalam karya. Didapati watak utama bagi cerpen tersebut sering kali menggunakan dialog atau pertuturan bahasa standard dan secara tidak langsung dapat mengekalkan penggunaan bahasa yang formal. Hal ini dilihat berbeza dan bertentangan dengan pertuturan seharian yang lebih banyak menggunakan bahasa vernakular. Sebagai contoh, ungkapan perbualan dialog antara Yanti dengan Encik Iqbal dalam teks kumpulan cerpen "Ayahku Superhero", karya Fasya Farida et al., (2015) iaitu:

"Maafkan pak cik. Lambat datang dan ambil Yanti." Encik Iqbal meminta maaf. Matanya bergenang.

"Tidak mengapa. Yanti sihat dan gembira di sini."

Mendengar Yanti bersuara dengan lembut dan penuh adab, Puan Aida dan Encik Iqbal merasa senang hati.

"Jom, kita balik." Puan Aida mengajak. Masa untuk memulakan hidup baru.

(Cerpen "Hujan Kasih".Hlm: 122)

Jika ungkapan perbualan dialog ini diungkap dalam suasana sebenar masyarakat Melayu kita, dapat dikatakan sebagai suatu perbualan dialog yang janggal kerana dalam perbualan seharian, penutur seringkali menggunakan ayat-ayat yang ringkas, pendek dan lebih kepada tatabahasa yang kurang sempurna. Misalnya, ayat yang sering digunakan dalam pertuturan seharian berkaitan dengan perbualan dialog ialah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"Maafkan pak cik. Lambat datang ambil Yanti." Encik Iqbal meminta maaf. Matanya bergenang.

"Tak apa. Yanti sihat dan gembira di sini."

Selain itu, penggunaan bahasa standard ini lazimnya digunakan oleh kanak-kanak ketika sesi pengajaran dan pembelajaran di sekolah dan sewaktu proses membaca di dalam bilik darjah. Sejajar dengan itu, jika bahasa dalam karya-karya sastera khasnya cerpen kanak-kanak ini tidak standard atau tidak formal dari segi tatabahasanya maka, hal ini akan menjadikan kanak-kanak lemah dalam penguasaan bahasa Melayu. Oleh yang demikian, penggunaan bahasa standard ini dalam karya sastera kanak-kanak dapat membantu dan mendorong kanak-kanak memperbaiki tahap kemahiran bahasa Melayu mereka. Hal ini kerana lebih banyak unsur bahasa standard (formal) yang digunakan dalam cerpen kanak-kanak, maka akan bertambahlah kemahiran berbahasa dalam kalangan kanak-kanak.

Tuntasnya, dapat dirumuskan bahawa penggunaan bahasa standard ini meskipun dilihat agak janggal dan tidak biasa untuk digunakan dalam pertuturan seharian kanak-kanak kerana mereka telah terbiasa menggunakan pertuturan dalam bahasa vernakular, namun penggunaan bahasa standard ini amat penting dititikberatkan supaya dapat membantu pembaca khususnya kanak-kanak untuk mempelajari penggunaan bahasa Melayu yang betul dan formal. Aspek bahasa dalam budaya yang dapat dianalisis menerusi cerpen Hujan Kasih menggambarkan pengarang mendidik kanak-kanak menggunakan bahasa yang mempunyai budaya standard. Pengarang tidak mendidik kanak-kanak dengan budaya bahasa slanga kerana hal ini merupakan gejala dalam bahasa. Menurut teori Hierarki Keperluan Manusia (Maslow) bahasa merupakan keperluan paling asas kerana melalui bahasa kanak-kanak berkomunikasi antara satu sama lain. Di samping itu, melalui bahasa juga segala keperluan dan kehendak kanak-kanak dapat dipenuhi oleh insan yang berada di sekeliling mereka seperti ibu bapa, guru-guru dan rakan-rakan. Kesimpulannya, aspek bahasa dalam budaya merupakan keperluan fisiologi kerana jika tidak dipenuhi kanak-kanak akan menghadapi kesukaran dalam kehidupan mereka dan sekali gus mereka tidak dapat memenuhi keperluan di peringkat lain yang terdapat dalam Teori Maslow.

(ii) Penggunaan bahasa Inggeris dalam Komunikasi

Selain menggunakan bahasa standard dalam karya sastera, pengarang cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji turut dilihat memasukkan penggunaan perkataan bahasa Inggeris dalam beberapa dialog yang dituturkan oleh watak-watak dalam cerpen tersebut. Antara penggunaan perkataan bahasa Inggeris yang diolah oleh pengarang dalam teks kumpulan cerpen "Kek Cawan Online", karya Kamil et al., (2015) adalah seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"Cuba Adam eja breakfast," sambung Puan Irma.

"Alah... kacang aje tu ibu. B, R, E, A, K, F, A, S, T!" Adam mengeja dengan pantas.

"Bagus! Pandai anak ibu," puji Puan Irma sambil tersenyum.

"Break maksudnya berbuka, fast maksudnya puasa," jelas Puan Irma.

(Cerpen "Sarapan Hebat". Hlm: 9)

"Maknanya, menjugel tu telah membaiki otak Paul?" "Yes, you are absolutely right," puji Encik Danial.

"Itu kisah yang berlaku di luar negara. Ayah ada satu lagi kisah benar yang berlaku di negara kita, Malaysia...

(Cerpen "Belajar Menjugel". Hlm: 20)

Berbalik kepada contoh-contoh penggunaan perkataan bahasa Inggeris yang dimasukkan oleh pengarang dalam karya mereka, pengkaji mendapati penggunaan perkataan bahasa Inggeris ini terhad dan hanya dapat diteliti daripada beberapa dialog tertentu sahaja. Sejajar itu, dapat dijelaskan bahawa penggunaan perkataan bahasa asing (Bahasa Inggeris) dalam komunikasi kanak-kanak merupakan salah satu aspek budaya dalam bahasa. Hal ini demikian kerana kanak-kanak yang dididik dengan penggunaan bahasa Inggeris merupakan kanak-kanak yang mempunyai ibu bapa atau ahli keluarga yang sering bertutur dengan menggunakan bahasa Inggeris dengan mereka. Selain itu, kanak- kanak yang bertutur dalam bahasa Inggeris atau menggunakan beberapa perkataan dalam bahasa Inggeris merupakan kanak-kanak yang mendapat pendedahan daripada media elektronik di persekitaran mereka. Jelas hal ini menunjukkan kanak-kanak yang mempunyai budaya bahasa Inggeris di sekeliling mereka akan bertutur dengan menggunakan bahasa Inggeris.

Merujuk teori Hierarki Keperluan Manusia, kanak-kanak yang bertutur dalam bahasa Inggeris juga merupakan kanak-kanak yang dapat memenuhi keperluan fisiologi mereka kerana mereka menggunakan bahasa Inggeris untuk berkomunikasi dengan orang di sekeliling mereka. Tujuan mereka berkomunikasi adalah untuk memenuhi kehendak dan keperluan fisiologi mereka. Jika aspek ini tidak dapat dipenuhi maka kanak-kanak tidak akan dapat mencapai tahap pertama dalam hierarki keperluan Maslow iaitu keperluan fisiologi.

Namun begitu, budaya penggunaan bahasa asing (bahasa Inggeris) dalam karya menimbulkan rasa kekeliruan kepada kanak-kanak. Oleh itu, timbul masalah tentang ketidaksesuaian penggunaan bahasa asing (bahasa Inggeris) dalam karya kepada

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kanak- kanak. Jika dikaitkan dengan hierarki keperluan Maslow, kanak-kanak sememangnya memerlukan keperluan keselamatan dalam diri mereka. Keperluan keselamatan ini merujuk kepada keperluan kedamaian, ketenteraman, keselesaan, perasaan yang bebas daripada segala jenis ancaman dan ketakutan kepada kanak-kanak (Maslow, 1970: 59). Oleh itu, jika kehendak seseorang kanak-kanak selalu dilayani, dia akan berasa selamat, tidak keliru dan akan menjadi seseorang yang mempunyai emosi yang stabil.

(iii) Penggunaan bahasa pasar atau bahasa slanga

Dapatan kajian mendapati bahawa terdapat beberapa buah kumpulan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dipilih telah menggunakan bahasa pasar dalam dialog yang diutarakan. Bahasa pasar ialah bahasa tidak baku, tidak mengikut tatabahasa yang betul dan biasanya dituturkan dan diungkapkan oleh penutur bukan Melayu yang masih terpengaruh dengan gaya bahasa ibunda masing-masing. Berikut ialah beberapa contoh penggunaan bahasa pasar yang terkandung dalam teks kumpulan cerpen "Kek Cawan Online", karya Kamil et al., (2015) misalnya dalam dialog berikut:

> "Mama tak mau kamu terlalu rapat dengan olang Melayu. Dia olang tak jujur dalam persahabatan," kata Puan Goh sambil menghidangkan tiga gelas Milo panas di atas meja.
>
> Haiya, tak boleh bersangka buruk terhadap olang Melayu," kata Encik Tan sambil menjeling tajam ke arah Puan Goh.
>
> (Cerpen "Ai Chia Aisyah". Hlm: 152)

Sehubungan dengan itu, melalui penggunaan olang dalam dialong-dialong tersebut, jelas terlihat penggunaan bahasa pasar yang dituturkan oleh Encik Tan dan Puan Goh. Meskipun penggunaan bahasa ini tidak mengikut standard bahasa Melayu yang betul, namun penggunaannya dalam dialog memperlihat keaslian penuturan yang diucapkan oleh watak menerusi perbualan harian mereka. Sememangnya budaya orang Cina apabila bertutur dalam bahasa Melayu huruf R akan ditukarkan kepada huruf L. Dari aspek fonetik lidah orang Cina sukar untuk membunyikan huruf R. Mereka secara automatik akan membunyikan huruf R kepada huruf L. Aspek ini dikatakan budaya slanga bahasa Melayu yang dituturkan oleh bangsa Cina.

Merujuk teori hierarki keperluan manusia, bahasa slanga juga merupakan keperluan fisiologi manusia. Walaupun bahasa itu tidak diucapkan dalam laras bahasa yang betul namun maksud atau makna bahasa tersebut dapat difahami oleh orang yang mendengarnya. Dalam konteks ini, keperluan fisiologi manusia dapat dipenuhi melalui bahasa (Maslow, 1970: 53).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan analisis pengkaji terhadap budaya bahasa yang diguna pakai dalam kesemua cerpen kanak-kanak yang dikaji, dapat disimpulkan bahawa penggunaan bahasa yang dituturkan oleh watak dalam setiap cerita bersifat sederhana. Lantas, kebanyakan bahasa yang digunakan adalah lebih bersifat realistik dengan kehidupan seharian kanak-kanak melalui dialog yang dituturkan oleh watak dalam cerpen tersebut. Bahkan itu juga, penggunaan bahasa standard (formal) juga sangat ditekankan oleh pengarang dalam kesemua kumpulan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji.

Hal ini dikatakan bagi membimbing kanak-kanak untuk menggunakan bahasa Melayu dengan tepat dan betul. Melalui bahasa, pembaca diharap akan menikmati cerita dan memahami sejelas-jelasnya mesej yang hendak disampaikan oleh pengarang. Bagi kanak-kanak, bahasa yang paling mudah dan diselaraskan dengan peringkat umur kanak- kanak adalah paling sesuai digunakan dalam karya sastera kanak-kanak. Selain peringkat umur, pengarang haruslah menimbangkan perkara-perkara yang lain. Dalam satu-satu peringkat umur itu, pengarang harus pula memahami bahawa mereka mungkin masih berlainan dari segi kematangan fikiran, dari segi pengalaman dan dari segi yang lain.

Oleh itu, hal inilah yang menimbulkan masalah kepada para pengarang. Lantas, di peringkat kanak-kanak lagi, pengarang perlu memberi asuhan terhadap penggunaan bahasa yang baik. Setiap ayat yang dituliskan dalam karya atau hasil tulisannya haruslah penuh dan lengkap iaitu baik dari segi nahu mahupun dari segi susunannya. Kalau dalam karya terdapat ayat tergantung dan yang kadang-kadang satu perkataan sahaja menjadi satu ayat, tentulah hal ini tidak sesuai untuk karya sastera kanak-kanak.

Jika merujuk teori Hierarki Keperluan Manusia, keperluan bahasa merupakan keperluan fisiologi kepada kanak-kanak. Penggunaan bahasa dalam cerpen kanak-kanak merupakan bahasa yang mudah. Hal ini bertepatan dengan konsep sastera kanak-kanak iaitu bahasa yang mudah perlu digunakan oleh pengarang untuk senang difahami oleh kanak-kanak. Maksud kepada bahasa yang mudah ialah penggunaan bahasa yang dihasilkan oleh seseorang pengarang mudah dan senang untuk difahami oleh kanak-kanak. Antaranya, pengarang menggunakan hukum tatabahasa bahasa Melayu yang betul dan bahasa pertuturan dalam bentuk bahasa yang betul dan standard. Sebagai contoh dalam bahasa Melayu, kanak-kanak akan dapat menguasai hukum D-M, iaitu Di terang dan Menerang ataupun kata nama diikuti oleh kata adjektif seperti 'rumah besar' atau 'kereta mewah'. Kesimpulannya, bahasa yang mudah merupakan salah satu daripada ciri budaya bahasa kanak-kanak dan aspek ini sesuai dengan keperluan fisiologi mereka.

Sehubungan itu, pemilihan persoalan, tema atau mesej dalam penulisan cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 dikatakan berkait rapat dengan latar pemikiran dan hubungan sosial yang membentuk sudut pandang terhadap cerpen-cerpen yang dikaji. Cerpen kanak-kanak yang dikaji memperlihatkan aspek pemikiran budaya bukan kebendaan iaitu perihal kepercayaan, adat resam dam adat istiadat dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

penggunaan bahasa yang mampu menjadi cerminan jiwa dan peribadi penulisnya. Shafie Abu Bakar (2004) menjelaskan pengaruh pendidikan, lingkungan alam sekitar dan tugasan harian (pekerjaan) amat mempengaruhi penulisan seseorang. Dalam konteks ini pengarang cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015, sebahagian besarnya mengetengahkan pemikiran budaya yang berhubung dengan budaya bukan kebendaan. Aspek ini dikatakan dapat membudayakan diri, mempengaruhi falsafah dan dan sudut pandang, penghidupan dan citra perjuangan seorang pengarang kepada khalayak pembaca. Hal ini, yakni jati diri budaya Melayu dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 dapat dilihat sebagai pelestarian citra terhadap budaya bangsanya ataupun sebaliknya.

Menyedari kepentingan pemeliharaan dan pelestarian budaya Melayu yang bertujuan untuk memantapkan jati diri bangsa, pengarang cerpen kanak-kanak pilihan yang dikaji menyampaikan maksud tersebut melalui teks cerpen yang dihasilkannya. Percakapan tentang budaya telah diselitkan oleh pengarang cerpen kanak-kanak pilihan yang dikaji melalui aspek pemikiran budaya bukan kebendaan seperti perihal kepercayaan masyarakat Melayu, adat istiadat dan adat resam serta penggunaan bahasa seperti penggunaan bahasa formal (standard), penggunaan bahasa pasar (selangga) dan percampuran bahasa Inggeris. Pemikiran budaya Melayu merupakan salah satu aspek yang turut digemari oleh pengarang-pengarang cerpen kanak-kanak tempatan.

Pemikiran budaya ini wajar dipertahankan sebagai warisan yang tinggi nilainya. Di samping itu, terlihat kegusaran pengarang terhadap unsur-unsur budaya lain yang menular masuk dan boleh mempengaruhi ketulenan budaya Melayu. Kepengaruhan ini boleh menghakis jati diri Melayu yang sebenar. Pengarang cerpen kanak-kanak pilihan yang dikaji menyatakan pendirian terhadap pengekalan budaya Melayu sebagai warisan yang harus dibanggakan turun-temurun. Hal ini digambarkan oleh pengarang dengan mengetengahkan aspek pemikiran budaya di dalam hasil karya mereka. Antaranya boleh di lihat dalam beberapa buah teks kumpulan cerpen kanak-kanak pilihan yang dikaji seperti kumpulan cerpen "Wajah Pada Skrin", karya Ahmad Fadzilah Muhammad (2012), "Jersi Syawal untuk Ramadan", karya Aimi Rahman (2014), "Desktop Ke Laptop", karya Anies Hisham (2013), "Kek Cawan Online", karya Kamil et al., (2015), "Ayahku Superhero", karya Fasya Farida et al., (2015), "Kisah Si Puteri: Kami Puteri Hebat", karya Natasha Effyzal et al., (2013), "Kisah Si Puteri: Gaun Merah Jambu", karya Natasha Effyzal et al., (2012), "Mari Berkasih Sayang", karya Rashidah Khairiah Md. Raffae et al., (2014), "Kumpulan Cerpen: Anak Kampung Ke Istana Negara", kaya Siti Nur Balqis Syamsul Zaidi, (2014), "Sejalur Harapan", karya Siti Aishah Asari et al., (2012) dan "Mahu Menjadi Doktor", karya Sheikh Muhd Irfan al-Hasbshee Che Ibrahim et al., (2014).

Pengarang cerpen kanak-kanak pilihan yang dikaji boleh dikatakan sebagai sebagai budayawan kerana merakamkan pengamatannya terhadap budaya sebagai sisipan pengetahuan untuk kemanfaatan manusia selaras dengan prinsip teori Pengkaedahan Melayu itu sendiri. Ditinjau berdasarkan teori Pengkaedahan Melayu, kebanyakan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 selaras dengan prinsip pendekatan gunaan iaitu penglahiran karya yang mempunyai sebab, hikmah dan fungsi tertentu berdasarkan ukuran dan imbangannya. Ukuran dan imbangan ini boleh dinilai dari segi isi dan strukturnya. Di samping itu, kejadian ini boleh dimanfaatkan oleh manusia dan masyarakatnya (Hashim Awang, 2002: 27).

Untuk menyampaikan nilai gunaan tersebut, pengamatan budaya yang dipaparkan pengarang dalam cerpen kanak-kanak yang dikaji ini dapat digunakan sebagai pengiktibaran. Budaya dan adat resam tidak seharusnya ditinggalkan, malah diseru oleh pengarang supaya terus dipelihara. Pengarang juga menyalurkan harapan ini melalui pemikiran budaya bukan kebendaan iaitu berkait dengan perihal adat resam masyarakat Melayu dan adat istiadat di raja yang perlu kekal ke hujung masa. Malah, pengarang cerpen kanak-kanak pilihan yang dikaji dilihat berusaha menghasilkan isian aspek pemikiran yang berhikmah dan mampu membawa khalayak menghargai jati diri budaya yang dibanggakan.

Selanjutnya, pengarang cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 menepati prinsip pendekatan moral dalam erti kata segala kejadian adalah bersifat sebagai pengalaman hidup. Melalui pendekatan moral ini, Zurinah Hassan (2001: 14) menyatakan bahawa pendekatan ini boleh digunakan untuk menyingkap dan menyumbangkan pengalaman dan sekali gus pengetahuan. Dalam karya sastera terakam pengalaman pengarang tentang pelbagai ragam dan perlakuan manusia, yang dapat dikongsi dengan pembaca. Pengetahuan daripada pengalaman itu adalah mengenai perkara-perkara yang berkaitan diri manusia dengan aspek kehidupan seperti budaya, agama, politik, dan bahasa. Dalam hubungan ini, Hashim Awang (1997: 30) menjelaskan bahawa karya sastera dalam pendekatan ini harus mampu mencontohi al-Quran. Di dalamnya terkandung pelbagai ilmu pengetahuan, pengisahan pelbagai jenis, dan perlakuan manusia, untuk dipelajari dan dicontohi.

Penafsiran pengarang tentang aspek pemikiran budaya iaitu budaya bukan kebendaan seperti budaya Melayu dalam cerpen-cerpen ini adalah berdasarkan rentetan pengalaman hidup yang dilalui seterusnya terserap dalam hasil karyanya. Walaupun budaya masyarakat Melayu yang kelihatannya mengandung unsur hiburan namun, pengukuhan terhadap nilai-nilai kerohanian tetap diberi perhatian. Hal ini terlihat melalui pemahaman pengarang yang mengetengahkan pemikiran budaya seperti kepercayaan, adat resam dan adat istiadat. Contohnya kepercayaan terhadap hantu, bomoh, pawang, adat membuka kasut sebelum masuk ke dalam rumah, adat istiadat di raja iaitu mandi susu, penggunaan warna 'kuning' dan sebagainya lagi. Nilai-nilai ini dapat menjana kecemerlangan dan membentuk kebijaksanaan dan kekal mengukuh sebagai jati diri semasa di alam kanak-kanak sehingga meneroka ke alam dewasa. Tuntasnya, sastera khususnya cerpen kanak-kanak telah menyediakan ruang dengan pelbagai cakupan ilmu pengetahuan. Selari dengan teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan moral iaitu konsep 'kepustakaan' yang di dalamnya terkandung iktibar dan pengetahuan yang bijaksana. Secara keseluruhannya, perkaitan antara pemikiran budaya (budaya bukan kebendaan) iaitu kepercayaan, adat resam dan adat

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

istiadat serta bahasa dengan model keperluan kanak-kanak (janaan teori Hierarki Keperluan Manusia dan teori Pengkaedahan Melayu) dapat dirujuk melalui jadual 6 seperti berikut:-

Jadual 6 : Perkaitan antara Pemikiran Budaya dengan Model Keperluan Kanak-Kanak

Bil	Aspek Pemikiran (Budaya bukan kebendaan)	Kesan Keperluan Kanak-kanak	Teori Hierarki Keperluan Manusia
1.	Kepercayaan	Punca kepincangan dalam masyarakat dan kegoyahan iman yang mengakibatkan kesejahteraan hidup masyarakat semakin jauh dengan nilai kemuliaan, ketakwaan dan ketauhidan.	Peringkat ke-2:- Keperluan keselamatan.
2.	Adat Resam/ Adat Istiadat	Dapat mengetahui kebudayaan dalam masyarakat yang dihuni supaya mereka sentiasa mempunyai rasa hormat dan menghargai orang lain.	Peringkat ke-4:- Keperluan penghargaan kendiri.
3.	Bahasa	Menikmati cerita dan memahami sejelas-jelasnya mesej dan aspek pemikiran yang hendak disampaikan melalui jalinan cerita. Dapat menggunakan bahasa Melayu dengan betul dan tepat.	Peringkat ke-1 dan 2:- Keperluan fisiologi dan Keperluan keselamatan.

4.3.4 Pemikiran Pendidikan (Pendidikan Formal)

4.3.4 (i) Tanggungjawab Pelajar Mendapatkan Pendidikan di Sekolah/ Pusat Tuisyen

Seterusnya, gambaran pemikiran pendidikan formal yang berkaitan dengan rasional dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pelajar dilihat dipersembahkan dalam kumpulan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji. Dalam

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kajian ini, pemikiran pendidikan formal dapat dipertalikan dengan realiti iaitu dengan melihat unsur-unsur logik, benar dan fakta yang membantu pengarang memantapkan keperibadian watak-watak sebagai model modal insan pelajar. Tanggungjawab sebagai pelajar dapat dilihat menerusi aspek ilmu yang mereka dapat di sekolah atau tempat institusi pendidikan lain seperti pusat tuisyen. Oleh itu, pengkaji mendapati pemikiran pendidikan formal yang berasaskan kepada rasional dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pelajar akan dianalisis menerusi beberapa watak yang berkaitan dengan aspek ilmu. Antara watak yang memperlihat aspek tanggungjawab sebagai pelajar dalam usaha mencari dan menuntut ilmu ialah watak Wahida dalam cerpen "E-mel Cikgu Alia" dan watak Azizul dalam cerpen "Jambatan", karya Ahmad Fadzilah Muhammad (2012).

Secara amnya, aspek menuntut dan mencari ilmu merupakan salah satu amanah dan tanggungjawab bagi setiap manusia yang bergelar pelajar. Manusia dilahirkan di dunia ini tanpa mengetahui suatu perkara pun. Akan tetapi ia diberi potensi oleh Allah untuk mengetahui, dan diberikan anugerah yang luar biasa berupa otak untuk berfikir (Ahmad Kilan @ Ahmad Kilani Mohamed & Yahya Jusoh, 2013: 9). Ilmu merupakan sesuatu hal yang penting bagi kehidupan manusia, ia diibaratkan sebuah cahaya yang menerangi kehidupan kerana ia sebagai petunjuk manusia kepada hal yang benar. Selain itu, ilmu merupakan saranan bagi seorang mukmin untuk memperoleh kesejahteraan dunia mahupun akhirat, maka mencari ilmu hukumnya wajib bagi setiap mukmin laki-laki ataupun perempuan. Malah, keutamaan orang yang mencari ilmu ialah Allah SWT akan memudahkan jalannya ke syurga. Seperti yang tertera dalam Hadits yang diriwayatkan oleh Imam Muslim sebagai berikut;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Artinya "barang siapa berjalan untuk menuntut ilmu maka Allah akan memudahkan baginya jalan ke Syurga.
>
> (HR Al-Bukhari)

Dalam cerpen "E-mel Cikgu Alia", karya Ahmad Fadzilah Muhammad (2012) watak Wahida yang merupakan seorang pelajar yang pada suatu ketika dahulunya digambarkan sebagai seorang pelajar yang malas menyiapkan kerja sekolahnya akibat banyak menghabiskan masa dengan menonton televisyen. Namun akhirnya, setelah beliau dinasihati oleh gurunya lalu dirinya mengambil inisiatif untuk belajar bersungguh- sungguh untuk berjaya. Contoh petikan adalah seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Wahida akui, sejak ayahnya melanggan siaran berbayar, dia jadi leka dengan rancangan yang disediakan oleh siaran berkenaan. Punggungnya bagaikan melekat tidak mahu bangkit daripada kerusi.
>
> Peristiwa dimarahi oleh Cikgu Alia tersimpan dalam hati Wahida. Dia menanam azam dengan berkata; "Apa yang penting, aku mahu sipakan juga tugasan yang Cikgu Alia beri ini, walaupun bukan dalam waktu yang cepat". Mungkin sehari sebelum tempoh yang diberikan, dia akan hantar.
>
> (Cerpen "E-mel Cikgu Alia". Hlm: 34)

Watak Azizul dalam cerpen "Jambatan", karya Ahmad Fadzilah Muhammad (2012) memperlihat dirinya yang kurang memberi tumpuan sewaktu guru mengajar di dalam kelas telah membuatkan dirinya dihukum oleh gurunya itu dengan bertukar tempat duduk di dalam kelas. Malah, beliau turut panggil untuk bersemuka dengan gurunya itu setelah selesai sesi pembelajaran. Akibat daripada teguran dan nasihat yang diberikan oleh gurunya itu, Azizul menanam tekad untuk tidak mengulangi lagi perbuatannya itu dan dia berjanji untuk memberikan sepenuh perhatian sewaktu guru mengajar. Bukti petikannya adalah seperti berikut:

> "Awak ni malas nak berfikir. Karangan awak sama dengan karangan tahun lepas. Saya dah baca dan masih ingat awak ceritakan pasal lawatan ke Kuala Lumpur. Kali ini awak masih tulis perkara yang sama. Awak ambil jalan mudah nak siapkan kerja sekolah dengan cepat. Tak boleh macam tu. Awak kena tulis sesuatu yang baru, cara itulah otak kita berkembang." leter Cikgu Rita.
>
> Cikgu Rita membuat catatan kecil di bawah karangan yang dihasilkan oleh Azizul dengan berkata; "Kamu berjaya meluahkan perasaan tidak puas hati kamu apabila Cikgu menukarkan kamu ke belakang. Kamu mengakui sukar untuk melihat papan tulis kerana terhalang oleh Saiful. Apa yang penting, gaya penulisan kamu lancar dan baik. Tahniah!"
>
> (Cerpen "Jambatan". Hlm: 104)

Oleh itu, pemaparan sikap kanak-kanak sebegini perlu diambil sebagai contoh kerana berusaha meningkatkan kemajuan diri demi tanggungjawabnya terhadap dirinya sebagai seorang pelajar. Bahkan, pengkaji mendapati bahawa watak Wahida dan watak Azizul yang dipaparkan oleh pengarang cerpen terbabit sangat bersesuaian dengan penerapan keperluan penghargaan kendiri yang terkandung di dalamnya hierarki keperluan manusia. Hal ini kerana, Wahida dan Azizul merupakan seorang kanak-kanak yang bersikap rasional dalam menunaikan tanggungjawabnya sebagai pelajar.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berbalik kepada kajian kumpulan cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji, pengkaji mendapati niat yang ikhlas dalam mencari ilmu menerusi watak kanak-kanak turut diselitkan oleh beberapa orang pengarang. Antaranya ialah melalui cerpen "Sombong Membawa Padah" (2014), "Sejalur Harapan Buat Jai" (2012), "Layang-layang itu Menerbangkan Iman" (2014), "Aku Mahu Berjaya" (2014), "Kemenangan Milik Kita" (2014), "Aku Anak Kampung" (2014), "Mahu Menjadi Doktor" (2014) dan seterusnya boleh dirujuk dalam lampiran. Daripada contoh-contoh cerpen tersebut, sememangnya menunjukkan dengan jelas bahawa menuntut ilmu dengan ikhlas adalah sangat penting dalam kehidupan seseorang manusia khasnya kanak-kanak.

Malah, terdapat juga beberapa buah cerpen yang pengarang ketengahkan berkaitan dengan kesan negatif atau buruk yang diperoleh oleh kanak-kanak kerana tiadanya niat yang ikhlas dalam menuntut ilmu. Antara contoh kesan negatif atau buruk itu dapat kita hayati melalui cerpen yang berjudul "Sombong Membawa Padah", karya Aimi Rahman (2014). Dalam cerpen ini, pengarang dengan jelas menampilkan keangkuhan watak Nabila dan sikap sombongnya dalam menuntut ilmu. Hal ini dapat dibuktikan menerusi petikan berikut:

> "Tahniah Nabila, sebab awak jadi murid contoh lagi," ucap Mia kepada Nabila.
>
> "Mestilah! Tiada siapa yang lebih hebat daripada saya," balas Nabila, angkuh.
>
> Nabila merupakan seorang murid yang bijak dalam setiap mata pelajaran. Setiap tahun, Nabila pasti akan mendapat anugerah murid cemerlang. Tidak hairanlah, ramai murid di sekolah menganggapnya sebagai murid kesayangan guru. Hal ini menyebabkan Nabila menjadi riak dan berlagak sombong. Malah, dia merasakan bahawa tiada sesiapa yang lebih pandai berbanding dirinya. Di kelas pula, Nabila bersifat diskriminasi. Dia hanya memilih kawan yang cerdik sahaja. Yang kurang bijak pula sudah tentu akan dipulaukan.
>
> (Cerpen "Sombong Membawa Padah". Hlm: 2)

Malah, keangkuhan dan sikap sombong inilah yang membuatkan Nabila tidak berjaya dan sekali gus menunjukkan bahawa beliau tidak mempunyai niat yang ikhlas dalam dirinya sebagai seorang pelajar dengan menuntut ilmu bukan semata-mata kerana Allah taala. Hal ini dilihat berbeza dengan watak Mia yang memperlihatkan niat yang ikhlas beliau terhadap ilmu yang diperolehnya. Sehubungan dengan itu, di pengakhiran cerita pengarang dilihat berjaya mengetengahkan penyesalan yang dialami oleh Nabila akibat terlalu angkuh dengan kepandaian dimilikinya selama ini serta sikap sombongnya untuk berkongsi ilmu yang ada pada dirinya kepada rakan-rakan yang lain. Hal ini dibuktikan melalui petikan seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Nabila yang berada di situ hanya menundukkan wajahnya. Dia sebenarnya malu terhadap Mia. Selama ini dia selalu menghina dan bersikap sombong terhadap Mia. Dan akibat terlalu yakin, akhirnya dia gagal mengekalkan prestasinya. Kini dia sedar, sesuatu kelebihan hanyalah milik Allah SWT.
>
> "Maafkan saya, Mia. Saya menyesal sebab saya terlalu sombong dan selalu menghina awak," ucap Nabila, mengaku kesalahannya.
>
> Kita harus bersyukur dengan segala nikmat yang diberi oleh-Nya. Saya sedar siapa diri saya dan kerana itulah, saya perlu ubah diri saya menjadi lebih baik dari sekarang," balas Mia.
>
> (Cerpen "Sombong Membawa Padah". Hlm: 17)

Selain itu juga, pengarang turut memperlihat sikap Nabila yang tiada niat yang ikhlas terhadap ilmu yang diperolehnya kerana niat utama beliau mendapat ilmu adalah semata-mata untuk mendapat sanjungan daripada rakan-rakan, ahli keluarga dan semua guru di sekolah. Oleh sebab itulah, ilmu yang diperoleh Nabila tidak berkat dan akhirnya menyebabkan dirinya gagal dalam peperiksaan. Berbeza pula dengan watak Mia yang menampakkan niat yang ikhlasnya terhadap ilmu diperoleh kerana niat utama beliau mendapat ilmu adalah semata-mata mencari keredaan Tuhan serta sebagai pedoman dan bekalan untuknya ke akhirat. Hal ini turut diperjelaskan oleh (Wan Aminurrashid, 2002: 74) dengan menyatakan bahawa sesiapa yang mempelajari ilmu dengan tujuan mendapat kedudukan di dunia (mendapat sanjungan) maka individu itu tidak akan dapat mencium bau syurga pada hari kiamat.

Tuntasnya, amatlah wajar bagi kanak-kanak yang menuntut ilmu supaya sentiasa memastikan niat mereka dalam apa jua aktiviti keilmuan sama ada dalam bentuk pengajaran, penyelidikan, penulisan dan khidmat masyarakat bertujuan untuk kebaikan agama dan masyarakat dan bukannya untuk mendapat sanjungan dan tepukan dari manusia. Sehubungan itu, sesiapa yang melakukan sesuatu amalan dengan niat kerana Tuhan pastinya Tuhan akan membalas kebaikannya di dunia dengan pelbagai ganjaran dan nikmat yang tidak disangka, bahkan di akhirat pula balasan syurga akan menanti.

4.3.5 Pemikiran Pendidikan (Pendidikan Tidak Formal)

Berikut ialah pendidikan tidak formal yang telah diketengahkan oleh pengarang dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji:-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.5 (i) Pendidikan Di Rumah (Institusi Keluarga)

Seterusnya, memberi pendidikan kepada anak-anak adalah satu tanggungjawab ibu bapa yang paling utama. Anak adalah amanah Tuhan yang tidak ternilai. Ibu bapa perlu mempunyai kesedaran mengenai amanah dan tanggungjawab yang dipikul dalam mendidik anak-anak supaya menjadi manusia berguna yang akan memikul tugas khalifah di bumi ini. Oleh itu, mereka seharusnya dididik dengan sebaik-baiknya dan kedua-dua suami dan isteri hendaklah sama-sama memainkan peranan dalam usaha pembentukan akhlak anak-anak mereka.

Malah bagi ibu bapa yang beragama Islam, tanggungjawab mereka terhadap anak bermula sejak bayi masih dalam kandungan lagi. Sebaik-baik sahaja anak itu dilahirkan, bermulalah tanggungjawab yang lain seperti mengazankan anak tersebut, kemudian diikuti dengan mencukur rambut, mengakikahkannya, memberi nama yang baik, mengkhatankannya, dan seterusnya sehingga anak itu dewasa. Anak-anak yang dididik dengan sempurna akan mempunyai jiwa yang teguh dan sentiasa patuh kepada didikan orang tuannya. Contoh penampilan nilai ini dapat dilihat melalui petikan dari cerpen "Sahabat Sejati", karya Aimi Rahman (2014) seperti berikut:

> "Amin... Ingat pesan ibu ya, jangan nakal-nakal. Jadi anak yang soleh dan jangan sesekali tinggal solat," pesan Mak Limah.
>
> Amin mengangguk sambal tersenyum memandang ibunya. "Amin janji, Ibu! Amin akan jadi anak yang baik dan selalu mendoakan ibu," jawab Amin.
>
> (Cerpen "Sahabat Sejati". Hlm: 20)

Sehubungan dengan itu, ibu bapa hendaklah sentiasa mendorong dengan cara menasihati, menegur dan memupuk sifat-sifat positif demi kejayaan anak-anak mereka. Dalam kumpulan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji terdapat beberapa kisah yang memaparkan persoalan ibu bapa yang sentiasa memberikan nasihat dan teguran kepada anak-anak mereka agar tidak mengabaikan pelajaran bagi memastikan masa depan mereka terjamin. Contohnya dapat disaksikan melalui petikan dalam cerpen "Layang-Layang itu Menerbangkan Iman", karya Nur Aliyah Aqilah Mohd Asri et al., (2014) seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> "Kalau nak mencapai segala hajat kita, kita kenalah menjadi orang yang berjaya," jelas ayah.
>
> "Kalau Iman nak hidup dalam keadaan yang selesa, bukan duduk dalam keadaan yang jijik kenalah berusaha dari sekarang," tambah ibu Iman pula.
>
> "Berusaha belajar bersungguh-sungguh?" Tanya Iman. "Tentulah, sayang...
>
> (Cerpen "Layang-Layang itu Menerbangkan Iman". Hlm: 8)

Seterusnya, menitikberatkan kepercayaan dan amalan-amalan agama kepada anak-anak juga merupakan salah satu daripada tanggungjawab ibu bapa. Melaksanakan tanggungjawab ini dengan sempurna akan dapat memperteguhkan peribadi seseorang anak itu. Dalam kumpulan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji, perihal tanggungjawab ibu bapa yang menitikberatkan kepercayaan dan amalan- amalan agama ini turut diperlihatkan dalam beberapa buah cerpen, antaranya ialah cerpen "Nasihat Ratu Hati Syamim", karya Rashidah Khairiah Md. Raffae et al., (2014):

> Puan Zaqyah bersuara dengan perlahan, "Syamim, ikut cakap ibu ya. Kalau nak berjaya, jangan berputus asa dan kamu mesti tabah. Taat perintah Allah. Ingat pesan ibu."
>
> (Cerpen "Nasihat Ratu Hati Syamim". Hlm: 32)

Di sini, ibu Syamim amat menitikberatkan agar Syamim patuh dan taat kepada segala ajaran agama. Oleh yang demikian, Syamim digambarkan sebagai seorang yang mempunyai peribadi yang baik serta patuh kepada suruhan serta nasihat kedua ibu bapanya itu. Malah, penegasan terhadap didikan agama ini juga turut dilihat terkandung dalam contoh petikan cerpen yang lainnya pula iaitu melalui cerpen "Wah Hebatnya Tumbuhan!", karya Fasya Farida et al., (2015):

> "Ibu, ayah beritahu Nuqman yang pokok Nuqman akan berbuah," beritahu Nuqman.
>
> "Nuqman, apabila Tuhan mengurniakan kita nikmat-Nya, kita hendaklah bersyukur dan mengucapkan alhamdulillah," pesan Puan Sharifah.
>
> (Cerpen "Wah Hebatnya Tumbuhan!". Hlm: 108)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.5 (ii) Inovasi Sains dan Teknologi (Media massa - TV, Radio, Internet dan lain- lain)

Penyebaran ilmu pada masa ini bukan sahaja terbatas kepada pembelajaran antara guru dengan pelajar di dalam bilik darjah atau di sesebuah institusi. Hal ini demikian kerana, inovasi penyebaran ilmu kini semakin semakin canggih dan bersifat global memandangkan dimensi arus pemodenan yang sentiasa berkembang dari semasa ke semasa. Berdasarkan kumpulan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 ini, dapat dilihat bahawa pengarang menunjukkan cara sesuatu ilmu tersebar kepada orang lain dengan menggunakan teknologi tanpa perlu bersemuka antara satu sama lain.

Sebagai contoh, Mawar dan Amirah menggunakan e-mail atau Forum di internet sebagai wadah untuk melakukan diskusi ilmu dalam cerpen "Memetik Bintang", karya Kamil et al., (2015). Kedua-duanya kelihatan sangat aktif melontarkan pandangan dan pendapat mereka mengenai sesuatu isu. Menerusi diskusi ilmu di forum dan e-mel tersebut, mereka mendapat bermacam-macam maklumat mengenai cara hidup dan budaya masyarakat di antara negara masing-masing dalam usaha untuk menyelaminya di samping mencuba untuk bertukar-tukar pendapat terhadap sesuatu isu di negara mereka.

Selain itu, sejajar perkembangan teknologi maklumat yang semakin canggih pengarang juga dilihat berhati-hati dengan perkembangan teknologi ini yang mungkin boleh merosakkan pemikiran kanak-kanak. Hal ini dapat ditunjukkan melalui watak Encik Rahim dalam teks kumpulan cerpen "Yummy, Donat Coklat", karya Wafa Arissa et al., (2013) yang cuba memberi nasihat kepada anaknya dan isterinya mengenai kebaikan dan keburukan mempelajari ilmu IT dan memantau anak-anak mereka setiap kali menggunakan laman sesawang. Perkara-perkara tersebut perlu dilakukan oleh ibu bapa untuk memastikan anak-anak mereka tidak terjebak dengan masalah-masalah sosial seperti pergaulan bebas, zina dan sebagainya. Yang berikut merupakan contoh yang membuktikan perkara di atas:

> "Ibu bapa masa kini perlu mengetahui serba sedikit tentang ilmu IT. Check semua History laman web yang dia layari, dengan siapa dia selalu berhubung dan apa yang dibualkan dalam Internet... Semua tu perlu dipantau dari awal." Encik Rahim bersuara lagi. Nabila dan Puan Shamimi terdiam kali ini.
>
> "Abah, Nabila nak minta izin abah. Boleh tak Nabila bawa iPad balik ke kampung?"
>
> Encik Rahim termenung sebentar lantas mengangguk. "Boleh tapi..."
>
> (Cerpen "Hore, Balik Kampung!". Hlm: 143)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Seterusnya juga, turut dipaparkan tentang kepentingan penggunaan IT kepada para pelajar. Ini dapat dibuktikan menerusi petikan cerpen yang berjudul "Desktop ke Laptop", karya Anies Hisham (2013), seperti berikut:

> Tambahan pula, sejak akhir-akhir ini, murid-murid digalakkan menggunakan computer untuk menyelesaikan kerja sekolah mereka. Ia bertujuan untuk mendedahkan mereka kepada dunia IT *(information technology/*teknologi maklumat).
>
> (Cerpen "Destop ke Laptop". Hlm: 85)

Jikalau dahulu papan hitam dan kapur digunakan untuk sesi pembelajaran di kelas namun kini sudah diganti dengan papan putih yang dipancarkan melalui projektor. Murid-murid di sekolah juga sudah dibekalkan dengan mini laptop menggantikan buku teks yang berat dan membebankan kanak-kanak untuk dibawa ke sekolah. Kanak-kanak juga telah didedahkan dengan kerja sekolah menggunakan komputer. Kelas-kelas komputer yang diadakan di sekolah sedikit sebanyak membantu kanak-kanak mempelajari asas menggunakan komputer terutama untuk tujuan menaip.

Selain itu, pengarang turut mengetengahkan penggunaan gajet seperti telefon bimbit dan laptop sebagai medium komunikasi bersama teman-teman. Facebook, dan e-mel pula dijadikan alat media sosial yang menghubungkan manusia di alam maya tanpa perlu mendengar suara. Berikut adalah contoh petikan dari teks kumpulan cerpen "Desktop ke Laptop?", karya Anies Hisham (2013) dan kumpulan cerpen "Mahu Menjadi Doktor", karya Sheikh Muhd Irfan al-Hasbshee Che Ibrahim et al., (2014) yang memperlihatkan penggunaan gajet dan media sosial sebagai medium bersosial:

> Sungguh, hatinya begitu sayu untuk melepaskan sahabat baiknya itu. Mimi mengangguk. Sama seperti Ika, pipi Mimi juga basah dek air mata.
>
> "Ika, kita kan ada Facebook... Nanti kita boleh berbual di fb," pujuk Mimi sambil melemparkan senyuman buat kawan baiknya itu.
>
> (Cerpen "Rindu". Hlm: 19)

> Aku juga berasa seronok apabila ayah sering membawakan aku buah tangan. Ayah juga membeli gajet canggih untukku. Ini semua supaya aku tidak berasa kesunyian lagi apabila kami berjauhan. Dengan gajet canggih ini, aku akan sentiasa berhubung dengan ayah.
>
> (Cerpen "Rindu Kasih Ibu". Hlm: 15)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Kemudiannya, pengkaji mendapati pengarang turut mengetengahkan perkembangan teknologi kamera. Umum mengetahui teknologi kamera juga semakin pesat dan sentiasa diperbaharui dari masa ke semasa sama ada untuk tujuan hiburan ataupun keselamatan. Teknologi kamera banyak digunakan dalam industri perkilangan, pertanian ataupun automotif. Berikut ialah contoh petikan yang memperlihatkan penggunaan teknologi kamera di dalam cerpen 'Wajah Pada Skrin', karya Ahmad Fadzilah Muhammad (2012):

> "Guru besar baru kami ada cara sendiri untuk atasi mereka yang datang lewat. Dia pasang kamera di pintu pagar dan gambar akan terpampang terus ke skrin lebar di dalam dewan perhimpunan. Pergerakan mereka yang lewat dari dilihat secara langsung. Kalau dah hari-hari muka kita yang datang lewat, mana boleh tahan? Tentu malu, tak tahu nak sorok muka di mana," cerita Wani.
>
> (Cerpen "Wajah Pada Skrin". Hlm: 70)

Kebiasaannya skrin-skrin besar di pasang di dalam majlis-majlis besar sama ada keraian ataupun acara sukan. Kamera dapat mengesan subjek di dalam sudut tertentu sebelum di pancar ke skrin televisyen. Berdasarkan contoh yang disebutkan di atas, dapatlah dikatakan bahawa pengarang mencuba untuk mengetengahkan dan melahirkan masyarakat maju khususnya di dalam bidang sains dan teknologi. Kanak-kanak yang celik IT akan sentiasa peka dengan perubahan semasa dalam bidang ini dan akan sentiasa bergerak beriringan dengan perubahan-perubahan tersebut agar tidak ketinggalan. Dengan erti kata lain, seseorang kanak-kanak itu perlu mengikuti arus pemodenan dan sentiasa belajar untuk berdiri setanding dengannya dalam usaha untuk memajukan lagi potensi yang ada pada dirinya. Maka wajarlah pengarang memasukkan elemen inovasi sains dan teknologi di dalam cerpen mereka agar dapat menarik minat golongan kanak-kanak mempelajari dan menceburi bidang berdaya saing ini.

4.3.5 (iii) Pendidikan berkaitan dengan Isu-Isu Semasa

Selain itu, pemikiran pendidikan tidak formal dalam kumpulan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji ini turut dilihat apabila pengarang mencuba untuk mendedahkan kepada pembaca mengenai isu-isu semasa sama ada dalam negara mahupun luar negara. Hal ini dapat dijelaskan melalui isu-isu semasa seperti isu kekeluargaan melibatkan penderaan kanak-kanak, pembuangan bayi, penceraian kedua ibu bapa dan penculikan kanak-kanak. Isu-isu semasa ini sering saja kita dengari walau ada pasang surutnya di media massa. Pengarang cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji dilihat cuba menyampaikan mesej bahawa masalah atau isu ini masih menjadi duri dalam daging dalam melahirkan sebuah komuniti keluarga yang bahagia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu juga, pengarang turut menggambarkan watak utama iaitu kanak-kanak di dalam cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang menghadapi masalah jati diri, lesu, hilang fokus dalam pelajaran, malas dan terjebak dalam aktiviti tidak sihat akibat daripada kesan sistem kekeluargaan yang longgar. Ibu bapa haruslah faham bahawa anak-anak adalah amanah daripada tuhan yang amat berharga yang diberikan kepada mereka. Hal ini kerana anak-anak adalah penyambung zuriat dan pewaris dalam sesebuah keluarga. Anak-anak juga adalah penghibur dengan helai tawa dan tangisan mereka yang sentiasa memerlukan belaian kasih sayang daripada kedua ibu bapa mereka.

Seterusnya ialah isu semasa berkait dengan isu penderaan kanak-kanak. Pada hari ini, isu penderaan kanak-kanak bolehlah dikategorikan sebagai tidak berhati perut kerana kebanyakan kes yang dilaporkannya adalah dari kalangan ibu bapa mereka sendiri. Tekanan tempat kerja, masalah kewangan, pergaduhan ibu dan bapa dan kurangnya didikan agama menjadi punca utama berlakunya penderaan kanak-kanak ini. Sebagai contoh isu semasa berkaitan penderaan kanak-kanak dilihat terkandung di dalam cerpen yang berjudul "Duka Di Hati Laila", karya Siti Aishah Asari et al., (2012). Berikut adalah contoh petikan yang menampilkan isu semasa berkait dengan isu penderaan kanak-kanak:

> "Aduh! Sakitnya... Sakit Mak Long... Sakit!" Laila meraung kuat.
>
> Raungan Laila tidak diendahkan oleh Zainab. Dia terus-menerus memukul Laila sehingga lebam-lebam badan anak kecil itu.
>
> "Hei! Lain kali kalau aku suruh buat, jangan degil! Kan dah dapat!" tengking Zainab dengan suara yang keras.
>
> (Cerpen "Duka Di Hati Laila". Hlm: 67-68)

Selain itu, isu semasa berkaitan isu pembuangan bayi masih menjadi masalah kronik di dalam negara kita. Perzinaan adalah penyumbang terbesar masalah pembuangan bayi ini yang melibatkan remaja di bawah umur ataupun mereka yang belum berkahwin. Ada di antara bayi yang mati tidak cukup bulan dengan menggugurkan kandungan malah ada yang selamat dilahirkan cukup sifat. Kebanyakan pelaku yang masih muda sudah pasti tidak dapat berbuat apa-apa dengan kelahiran bayi mereka kerana fizikal dan mental yang belum bersedia untuk menerimanya.

Akibatnya bayi dibuang terus ke dalam sungai, tong sampah, lubang najis atau di tanam untuk menutup terus bukti kelahiran tersebut. Walaupun begitu, ada juga sesetengah kes si pelaku masih mempunyai simpati dan rasa bersalah kepada bayi tersebut dengan menyelimuti bayi dengan kain, memberikan susu dan meninggalkannya di rumah kebajikan atau surau. Dahulu, pembuangan bayi ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

dilakukan atas faktor kemiskinan kerana tidak mampu membesarkan anak. Ada juga diserahkan terus kepada orang berada atau suami isteri yang tidak mempunyai anak.

Di dalam himpunan cerpen yang dikaji, pengkaji mendapati isu pembuangan bayi turut diselitkan oleh pengarang. Berikut adalah contoh isu semasa berkait dengan isu pembuangan bayi yang pengarang ketengahkan dalam cerpen "Kasihannya Fatima", karya Aimi Rahman (2014):

> Selama sebelas tahun dia tinggal di rumah anak yatim, selama itu jugalah dia tidak pernah merasakan kasih sayang seorang ibu dan ayah. Menurut cerita Puan Maisarah, ketika Fatima masih bayi, ada orang yang meninggalkannya di hadapan pintu masuk rumah anak yatim itu. Kemudian, pekerja di situlah yang telah mengambilnya untuk dipelihara di rumah itu.
>
> (Cerpen "Kasihanya Fatima". Hlm: 78)

Isu semasa seterusnya yang pernah menjadi tajuk hangat negara sekitar tahun 2013 ialah penggunaan plastik di dalam minyak masak. Tujuannya adalah untuk merangupkan makanan dan memastikan makanan tahan lebih lama. Antaranya ialah ayam goreng, pisang goreng dan sebagainya. Pengkaji mendapati pengarang telah mengetengahkan isu ini melalui cerpen "Syhh... Resepi Rahsia", karya Nur Shamsiah On (2014). Berikut adalah contoh petikan yang menampakkan isu penggunaan plastik di dalam minyak masak yang bertujuan untuk merangupkan makanan bergoreng:

> Waktu itu, Abang Joe sedang menunggu minyak di dalam kualinya menjadi panas. Apabila sudah cukup panas, Abang Joe mengambil tiga batang straw lalu mencampakkan ke dalam kuali yang berisi minyak itu. Pada mulanya, Ariani tidak percaya dengan apa yang dilihatnya. Namun, apabila ternampak Abang Joe mengacau-ngacau straw yang sudah mula cair itu dengan sebatang sudip, dia tahu bahawa perbuatan itu memang disengajakan.
>
> (Cerpen "Syyhh... Resepi Rahsia". Hlm: 25)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"Sebenarnya sebelum ini, saya pernah terdengar tentang peniaga yang melakukan hal yang sama. Memang tak sangkalah perkara tersebut benar-benar berlaku di sekolah kita.

"Tapi kenapa mereka mencampurkan plastik cair ke dalam minyak, cikgu?" tanya Ariani.

"Kami tak faham."

"Hal ni, mungkin dilakukan supaya pisang goreng dan sebagainya rangup dan tahan lebih lama," jawab Puan Natrah sambil menggeleng.

(Cerpen "Syyhh... Resepi Rahsia". Hlm: 34)

Selanjutnya, dilihat juga isu semasa yang dibangkitkan oleh pengarang dalam kumpulan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji ialah mengenai isu gagasan 1 Malaysia. Gagasan 1 Malaysia ini diperkenalkan oleh YAB Dato Seri Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 2009 yang menyokong gagasan idea satu bangsa meliputi Melayu, Cina, India dan etnik-etnik lain yang terdapat di Malaysia. Prinsip utama '1 Malaysia' ialah kekitaan dan kebersamaan sebagai satu keluarga yang besar, saling hormat-menghormati dan menerima antara satu sama lain.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sehubungan itu, pengkaji mendapati pengarang kumpulan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji telah mengambil nilai keharmonian masyarakat majmuk di negara ini sebagai inti pati utama di dalam cerpen karangan beliau yang berjudul "Kenapa 1 Malaysia?". Dalam cerpen ini, pengkaji mendapati pengarang berjaya menggunakan aspek kreativiti untuk menyampaikan isu-isu semasa bagi menarik minat pembaca. Berikut adalah antara contoh petikan yang menampilkan isu gagasan '1 Malaysia' yang terdapat dalam teks kumpulan cerpen "Ayahku Superhero", karya Fasya Farida et al., (2015):

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"Kawan pak cik pun satu Malaysia." Adib bergurau.

"Macam kita juga." Aaron menepuk bahu Adib dan ketawa.

Tangannya laju mengambil keropok yang rangup.

"Ya, satu Malaysia tu bukan wujud zaman sekarang. Satu Malaysia wujud lama dulu." Pak Ali bersuara dan memandang wajah anak-anak yang baru mahu meningkat remaja itu. Nampak polos dan naif.

"Owh. Ingatkan PM kita yang buat 1 Malaysia." Adib memberitahu. Dia selalu juga mengikut ayahnya yang arif menjadi wakil belia di kawasan kampung mereka ini.
"Kamu tahu apa maksud 1 Malaysia?" tanya Pak Ali.

"Satu hati, satu wawasan." Azrul menjawab dengan penuh semangat.

"Satu bangsa. Bangsa Malaysia. Tak ada Cina, Melayu atau India." Ramu pula menjawab dengan bangga. Duduk di kawasan kampung mereka ini memang kejiranan bercampur-campur. Namun semua hidup aman damai.

(Cerpen "Kenapa 1 Malaysia?". Hlm: 133-134)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan contoh-contoh yang diberikan di atas, maka secara tidak langsung pengarang dapat membantu membangunkan modal insan kanak-kanak yang kreatif dan inovatif, sentiasa memikirkan alternatif lain untuk menyelesaikan sesuatu masalah dan berpengetahuan tinggi berkaitan dengan isu-isu semasa. Situasi semasa di negara ini yang sentiasa mengalami perubahan dan pembaharuan, memerlukan peningkatan inovasi dan kreativiti dalam kehidupan. Menurut Baharom Mohamad (2009: 16), "...dalam dunia yang global ini, kreativiti dan inovasi dianggap bidang kemahiran dan profesion yang penting bagi mencorakkan kualiti modal insan. Modal insan yang kreatif dan berinovasi, merupakan aset penting kepada kejayaan sesebuah syarikat dan juga organisasi". Hal ini demikian kerana, seseorang itu mencuba untuk mengubah tahap pemikiran masyarakat yang mundur ke arah pemikiran yang global. Daripada itu, maka lahirlah kanak-kanak yang kreatif dan berinovasi serta berpengetahuan luas mengenai isu-isu semasa dalam negara mahupun luar negara.

Pendidikan yang utuh akan memelihara ketinggian tamadun bangsanya. Sehubungan itu, pemikiran pendidikan mempunyai kelebihannya yang tersendiri dalam menggambarkan akal budi dan jati diri orang Melayu. Di samping dapat memahami akar budaya bangsa dan jati diri dalam aspek pemikiran pendidikan, ia juga dapat membentuk masyarakat menjadi mulia dan berhemah tinggi. Menyedari kepentingan dan keperluan sistem pendidikan dalam diri seseorang, seumpama sebagai aspek jati diri yang harus dipertahankan maka, kebanyakan pengarang cerpen kanak-kanak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pilihan yang dikaji telah mengetengahkan aspek pemikiran pendidikan formal dan pendidikan tidak formal melalui karya-karya mereka. Pemikiran pendidikan ini telah diselitkan oleh kebanyakan pengarang cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 melalui kumpulan cerpen "Wajah Pada Skrin", karya Ahmad Fadzilah Muhammad (2012), kumpulan cerpen "Layang-Layang itu Menerbangkan Iman", karya Nur Aliyah Aqilah Mohd Asri et al., (2014), "Kumpulan Cerpen: Anak Kampung ke Istana Negara", karya Siti Nur Balqis Syamsul Zaidi (2014) dan kumpulan cerpen "Kek Cawan Online", karya Kamil et al., (2015) .

Pemaparan perihal pemikiran pendidikan merupakan satu kecenderungan diri pengarang apabila menulis karyanya. Aspek ini digembleng oleh pengarang dengan wawasan masa depan. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini bahawa dalam teori Pengkaedahan Melayu, karya yang diketengahkan oleh pengarang mampu membawa nilai kemanfaatan dan mengetengahkan nilai-nilai moral yang dapat menjadi prinsip yang sangat penting kepada khalayak pembaca. Dengan menekankan kepentingan memperoleh dan mendapatkan pendidikan secara formal atau pun tidak formal, cerpen kanak-kanak ini telah menyalurkan kemanfaatan dan nilai kemuafakatan kepada masyarakat.

Rentetan daripada itu, kesan daripada amalan yang berlandaskan kepada keikhlasan dalam menuntut ilmu dapat mengarah kepada sikap dan nilai kejujuran. Menurut Amir A. Rahman (1992) keikhlasan hati seseorang amat dipandang tinggi dalam agama Islam dan sentiasa dimuliakan di sisi Tuhan. Keikhlasan yang wujud dalam diri umat Islam merupakan teras kebahagiaan dan kedamaian manusia itu sendiri Amir A. Rahman (1992). Perilaku mulia ini menjadi tunjang kepada pembentukkan nilai luhur yang baik dalam kalangan masyarakat Melayu. Bagi masyarakat Melayu, keikhlasan menuntut ilmu merupakan tunjang dalam kehidupan mereka (Hashim Musa, 2008). Sehubungan itu, menerusi teori Pengkaedahan Melayu, pemikiran pendidikan ini bersesuaian dengan pendekatan moral (Hashim Awang, 2002), di mana pendekatan ini dilihat sebagai satu wadah yang berupaya memperlihatkan pelbagai ragam dan perlakuan manusia untuk dinilai aspek-aspek positif dan negatifnya sebagai perbandingan atau teladan yang baik. Pendekatan ini juga menjurus kepada persoalan-persoalan yang mengetengahkan tentang kepelbagaian ilmu dan pengetahuan. Oleh itu, pendekatan moral ini lebih menyentuh kepada segala persoalan yang berkaitan dengan penonjolan kebaikan, keburukan dan wujudnya sifat-sifat yang mulia manusia mengikut landasan agama Islam. Hal ini jelas menggambarkan di mana masyarakat Melayu sememangnya memiliki sifat kejujuran seperti mana yang dituntut dalam Islam dan hukum Allah SWT dalam menjaga perilaku daripada mengambil hak orang lain dengan kata lain tidak mengambil sesuatu miliki orang lain tanpa pengetahuan mereka.

Dalam bidang ilmu, Islam mewajibkan setiap umatnya sama ada lelaki atau perempuan menuntut ilmu dengan tidak membeza-bezakan antara yang kaya dan miskin. Banyak ayat al-Quran yang menunjukkan keutamaan dan kepentingan menuntut ilmu kerana Islam memandang tinggi orang yang berilmu pengetahuan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seperti dalam surah an-Nisa ayat:83, al-Faathir ayat:28, al-Mujadalah ayat:11, dan surah az-Zumar ayat:9. Sementara, Ghazali Darussalam (1997) menjelaskan Allah SWT akan mengangkat dan meninggikan darjat orang yang soleh dan berilmu serta meletakkan di tempat yang mulia. Sesungguhnya ilmu amat penting untuk membina generasi muda yang mantap dan berkemampuan meneruskan kehidupan yang lebih mencabar.

Penyemaian nilai-nilai murni berkait dengan kepentingan menuntut ilmu memperkukuhkan lagi hubungan sastera dengan masyarakat yang sukar dipisahkan bahkan saling lengkap-melengkapi antara satu sama lain. Melalui sastera juga pengarang secara langsung turut membantu melahirkan generasi muda atau kanak-kanak yang berjiwa murni, berakal budi dan berakhlak mulia untuk bersemangat dalam menuntut ilmu. Berdasarkan analisis ini kebolehan membuat penakulan selari dengan pendekatan moral yang menggambarkan peri pentingnya menuntut ilmu yang dapat seperti ditegaskan oleh Awang (1997: 121). Oleh itu, hasil analisis ini memberi ruang kepada golongan kanak-kanak untuk menyemai nilai-nilai mulia dan membina budaya murni sebagai panduan serta amalan dalam mengharungi realiti kehidupan yang semakin kompleks dan mencabar. Secara keseluruhannya, perkaitan antara pemikiran pendidikan dengan model keperluan kanak-kanak (janaan teori Maslow dan teori Pengkaedahan Melayu) dapat dirujuk melalui jadual 7 seperti berikut;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 7 : Perkaitan antara Pemikiran Pendidikan dengan Model keperluan kanak-kanak

Bil	Aspek Pemikiran (Pendidikan formal)	Kesan Keperluan Kanak-kanak	Teori Hierarki Keperluan Manusia
1.	Tanggungjawab pelajar mendapatkan pendidikan di sekolah/ pusat tuisyen.	Dapat memiliki kesejahteraan dalam kehidupan iaitu dapat membuat keputusan, hidup mencukupi seperti adanya pekerjaan yang bagus, berilmu dan sebagainya.	Peringkat ke-1:- Keperluan fisiologi.
Bil	Aspek Pemikiran (Pendidikan tidak formal)	Kesan Keperluan Kanak-kanak	Teori Hierarki Keperluan Manusia
1.	Pendidikan di rumah (institusi keluarga)	Mengeratkan hubungan kekeluargaan, mengeratkan lagi silaturahim antara satu sama lain dan hidup dalam kegembiraan.	Peringkat ke-3:- Keperluan kasih sayang.
2.	Pendidikan melalui media massa.	Maklumat yang diperoleh dapat merapatkan seseorang dan mendapat penghargaan seperti sanjungan, pujian daripada anggota masyarakat. Hubungan sesama masyarakat menjadi erat dan mudah untuk didekati.	Peringkat ke-4:- Keperluan penghargaan kendiri.
3.	Pendidikan isu-isu semasa.	Mendapat info atau maklumat yang sahih, benar dan tepat bagi kesejahteraan hidup yang aman dan damai.	Peringkat ke 3:- Keperluan keselamatan.
TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU – PENDEKATAN MORAL			

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.6 Pemikiran Politik

Dalam konteks kajian sastera kanak-kanak, pemikiran politik dimaksudkan dengan pemikiran yang berhubung dengan peristiwa-peristiwa serta watak dan perwatakan yang berlatar belakangkan unsur-unsur dalaman sesebuah karya. Antara unsur dalaman karya yang diteliti adalah seperti watak-watak yang berfikir dan bertindak apabila menghadapi sesuatu persoalan dalam karya. Tuntasnya, dalam kajian ini hasil analisis kajian literatur, pengkaji memfokuskan lima (5) aspek pemikiran politik yang peting iaitu aspek (i) kebijaksanaan, (ii) integriti, (iii) semangat berpasukan, (iv) patriotisme dan kepimpinan dan (v) keadilan sosial.

4.3.6 (i) Kebijaksanaan

Secara umumnya, kebijaksanaan ditakrifkan sebagai sebuah penilaian terhadap suatu pemikiran, ucapan dan perbuatan seseorang yang didasarkan pada ruang lingkup sekitarnya dengan tidak memaksakan kehendak kepada apa dan siapa pun berdasarkan etika dan hati (Yusuf Al-Qaradhawi, 2009: 79). Menurut Khairul 'Azmi Mohamad & Nooraini Othman (2009: 7) pula menyatakan bahawa kebijaksanaan ialah keupayaan pemikiran tinggi dan penuh kreatif dalam menentukan formula baharu bagi barangan ataupun bagi menyelesaikan isu yang berkaitan.

Oleh yang demikian, pengkaji mendapati pemikiran politik menerusi kebijaksanaan ini dapat dilihat menerusi watak-watak yang dipaparkan oleh pengarang dalam cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji, iaitu watak-watak tersebut digambarkan sebagai seorang yang bijak menangani permasalahan yang dihadapi oleh dirinya mahupun individu lain yang berada di sekelilingnya. Antara watak kanak-kanak digambarkan memiliki kebijaksanaan ialah watak Izyan dalam kumpulan cerpen "Kisah Si Puteri: Gaun Merah Jambu" (2012), watak Ema dalam kumpulan cerpen "Kerana Ais Krim dan Makaron" (2013), watak Delaila dalam kumpulan cerpen "Kek Cawan Online" (2015) dan lain-lain lagi.

Dalam konteks ini, aspek kebijaksanaan mampu memenuhi konsep sastera kanak-kanak. Pengkaji mendapati bahawa watak kanak-kanak seperti yang dinamakan memiliki pemikiran politik iaitu dari aspek kebijaksanaan. Bahkan, pengkaji mendapati bahawa beberapa orang pengarang dalam kumpulan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji telah berjaya memaparkan watak kanak-kanak yang berusaha ke arah kecemerlangan diri dalam bidang keintelektualan. Antara cerpen yang memaparkan kebijaksanaan secara jelas ialah menerusi watak Izyan dalam cerpen "Puteri Dian Adelia", karya Natasha Effyzal et al., (2013).

Di sini, pengkaji mendapati bahawa pengarang cerpen ini telah berjaya memaparkan watak Izyan yang mempunyai ciri-ciri kepimpinan dalam kalangan kanak-kanak. Ciri-ciri kepimpinan yang digambarkan ini ialah kebijaksanaan watak kanak-kanak yang dapat menyelesaikan konflik hidup yang dihadapi, terutama dalam aspek menuntut

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

ilmu dan membantu keluarga. Contoh petikan yang menggambarkan watak Izyan yang mementingkan kebijaksanaan dalam kehidupannya adalah seperti berikut;

> Puteri D tersentak. Hari itu, Izyan berkongsi ceritanya. Barulah Puteri D tahu yang Izyan anak yatim. Dia merupakan anak sulung daripada empat beradik. Dua orang adik lelaki dan seorang adik perempuan. Ayahnya meninggal dunia tiga tahun lalu akibat kemalangan jalan raya. Ibunya menjual kuih dan mengemas rumah orang bagi menampung kehidupan mereka sekeluarga...
>
> Mata Izyan bertakung, menahan air mata daripada gugur. "Saya bukannya mahukan simpati awak. Saya beritahu kerana saya harap awak tahu keadaan sebenar. Saya faham niat baik awak, tetapi saya tidak selesa 'bermewah' dengan awak. Jadi, saya tidak dapat habiskan masa dengan awak di istana. Cukuplah hanya di sekolah, ya?"
>
> (Cerpen "Puteri Dian Adelia". Hlm: 62-63)

Menerusi contoh di atas, ciri-ciri kepimpinan yang ada pada watak Izyan telah dijelaskan oleh pengarang. Watak Izyan dalam cerpen ini sebagai seorang yang memiliki kebijaksanaan bagi menyelesaikan sesuatu perkara. Hal ini selari dengan kenyataan Mohd Yusof Hasan (2012: 30-31) yang menyatakan bahawa aspek kebijaksanan dalam sesebuah karya dilihat dengan menampilkan watak-watak yang cemerlang, bijaksana, bestari dan hebat dalam menyelesaikan permasalahan yang dihadapi. Perwatakan tokoh- tokoh juga dilihat ceria, positif, kreatif dan soleh. Selain pemaparan watak Izyan yang bijaksana dalam cerpen "Puteri Dian Adela" (2012), terdapat tiga lagi cerpen yang menampilkan watak yang mempunyai kebijaksanaan iaitu cerpen "Ketupat Baju Melayu" (2012), cerpen "Puteri Qaira" (2012), "Anak Kampung Ke Istana Negara" (2014), "Sang Kelangi yang Berani" (2014) dan sebagainya (boleh dilihat di bahagian lampiran).

Merujuk teori Maslow, pemikiran politik berkaitan dengan kebijaksanaan merupakan salah satu daripada keperluan keselamatan kanak-kanak. Kanak-kanak yang bijaksana akan dapat melindungi diri mereka daripada aspek fizikal yang hadir sama ada dalam bentuk ancaman, baik secara lisan mahupun bertulis untuk menyakiti tubuh fizikal kanak-kanak yang terdapat dalam watak. Hal ini disokong oleh pernyataan Maslow yang mengatakan bahawa kanak-kanak sebagai individu yang normal, yang menginginkan keberadaan dalam persekitaran yang stabil, konsisten dan selamat (Maslow, 1970: 69).

Dalam 130 buah kumpulan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji ini, pengkaji mendapati pemikiran politik berkait dengan aspek kebijaksanaan dapat memenuhi keperluan keselamatan fizikal kanak-kanak. Hal ini kerana, sekiranya

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kanak-kanak memiliki kebijaksanaan dalam diri mereka, maka segala masalah berkaitan dengan keselamatan fizikal ini dapat diatasi. Misalnya, kesemua watak kanak-kanak yang memiliki aspek kebijaksanaan yang dipaparkan oleh pengarang menerusi pemikiran politik ini telah berjaya memenuhi keperluan keselamatan dari aspek fizikal seperti persekitaran yang aman, bebas daripada huru-hara, bebas daripada penyakit, jauh dari pergaduhan dan tidak mengalami sebarang kecederaan amat diperlukan bagi seseorang kanak-kanak sepanjang melalui proses ke alam dewasa. Hal ini disokong oleh Maslow (1970: 36) dengan mengatakan bahawa sebagai individu yang normal, mereka ingin sentiasa berada dalam suasana atau persekitaran yang stabil, konsisten dan selamat.

4.3.6 (ii) Integriti

Integriti sebenarnya berasal daripada istilah bahasa Inggeris yang membawa maksud keutuhan dari semua segi yang baik. Dalam konteks bahasa Melayu, biasanya menjurus ke arah perwatakan seseorang. Maksudnya, integriti mengikut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2010: 119) ialah kejujuran dan ketulusan; kesempurnaan; keutuhan. Daripada maksud yang didapati dari kamus di atas, integriti ialah sifat jati diri yang merangkumi juga keikhlasan, keterbukaan, ketelusan, amanah, benar, berpegang kepada prinsip, tidak mudah dipengaruhi, boleh pegang cakapnya. Integriti ialah satu bentuk pernyataan tingkah laku individu yang agak kompleks untuk dihuraikan. Integriti dalam kajian ini merujuk kepada integriti yang sepatutnya ada dalam diri seseorang kanak-kanak. Nilai integriti ini merangkumi pengetahuan, kesedaran, penghayatan dan pegangan teguh yang bersifat konsisten dalam setiap tindakan bagi mencapai kecemerlangan diri dan organisasi.

Bagi Yusof Pon & Zaheruddin Othman (2010: 2), integriti bermaksud kualiti unggul yang wujud di kalangan individu dan kualiti ini berteraskan kepada prinsip berpegang teguh kepada kejujuran dan amalan bermoral tinggi. Di peringkat individu, integriti ialah keselarasan antara perkara yang dikatakan dengan perkara yang dilakukan; keselarasan antara tindakan dengan prinsip moral, etika dan undang-undang; serta keselarasan antara kepentingan diri dengan kepentingan umum. Selain itu, integriti didefinisikan juga sebagai keikhlasan, ketelusan, amanah, benar dan berpegang kepada prinsip. Oleh itu, sebarang usaha bagi meningkatkan integriti akan menjurus kepada melahirkan insan yang jujur, beretika serta memiliki nilai-nilai keagamaan dan kerohanian yang kukuh (Mohd Nizam Mohd Ali et al., 2007: 9). Kemudiannya, Sulaiman Mahboob (2006: 5) menyatakan bahawa "integriti adalah kewibawaan dan boleh ditakrifkan sebagai keutuhan. Sebenarnya, integriti itu ialah keseluruhan pembawaan kita dari segi peribadi, tutur kata dan sopan santun".

Seterusnya, pemikiran politik berkait dengan integriti turut merangkumi keupayaan seseorang untuk memupuk sikap budaya positif di dalam dirinya. Menurut Mohd Yusof Hasan (2007: 91), dalam menghadapi dunia yang penuh cabaran dalam kehidupan sekarang, setiap masyarakat perlu memupuk budaya baru yang positif dan dinamik. Perkara yang perlu dilakukan ialah 'Bina Budaya Baik' dan 'Banteras

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Budaya Buruk'. Dalam dunia yang cukup mencabar, setiap individu perlu mengubah sikap, lari daripada kebiasaan dan mesti berhijrah kepada sesuatu yang lebih baik. Nilai-nilai baharu yang positif perlu segera menggantikan tabiat-tabiat lama yang negatif.

Dalam buku *Dasar Pendidikan Kebangsaan (Edisi Ketiga)* (2012), menerangkan bahawa integriti ialah seseorang yang mempunyai daya intelek yang tinggi sudah pasti berjaya memupuk budaya positif dan ingin segera mengubah citra negatif kepada yang lebih positif. Sikap ingin berubah ini turut dimiliki oleh beberapa watak dalam kumpulan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji. Hal ini dapat dilihat melalui penghijrahan watak dan perwatakan yang digambarkan sepanjang plot penceritaan dalam cerpen-cerpen terbabit. Antara contohnya ialah menerusi cerpen "Makaron", karya Nur Shamsiah On (2014). Dalam cerpen ini, pemikiran politik yang dapat pengkaji kenal pasti ialah melalui watak Ema. Walaupun pada sepanjang plot penceritaan, watak Ema diwarnai dengan citra negatif dalam dirinya serta membuatkan ketidakpuasan hati kawan-kawannya terhadap perangai buruknya itu di awal-awal penceritaan. Namun watak Ema akhirnya kembali kepada memperagakan nilai yang positif dalam dirinya setelah beliau insaf dengan perkara yang telah dilakukannya sebelum ini terhadap kawan-kawannya. Misalnya, sikap ingin berubah daripada membuat keburukan kepada kebaikan dapat dikenal pasti menerusi watak Ema iaitu seperti dalam petikan di bawah;

> Sikap Ema memang begitu. Selain tamak dan kedekut, Ema suka menunjuk-nunjuk! Pernah sekali mommynya membeli sedozen kek cawan untuk dibawa ke sekolah dan berkongsi bersama rakan-rakannya. Kek cawan itu cantik dan sedap. Mereka yang melihat pasti akan terliur. Namun, apabila tiba waktu rehat, dia menghabiskan semua kek cawan tersebut tanpa mempelawa mereka! Begitu buruk sekali perangai Ema!
>
> "Ribut tak ada, taufan tak ada. Tiba-tiba je awak nak kongsi makaron dengan kami. Mmm... Ada apa-apa ke ini?"
>
> (Cerpen "Makaron". Hlm: 43 & 53)

Berdasarkan contoh petikan di atas, perkara yang ingin dibicarakan di sini ialah bukannya sisi negatif watak Ema tetapi sikap positifnya yang dapat menerima kritikan dan pandangan orang lain bagi menambah baik peribadi dan tindakannya. Dalam cerpen ini, watak Ema telah menerima pandangan dan kritikan daripada kawan-kawaanya tanpa bersikap prejudis dan dengan berlapang dada beliau menerima pandangan tersebut. Oleh sebab itu, Ema mula bermuhasabah dan mengakui kekurangan yang terdapat dalam dirinya supaya dapat dipulihkannya demi kebaikan dirinya sendiri. Dia akhirnya bertekad untuk berubah diri dengan tidak menjadi orang yang tamak lagi seperti sikapnya yang terdahulu. Bak kata peribahasa Melayu "orang tamak selalu rugi, bagai anjing dengan bayang-bayang'.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Tuntasnya, sikap ini akhirnya membawa kepada kerugian dalam diri seseorang. Malah, jika seseorang itu bersikap pemurah maka beliau mempunyai akhlak yang baik, iaitu sanggup berkongsi sesuatu dengan orang lain, sanggup membantu ketika kesusahan dan sebagainya. Sikap yang baik iaitu pemurah yang berlawanan dengan sikap tamak tadi, akan melahirkan kanak-kanak yang bertanggungjawab dan berketerampilan selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang mahu melahirkan individu yang bertanggungjawab bukan sahaja kepada diri sendiri tetapi juga kepada masyarakat dan negara. Melalui contoh watak Ema dalam cerpen yang dinyatakan ini maka kanak-kanak memperoleh pendedahan dan pengajaran yang berguna bahawa setiap kanak-kanak haruslah menonjolkan sikap yang baik dan tidak boleh bersikap tamak dalam diri kerana ia akan membawa keburukan dalam kehidupan seseorang.

Selanjutnya, pengkaji mendapati aspek integriti yang berkait dengan akhlak yang mulia yang ditampilkan menerusi watak Delaila dalam cerpen "Delaila", karya Kamil et al., (2015). Misalnya, watak Delaila digambarkan sebagai seorang kanak-kanak yang amat berakhlak mulia iaitu melibatkan dari segi pertuturan dan kelakuan yang sopan. Dalam cerpen ini, persoalan yang diutarakan oleh pengarang berkaitan dengan nasihat supaya manusia dapat menjaga pertuturan dan tingkah laku. Persoalan ini sangat berkait rapat dengan akhlak seseorang. Malah, semua tingkah laku dan pertuturan yang sopan akan membentuk keperibadian yang baik kepada seseorang individu. Oleh itu, melalui keterampilan diri dari segi menjaga tingkah laku dan pertuturan akan wujud dan lahirnya insan yang seimbang dan harmonis, merujuk kepada manusia yang ada sifat ketenangan, kesejahteraan jiwa dan kesedaran terhadap tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya. Contoh akhlak mulia dari segi pertuturan dan kelakuan yang sopan dalam diri Delaila dapat diperhatikan menerusi petikan di bawah:

> "Kadir, jawapan awak salah, pecahan empat per lapan sama dengan satu per dua." Delaila cuba berbisik kepada Kadir.
>
> "Hei! Si Comot, jawapan saya betullah!" bentak Kadir. Dia menarik bukunya ke tepi. Suara Kadir yang agak kuat menyebabkan murid-murid lain memandang ke arah mereka. Delaila tergaman, dia menundukkan muka. Terasa malu apabila dipanggil Si Comot oleh Kadir. Bibirnya dikemam-kemam menahan kesedihan. Dia membuka buku dan berpura-pura membaca untuk membuang rasa malu.
>
> (Cerpen "Delaila". Hlm: 66-67)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"Tolong... kaki saya sakit..."

"Sabar Kadir, saya tolong awak," Delaila mencari kayu atau sesuatu yang boleh digunakan menarik Kadir keluar.
Delaila meletakkan beg sandangnya. Ketika itu dia terlihat tali begnya. Delaila cepat-cepat menanggalkan tali beg itu lalu dihulurkan ke dalam parit. Kadir cuba menyambut, tetapi tidak sampai. Delaila merebahkan badan di atas tanah, tali dihulurkan lagi sehingga Kadir dapat menyambutnya.

"Awak tunggu sini, saya nak balik ke rumah. Nanti saya minta tolong jiran bawa awak ke klinik." Delaila bingkas bangun.

(Cerpen "Delaila". Hlm: 68-69)

Berdasarkan petikan yang dinyatakan itu, dapat diperlihatkan betapa mulianya akhlak Delaila dengan menjaga tutur katanya ketika bercakap dan mengawal sikap di hadapan kawan-kawannya terutama Kadir. Hal ini dilihat berbeza dengan watak dan perwatakan Kadir yang menunjukkan keperibadian yang tidak baik iaitu bersikap kasar, angkuh dan sering memperli dan mengejek Delaila dengan panggilan Si Comot. Selain itu, akhlak mulia yang digambarkan pada watak Delaila turut mencakupi tutur kata yang sopan seperti tidak menyinggung hati dan perasaan orang lain, belajar menghormati, merendah diri, sabar, tabah, mesra dan sebagainya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Sehubungan dengan itu, aspek ini sangat berkait rapat dengan akhlak seseorang individu. Bagi kanak-kanak, mereka hendaklah menjaga pertuturan supaya tidak menyakiti hati orang lain. Maksudnya di sini, kanak-kanak dinasihatkan agar tidak bersikap sombong, riak dan dengki dengan orang lain. Oleh itu, semua tingkah laku dan pertuturan yang sopan akan membentuk peribadi yang baik. Jelaslah di sini, pemikiran politik iaitu melalui aspek integriti dapat dicapai dalam melahirkan insan yang seimbang, harmonis, merujuk kepada manusia yang ada sifat ketenangan, kesejahteraan jiwa dan kesedaran terhadap tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya. Malah, pertuturan yang baik perlu diucapkan kepada semua tanpa mengira usia, pangkat dan darjat.

Seperti yang diketahui, usaha untuk menjadi manusia yang seimbang (teragung) adalah untuk mencapai tahap kesempurnaan kendiri. Menurut Maslow, (1970: 28), penghakikian diri (kesempurnaan kendiri) adalah satu peringkat tertinggi dan teratas dalam hierarki keperluan dan kehendak manusia. Manusia ataupun individu perlu memuaskan keperluan pada peringkat bawah sebelum sampai ke tahap ini. Untuk mencapai tahap ini, seseorang haruslah mempunyai segala yang diperlukan dalam hidup mereka. Walau seberapa sempurnanya manusia, setiap manusia pastinya mempunyai kekurangan serta kelebihan mereka yang tersendiri. Tidak ada seorang pun manusia di dalam dunia ini dapat mencapai tahap sempurna, apatah lagi bagi seorang kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menerusi pengkajian kumpulan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015, pengkaji mendapati bahawa pemaparan dunia kanak-kanak dalam karya cerpen kanak-kanak tidak sepenuhnya mencapai tahap kesempurnaan kendiri. Kanak-kanak dalam kajian ini hanya mampu mencapai tahap penghargaan kendiri sahaja. Walau bagaimanapun Maslow berpendapat bahawa individu yang sempurna tidak semestinya melengkapi semua faktor keperluan dan kehendak manusia. Hal ini kerana kesempurnaan kendiri berbeza bagi setiap individu. Seandainya semua ciri-ciri yang dinyatakan dapat dipenuhi oleh seseorang individu, maka individu itu akan mencapai tahap sebagai individu unggul.

Malah, Murray (1938: 67) mentakrifkan bahawa pencapaian ini sebagai satu keinginan atau kecenderungan untuk mengatasi halangan, bersikap tegas, serta menggunakan kuasa untuk cuba melakukan sesuatu yang sukar dengan seberapa segera dan seberapa baik. Melalui analisis yang telah dibincangkan, jelaslah menunjukkan bahawa dunia kanak-kanak merupakan suatu kehidupan yang akan dapat memberi pengajaran kepada kanak-kanak lain yang membaca karya cerpen ini. Dengan dunia yang dialami oleh kanak-kanak, sekali gus berkait rapat dengan tingkah laku kanak- kanak itu sendiri.

4.3.6 (iii) Semangat Berpasukan

Pembentukan semangat berpasukan penting kepada sesebuah masyarakat. Hal ini kerana semangat berpasukan akan mendorong masyarakat melaksanakan tugas secara berpasukan dan bekerjasama. Menurut Abd Rahim Abd Rashid (2001: 105), menyatakan bahawa semangat berpasukan atau kerjasama dalam semua bidang perlu dipertingkatkan bagi mengatasi dan menangani pelbagai masalah yang dihadapi oleh masyarakat. Bagi Yusri Sahat & Mohd.Fairuz Yusof, (2010: 18) menerangkan bahawa kesepakatan merujuk kepada beberapa individu yang berusaha untuk mencapai kata sepakat dalam menentukan matlamat yang hendak dicapai dan melaksanakannya sehingga berjaya serta dapat mempamerkan hasil yang nyata.

Seterusnya, semangat berpasukan dan kesepakatan dikatakan sebagai kemahuan untuk melakukan sesuatu secara berkumpulan. Dalam sistem pendidikan, semangat berpasukan/kesepakatan juga dapat dipupuk dalam kalangan murid-murid kerana semangat ini dapat disemai apabila murid-murid melakukan sesuatu kerja secara berkumpulan. Melalui aktiviti berkumpulan ini, secara tidak langsung murid akan menunjukkan nilai saling bantu-membantu dan bekerjasama antara satu sama lain (Yusri Sahat & Mohd.Fairuz Yusof, 2010: 16). Selain itu, semangat berpasukan amat dituntut dalam aspek pembahagian tugas yang adil, bekerjasama dalam melaksanakan tugasan dan bekerjasama dalam menyelesaikan masalah. Maksudnya di sini, setiap ahli dalam pasukan atau sesebuah organisasi mesti mempunyai semangat ingin berjaya. Oleh itu, mereka harus mempunyai keterbukaan fikiran iaitu dapat memberi dan menerima pendapat, teguran dan pandangan rakan sepasukan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Nilai kesepakatan atau muafakat menjadi asas kekuatan kelompok, organisasi, masyarakat dan negara. Bermuafakat ialah perkara yang sinonim dengan kehidupan seharian terutama bagi masyarakat Melayu. Contoh semangat berpasukan yang dapat dilihat pada hari ini dalam kalangan masyarakat Melayu ialah kesepakatan untuk bergotong-royong, kenduri dan sebagainya. Secara tidak langsung, nilai bermuafakat ini dapat merapatkan dan mengeratkan lagi hubungan masyarakat Melayu dalam menjalankan kehidupan harian.

Pada hari ini, nilai ini jelas diperlihat dalam cerita teladan terutama dalam cerita kanak- kanak. Cerita kanak-kanak bukanlah hanya cerita rekaan dan hiburan semata-mata tetapi cerita ini mampu membentuk keperibadian moral kanak-kanak kerana jiwa kanak-kanak lebih mudah dibentuk sahsiahnya berbanding orang dewasa dan seusia ini juga mereka dapat mengetahui baik dan buruknya sesuatu perkara. Hal ini jelas dikemukakan dalam beberapa buah cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji. Antaranya ialah melalui contoh petikan dalam cerpen "Jersi Syawal Untuk Ramadan", karya Aimi Rahman (2014) seperti berikut:

> Bagi Sekolah Kebangsaan Sri Skudai, tidak disangka lagi bahawa Syawal merupakan ayam tambatan dalam pasukan mereka. Sebagai pemain yang berbakat, ternyata Syawal bijak mengatur strategi baik daripada hantaran, sehinggalah serangan untuk membolosi gawang lawan. Ketangkasannya juga telah memberikan semangat kepada ahli-ahli sepasukan. Kerjasama antara ahli dilihat begitu baik sehinggakan pihak lawan sukar untuk memecah benteng pertahanan pasukan Sekolah Kebangsaan Sri Skudai.
>
> (Cerpen "Jersi Syawal Untuk Ramadan". Hlm: 67)

Daripada contoh petikan yang dikemukakan di atas, terbukti menggambarkan keadaan masyarakat iaitu penduduk kampung, guru, kanak-kanak sedang bermuafakat untuk mencapai sesuatu matlamat yang diingini oleh mereka. Melihat kepada keadaan tersebut, semangat berpasukan ini merupakan tindakan yang bijak bagi menyelesaikan sesuatu masalah melalui berbincang dengan pihak yang dapat membantu menyelesaikan masalah tersebut. Semangat berpasukan yang dikemukakan ini sebenarnya dapat dilihat apabila mereka bersetuju dan dapat menerima pendapat, teguran dan nasihat untuk membolehkan mereka semua berjaya mengatasi matlamat atau masalah yang hendak diselesaikan. Seterusnya, aspek semangat berpasukan dapat dilihat dalam cerpen "Aum! Harimau Mengaum!", karya Wafa Arissa et al., (2013) seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

'Benar katamu kawanku Matahari.'

'Dan kita mesti selalu sepakat. Kita telah diberi tugas masing-masing. Bekerja secara berpasukan ini penting kerana ia boleh membawa kejayaan yang lebih baik,' kata Matahari.
Sejak itu Angin tidak mahu sombong lagi.

(Cerpen "Aum! Harimau Mengaum!". Hlm: 83)

Penerapan aspek semangat berpasukan dalam cerpen kanak-kanak merupakan perkara penting bagi mendedahkan kepada masyarakat bahawa bermuafakat itu penting terutama bagi golongan kanak-kanak kerana mereka mudah terpengaruh budaya luar yang meresap dalam diri mereka. Menjurus kepada permasalahan ini, dapat dikatakan bahawa cerpen kanak-kanak juga memainkan peranan penting dalam memupuk nilai-nilai murni kepada golongan kanak-kanak kerana usia seawal mereka perlu diberi perhatian yang sewajarnya terutama membentuk keperibadian seseorang kanak-kanak tersebut. Hal ini berpandukan pendekatan masyarakat dan pendekatan pemikiran politik maka, ilham pengarang melalui pengalaman-pengalaman tersebut, melahirkan satu persoalan yang membawa kepada pengajaran yang dapat memberi manfaat yang berguna kepada para pembaca khasnya kanak-kanak. Melalui pendekatan ini, karya sastera dihasilkan bukan sahaja sebagai hiburan, malah menjadi satu alat atau pemangkin dalam membentuk bangsa yang berilmu dan berintelektual.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.6 (iv) Patriotisme dan Kepimpinan

Patriotisme berasal dari perkataan Greek merupakan perasaan bangga dan cinta kepada negara serta kesediaan untuk berkorban apa saja demi kepentingan negara Berns, (1997: 32). Patriotisme juga boleh ditakrifkan sebagai keterjunan ahli kumpulan terhadap kumpulan mereka dan tanah tumpah mereka bermastautin (Bar-Tal & Staub, 1997: 9). Nilai-nilai patriotisme termasuklah elemen-elemen kesetiaan, keberanian, rela berkorban, kesukarelaan, cintakan bangsa dan negara (Abd Rahim Abd Rashid, 2001: 19). Seseorang itu dapat dianggap sebagai berjiwa patriot (pejuang) apabila kepercayaan, amalan dan tindakannya menepati ciri-ciri berteraskan kecintaan dan kesetiaan kepada negara (Nik Anuar Nik Mahmud, 2002: 5)

Patriotisme juga membawa erti fahaman atau pegangan serta kepercayaan yang menggabungkan individu, kelompok dan wilayah di mana kelompok tersebut menghuni. Ianya juga melibatkan slogan dan simbol yang mencetuskan pengaruh yang kuat terhadap tingkah laku manusia. Sikap ini sering kali dikaitkan dengan kesetiaan dan kecintaan seseorang terhadap negaranya sendiri. Seseorang itu dianggap patriot apabila tindakan dan amalannya menepati ciri-ciri patriotisme yang berteraskan kecintaan dan kesetiaan kepada negara (Nordin Kardi, 2003: 11).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Manakala Totten B, (1998: 4) menjelaskan patriotisme bermaksud semangat cinta akan negara. Menurut beliau, tidak ada bangsa, keluarga, pasukan dan kumpulan dalam apa bentuk pun boleh berfungsi dengan baik melainkan semua ahli cintakan negara. Bagi Doob (1964: 23), beliau menjelaskan patriotisme itu ialah *'as the more or less conscious conviction of a person that his own welfare and that of the significant groups to which he belongs are dependent upon the preservation or expansion (or both) of the power and culture of his society'.*

Patriotisme sering dikaitkan dengan kesetiaan dan kecintaan terhadap negara sendiri. Seseorang itu dianggap berjiwa patriot apabila kepercayaan, amalan dan tindakannya menepati ciri-ciri patriotisme yang berteraskan kecintaan dan kesetiaan kepada negara (Nik Anuar Nik Mahmud, 2002: 11). Namun, dari tahun 2012 sehingga 2015 ini, semangat patriotisme dan kepimpinan kelihatan agak longgar dalam kalangan masyarakat khususnya di kalangan kanak-kanak. Semangat yang longgar ini ditandai dengan kurangnya penglibatan pelajar dalam pasukan beruniform, sambutan bulan kemerdekaan yang agak hambar, penglibatan dalam jenayah dan isu-isu yang menyentuh kedaulatan negara dianggap terpencil dan remeh seperti isu Pulau Batu Putih dan penambakan laut oleh negara jiran (Affifuddin Omar, 2002: 9). Situasi ini menunjukkan bahawa kanak-kanak tidak memahami nilai-nilai patriotisme dan menghayatinya. Maka, terdapat beberapa contoh pemikiran politik berkaitan dengan perihal patriotisme dan kepimpinan turut ditampilkan dalam teks kumpulan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Daripada 130 buah cerpen yang dikaji, pengkaji mendapati sebanyak 9 buah cerpen yang dominan memaparkan perihal patriotisme dan kepimpinan. Antaranya ialah dari cerpen "Kenapa 1 Malaysia", karya Fasya Farida et al., (2015) melalui watak Azrul dan rakan- rakannya yang jelas memaparkan semangat ini. Berikut ialah contoh petikan yang memperlihat perihal patriotisme dan kepimpinan yang dipaparkan dalam diri kanak- kanak seperti watak Azrul dan kawan-kawannya:

> "Kamu tahu apa maksud 1 Malaysia?" tanya Pak Ali .
> "Satu hati, satu wawasan." Azrul menjawab dengan penuh semangat.
>
> "Satu bangsa. Bangsa Malaysia. Tak ada Cina, Melayu atau India." Rama pula menjawab dengan bangga. Duduk di kawasan kampung mereka ini memang kejiranan bercampur- campur. Namun semua hidup aman damai.
>
> (Cerpen "Kenapa 1 Malaysia". Hlm: 138)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

"Kita mesti jadi rakyat yang sihat, bijak dan kuat mindanya." Aaron berdeham dan semua mata memandang ke arahnya.

"Kenapa 1 Malaysia? Kenapa bukan dua? Tiga?" Aaron bertanya.

"Sebab kalau ada banyak, nanti jadi pening nak kira." Adib membalas lalu ketawa. Terasa kelakar dengan jawapannya. Namun Ramu menolak bahunya dan apabila sedar Pak Ali sedang memandangnya sambil mengusap misai yang tebal itu, Adib terasa seram pula.

"Betul. Banyak orang, banyak kisah. Kita kena bersatu hati tanpa kira bangsa. Tolong-menolong tanpa kira warna kulit sebab kita nak aman damai. Betul?" tanya Pak Ali.

"Betul!" Keempat-empatnya menjawab dengan sepenuh hati dan sebulat suara.

(Cerpen "Kenapa 1 Malaysia". Hlm: 139)

Melalui pemaparan petikan, dengan jelas bahawa pengarang menegaskan perihal patriotisme dan kepimpinan yang terdapat dalam diri Aizul dan rakan-rakannya. Pengarang cuba mengetengahkan gaya dan nilai patriotisme dan kepimpinan yang tersendiri. Jika setiap kanak-kanak seperti watak Aizul dan rakan-rakannya mengamalkan ciri-ciri patriotisme dan kepimpinan yang murni dengan teratur serta mengikut lunas-lunas yang ditetapkan akan membantu meningkatkan sosial masyarakat secara menyeluruh. Biasanya pemimpin yang jujur, amanah, adil dan mempunyai ciri- ciri kepimpinan dan nilai patriotisme yang tinggi akan diterima oleh masyarakatnya, tetapi jika bersikap sebaliknya berkemungkinan akan ditolak oleh kumpulan atau kelompoknya. Oleh itu, perihal patriotisme dan kepimpinan ini membolehkan seseorang itu memujuk dan mengajak orang lain secara bijaksana dan berhemah, menyatupadukan ahli dalam kumpulan, memotivasikan, merangsang serta menggerakkan masyarakat untuk mencapai matlamat organisasi, masyarakat dan negara.

Selain itu, dipaparkan juga watak ibu bapa yang amat menitikberatkan anak-anak mereka untuk menerapkan semangat patriotisme dan kepimpinan ke dalam diri masing- masing. Dalam institusi kekeluargaan, selaras dengan ajaran agama Islam sebagai teras sistem nilainya, kita amat disarankan untuk mencintai dan menghormati tanah air dan semua masyarakat yang ada kerana ini juga merupakan tuntutan bagi agama kita. Sebaliknya, interaksi dalam masyarakat yang tidak berasaskan nilai menghormati akan mewujudkan suasana yang kucar-kacir dan pincang. Selain itu, masing-masing akan bertindak sesuka hati tanpa memikirkan perasaan orang lain. Hal ini jelas tergambar menerusi dialog-dialog dalam cerpen "Suara Hati Ayah", karya Ahmad Fadzilah Muhammad (2012) seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> "Ayah mahu Iman, Adil dan Narimah menjadi anak-anak yang baik. Harta kita adalah budi bahasa. Hormati orang yang lebih tua dan sayangilah tanah air kita. Jaga tingkah laku dan jangan lukai hati ayah dan ibu. "Kata-kata ini sebenarnya terlalu biasa buat kami...
>
> "...Iman dah rajin baca buku Inggeris. Baguslah, kuasai bahasa Inggeris sebaik-baiknya tapi jangan lupa bahasa ibunda kita. Setiap negara tidak pernah bangga dengan apa yang mereka miliki selain bahasa mereka.
>
> Agak lama juga ayah menekuni sastera Inggeris. Namun ayah akhirnya bangga dengan bahasa ibunda kita, bahasa Melayu.
>
> (Cerpen "Suara Hati Ayah". Hlm: 121-122)

Seterusnya, dalam teks kumpulan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 terdapat juga beberapa watak kanak-kanak yang menggambarkan patriotisme dan kepimpinan yang sangat menebal dalam diri mereka. Malah, watak kanak-kanak ini dilihat lebih mencintai tanah air sehingga boleh menasihati dan menyedarkan ahli keluarganya berkaitan dengan patriotisme ini. Hal ini dapat dilihat melalui petikan dialog antara watak Zaid dan rakan-rakannya serta pesanan Zaid kepada ahli keluarganya dalam cerpen "Cinta Anak Watan", karya Kamil et al., (2015) seperti berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> "Kita mesti mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara kita ini. Jangan biarkan pihak musuh bertapak lagi di bumi ini," kata Zaid. Bersemangat.
>
> "Memang benar kata-kata awak tu. Kita mesti bersatu padu mempertahankan negara yang kita cintai ini," kata Amin.
>
> Zaid, Ravi dan Ah Yee hanya mengangguk. Mereka bersetuju dengan kata-kata Amin. Keempat-empat orang sahabat itu saling berpegangan tangan tanda bersatu hati mempertahankan kemakmuran dan keamanan bumi yang bertuah ini.
>
> (Cerpen "Cinta Anak Watan". Hlm: 137)

Dalam kehidupan bermasyarakat, perihal patriotisme dan kepimpinan ini adalah sangat penting bagi mewujudkan keharmonian dan perpaduan anggotanya. Perihal kepimpinan misalnya dalam masyarakat terjadi apabila anggota-anggotanya mendukung nilai yang sama. Saling memahami perasaan antara satu sama lain, bertolak ansur dan boleh menerima pendapat atau pandangan orang lain adalah ciri-ciri yang boleh membawa kepada persepakatan dalam masyarakat. Semakin tinggi persepakatan ini maka semakin eratlah perpaduan dan keharmonian dalam sesebuah masyarakat itu. Sebaliknya, sekiranya masyarakat yang tidak diasaskan oleh nilai

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kepimpinan dalam kalangan mereka iaitu mempunyai ikatan yang longgar maka membawa kepada pergeseran dan perpecahan. Penegasan terhadap perihal ini dapat disaksikan melalui petikan peristiwa seperti berikut;

> Bagi Sekolah Kebangsaan Sri Skudai, tidak disangkal lagi bahawa Syawal merupakan ayam tambatan dalam pasukan mereka. Sebagai pemain yang berbakat, ternyata Syawal bijak mengatur strategi baik daripada hantaran, sehinggalah serangan untuk membolosi gawang lawan. Ketangkasannya juga telah memberikan semangat kepada ahli-ahli sepasukannya.
>
> (Cerpen "Jersi Syawal Untuk Ramadan", 2014: 67)

Selain itu, perundingan dalam perihal kepimpinan juga asas yang penting bagi mencapai sesuatu persepakatan. Dalam perundingan itu, semua fikiran diambil kira sebelum sebarang keputusan atau tindakan yang akan dibuat atau bagi menyelesaikan sesuatu permasalahan. Dengan yang demikian, segala perbezaan pendapat atau perasaan tidak puas hati akan cuba diselesaikan melalui perbincangan di antara mereka. Unsur-unsur seperti ini akan dapat mengukuhkan perpaduan dalam masyarakat dan anggota masyarakat akan berasa diri mereka diperlukan dan dihargai.

Dalam 130 buah kumpulan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji, terdapat beberapa cerita yang memaparkan perihal kepimpinan iaitu dengan menekankan agar kanak-kanak mengamalkan amalan bersepakat supaya kehidupan yang harmoni dapat dikekalkan dalam kelompok kehidupan bermasyarakat. Hal ini turut terapat dalam cerpen "Suara Hati Ayah" (2012), "Impian Aimi" (2013), "Jersi Syawal Untuk Ramadan" (2013), "Kemenangan Milik Kita" (2014), "Cinta Anak Watan" (2015) dan lain- lain lagi.

Secara rumusannya, perihal patriotisme dan kepimpinan perlu disemarakkan dalam kalangan rakyat Malaysia khususnya kanak-kanak. Sebagai sebuah negara berbilang bangsa, maka tanggungjawab mempertahankan negara perlu dipikul oleh semua rakyat. Patriotisme dan kepimpinan perlu dihayati kerana menjadi teras kepada pertahanan negara. Oleh itu, kita perlu suburkan kembali jiwa patriotik yang sebenarnya. Dengan nikmat kemerdekaan yang dikecapi kini, kita perlu bergerak maju dan pada masa yang sama menghapuskan saki-baki penjajah yang masih lagi bersarang dalam jiwa masyarakat.

Hal ini bertepatan dengan pendapat Wan Zahid Wan Nordin (1993: 19) yang mengatakan bahawa bangsa dan negara yang kuat serta mulia tidak hanya bergantung kepada kekuatan fizikalnya yang bercorak kebendaan dan teknologi. Maka negara harus membina kekuatan di atas asas budaya, ilmu pengetahuan, akhlak mulia, keyakinan diri yang teguh, semangat tanggungjawab dan pengorbanan diri yang tinggi. Maka, nilai-nilai patriotisme dan kepimpinan yang merupakan sebahagian daripada nilai-nilai murni, sekiranya dapat dijiwai dan diamalkan sebaik mungkin,

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akan dapat menyumbang ke arah pembentukan generasi yang berhemah tinggi dan berakhlak mulia. Oleh itu, wajar para pelajar terutamanya di peringkat kanak-kanak menjadikan nilai-nilai patriotisme dan kepimpinan sebagai amalan atau pegangan. Kekurangan penghayatan nilai-nilai patriotisme dan kepimpinan dalam diri akan menyebabkan kanak-kanak menjadi mangsa kepada pelbagai penyakit sosial.

Generasi muda hari ini hendaklah sentiasa memupuk patriotisme dan kepimpinan serta tidak melakukan sesuatu yang boleh merugikan bangsa dan negara. Sikap berpuak-puak dan bermusuhan sesama sendiri akan menghancurkan semangat patriotisme dan kepimpinan. Oleh itu, mereka perlu mengamalkan falsafah hidup yang tidak mengutamakan kepentingan diri semata-mata, kepentingan negara hendaklah diambil kira bersama kerana kepentingan negara akan membawa kebaikan yang lebih baik kepada diri sendiri.

Sewajarnya nilai-nilai patriotisme dan kepimpinan perlu ditanam dalam jiwa kanak-kanak kerana pada peringkat ini kanak-kanak masih dalam proses menuju dewasa. Patriotisme dapat mengajar kanak-kanak mendisiplinkan diri mereka. Disiplin yang utuh akan membantu mereka mencapai kejayaan dalam bidang yang diceburi. Negara memerlukan generasi yang berdisiplin dan produktif kerana ia menjadi kemudi pembangunan dan kepimpinan negara pada masa akan datang (Saifuddin Abdullah, 2002: 18). Hal ini terbukti menerusi kenyataan mantan Perdana Menteri kita yang memperlihat betapa pentingnya nilai-nilai patriotisme dan kepimpinan itu dipupuk dalam jiwa setiap rakyat Malaysia khasnya kanak-kanak agar tidak mudah dipengaruhi oleh unsur-unsur asing yang mempamerkan acuan lain di luar ciri-ciri Malaysia.

Melalui analisis yang dibuat, pengkaji mendapati pemikiran politik dapat dikesan menerusi watak kanak-kanak yang bijaksana, mengamalkan semangat integriti, semangat berpasukan, dan menunjukkan sikap patriotisme serta kepimpinan yang tebal dalam diri telah diketengahkan dalam cerpen kanak-kanak yang dikaji. Melalui sifat-sifat tersebut memperlihatkan wujudnya unsur kebaikan dan kebajikan yang memberi kemanfaatan kepada masyarakat khasnya kanak-kanak. Dalam konteks teori Pengkaedahan Melayu, pemikiran politik ini bersesuaian dengan pendekatan kemasyarakatan di mana pendekatan ini dianggap sebagai suatu alat pendedahan kepada pelbagai persoalan yang bertujuan untuk mencari kebaikan dan keadilan dalam masyarakat seperti yang dituntut dalam agama Islam (Hashim Awang, 1997: 114).

Menerusi konteks ini, sastera dianggap lumrah untuk mendedahkan dengan jelas, benar dan berani permasalahan-permasalahan yang dianggap sebagai punca kepada kepincangan masyarakat dan keimanan insan (Hashim Awang, 2002: 36). Selaras dengan pendekatan kemasyarakatan, pengkaji mendapati pengarang cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 telah menulis tentang beberapa permasalahan masyarakat di sekelilingnya. Pengarang menjadikan cerpen kanak-kanak sebagai medium penyampai nasihat kepada masyarakat khasnya kanak-kanak. Satu perkara yang jelas di sini ialah keupayaan pengarang mengolah peristiwa semasa sebagai rakaman realiti masyarakat. Hal ini dilihat menepati kehendak pendekatan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

kemasyarakatan dalam teori Pengkaedahan Melayu itu sendiri yang menyatakan bahawa, sastera dilihat sebagai alat pendedahan segala macam persoalan, yang bertujuan mencari kebaikan dan keadilan dalam masyarakat seperti yang dituntut oleh Islam (Hashim Awang, 1993: 57). Dalam cerpen kanak-kanak pilihan yang dikaji ini, pengarang telah memanfaatkan hasil sastera sebagai penyaluran kesedaran kepada masyarakat. Hal ini menjelaskan bahawa sastera mempunyai hubungan yang akrab dan pertalian yang mesra dengan kehidupan sesebuah masyarakat itu. Situasi ini turut menepati pandangan Hashim Awang (1997: 109) yang menyatakan bahawa sastera mempunyai hubungan yang amat erat dengan alam dan kehidupan manusia. Demikian juga dalam beberapa cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang turut menepati prinsip pendekatan kemasyarakatan dengan memperlihatkan kesan buruk sekiranya sifat bijaksana, semangat integriti, semangat berpasukan dan nilai patriotisme dan kepimpinan diabaikan oleh masyarakat kini. Justeru, dalam bebrapa buah cerpen kanak-kanak pilihan yang dikaji mendapati terdapatnya pemaparan pemikiran politik ini diketengahkan kerana pengarang cuba untuk menyatakan tentang kegusaran beliau terhadap cabaran yang dipikul oleh masyarakat Melayu khasnya golongan kanak-kanak yang semakin luntur jati dirinya.

Sehubungan itu, cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 ini juga bertujuan untuk mencapai kebaikan dan kemuafakatan dalam kalangan masyarakat agar peka kepada citra jati diri dan warisan bangsa. Di samping itu, aspek pemikiran politik seperti "semangat bekerjasama/ berpasukan/ berintegriti" jelas mempunyai nilai kemasyarakatan yang ingin disampaikan oleh pengarang sebagai pedoman kepada ahli masyarakatnya. Sisipan pemikiran pengarang cerpen kanak-kanak pilihan yang dikaji seperti aspek pemikiran politik ini menjadi citra terhadap pembinaan jati diri bangsa dalam ruang pengkaryaannya.

Seperti yang kita sedia maklum, tiada individu atau kelompok manusia yang dapat hidup bersendirian di muka bumi. Manusia sebagai makhluk sosial perlu berinteraksi, berkomunikasi dan bekerjasama bagi memenuhi keperluan untuk meneruskan kehidupan mereka. Kerjasama merupakan faktor terkuat dalam menegakkan sebuah masyarakat yang seimbang baik dari segi jasmani, rohani, emosi dan intelek. Dalam hal ini, Islam menggesa pihak pemerintah dan yang diperintah atau masyarakat seluruhnya supaya mempertingkat kerjasama dalam segala urusan kehidupan untuk kebaikan bersama (Al-Buraey, 1992: 329). Amalan bekerjasama seperti tolong-menolong, bantu-membantu dan saling hormat-menghormati dengan akhlak mulia penting dalam kehidupan bermasyarakat (Ali, 1996: 134). Justeru, sifat bekerjasama merupakan usaha yang baik dan membina yang dilakukan secara kolektif antara individu, keluarga, komuniti dan masyarakat untuk mencapai sesuatu matlamat. Nilai kerjasama yang terlihat dalam analisis ini merangkumi sifat persaudaraan dan kebaikan bersama. Konsep persaudaraan merujuk kepada hubungan erat antara ahli keluarga, komuniti, masyarakat dan negara tanpa mengira suku kaum, ras dan keturunan.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Menurut Aboebakar Atjeh (1988: 177), persaudaraan Islam atau ukhuwah Islamiah mewajibkan setiap umatnya agar menghilangkan rasa kegelisahan dan kesusahan yang mengutamakan kepentingan umum lebih tinggi nilainya daripada kepentingan peribadi. Sesungguhnya sifat menghargai persaudaraan dalam Islam akan memberi perlindungan menyeluruh, di samping mewujudkan perdamaian dan ketenteraman dalam masyarakat. Dalam karya cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 ini telah mengetengahkan watak kanak-kanak yang membawa memiliki sifat-sifat dari aspek pemikiran politik iaitu berkait dengan sikap bijaksana, bekerjasama (memiliki semangat berpasukan), berintegriti dan pemaparan nilai kepimpinan dan patriotisme dalam diri.

Selanjutnya, melalui aspek-aspek pemikiran politik yang dipaparkan oleh pengarang dalam cerpen kanak-kanak yang dikaji, pengkaji mendapati aspek tersebut sesuai dengan pendekatan kemasyarakatan kerana diketengahkan sifat kebaikan bersama dalam kalangan masyarakat. Antara sifat kebaikan bersama ialah suasana saling bantu-membantu dalam melakukan sesuatu perkara atau usaha yang mendatangkan kebaikan secara menyeluruh. Menurut Nawas, Abdul Rahman. et.al, (1995: 148), Islam menggalakkan umatnya supaya bersikap positif terhadap perkara-perkara kebajikan yang bertujuan menerapkan nilai-nilai mulia dalam masyarakat. Oleh itu, setiap individu dituntut agar tidak mengabaikan kebaikan bersama yang menjadi asas kepada kehidupan sejagat. Sifat kebaikan bersama dapat dilihat melalui watak kanak-kanak dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang memiliki sifat dan sikap daripada aspek pemikiran politik seperti kebijaksanaan, berintegriti, semangat berpasukan, semangat cintakan tanah air dan kepimpinan.

Melalui aspek pemikiran politik yang dinyatakan ini, dilihat mampu memupuk masyarakat yang berwibawa, bersatu padu dan utuh sesuai dengan pendekatan kemasyarakatan yang memancarkan nilai keindahan, kebaikan bersama dan tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Oleh itu, semangat yang mengutamakan persaudaraan sejagat penting dalam usaha mewujudkan satu kesatuan yang utuh dan ampu menghadapi survival tamadun bangsa Malaysia yang unggul. Secara keseluruhannya, perkaitan antara pemikiran politik dengan model keperluan kanak-kanak (janaan teori Maslow dan teori Pengkaedahan Melayu) dapat dirujuk melalui jadual 8 seperti berikut;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 8 : Perkaitan antara Pemikiran Politik dengan Model Keperluan Kanak-Kanak

Bil	Aspek Pemikiran	Kesan Keperluan Kanak-kanak	Teori Hierarki Keperluan Manusia
1.	Bijaksana	Dapat melindungi diri mereka dari aspek fizikal yang hadir sama ada dalam bentuk ancaman, baik secara lisan mahupun bertulis.	Peringkat ke-2:- Keperluan keselamatan.
2.	Integriti	Dapat melahirkan insan yang seimbang dan harmoni, ketenangan, kesejahteraan jiwa dan kesedaran terhadap tanggungjawab yang diamanahkan.	Peringkat ke-4:- Keperluan penghargaan kendiri.
3.	Semangat berpasukan	Mendedahkan masyarakat kepada bermuafakat antara satu sama lain.	Peringkat ke-3:- Keperluan kasih sayang.
4.	Patriotisme dan Kepimpinan.	Mengajar kanak-kanak mendisiplinkan diri mereka. Saling memahami perasaan satu sama lain dan dapat menerima pendapat/ pandangan orang lain.	Peringkat ke 2:- Keperluan keselamatan.
TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU – PENDEKATAN KEMASYARAKATAN			

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.3.7 Pemikiran Ekonomi

4.3.7 (i) Sara Diri untuk keluarga

Sara diri ialah satu tanggungjawab atau kewajipan yang dipikul oleh seseorang (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2010: 1371). Setiap anggota keluarga mempunyai tanggungjawab yang tertentu dan keharmonian sesebuah keluarga itu amat bergantung kepada cara-cara setiap anggotanya menjalankan tanggungjawab tersebut seperti yang diharapkan. Melaksanakan tanggungjawab terhadap keluarga merupakan proses yang berterusan sepanjang kehidupan berkeluarga bagi menjamin keharmonian yang berkekalan.

Ikatan perkahwinan telah menetapkan tanggungjawab bagi setiap pasangan suami isteri dan mereka wajib menjalankan tanggungjawab masing-masing sama ada sebagai suami, isteri atau ibu bapa dalam mengendalikan keluarga. Dalam institusi keluarga, peranan bapa amat penting kerana Islam telah menetapkan bahawa seorang lelaki merupakan insan terpenting dalam sesebuah keluarga. Hal ini kerana mereka merupakan ketua keluarga di dalam sesebuah institusi kekeluargaan. Sebagai seorang suami atau ketua, mereka berhak untuk menentukan perjalanan institusi keluarga di bawah pimpinannya.

Dalam memenuhi keperluan ini, kita perlu memilih jalan atau arah yang ingin dituju serta peka kepada kehendak-kehendak pembangunan dan berusaha membawa anggota keluarga ke arah pembangunan tersebut. Sehubungan dengan itu, masyarakat perlu sedaya upaya menyiapkan ahli keluarganya dengan nilai-nilai yang diperlukan bagi pembangunan tersebut sama ada duniawi atau ukhrawi. Hal ini jelas ditegaskan dalam petikan cerpen "Kembalikan Kasih Ibu Kepada Kami", karya Rashidah Khairiah Md. Raffae et al., (2014) seperti berikut:

> Dalam hening dinihari, terdengar sayup suara garau ayah yang sedang bermunajat kepada Yang Maha Pencipta. Sayu menyelubungi jerit perih hidup bersama-sama seorang insan yang telah melahirkan aku ke dunia ini.
>
> ...Tatkala embun pagi masih menitis di hujung dedaun, ayah keluar mencari rezeki demi menyara kehidupan ibu, aku dan adik yang menjadi tanggungjawab ayah.
>
> (Cerpen "Kembalikan Kasih Ibu Kepada Kami". Hlm: 8)

Selain itu, antara tanggungjawab terbesar seorang suami dan bapa ialah beliau perlu menyelamatkan diri dan ahli keluarganya daripada melakukan perkara yang tidak baik. Suami dan bapa haruslah memastikan perjalanan rumah tangga yang diketuainya berada di landasan Islam yang betul dan tidak menyimpang daripada ajaran Islam yang sebenar. Beliau juga harus memastikan bahawa rakyat bawahannya sentiasa taat dan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

patuh kepada perintah tuhan. Hal ini dijelaskan dalam petikan cerpen "Mahu Menjadi Doktor", hasil karya Sheikh Muhd Irfan al-Hasbshee Che Ibrahim et al., (2014)) seperti berikut:

> ...Sepanjang cuti persekolahan itu, Irfan akan dikejutkan oleh ayahnya sejak awal pagi lagi. Ayahnya selalu memastikan semua ahli keluarganya bangun untuk solat subuh berjemaah, terutamanya pada waktu cuti sekolah. Kesempatan solat berjemaah ini tidak dilepaskan kerana semua ahli keluarganya ada di rumah.
>
> "Irfan, sekarang dah masuk waktu subuh, pergi panggil ibu dan adik kamu. Kita solat subuh berjemaah." Ayah mengamanahkan tugas itu kepada Irfan.
>
> (Cerpen "Mahu Menjadi Doktor". Hlm: 2)

Selain tugas terbesar di atas, suami dan bapa juga mempunyai tanggungjawab yang lain dalam memastikan perjalanan rumah tangga di bawah pimpinannya berjalan dengan lancar dan dalam keadaan baik. Suami dan bapa perlu memahami bahawa keluarga merupakan amanah yang diberi oleh tuhan yang wajib dipimpin dengan sebaik-baiknya.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, suami dan bapa perlu mencurahkan kasih sayang kepada setiap ahli keluarga tanpa mempunyai sikap pilih kasih sama ada terhadap anak-anak mahupun isteri-isteri (jika beristeri lebih daripada satu). Di samping itu, suami dan bapa perlu menunjukkan perasaan belas kasihan dan kesediaan untuk berkorban demi kebahagiaan keluarga serta memberikan pendidikan Islam yang sempurna kepada isteri dan anak-anak. Seorang suami dan bapa juga perlu melindungi setiap ahli keluarganya daripada sebarang kecelakaan. Seorang suami dan bapa perlu menyediakan keperluan asasi kepada keluarganya iaitu tempat tinggal, pakaian dan makanan yang mengikut kemampuannya. Suami yang bertanggungjawab perlu berlaku adil dan bergaul baik dengan ahli-ahli keluarganya. Suami dan bapa juga perlu menyelesaikan segala permasalahan yang berkaitan dengan rumah tangga, jiran tetangga dan rakan-rakan dengan baik dan bijaksana. Suami dan bapa yang baik akan menghormati hak-hak isteri dan anak-anak. Bahkan itu juga, seorang suami dapat menyelesaikan mahar kepada isterinya jika masih lagi belum menyelesaikannya.

Berbalik kepada kumpulan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji, pengkaji mendapati aspek pemikiran ekonomi jelas digambarkan ke dalam beberapa buah cerpen, antaranya berkait dengan tema dan persoalan tentang peranan dan tanggungjawab bapa dalam mendidik anak-anak dengan memberikan kesempurnaan kehidupan kepada anak-anak. Antara aspek kesempurnaan kehidupan anak-anak melibatkan pemberian nafkah zahir dan batin iaitu melibatkan aspek kesempurnaan seperti keperluan asas iaitu makanan, pakaian dan tempat tinggal.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Hal ini dilihat bertepatan dengan peringkat atau hierarki keperluan dan kehendak kanak- kanak iaitu meliputi lima peringkat seperti peringkat pertama; fisiologi (keperluan asas), peringkat kedua; keselamatan, peringkat ketiga; kasih sayang, peringkat keempat; penghargaan kendiri (pujian) dan peringkat kelima; penyempurnaan kendiri (keperluan permainan, pendidikan, pembelajaran dan bimbingan). Contoh cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang memperlihatkan peranan dan tanggungjawab bapa yang memberikan kesempurnaan nafkah zahir dan batin iaitu menerusi kesempurnaan dari segi menyediakan keperluan asas (makanan, tempat tinggal dan pakaian) ialah melalui kumpulan cerpen "Anak Kampung Ke Istana Negara" (2014), "Mari Berkasih Sayang" (2014), "Jersi Syawal Untuk Ramadan" (2013), "Sejalur Harapan" (2012) dan selanjutnya boleh dirujuk dalam lampiran.

Berikut adalah antara petikan teks kumpulan cerpen "Sejalur Harapan", karya Siti Aishah Asari et al., (2012), kumpulan cerpen "Anak Kampung Ke Istana Negara", karya Siti Nur Balqis Syamsul Zaidi (2014), kumpulan cerpen "Jersi Syawal Untuk Ramadan", karya Aimi Rahman (2014) yang memberikan gambaran tentang peranan dan tanggungjawab seorang bapa dari segi menyediakan kesempurnaan melalui keperluan asas (makanan, tempat tinggal dan pakaian);

> ...Keadaan dirinya yang tidak terurus dan kusut masai menyebabkan dia sering disisihkan oleh rakan-rakan sekelasnya. Kehidupan keluarganya miskin. Ayahnya Pak Rahim Cuma penoreh getah di kampung tersebut.
>
> ...Keadaan ayahnya yang sering membanting tulang empat kerat bagi menyara kehidupan keluarganya, menyebabkan Huzairy terbiar begitu sahaja tanpa sebarang penjagaan dan kasih sayang daripada ayahnya. ...Begitulah kehidupannya seharian. Keadaan keluarganya ibarat 'kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang.'
>
> (Cerpen "Huzairy Tak Malas Lagi". Hlm: 28-29)

> ...Kini, Amin hanya tinggal bersama ayah dan kakaknya. Sejak kemalangan, ayahnya tiada kudrat lagi untuk bekerja kuat kerana kaki kanannya lumpuh. Ayahnya hanya mampu melakukan kerja-kerja ringan. Malah, kemalangan itu jugalah yang telah meragut nyawa ibunya. Hal itu menyebabkan Amin terpaksa dihantar ke rumah anak-anak yatim, manakala kakaknya pula terpaksa berhenti sekolah.
>
> (Cerpen "Sahabat Sejati". Hlm: 20-21)

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Setiap petang aku sering ke sawah menemani ayah yang bekerja sampingan sebagai penarik semai di sawah milik jiran dan orang kampung. Aku duduk di tepian batas menunggu ayah menyelesaikan tugasnya. Ayah rajin bekerja. Asalkan ada peluang untuk mendapatkan wang dengan segara, pasti tidak dilepaskannya.
>
> Aku bangga mempunyai ayah sepertinya. Walaupun penat melalukan berbagai-bagai pekerjaan, anak-anak tetap menjadi tumpuan utama dalam melaksanakan tanggungjawabnya.
>
> (Cerpen "Aku Anak Kampung". Hlm: 20-21)

Selain suami dan bapa, isteri dan ibu juga mempunyai tanggungjawab yang tersendiri. Antara tanggungjawab terbesar bagi seorang isteri dan ibu ialah memastikan perjalanan rumah tangga yang dibina bersama suami berjalan dengan lancar dalam keadaan yang sempurna dan diredai oleh tuhan. Mendapat isteri yang solehah merupakan kenikmatan dan kemewahan hidup yang paling bernilai di dalam rumahtangga. Sebaliknya, jika mendapat isteri yang tidak solehah merupakan bebanan sepanjang hidup dan akan mempengaruhi susur galur keluarga sehingga ke anak cucu.

Namun begitu, sebagai seorang isteri yang taat dan solehah, mereka tidak boleh mengamalkan sifat lepas tangan kerana setiap individu memiliki tugas dan tanggungjawab masing-masing dalam menentukan kelancaran dan kejayaan rumahtangga tersebut. Sehubungan itu, antara tanggungjawab sebagai seorang isteri dan ibu yang solehah ialah wajib bersikap "al-Mawaddah" dan "al-Rahmah" sebagaimana yang diwajibkan ke atas seorang suami dan bapa. Seorang isteri dan ibu juga harus patuh dan taat kepada perintah suami selagi mana perintah tersebut tidak bertentangan dengan perintah tuhan. Isteri yang solehah perlu pandai menjaga kehormatan diri, suami dan keluarganya serta menjaga harta benda dan rahsia rumahtangga dengan kemas.

Selain itu, seorang isteri hendaklah sentiasa berhias untuk suami agar sentiasa kelihatan kemas dan menarik serta menjaga kebersihan, kesihatan, dan kebajikan dan keselamatan anak-anak supaya sentiasa teratur dan sempurna. Hal ini dapat disaksikan menerusi contoh petikan dalam cerpen "Mari Berkasih Sayang", karya Rashidah Khairiah Md. Raffae et al., (2014). Di sini, dipaparkan peranan seorang ibu yang menjaga keselamatan anak-anak dan menguruskan rumah tangga supaya sempurna dan teratur. Misalnya, watak Puan Huda yang sentiasa menjalankan tanggungjawabnya sebagai seorang ibu dan isteri yang baik terhadap keluarganya. Berikut ialah contoh petikan tersebut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> Setelah pasti anak-anaknya selamat sampai ke sekolah, barulah Puan Huda akan menumpukan kerja-kerja menguruskan rumah tangga seperti memasak, mengemas, membasuh baju dan menjaga anak kecilnya yang baru berumur dua tahun. Anak bongsunya itu dipanggil adik.
>
> (Cerpen "Mari Berkasih Sayang". Hlm: 3)

Selain itu, peranan isteri atau ibu dalam aspek pemikiran ekonomi ini juga dapat dilihat menerusi beberapa cerita dalam cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji, antaranya ialah menerusi cerpen "Sombong Membawa Padah" (2014), "Seutas Jam Tangan Untuk Amina" (2014), "Sahabat Sejati" (2014) dan seterusnya boleh dirujuk dalam lampiran. Berikut adalah antara beberapa contoh petikan yang memperlihatkan peranan seorang isteri atau ibu dalam aspek pemikiran ekonomi iaitu sebagai seorang ibu tunggal dan seorang isteri yang membantu menyara keluarga dengan menjual makanan, melakukan kerja-kerja rumah dan lain-lain lagi. Hal ini dapat dilihat melalui petikan-petikan berikut:

> "Budak yang miskin itu?" ujur Nabila sombong.
>
> Marisa mengukir senyuman sambal memandang Mia. Mia merupakan anak penjual karipap. Dia tinggal bersama ibunya kerana bapanya sudah meninggal dunia. Ramai yang tidak mahu berkawan dengan Mia kerana status dirinya sebagai anak orang miskin.
>
> ...Mia tersenyum memandang Marisa. Dia tahu Marisa cuba berselindung di sebalik kata-katanya. Mungkin Nabila malu berkawan dengannya. Dia cuba anak penjual karipap yang tidak berharta. Tetapi Mia bersyukur kerana hasil titik peluh ibunya itulah, dia dapat bersekolah seperti rakan-rakan yang lain.
>
> (Cerpen "Sombong Membawa Padah". Hlm: 4 & 9)

> "Ayah saya dulu kaki mabuk, kaki judi, selalu berkasar pada mak. Mak saya hanya seorang tukang sapu di sekolah rendah. Mak saya yang tanggung makan pakai kami sekeluarga. Saya ada abang, tapi abang saya sekarang di pusat serenti," terang Sufian yang sudah tidak mampu berselindung lagi.
>
> (Cerpen "Sahabat Sejati". Hlm: 26)

Selain itu, dalam mewujudkan sebuah institusi kekeluargaan yang bahagia, aman dan makmur, Islam telah menggariskan beberapa panduan untuk diikuti oleh anak-anak. Antara tanggungjawab anak-anak terhadap ibu bapa mereka ialah taat atas segala arahan mereka selagi mana ia tidak bercanggah dengan perintah tuhan. Anak juga perlu memahami peranan dan tanggungjawabnya terhadap kedua orang tuanya. Anak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

yang bertanggungjawab menghormati dan mentaati ibu bapa sebagai kewajipan yang perlu dilakukan.

Islam telah memberi kedudukan yang tertinggi kepada ibu bapa sehingga anak-anak dituntut mentaati dan berbuat baik kepada mereka. Malah, Sheikh Ghazali Sheikh Abod, (1990: 208-209) turut menegaskan bahawa tanggungjawab anak terhadap ibu bapa terpenting dan wajib didahulukan berbanding dengan tanggungjawab yang lain. Seterusnya, sebagai anak-anak yang soleh dan solehah adalah menjadi tanggungjawab untuk menjaga dan memelihara harta dan maruah serta diri kedua ibu bapa apabila mereka telah tua. Menjaga makan dan minum mereka dan juga menyediakan tempat tinggal yang selesa untuk mereka. Anak-anak yang soleh dan solehah juga wajib mendoakan kedua ibu bapa mereka tidak kira semasa kedua ibu bapa masih hidup ataupun telah meninggal dunia.

Bahkan itu juga, tanggungjawab anak kepada kedua ibu bapa mereka dengan menjaga mereka pada usia tuanya merupakan tanda berterima kasih dan penghargaan anak kepada mereka atas segala pengorbanan dan kasih sayang yang telah diberikan walaupun jasa dan pengorbanan mereka itu tidak dapat dibalas dengan apa-apa sekalipun. Penegasan nilai ini turut terpapar dalam beberapa buah kumpulan cerpen kanak-kanak yang dikaji. Antaranya ialah dalam cerpen "Aku Anak Buruh Kasar", karya Siti Nur Balqis Syamsul Zaidi (2014) seperti di petikan berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> "Aku amat berbangga dengan seorang ayah yang bernama Syamsul Zaidi. Aku berjanji kepadamu ayah, suatu masa nanti aku akan cemerlang dan berjaya dalam kehidupan. Aku juga akan persembahkan dirimu di khalayak ramai dengan mengatakan, "Engkaulah ayah terbaik daripada seluruh ayah yang baik yang ada di dunia ini. Terima kasih ayah kerana dengan restumu menjadi sumber ilham dan inspirasi hidupku...
>
> (Cerpen "Aku Anak Buruh Kasar". Hlm: 6)

Kemudiannya, anak-anak juga harus bertanggungjawab dengan sentiasa mengambil berat tentang keluarganya dan tidak membiarkan kehidupan mereka menjadi terumbang ambing serta melarat. Anak-anak seharusnya berusaha untuk memainkan peranan yang tertentu atau membuat penyesuaian peranan bagi memenuhi keperluan keluarganya. Contoh persoalan nilai ini dilihat tampil melalui watak Amin dalam cerpen "Sahabat Sejati", karya Aimi Rahman (2014). Misalnya, watak Amin yang berusaha untuk membawa keluarganya keluar daripada kesempitan hidup apabila bapanya jatuh sakit dan tidak lagi berupaya untuk menyara keluarganya. Hal ini dapat disaksikan melalui petikan berikut:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

> "Amin, ayah minta maaf. Kerana ayah, Amin terpaksa tinggal di rumah anak-anak yatim." Pak Mahat menyusun bicaranya.
>
> "Ayah tak perlu minta maaf. Amin dan boleh terima kenyataan. Amin percaya dengan qada dan qadar Allah. Amin janji yang Amin akan ubah nasib kita sekeluarga. Amin akan belajar sampai masuk universiti dan kerja elok- elok untuk balas jasa ayah dan kakak." Amin bertekad.
>
> (Cerpen "Sahabat Sejati". Hlm: 33)

Selain itu, turut diperlihatkan juga watak Amri dalam cerpen "Desktop ke Laptop", karya Anies Hisham (2013) yang menonjolkan persoalan nilai tanggungjawab terhadap keluarganya iaitu dengan tidak membebankan kedua ibu bapanya dengan apa yang diingini dan dihajati selama ini. Amri dilihat lebih mementingkan dan mengutamakan keluarganya dahulu berbanding dengan kepentingan dirinya sendiri. Hal ini dapat dilihat melalui contoh petikan berikut:

> "Hmm... RM1800... Mana aku nak cari duit sebanyak tu..." Amri berbisik perlahan.
>
> Sebenarnya, Amri sudah lama menyimpan hasrat untuk memiliki computer riba itu. Malangnya, dia tidak mempunyai wang untuk membelinya. Sebolehnya Amri tidak mahu menyusahkan emak dan abahnya. Dia tahu, kedua-duanya bukanlah bergaji besar. Tambahan pula, dia mempunyai adik-beradik yang ramai. Sebagai anak sulung, mahu tidak mahu dia mestilah mendahulukan keperluan adik-adiknya yang masih kecil.
>
> (Cerpen "Desktop ke Laptop". Hlm: 78)

Demikianlah gambaran serba ringkas mengenai peranan dan tanggungjawab keluarga iaitu tanggungjawab seorang ibu bapa dan anak-anak dalam sesebuah institusi kekeluargaan menerusi aspek pemikiran ekonomi seperti mana yang telah digariskan dalam setiap agama. Peranan dan tanggungjawab dalam sesebuah institusi kekeluargaan diketengahkan secara tidak langsung tetapi memberi makna yang mendalam kepada kanak-kanak amnya. Hal ini menunjukkan bahawa pengarang menyampaikan mesej dan nilai didaktik yang berguna kepada kanak-kanak iaitu peranan dan tanggungjawab dalam sesebuah institusi kekeluargaan adalah satu perkara yang harus dipikul oleh semua ahli keluarga tidak kira ibu bapa mahupun anak-anak.

Menerusi contoh-contoh yang digambarkan di atas, sejelasnya menunjukkan mesej pengarang kepada kanak-kanak bahawa tanggungjawab menyara keluarga sangat penting dan tidak boleh diabaikan dalam sesebuah kehidupan berkeluarga. Hal ini

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

akan memberi impak yang positif dalam kehidupan kanak-kanak sehingga mereka dewasa kelak. Berbalik kepada pemikiran ekonomi berkait dengan aspek tanggungjawab terhadap menyara diri sendiri dan keluarga, pengkaji mendapati aspek ini dapat memenuhi keperluan keselamatan dalam peringkat Hierarki Keperluan Manusia. Peringkat keperluan keselamatan merupakan aspek yang amat penting dalam diri setiap manusia di dunia ini. Setiap individu yang waras memerlukan dan mengehendaki keselamatan yang dapat menjamin kehidupan masing-masing. Keperluan keselamatan akan timbul apabila nyawa seseorang itu terancam. Hal ini mempunyai hubung kait dengan perlindungan diri sendiri.

Seterusnya, Maslow (1970: 39-43) mengatakan bahawa keperluan peringkat keselamatan boleh dibahagikan kepada beberapa aspek, antaranya ialah keselamatan dari aspek fizikal, emosi, kestabilan ekonomi dan mendapatkan perlindungan undang-undang. Oleh itu, pemikiran ekonomi yang berkait dengan aspek tanggungjawab dengan menyara diri sendiri dan menyara keluarga merupakan keperluan keselamatan dari aspek kestabilan ekonomi. Kestabilan ekonomi yang dikemukakan oleh Maslow (1962: 39) mempunyai kaitan dengan pendapatan atau kekukuhan sistem ekonomi sama ada seseorang individu ataupun keluarga. Namun begitu, Maslow tidak menjelaskan secara terperinci tentang aspek kestabilan ekonomi ini. Bagi manusia normal, aspek kestabilan ekonomi ini amat penting bagi menjalani kelangsungan untuk hidup. Golongan dewasa memerlukan pekerjaan dan pendapatan yang tetap dan stabil bagi setiap bulan untuk menyara keluarga, terutamanya bagi yang telah mendirikan rumah tangga (Maslow, 1970: 96).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Keselamatan dari aspek kestabilan ekonomi ini sememangnya merupakan perkara penting bagi menjalani kehidupan seharian. Hal ini turut disokong oleh Syed Hussein Al-Attas (1977: 43) dengan mengatakan bahawa asas-asas penting dalam kehidupan manusia ialah mempunyai pendapatan yang stabil, ekonomi yang kukuh, tempat penginapan yang selesa, pendidikan dan sokongan keluarga.

Bagi golongan kanak-kanak, kebiasaannya mereka tidak terlibat secara mendalam dari aspek kestabilan ekonomi ini. Hal ini kerana, mereka masih bersekolah dan mereka masih di bawah tanggungjawab atau tanggungan kedua-dua ibu bapa mereka. Namun begitu, terdapat segelintir golongan kanak-kanak yang mengalami masalah dari aspek kestabilan ekonomi ini jika mereka berasal dari keluarga yang miskin atau ibu bapa yang tidak mempunyai pendapatan yang tetap dan stabil. Perkara sebegini boleh menyebabkan kanak-kanak berkenaan mencari jalan sendiri untuk memenuhi keperluan mereka dari aspek kestabilan ekonomi ini. Misalnya dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji, pengkaji mendapati pengarang turut menyelitkan beberapa cerita yang berkaitan dengan keperluan keselamatan dari aspek kestabilan ekonomi menerusi tanggungjawab menyara keluarga dan tanggungjawab menyara diri sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berdasarkan contoh-contoh pemaparan pemikiran ekonomi dalam cerpen kanak-kanak pilihan yang dikaji, pengkaji mendapati pemikiran ekonomi yang dimaksudkan ialah mengenai sistem menyara diri dan menyara keluarga. Aspek ini dilihat sebagai nilai baik hati melalui tanggungjawab dan peranan yang dipikul oleh seorang ketua keluarga khasnya seorang bapa. Adalah menjadi kewajipan kepada setiap individu yang bergelar bapa atau ketua keluarga bagi memastikan ahli keluarga mereka menerima keperluan yang mencukupi dari segi keperluan asas iaitu makan, minum, tempat tinggal, memiliki pakaian dan pendidikan yang baik. Sehubungan dengan itu, menjurus kepada konteks kekeluargaan, tanggungjawab menyara keluarga perlulah dilaksanakan oleh seorang suami atau ahli keluarga dengan sebaik mungkin dalam menguruskan dan melancarkan perjalanan rumah tangga. Melalui kelancaran dan kelangsungan kewajipan tersebut, sesebuah keluarga mampu menyuburkan bibit kasih sayang dan kemesraan antara ahli keluarga masing-masing bagi mengecapi kebahagiaan sejati. Hal ini dapat dilihat melalui sikap seorang suami atau ketua keluarga yang sanggup bersusah payah mencari rezeki yang halal dalam menampung perbelanjaan seharian keluarganya.

Sehubungan dengan itu, menerusi teori Pengkaedahan Melayu, pemikiran ekonomi berkai dengan menyara keluarga dan diri yang diketengahkan dalam cerpen kanak-kanak pilihan yang dikaji, ianya bersesuaian dengan pendekatan kemasyarakatan. Secara amnya, Hashim Awang (2002: 21), menjelaskan bahawa pendekatan kemasyarakatan ialah pendekatan yang dianggap sebagai suatu alat pendedahan kepada pelbagai persoalan yang bertujuan untuk mencari kebaikan dan keadilan dalam masyarakat seperti yang dituntut dalam agama Islam. Hal ini jelas menggambarkan di mana masyarakat Melayu, khususnya dalam institusi kekeluargaan seperti ibu bapa sangat prihatin terhadap isu sara hidup dan tanggungjawab menyara sesebuah keluarga. Pengorbanan dan tanggungjawab seorang suami ataupun ketua keluarga, sangat kuat kerana mereka sedaya upaya berusaha untuk memenuhi keperluan dan kehendak isteri, anak-anak dan ahli keluarga mereka yang lain demi menjamin kebahagiaan dan keharmonian dalam sesebuah keluarga.

Oleh itu, gambaran tersebut sudah jelas membuktikan bahawa seorang suami atau ketua keluarga sanggup berkorban jiwa raga untuk memastikan kebahagiaan ahli keluarganya. Pemikiran ekonomi berkait dengan sara hidup merupakan satu tanggungjawab yang mulia dan tidak hanya terbatas kepada seorang lelaki sahaja bahkan ianya boleh dipikul oleh ahli keluarga yang lain bagi meringankan beban yang ditanggung oleh sorang bapa ataupun ketua keluarga dengan mengamalkan sikap belas kasihan. Lantaran itu, aspek ini amat dituntut dalam Islam. Selain itu, sifat belas kasihan ini haruslah dipupuk sejak azali lagi dalam diri masyarakat Melayu yang beragama Islam kerana nilai sebegini menggambarkan nilai budaya orang Melayu yang unggul. Segala tuntutan dalam Islam, adalah perintah dari Allah SWT (Aboebakar Atjeh, 1988: 29).

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Pendapat tersebut telah disokong oleh (Abd Rahim Abd Rashid, 2001: 113) yang menyatakan bahawa masyarakat Melayu menanamkan sifat belas kasihan dalam diri mereka demi memastikan hubungan baik serta sifat belas kasihan inilah menjadi tunjang kepada ikatan persaudaraan yang utuh dalam kalangan ahli keluarga dan masyarakat Melayu pada suatu ketika dahulu hingga ke hari ini. Secara keseluruhannya, aspek-aspek ini dikatakan dapat memenuhi keperluan di peringkat keselamatan iaitu kestabilan ekonomi seperti mana dalam teori Hierarki Keperluan Manusia (Maslow, 1970: 94). Secara keseluruhannya, perkaitan antara pemikiran ekonomi dengan model keperluan kanak-kanak (janaan teori Maslow dan teori Pengkaedahan Melayu) dapat dirujuk melalui jadual 9 seperti berikut;

Jadual 9 : Perkaitan antara Pemikiran Ekonomi dengan Model Keperluan kanak-kanak

Bil	Aspek Pemikiran	Kesan Keperluan Kanak-kanak	Teori Hierarki Keperluan Manusia
1.	Sara diri	Wujud institusi kekeluargaan dan masyarakat yang bahagia, aman dan harmoni. Dapat berterima kasih dan menghargai segala jasa pengorbanan dan nilai kasih sayang yang dicurahkan selama ini.	Peringkat ke-2:- Keperluan keselamatan.
TEORI PENGKAEDAHAN MELAYU – PENDEKATAN KEMASYARAKATAN			

4.4 Pemikiran yang Dominan terdapat dalam Cerpen Kanak-Kanak Pilihan Dari Tahun 2012 Sehingga 2015

4.4.1 Pemikiran Keagamaan (Hubungan Manusia dengan Tuhan)

Setelah analisis dilakukan, didapati pemikiran keagamaan dari aspek hubungan manusia dengan Tuhan mendominasi pemikiran keagamaan dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji dengan menekankan perihal bersembahyang, berpuasa, pengurusan masa dan kesabaran. Aspek hubungan manusia dengan Tuhan yang kurang dominan diketengahkan oleh pengarang dalam cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji ialah melibatkan perihal berpuasa iaitu hanya sebanyak 5% sahaja dipaparkan. Seterusnya, pemikiran keagamaan yang paling dominan yang diketengahkan oleh pengarang iaitu sebanyak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

49% daripada 130 buah cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji merupakan perihal pengurusan masa dengan mengamalkan ibadat kepada tuhan.

Hal ini terjadi kerana perihal berpuasa tidak dapat sepenuhnya diketengahkan oleh pengarang disebabkan terdapatnya beberapa tema yang dikhususkan oleh penerbit atau syarikat penerbitan terhadap sesebuah karya yang hendak diketengahkan. Selain itu, perihal berpuasa hanya dapat diketengahkan oleh pengarang disebabkan perihal ini hanya sesuai dipaparkan dalam beberapa cerpen yang memaparkan latar masa pada bulan Ramadhan dan latar penceritaan pada hari Isnin dan Khamis (sebagai puasa sunat). Walau bagaimanapun, perihal lain seperti bersembahyang dan kesabaran juga menyumbang kepada aspek hubungan manusia dengan Tuhan yang sederhana dominan dipaparkan dari pemikiran keagamaan yang terkandung dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji.

Melalui pemikiran keagamaan ini, secara tidak langsung dapat mendidik kanak-kanak kepada kebaikan. Amalan dalam agama yang berprinsip ke arah kebaikan diterima oleh semua bangsa di dunia. Hal ini dapat mengingatkan kepada kanak-kanak supaya melakukan perkara yang baik seperti mana dituntut dalam setiap agama. Kesimpulan daripada analisis pemikiran keagamaan dari aspek hubungan manusia dengan Tuhan dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji boleh disimpulkan dengan merujuk rajah 8:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 8 : Graf Pemikiran Keagamaan dari Aspek Hubungan Manusia dengan Tuhan yang Dominan dalam Cerpen Kanak-kanak Pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015


4.4.2 Pemikiran Keagamaan (Hubungan Manusia sesama Manusia)

Seterusnya, pemikiran keagamaan menerusi aspek hubungan manusia sesama manusia, didapati taburan pemikiran keagamaan dalam 130 buah cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji juga mempunyai perbezaan. Antara perbezaan yang dapat dilihat ialah perihal sedekah yang kurang dominan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

diketengahkan oleh pengarang iaitu sebanyak 5%. Kemudiannya, perihal yang paling dominan dipaparkan oleh pengarang ialah perihal berpesan-pesan kepada kebaikan iaitu sebanyak 34% daripada 130 buah cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji. Hal ini dikatakan kerana kekuatan watak utama dan gaya penulisan pengarang yang ingin menyampaikan nilai pengajaran yang positif kepada para pembacanya. Peratusan perbezaan pemikiran keagamaan yang berkait dengan hubungan manusia sesama manusia yang lain boleh dirujuk menerusi rajah 9:



Rajah 9 : Graf Pemikiran Keagamaan dari Aspek Hubungan Manusia dengan Manusia yang Dominan dalam Cerpen Kanak-kanak Pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015

Daripada rumusan ini, didapati pengarang cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 kurang menerapkan perihal sedekah (5%) dalam karya-karya mereka. Seharusnya para pengarang perlu mengetengahkan perihal sedekah ini supaya dapat mendidik kanak-kanak bersikap memberi kepada orang-orang yang memerlukan. Melalui sikap ini mewujudkan silaturahim sesama manusia. Di samping itu, dapat membentuk kasih sayang dalam kalangan masyarakat sekali gus melahirkan masyarakat yang harmoni. Hal ini selari dengan pendapat Ainun Mohammad (2005) "kasih sayang jika tidak dipenuhi oleh manusia akan menderita, dilanda kesepian dan merasa tersisih dan terbuang".

Seterusnya, pemikiran keagamaan yang terkandung dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 telah berjaya mencapai dan memenuhi keperluan-keperluan di peringkat hierarki keperluan manusia seperti keperluan fisiologi,


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

keperluan kasih sayang dan keperluan penghargaan kendiri. Keperluan fisiologi yang terdapat dalam teori Hierarki Keperluan Manusia ini terbahagi kepada tiga aspek iaitu mendapat makanan dan minuman yang mencukupi, mendapatkan tempat tinggal yang selesa dan luas serta mendapatkan pakaian yang elok, baik dan selesa. Kesimpulannya, terdapatnya evolusi pemikiran keagamaan bagi aspek hubungan manusia sesama manusia berlaku dalam kesemua cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji dengan menonjolkan pemikiran yang sarat kepada nilai positif dan dapat memenuhi keperluan dan kehendak kanak-kanak seumpama Pendekatan Hierarki Keperluan Manusia (Abraham Maslow) yang dianalisis.

4.4.3 Pemikiran Budaya (Budaya Bukan Kebendaan)

Melalui pemikiran budaya dalam 130 buah cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji, didapati pemikiran budaya yang paling dominan ialah pemikiran budaya dari aspek budaya bukan kebendaan (bukan material) iaitu sebanyak 54% seperti yang dapat dilihat dengan jelas menerusi rajah 10 di bawah.




Rajah 10 : Carta Pai Pemikiran Budaya yang Dominan dalam Cerpen Kanak-Kanak Pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015

Menerusi carta pai di atas, sebanyak 46% pula mewakili kepada pemikiran budaya kebendaan (material). Dalam pemikiran budaya kebendaan yang dipaparkan menerusi 130 buah cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji, pengkaji mendapati aspek yang terkandung meliputi kepada aspek peralatan dan kelengkapan hidup sahaja. Bagi aspek budaya bukan kebendaan (bukan material) pula melibatkan kepada aspek kepercayaan, adat resam/ tradisi dan bahasa. Kesimpulan analisis dapat disimpulkan dengan merujuk graf 11 di bawah:

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 11 : Graf Pemikiran Budaya dari Aspek Budaya Bukan Kebendaan yang Dominan dalam Cerpen Kanak-Kanak Pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015

Analisis mendapati pemikiran budaya bukan kebendaan (bukan material) mendominasi evolusi pemikiran budaya menerusi 130 buah cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji iaitu kebanyakan cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dianalisis mempunyai pemikiran budaya bukan kebendaan (bukan material) seperti aspek kepercayaan, adat resam/ tradisi dan bahasa. Seterusnya, aspek kepercayaan yang tergolong dalam pemikiran budaya bukan kebendaan (bukan material) ialah sebanyak 56%, aspek adat resam/ tradisi pula ialah sebanyak 25% dan aspek bahasa meliputi sebanyak 19% yang dipaparkan dalam kesemua cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji.

Secara rumusannya, taburan pemikiran budaya bukan kebendaan (bukan material) menunjukkan pemikiran budaya yang tertinggi iaitu melibatkan ketiga-tiga aspek yang terkandung bawah pemikiran ini berbanding dengan pemikiran budaya kebendaan (material). Hal ini terjadi kerana pengarang hanya akan memaparkan pemikiran budaya yang dapat memenuhi keperluan dan kehendak kanak-kanak pada masa ini melalui karya-karya mereka. Malah, melalui pemaparan pemikiran budaya bukan kebendaan (bukan material) ini dapat membuatkan kanak-kanak berfikir dengan lebih mendalam dan dapat menanamkan nilai-nilai kebudayaan masyarakat Melayu yang hampir ditelan zaman berbanding dengan budaya kebendaan (material) yang sememangnya tidak perlu dikejar oleh golongan kanak-kanak. Pemaparan pemikiran budaya bukan kebendaan ini didapati tidak mempengaruhi pemikiran kanak-kanak menerusi cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015. Berdasarkan huraian dan contoh yang dinyatakan, jelaslah bahawa melalui teori Hierarki Keperluan Manusia (Abraham Maslow), aspek keperluan dan kehendak kanak- kanak dalam sesebuah karya sastera seperti cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

2015 yang dikaji dapat diungkapkan dengan jelas. Hal ini kerana, pendekatan ini memperlihat keperluan-keperluan yang diperlukan oleh seorang kanak-kanak dalam menjalani kehidupan sehariannya.

4.4.4 Pemikiran Politik

Berdasarkan analisis di atas, pengkaji mendapati sebanyak 80 buah cerpen yang mengetengahkan pemikiran politik yang berkait dengan aspek kebijaksanaan, integriti, patriotisme dan kepimpinan, dan semangat berpasukan. Melalui aspek ini, pengkaji mendapati aspek kebijaksanaan adalah pemikiran politik yang lebih dominan diketengahkan oleh pengarang dalam karya mereka berbanding dengan aspek-aspek lain. Hal ini kerana aspek kebijaksanaan merupakan salah satu anugerah yang diberikan oleh pencipta kepada semua manusia untuk berfikir bagi menyelesaikan masalah atau permasalahan yang terjadi dalam diri seseorang. Berikut adalah antara cerpen kanak- kanak yang mengetengahkan aspek kebijaksanaan dalam pemikiran politik:-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 10 : Cerpen Kanak-kanak Pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang Memperlihatkan Pemikiran Politik dari Aspek Kebijaksanaan

Perkara	Judul Cerpen Kanak-Kanak Pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015
Aspek Kebijaksanaan dalam Pemikiran Politik	Cerpen "Ketupat Baju Melayu" (2012)
	Cerpen "Teman Menangis" (2012)
	Cerpen "Kasih Sayang Kakak" (2012)
	Cerpen "Wajah pada Skrin" (2012)
	Cerpen "Debaran Selepas Lebaran" (2012)
	Cerpen "Bebas Sampai Terbabas" (2012)
	Cerpen "Jemputan" (2012)
	Cerpen "Sejalur Harapan Buat Jai" (2012)
	Cerpen "Huzairy Tak Malas Lagi" (2012)
	Cerpen "Udin Mahu Sekolah" (2012)
	Cerpen "Puteri Arabella" (2013)
	Cerpen "Puteri Qaira" (2013)
	Cerpen "Puteri Arabella" (2013)
	Cerpen "Puteri Farisya" (2013)
	Cerpen "Puteri Humaira" (2013)
	Cerpen "Cerita Kucing" (2013)
	Cerpen "Mangga Oh Mangga" (2013)
	Cerpen "Impian Aimi" (2013)
	Cerpen "Kecil-kecil Sang Kancil" (2013)
	Cerpen "Pesan Hajar" (2013)
	Cerpen "Usahawan Cilik" (2013)
	Cerpen "Hore, Balik Kampung!" (2013)
	Cerpen "Kerana Cempedak Di Luar Pagar" (2014)
	Cerpen "Syyhh...Resepi Rahsia!" (2014)
	Cerpen "Ais Krim Best!" (2014)
	Cerpen "Asam Pedas Tok Wan" (2014)
	Cerpen "Sombong Membawa Padah" (2014)
	Cerpen "Sahabat Sejati" (2014)
	Cerpen "Seutas Jam Tangan Untuk Amina" (2014)
	Cerpen "Jersi Syawal Untuk Ramadan" (2014)
	Cerpen "Kasihnya Fatima" (2014)
	Cerpen "Anak Kampung Ke Istana Negara" (2014)
	Cerpen "Sepasang Kasut dan Sekotak Pastel" (2014)
	Cerpen "Sang Kelangi yang Berani" (2014)
	Cerpen "Sarapan Hebat" (2015)
	Cerpen "Belajar Menjugel" (2015)
	Cerpen "Delaila" (2015)


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

	Cerpen "Kek Cawan Online" (2015)
	Cerpen "Rahsia Aizat" (2015)
	Cerpen "Cinta Anak Watan" (2015)
	Cerpen "Ai Chia Aishah" (2015)
	Cerpen "Ia Anugerah" (2015)

Secara keseluruhannya, analisis di bahagian ini menunjukkan bahawa pemikiran politik dari aspek-aspek yang lain hanya diketengahkan dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji iaitu menerusi aspek semangat berpasukan iaitu sebanyak 25%, 15% pula melibatkan aspek integriti dan 12% adalah aspek patriotisme dan kepimpinan. Hal ini kerana analisis menujukkan bahawa hanya beberapa watak kanak-kanak sahaja yang memaparkan kekurangan di peringkat hierarki keperluan keselamatan, keperluan penghargaan kendiri dan keperluan kasih sayang sesama manusia untuk mengukuhkan kestabilan bagi pemikiran politik.

Tuntasnya, daripada 130 buah cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji, pengkaji mendapati pemikiran politik yang dominan hanya diketengahkan dalam 47 buah cerpen iaitu melibatkan aspek kebijaksanaan. Di sini, pengkaji mendapati pemikiran politik yang diutarakan oleh pengarang dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 ini ialah melibatkan lima aspek pemikiran politik iaitu aspek kebijaksanaan, integriti, patriotisme dan kepimpinan, semangat berpasukan dan keadilan social. Dirumuskan bahawa pemikiran politik yang paling dominan ialah melibatkan aspek kebijaksanaan iaitu sebanyak 48% berbanding dengan aspek-aspek lain seperti semangat berpasukan 25%, integriti ialah sebanyak 15% dan paling rendah ialah patriotisme dan kepimpinan dengan sebanyak 12% sahaja. Berikut adalah pemikiran politik yang paling dominan dalam cerpen kanak-kanak pilihan di graf 12 di bawah.



Rajah 12 : Graf Pemikiran Politik yang Dominan Dalam Cerpen Kanak-Kanak Pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


4.4.5 Pemikiran Pendidikan (Pendidikan Formal)

Setelah analisis dilakukan, didapati pemikiran pendidikan yang terkandung dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 telah berjaya mencapai dan memenuhi keperluan-keperluan di peringkat hierarki keperluan manusia seperti keperluan fisiologi dan keperluan penyempurnaan kendiri.

Keperluan fisiologi yang terdapat dalam Pendekatan Hierarki Keperluan Manusia ini terbahagi kepada enam aspek iaitu mendapat makanan dan minuman yang mencukupi dan halal, mendapatkan tempat tinggal yang selesa dan luas serta mendapatkan pakaian yang elok, baik dan selesa iaitu bertepatan dengan ciri-ciri yang dituntut dalam agama Islam, keperluan kejantinaan atau keperluan seks, keperluan mendapatkan tidur serta rehat yang secukupnya dan mendapatkan pendidikan yang selengkapnya (Maslow, 1970: 36).

Namun begitu, bagi peringkat keperluan penyempurnaan kendiri yang memenuhi kepada aspek pemikiran pendidikan ialah melibatkan kepada keperluan untuk mengetahui dan mendapatkan maklumat. Kesimpulan analisis pemikiran pendidikan dari aspek pendidikan formal dan tidak formal dalam cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji boleh disimpulkan dengan merujuk carta pai 2 di bawah;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 13 : Carta Pai Pemikiran Pendidikan yang Dominan Dalam Cerpen Kanak- Kanak Pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015

Analisis mendapati pemikiran pendidikan dari aspek pendidikan formal mendominasi pemikiran pendidikan dalam cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji dengan menekankan kepada perihal tanggungjawab pelajar mendapatkan pendidikan di sekolah/ pusat tuisyen atau di mana-mana institusi pengajian.


05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Melalui perihal tanggungjawab pelajar mendapatkan pendidikan di sekolah/ pusat tuisyen atau di mana-mana institusi pengajian merupakan aspek pendidikan formal yang paling dominan yang diketengahkan oleh pengarang iaitu sebanyak 58% daripada 130 buah cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji. Aspek pemikiran pendidikan tidak formal pula merupakan aspek yang kurang dominan diketengahkan oleh pengarang dalam cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji iaitu hanya sebanyak 42% sahaja dipaparkan dalam kesemua cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji.

4.4.6 Pemikiran Pendidikan (Pendidikan Tidak Formal)

Seterusnya, dari sudut pemikiran pendidikan tidak formal pula didapati taburan pemikiran pendidikan dalam 130 buah cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji juga mempunyai perbezaan. Hal ini boleh dirujuk menerusi graf 6 di bawah:



Rajah 14 : Graf Pemikiran Pendidikan dari Aspek Pendidikan Tidak Formal Yang Dominan Dalam Cerpen Kanak-Kanak Pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015

Taburan pemikiran pendidikan dari aspek pendidikan tidak formal menunjukkan yang paling tertinggi iaitu perihal pendidikan di rumah iaitu menerusi sistem institusi kekeluargaan berbanding dengan perihal-perihal lain seperti inovasi sains dan teknologi (media massa – FB, internet, email dan sebagainya lagi) dan perihal isu-isu semasa. Perihal pendidikan di rumah iaitu menerusi sistem institusi kekeluargaan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

merupakan aspek pemikiran pendidikan tidak formal yang tersangat dominan diketengahkan oleh pengarang dalam karya mereka iaitu sebanyak 36% daripada 130 buah cerpen kanak- kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji kerana kekuatan watak utama dan gaya penulisan pengarang yang ingin menyampaikan nilai pendidikan yang positif kepada para pembacanya. Kesimpulannya, terdapatnya evolusi pemikiran pendidikan bagi aspek pendidikan tidak formal berlaku dalam kesemua cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji dengan menonjolkan pemikiran yang sarat kepada nilai didaktik dan dapat memenuhi keperluan penyempurnaan kendiri kanak-kanak seperti dalam teori Hierarki Keperluan Manusia (Abraham Maslow) yang dianalisis.

4.4.7 Pemikiran Ekonomi

Berdasarkan analisis di atas, pengkaji mendapati sebanyak 20 buah cerpen sahaja yang mengetengahkan pemikiran ekonomi yang berkait dengan aspek tanggungjawab menyara keluarga dan tanggungjawab menyara diri sendiri. Melalui aspek ini, pengkaji mendapati aspek tanggungjawab menyara keluarga adalah pemikiran ekonomi yang lebih dominan diketengahkan oleh pengarang dalam karya mereka berbanding dengan aspek tanggungjawab menyara diri sendiri. Hal ini kerana aspek tanggungjawab menyara keluarga adalah merupakan salah satu tanggungjawab yang perlu digalas oleh orang dewasa iaitu kedua-dua ibu bapa. Berikut adalah antara cerpen kanak-kanak yang mengetengahkan aspek menyara untuk keluarga dan menyara diri sendiri:-

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Jadual 11 : Cerpen Kanak-kanak Pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang Memperlihatkan Pemikiran Ekonomi dari Aspek Menyara Untuk Keluarga dan Menyara Diri Sendiri

Perkara	Judul Cerpen Kanak-Kanak Pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015
Aspek Menyara Untuk Keluarga	Cerpen "Sebuah Buku Setinggi Harapan" (2012)
	Cerpen "Debaran Selepas Lebaran" (2012)
	Cerpen "Sejalur Harapan Buat Jai" (2012)
	Cerpen "Rindu" (2013)
	Cerpen "Mangga Oh Mangga" (2013)
	Cerpen "Lukisan Kasih" (2013)
	Cerpen "Sombong Membawa Padah" (2014)
	Cerpen "Seutas Jam Tangan Untuk Amina" (2014)
	Cerpen "Jersi Syawal Untuk Ramadan" (2014)
	Cerpen "Aku Anak Buruh Kasar" (2014)
	Cerpen "Aku Anak Kampung" (2014)
	Cerpen "Fatin Puteri yang Cantik" (2014)
	Cerpen "Delaila" (2015)
	Cerpen "Rahsia Aizat" (2015)
Aspek Menyara Diri Sendiri	Cerpen "Desktop Ke Laptop" (2013)
	Cerpen "Usahawan Cilik" (2013)
	Cerpen "Sahabat Sejati" (2014)
	Cerpen "Makaron" (2014)
	Cerpen "Kek Cawan Online" (2015)
	Cerpen "Dia Kawan Saya" (2015)


Secara keseluruhannya, analisis di bahagian ini menunjukkan bahawa pemikiran ekonomi dari aspek tanggungjawab menyara diri sendiri hanya diketengahkan dalam 6 buah cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji sahaja. Hal ini kerana analisis menujukkan bahawa hanya enam watak kanak-kanak sahaja yang memaparkan kekurangan di peringkat hierarki keperluan keselamatan iaitu aspek kestabilan ekonomi. Kestabilan ekonomi yang diperlukan oleh keenam-enam watak kanak-kanak ini adalah dari segi kewangan. Kewangan yang stabil dan kukuh boleh menjaminkan kelangsungan hidup yang lebih berkesan dalam kehidupan seseorang. Di sini, pengarang menggambarkan watak kanak-kanak yang memerlukan kewangan yang stabil bagi membantu keluarga masing-masing dalam pelbagai urusan dan perkara. Hal ini turut disokong oleh Maslow (1970: 39) yang berpendapat bahawa kestabilan ekonomi mempunyai perkaitan dengan pendapat atau kekukuhan sistem ekonomi sama ada untuk seseorang individu mahupun keluarga.

Secara kesimpulannya, daripada 130 buah cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji, pengkaji mendapati pemikiran ekonomi yang dominan hanya diketengahkan dalam 20 buah cerpen sahaja. Di sini, pengkaji mendapati pemikiran ekonomi yang diutarakan oleh pengarang dalam cerpen kanak-kanak

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 ini ialah melibatkan dua aspek pemikiran ekonomi iaitu aspek tanggungjawab menyara keluarga dan tanggungjawab menyara diri sendiri. Dapat dirumuskan bahawa pemikiran ekonomi yang paling dominan ialah melibatkan aspek tanggungjawab menyara keluarga iaitu sebanyak 70% berbanding dengan aspek tanggungjawab menyara diri sendiri. Berikut ialah pemikiran ekonomi yang paling dominan dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 dapat dilihat dengan jelas melalui carta pai 3 di bawah.



Rajah 15 : Carta Pai Pemikiran Ekonomi yang Dominan Dalam Cerpen Kanak-Kanak Pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

4.5 Kesimpulan

Berdasarkan huraian yang telah dinyatakan, jelaslah bahawa melalui lima pemikiran (keagamaan, budaya, politik, pendidikan dan ekonomi) yang terkandung dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015, dapat merungkaikan permasalahan berkaitan dengan kekaburan isu pemikiran yang terkandung dalam karya-karya sastera kanak-kanak amnya cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015. Hal ini dikatakan demikian kerana penelitian terhadap lima pemikiran (pemikiran keagamaan, budaya, politik, pendidikan dan ekonomi) sememangnya merangkumi aspek dalaman karya iaitu aspek tema, persoalan, watak dan perwatakan, gaya bahasa, sudut pandang dan latar yang dapat menjadikan sesebuah karya itu bermutu, bervisi dan dapat memenuhi keperluan dan kehendak pembaca khasnya kanak-kanak.

Melalui pemaparan daripada lima pemikiran yang diketengahkan dalam sesebuah cerita, perlakuan sosial seseorang watak dapat dihuraikan dan ditentukan kesesuaian untuk membimbing dan membantu perkembangan rohani, jasmani dan pembentukan sahsiah yang baik kepada pembaca khususnya kanak-kanak. Berdasarkan hasil penelitian terhadap lima pemikiran ke atas 130 buah cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015, dapat dirumuskan bahawa cerita yang disampaikan banyak memaparkan pergolakan kehidupan dunia kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, daripada lima pemikiran yang terkandung dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 dilihat menerusi watak-watak kanak-kanak dan persoalan-persoalan yang dibangunkan dalam karya seperti pemaparan berkaitan dengan sembahyang, puasa, semangat kerjasama, kepercayaan, adat resam dan adat tradisi, pendidikan di rumah (institusi keluarga), kasih sayang sesama manusia, bersedekah (bantu orang yang dalam kesusahan) dan lain-lain lagi boleh dijadikan contoh teladan yang berguna kepada kanak-kanak pada masa kini.

Seterusnya, karya sastera khususnya cerpen kanak-kanak yang baik bukan sahaja perlu berkualiti dari aspek pemikiran dan estetikanya, malah dalam masa yang sama watak yang dikemukakan mampu menjadi modal insan yang sesuai dicontohi oleh kanak-kanak. Ternyata daripada kesemua cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang diteliti, didapati sebanyak 45% cerpen telah merangkumkan pemikiran keagamaan, sebanyak 15% cerpen pula berjaya merangkumkan pemikiran budaya, sebanyak 23% cerpen merangkumkan pemikiran pendidikan, 12% cerpen pula berjaya merangkumkan pemikiran politik dan sebanyak 5% cerpen berjaya merangkum pemikiran ekonomi. Kesemua pemikiran ini diketengahkan dalam sesebuah karya kanak-kanak adalah sebagai usaha mengangkat persoalan dan keperibadian terpuji watak kanak-kanak yang pengarang tampilkan dalam karya mereka.

Penghasilan cerpen kanak-kanak yang berkualiti amat diperlukan dalam membina jati diri kanak-kanak bagi mendepani gelombang pada masa hadapan. Oleh itu, penghasilan karya yang bermutu mampu menyumbang kepada pembinaan sahsiah kanak-kanak. Dengan pelbagai kepentingan dan kesan positif yang diperoleh daripada persoalan pemikiran bersepadu yang dikemukakan oleh pengarang dalam karya mereka, ia dapat membentuk keperibadian dan daya pemikiran kanak-kanak dengan lebih berkesan, dapat menghargai karya-karya kreatif yang telah dihasilkan, memberi penekanan aspek keagamaan dan moral, mampu mengenali adat dan budaya, dapat menyebarkan nilai- nilai kebangsaan dan seni sastera yang merupakan budaya ilmu dalam kalangan kanak- kanak.

Masyarakat yang menghasilkan sesuatu karya sama ada karya sastera atau bukan sastera mempunyai tujuan yang tertentu yang hendak disampaikan kepada ahli masyarakatnya. Melalui karya-karya yang dihasilkan, pengarang dapat menyatakan atau menyuarakan perasaan, keazaman, keinginan, pengalaman dan pengetahuan kepada masyarakat. Karya-karya kreatif, terutamanya cerpen kanak-kanak turut dilihat mempunyai tujuan tersendiri yang pengarang tampilkan untuk disampaikan kepada masyarakat. Jika ditinjau dengan lebih teliti terhadap sesuatu karya sastera kanak-kanak maka terdapat maksud yang tersirat di sebalik penghasilan karya-karya tersebut. Hal ini sinonim dengan penghasilan cerpen kanak-kanak kerana dicipta bagi memenuhi konsep sastera kanak-kanak; keperluan dan kehendak kanak-kanak serta kriteria penilaian Hadiah Sastera Perdana Malaysia itu sendiri.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, gambaran perbuatan dan tingkah laku inilah yang dapat dicontohi dan diikuti oleh pembaca dan pendengar. Sejak dahulu lagi, masyarakat Melayu mendidik anak- anak mereka melalui cerita-cerita dari karya sastera yang disampaikan pada waktu- waktu yang terluang atau sebelum tidur. Cerita-cerita ini kadangkala cuma rekaan semata-mata dan kadang kala merupakan cerita yang pernah didengar. Melalui cerpen kanak-kanak, pengarang cuba memberi nasihat kepada kanak-kanak agar menjauhi tingkah laku yang buruk dan menjadikan watak dalam cerita tersebut sebagai teladan. Amalan atau tradisi ini sungguh berkesan sehingga lahirlah karya-karya sastera yang memuatkan unsur-unsur pengajaran dan didikan moral dalamnya.

Hakikatnya, cerpen kanak-kanak dilihat menjadi media pendidikan bagi kanak-kanak masa kini tidak dapat dinafikan lagi. Sebagai media yang dapat mendekati masyarakat di seluruh pelosok lingkungan tertentu, karya-karya sastera terutama cerpen kanak-kanak dapat memainkan peranan dengan berkesan untuk menyampaikan maklumat tentang peristiwa dan kejadian serta menyampaikan amanat-amanat berkaitan dengan nilai dan moral. Oleh sebab sistem komunikasi berkembang dengan pesat pada masa ini, karya- karya sastera dapat membantu memberi kesedaran tentang nilai dan norma yang harus didukung bersama-sama demi mempertahankan ukhuwah kelompok tertentu. Unsur pendidikan itu disampaikan secara tersurat atau tersirat melalui watak-watak yang terdapat dalam cerita berkenaan.

Dalam sistem pendidikan baik secara formal mahupun secara tidak formal, cerpen kanak-kanak telah digunakan secara meluas dan lumrah. Hal ini kerana bagi seseorang yang ingin mendapatkan pelajaran, beliau tidak hanya memperolehnya melalui pendidikan yang secara formal tetapi dapat diperoleh secara tidak formal. Malahan itu, sistem pendidikan tidak formal diperoleh kanak-kanak ialah melalui teknik penceritaan yang disampaikan oleh pengarang melalui karya mereka. Cara ini juga dianggap sebagai cara yang paling ideal untuk menyampaikan pelajaran kerana manusia.

Memang tidak dapat disangkalkan lagi bahawa karya kanak-kanak ialah sebuah cerita yang dapat mendidik kanak-kanak kerana dalam setiap ceritanya banyak menyelitkan unsur-unsur nasihat, petunjuk dan pengajaran yang amat mendalam. Walaupun watak-watak yang digunakan itu ialah kanak-kanak namun segala isi tersirat dalamnya, ditujukan kepada setiap individu secara amnya. Falsafah yang dijalinkan secara halus menerusi cerita, dapat dijadikan unsur didaktik untuk difikirkan dan diambil manfaat oleh setiap masyarakat yang mendengar atau membaca cerita kanak-kanak.

Malahan itu juga, pendidikan yang dapat disampaikan melalui cerpen kanak-kanak ini adalah berbagai-bagai, misalnya untuk mengajar supaya seseorang itu tidak bersikap sombong dan tamak. Pada umumnya, sastera kanak-kanak diterima dan diharapkan dapat berfungsi sebagai alat pendidikan dan juga hiburan untuk kanak-kanak. Malah, sastera kanak-kanak juga dapat memberikan kepuasan dan pengucapan ria dan baik, inspirasi, kesedaran diri dan meningkatkan kebijaksanaan seseorang kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Selain itu, menerusi unsur-unsur pengajaran ini dapat dijadikan panduan serta pengajaran yang berguna kepada pembaca khususnya kanak-kanak. Antara unsur pengajaran tersebut ialah mengamalkan hubungan manusia dengan tuhan dan hubungan manusia sesama manusia. Mesej ini secara jelas dapat dilihat dalam sebanyak 107 buah cerpen kanak- kanak yang dikaji.

Dalam 130 buah cerpen kanak-kanak yang dikaji, unsur pengajaran yang hampir banyak diselitkan oleh pengarang ialah perihal mengamalkan sikap menghormati orang tua khususnya ibu bapa, guru dan masyarakat sekeliling menerusi aspek pemikiran keagamaan dan budaya. Selain itu, diperlihatkan juga pemikiran budaya seperti perihal menghormati adat dan budaya kaum lain dalam masyarakat. Dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang diteliti, contohnya dipaparkan watak dan perwatakan kanak-kanak yang ingin belajar adat dan budaya golongan kerabat di Raja yang diamalkan seperti amalan mandi susu, adat bersantap, adat istiadat kemangkatan dan adat memakai pakaian berwarna kuning. Memahami adat dan budaya sesuatu kaum (kerabat) dalam masyarakat (institusi beraja) amat penting dititikberatkan bagi melahirkan masyarakat yang harmoni dan saling menghormati antara satu sama lain.

Lanjutan itu, terdapat juga beberapa buah cerpen kanak-kanak pilihan yang dikaji yang memberi pengajaran kepada pembaca khasnya kanak-kanak agar menjadi seorang yang menghargai perasaan orang lain. Perihal ini penting ditanam dalam diri masyarakat khususnya kanak-kanak agar mereka dapat memahami dan menghargai perasaan individu lain yang berada di sekeliling mereka seperti keluarga, jiran tetangga, sekali gus melahirkan generasi muda yang berperibadi mulia. Antara contoh perlakuan yang menunjukkan perihal ini ialah melalui tindakan watak dan perwatakan kanak-kanak yang menunjukkan mereka boleh berkongsi kelebihan yang ada dan menghargai nilai persahabatan antara sesama mereka. Menerusi perlakuan ini menunjukkan perilaku watak kanak-kanak dalam karya ini sebagai individu yang berakhlak mulia dan berbudi bahasa terhadap orang lain.

Selain itu, unsur pengajaran yang lainnya pula ialah tuntutan untuk saling bekerjasama dan bantu-membantu dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi. Unsur pengajaran ini dapat dilihat dalam cerpen kanak-kanak pilihan yang dikaji ialah dari segi bekerjasama dan berpadu tenaga dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi. Amalan bantu-membantu dan bekerjasama yang dominan terkandung dalam cerpen kanak-kanak yang dikaji ini adalah sebanyak 37 buah cerpen sahaja. Melalui perihal ini jelas menunjukkan bahawa amalan ini sangat penting diamalkan dalam kehidupan seharian bagi melahirkan masyarakat yang penyayang dan bersatu padu.

Seterusnya, dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji, terdapat juga unsur pengajaran tentang perlunya mengamalkan gaya hidup yang sihat. Misalnya, diketengahkan pemaparan aspek pemikiran menerusi watak dan perwatakan dalam cerpen yang pemalas dan hanya suka membuang masa tanpa melakukan apa-apa kerja telah menyebabkan ibu bapa mereka marah dan membuatkan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

satu jadual harian yang perlu diikutinya. Tindakan ini bertujuan untuk memastikan kanak-kanak sentiasa mengamalkan gaya hidup yang sihat dan tidak hanya membuat kerja-kerja yang tidak berfaedah seperti menonton TV sepanjang masa. Oleh itu, jelaslah bahawa perihal amalan gaya hidup yang sihat amat penting dalam kehidupan seseorang individu kerana melalui badan yang sihat mampu melahirkan pemikiran yang cergas dan cerdas seperti kata pepatah 'Badan Sihat, Otak Cerdas.'

Pengajaran lain yang dapat diperoleh dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 ialah perihal sentiasa mengamalkan sikap amanah ketika menjalankan tanggungjawab. Dalam konteks ini, terdapatnya beberapa buah cerpen kanak-kanak yang dikaji turut memperlihatkan mengenai sikap yang tidak baik dan tidak wajar dicontohi oleh kanak-kanak lain. Antaranya ialah menerusi sikap watak dan perwatakan kanak- kanak yang menunjukkan bahawa mereka menjadi tidak amanah dalam menjalankan tanggungjawab yang diberikan kepada mereka.

Berbalik kepada cerpen kanak-kanak yang dikaji, dapat disimpulkan bahawa dalam 130 buah cerpen kanak-kanak yang diteliti, terdapat banyak sekali penerapan unsur pengajaran yang dapat dijadikan iktibar oleh pembaca melalui aspek-aspek pemikiran yang pengarang tampilkan dan melalui perlakuan sosial yang diperlihat oleh watak-watak dalam karya tersebut. Sehubungan dengan itu, kebijaksanaan pembaca menilai perlakuan yang baik dapat dicontohi, manakala perlakuan negatif yang dipaparkan seharusnya dihindari. Hal ini amat penting supaya bahan bacaan yang dibaca oleh kanak-kanak dapat menjadi pembimbing ke arah pembentukan rohani, jasmani dan sahsiah yang unggul.

Oleh yang demikian, bagi menghasilkan karya kanak-kanak yang baik, pengarang perlu menampilkan pemikiran yang dapat memenuhi kisah kemanusiaan yang berhemah tinggi dengan watak-watak yang berdedikasi, gigih, mempunyai pegangan dan keyakinan dalam memperjuangkan kehidupan serta mempunyai mutu sastera yang baik seperti memenuhi konsep sastera kanak-kanak dan memenuhi keperluan psikologi kanak-kanak. Dengan itu barulah dikatakan sastera kanak-kanak yang murni dan sesuai untuk tatapan para kanak-kanak.

Tuntasnya, usaha untuk menelusuri sastera kanak-kanak khasnya cerpen kanak-kanak perlu diberi perhatian dan penekanan bagi memantapkannya. Hal ini kerana perlunya mempunyai kayu ukur atau panduan bagi rujukan individu, kelompok dan institusi tertentu yang terbabit atau yang mempunyai kepentingan dalam penciptaan, penerbitan dan pemilihan teks yang relevan. Oleh itu, cerpen kanak-kanak perlu sentiasa dipertingkatkan dari segi aspek pemikiran yang bermutu, bervisi dan dapat memenuhi keperluan psikologi kanak-kanak di dalam karya tersebut demi masa depan Sastera Kanak-kanak Malaysia.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

BAB 5

RUMUSAN

5.1 Pengenalan

Dalam bab ini, pengkaji menerangkan secara keseluruhan mengenai kesimpulan yang diperoleh hasil daripada analisis yang dibuat dalam bab yang sebelumnya. Selain itu juga, pengkaji turut memberikan rumusan yang berkaitan dengan setiap bab iaitu dari bab 1 hinggalah ke bab 4. Melalui rumusan yang terhasil ini juga dapat memberi satu penilaian yang penting kepada kajian secara rasional, bernas dan intektual. Selain itu, dalam bab ini pengkaji turut memberikan beberapa cadangan serta pandangan yang berkaitan dengan kajian yang telah dijalankan.

5.2 Rumusan Keseluruhan

Analisis pengkaji berasaskan lima aspek pemikiran yang terkandung dalam cerpen kanak-kanak dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji iaitu pemikiran daripada perspektif keagamaan, budaya, politik, pendidikan dan ekonomi, merumuskan bahawa tidak sepenuhnya kumpulan cerpen kanak-kanak yang dikaji memiliki pemikiran yang dapat memenuhi konsep sastera kanak-kanak, memenuhi peringkat keperluan kanak-kanak dan memenuhi kriteria penilaian HSPM. Secara amnya, untuk menjelaskan dan mendefinisikan kesusasteraan kanak-kanak memerlukan penelitian yang teliti. Kesusasteraan kanak-kanak menjadi sesuatu istilah yang amat subjektif kerana banyak pandangan daripada pengkaji tentang bahan sastera ini. Salah satunya ialah kesusasteraan kanak-kanak ini telah ditambah dengan nilai yang 'baik' bagi memisahkannya dengan sastera yang lain. Malahan, perkataan sastera itu sendiri mempunyai penilaian dan penelitian kualiti. Nilai atau kualiti tinggi berhubungan dengan standard kesusasteraan; idea-idea yang mendalam; serta plot dan watak yang sentiasa diingati. Oleh itu, standard yang tinggi bergantung kepada kualiti yang tinggi. Kesusasteraan kanak-kanak juga merujuk kepada konsep yang sangat abstrak dan sarat dengan nilai dan tanggapan yang bernilai.

Hal ini bermakna, kesusasteraan kanak-kanak ditulis khas untuk kanak-kanak dan lazimnya dibaca oleh kanak-kanak dan mempunyai ciri-ciri tertentu yang akan membezakannya dengan kesusasteraan lain. Sesebuah karya sastera kanak-kanak yang baik menepati ciri-ciri tertentu iaitu pengalaman seseorang pengarang yang menulis berkenaan perspektif dan pemikiran kanak-kanak berdasarkan perkembangan psikologi kanak-kanak. Dengan kata lain, pengarang akan mengarang karya mengikut perkembangan kanak- kanak dari pelbagai sudut. Merujuk kepada kajian pengkaji, pengkaji mendapati daripada 130 buah cerpen kanak-kanak dari yang dikaji dilihat hampir 50 buah cerpen sahaja yang berjaya memenuhi konsep sastera kanak-kanak iaitu sesuai dengan pemikiran dan perkembangan psikologi kanak-kanak melalui pemaparan watak dan perwatakan. Jalinan cerita dan tema pula mengetengahkan dunia

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

pemikiran kanak-kanak iaitu berkaitan dengan kehidupan sehari-harian kanak-kanak semasa berada di rumah, di sekolah dan sebagainya lagi. Seterusnya ialah aspek pemikiran melalui pemaparan plot yang mudah. Maksud kepada plot yang mudah ialah perjalanan dan perkembangan jalinan cerita dalam sesebuah karya itu amatlah mudah dan tidak terlalu kompleks dengan pelbagai konflik yang sulit. Hal ini bertujuan untuk tidak mengganggu emosi dan tumpuan kanak-kanak apabila menghayati sesebuah karya.

Pengarang kumpulan cerpen kanak-kanak yang dikaji juga dilihat telah berjaya memasukkan elemen seperti emosi, imaginasi dan keperibadian mulia kanak-kanak ke dalam karyanya itu. Melalui cerpen-cerpen yang dikaji, jelas menunjukkan bahawa pengarang berjaya mengetengahkan pemikiran dan perkembangan psikologi kanak-kanak melalui aspek bermain. Secara realitinya, kanak-kanak sangat cenderung dengan aktiviti bermain dan ini turut bertepatan dengan peringkat keperluan dan kehendak kanak-kanak yang berkait dengan peringkat penyempurnaan kendiri. Dalam kehidupan seharian kanak-kanak, mereka suka bermain tidak kira bermain bersama-sama kawan- kawan ataupun secara bersendirian. Oleh itu, bertepatan dengan kajian pengkaji yang mendapati kumpulan cerpen kanak-kanak yang dikaji ini sepenuhnya mengetengahkan lima aspek pemikiran iaitu pemikiran berpaksikan kepada aspek keagamaan, budaya, pendidikan, politik dan ekonomi yang dapat memenuhi konsep sastera kanak-kanak iaitu sesuai dengan pemikiran dan perkembangan psikologi kanak-kanak.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Berbalik kepada kajian pengkaji, plot dalam kumpulan cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji didapati menggunakan plot yang mudah. Hal ini dapat dibuktikan menerusi beberapa contoh petikan yang dinyatakan daripada cerpen- cerpen yang dikaji. Secara umumnya, plot ialah jalinan kepada sebab dan akibat yang menghubungkan sesuatu peristiwa dalam sesebuah cerita. Binaan plot pula terdiri daripada bahagian pengenalan, pertengahan dan pengakhiran. Berdasarkan kesemua kumpulan cerpen yang telah dianalisis, dapatan menunjukkan bahawa jalinan plot yang ringkas dan sederhana sekali gus dapat memudahkan pemahaman kepada orang yang mendengar atau membaca cerita tersebut amnya kanak-kanak.

Seterusnya, melalui analisis kajian terhadap 130 buah cerpen kanak-kanak, pengkaji mendapati unsur didaktik atau pengajaran yang menyeronokkan kanak-kanak sangat dititikberatkan dengan kelima-lima aspek pemikiran (keagamaan, budaya, politik, pendidikan dan ekonomi) yang dikaji dalam setiap karya. Kesusasteraan merupakan satu cara yang mudah dan universal untuk mendidik manusia. Oleh itu, kesusasteraan berkait dengan cerita dan manusia pula suka akan cerita, jadi pendidikan dapat diberikan dengan mudah dan berkesan melalui karya-karya kesusasteraan. Cerita-cerita yang mengandungi nilai moral dan unsur pengajaran dapat mengajar manusia untuk mencontohi watak- watak yang terdapat dalam sesuatu cerita itu khususnya cerpen kanak-kanak. Hanya melalui cerita, tingkah laku benda hidup seperti manusia dan haiwan dapat digambarkan dengan meluas dan terperinci.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi


Rentetan daripada analisis kajian yang dilakukan maka didapati bahawa kelima-lima aspek pemikiran yang terkandung dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 (keagamaan, budaya, politik, pendidikan dan ekonomi) telah memberi kesan positif terhadap tingkah laku dan pemikiran kanak-kanak malah, dapat memenuhi keperluan psikologi kanak-kanak menerusi analisis terhadap model keperluan kanak-kanak (gabungan janaan teori Maslow dan teori Hashim Awang). Secara keseluruhannya dapat dirumuskan bahawa setiap pencarian bagi objektif pengkaji telah menemui matlamat dan terlaksana dengan sepenuhnya. Malah, satu penemuan baharu terhasil daripada kajian ini iaitu terhasilnya model keperluan kanak-kanak (gabungan janaan teori Maslow dan teori Hashim Awang). Hal ini kerana terdapatnya penambahbaikkan untuk menyesuaikan teori Maslow yang merupakan teori dari Barat dengan kajian pengkaji yang lebih memperlihatkan kepada pemikiran pengarang tempatan. Justeru, kajian ini dilihat dapat membantu pengkaji-pengkaji akan datang untuk cuba menggunakan model keperluan kanak-kanak yang dihasilkan ini di dalam kajian seterusnya.

Berdasarkan analisis terhadap pemikiran dalam 130 buah cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015, didapati aspek pemikiran yang dominan diketengahkan oleh pengarang ialah pemikiran keagamaan dan pemikiran pendidikan. Pemikiran keagamaan dan pemikiran pendidikan telah digarap oleh pengarang dalam cerpen kanak-kanak pilihan yang dikaji, namun aspek ini dilihat tidak menyeluruh diketengahkan. Walau bagaimanapun, hal seumpama ini dianggap sebagai satu cara yang baik untuk mendekatkan dan mendedahkan kepada kanak-kanak mengenai pemikiran keagamaan dan pendidikan. Sebagai contoh, perihal sembahyang, puasa, menuntut ilmu dan sedekah ada dinyatakan dalam beberapa buah cerpen yang dikaji, namun ia hanya terdapat menerusi karya yang diterbitkan oleh syarikat penerbitan yang berpegang kepada tema keagamaan seperti Ana Muslim dan PTS Sdn. Bhd. Malah, kebanyakan aspek pemikiran keagamaan ini disampaikan menerusi unsur-unsur pengajaran yang terkandung dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015 yang dikaji.

Rajah 16 menunjukkan pemikiran yang paling dominan di setiap peringkat keperluan yang terdapat dalam pendekatan Hierarki Keperluan Manusia. Didapati bahawa daripada kelima-lima aspek pemikiran yang terdapat dalam cerpen kanak-kanak pilihan dari tahun 2012 sehingga 2015, pemikiran keagamaan dengan keperluan kasih sayang adalah keperluan dan aspek pemikiran yang paling dominan. Hal ini boleh dirujuk dalam jadual di bawah;

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi



Rajah 16 : Bilangan Cerpen Kanak-Kanak Yang Dikaji Paling Dominan Dengan Pemikiran Dan Keperluan Kanak-Kanak

5.3 Cadangan

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Di bahagian ini, pengkaji menyatakan beberapa cadangan yang dirasakan boleh dilakukan dan dilaksanakan oleh pelbagai pihak yang berkaitan. Antara cadangan yang dikemukakan untuk pihak seperti:-

5.3.1 Ibu bapa

Sudah dibuktikan melalui kajian-kajian sarjana dalam negara dan luar negara mengenai kanak-kanak yang didedahkan dengan bahan bacaan di rumah akan lebih bersedia menerima instruksi pengajaran di sekolah kelak dan mereka mempunyai minat terhadap pembacaan. Oleh itu, ibu bapa perlu memainkan peranan penting bagi memupuk minat membaca dalam kalangan anak mereka khususnya melibatkan karya-karya sastera seperti cerpen dan novel.

Kanak-kanak pada zaman ini sudah tidak berminat untuk membaca bahan bacaan yang berfaedah untuk diri mereka kerana kebanyakan mereka lebih gemar menghabiskan masa lapang dengan bermain dan menonton televisyen. Sehubungan dengan itu, amatlah perlu bagi ibu bapa untuk membacakan buku kepada anak-anak mereka sebagai rutin harian (seperti sebelum waktu tidur) semenjak kanak-kanak kecil lagi. Hal ini bertepatan dengan pendapat Hasnita (2014: 29), mendapati variabel motivasi ibu bapa mempunyai hubungan signifikan dengan aspirasi pendidikan anak. Sikap

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

seseorang anak itu dikatakan menyerupai sikap ibu bapa mereka. Oleh itu, peranan ibu bapa amat penting dalam menentukan pembelajaran anak yang berjaya. Pendapat ini sejajar dengan pandangan Wright, N. D, Wylie-Rosett, J., Lukoscheck, P., Moadel, A. B., & Soroudi, 2007: 53) yang menyatakan bahawa *"...the attitudes of children are almost always the attitudes of their parents also, so that it could be said that the parents do much to determine the lack of success of their children in learning..."*

Selain itu juga, ibu bapa hendaklah menyemaikan tabiat suka membaca terhadap anak-anak mereka. Tabiat ini harus ditanamkan sejak kecil lagi bak kata pepatah, "kalau hendak melentur buluh biarlah dari rebungnya". Dalam hal ini, ibu bapa perlu menyediakan bahan bacaan yang bersesuaian untuk kanak-kanak. Sebagai contohnya, ibu bapa hendaklah mewujudkan perpustakaan mini di rumah untuk menggalakkan anak-anak membaca. Apabila anak selalu membaca, mereka akan menjadi seronok lalu menjadikan amalan membaca sebagai hobi, seumpama pepatah Melayu yang berbunyi 'alah bisa tegal biasa'.

Seterusnya, ibu bapa juga harus menanamkan sikap suka membaca dalam diri sendiri sebagai contoh teladan yang berguna kepada kanak-kanak. Maksudnya, apabila kanak- kanak melihat ibu bapa mereka suka membaca, maka anak-anak juga akan terpengaruh untuk mengikut jejak langkah ibu bapa mereka itu. Misalnya, ibu bapa yang tidak suka membaca dan hanya menggalakkan anak-anak mereka membaca dianggap bagai ketam mengajar anaknya berjalan dengan betul. Oleh yang demikian, ibu bapa semestinya menjadi contoh yang terbaik kepada kanak-kanak dengan menjadikan amalan membaca sebagai hobi dan rutin harian di rumah. Hal ini dilihat selari dengan pepatah yang membawa maksud; bagaimana acuan begitulah kuihnya.

Malahan, ibu bapa juga disarankan untuk mengadakan program membaca bersama-sama dengan semua ahli keluarga pada hujung minggu. Jika semua keluarga mempunyai masa menonton televisyen bersama, tetapkan juga sedikit masa untuk semua ahli keluarga membaca bersama-sama kerana aktiviti membaca sangat penting dalam kehidupan seseorang.

